

Sebarkan Kebenaran–Mu:
Catatan–Catatan Ke Atas
Novel
Sebarkan Cinta–Mu

Hafiz Firdaus Abdullah

Judul:

Sebarkan Kebenaran-Mu:

Catatan-Catatan Ke Atas Novel *Sebarkan Cinta-Mu*

Penulis:

Hafiz Firdaus bin Abdullah

hafizfirdaus@hotmail.com

www.hafizfirdaus.com

SMS: 019-384 8467

© Hafiz Firdaus Abdullah.

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2014

Penerbit:

Perniagaan Jahabersa

15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,

81200 Johor Bahru,

Johor Darul Takzim,

Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605

Fax: 07-235 1603

<http://www.jahabersa.com.my>

Kandungan

Kepentingan Rujukan Hadis	13
Perancangan Kewangan Bagi Yang Ingin Berpoligami	16
Kisah Ariffin, Kamaruddin Dan Taufik	21
Menukar Daun Pintu Rumah	26
Berbahagiaalah Insan-Insan Luar Biasa (I)	36
Berbahagiaalah Insan-Insan Luar Biasa (II)	44
Menyemak Kisah Nabi Ibrahim, Sarah Dan Hajar	51
Semakan Dari Sudut Sanad	
Semakan Dari Sudut Matan	
Semakan Dari Sudut Kewujudan	
Dalam Kitab Para Ulama'	
Semakan Terjemahan	
Kesimpulan	
Kisah Nabi Ibrahim Dan Hajar	69
Pesan Al-Qardawi Kepada Para Da'e	76

Tugas Seorang Pendakwah Di Jalan Allah 83

Yodong, Harris Dan Ibrahim

Berbicara Tentang Poligami 94

Kehebatan Bukan Syarat Poligami

Kemampuan Hati Mencintai Lebih
Dari Satu

Kefasihan Dan Kemerduan
Dalam Berbicara

Kemampuan Hati Bersikap Adil
Dalam Cinta

Poligami Tidaklah Sukar Dan
Memberatkan

Berminat Dengan Poligami

Poligami Termasuk Soal Iman

Memisah-misahkan Antara
Monogami dan Poligami

Erti Cinta Yang Sebenar

Suami Yang Halus Lagi Romantik

Poligami Kerana Memuaskan Nafsu

Masyarakat Memandang Serong
Kepada Poligami

Isteri Masuk Syurga Tanpa Suami
 Beberapa Kumpulan Orang Beriman
 Di Akhirat Kelak
 Suami Menanggung Dosa Isteri?
 Isteri Menjadi Ketua Bidadari Di Syurga?
 Suami Isteri Di Tingkatan Syurga Yang
 Berbeza

Menyemak Sebab Turun Ayat Poligami 161

**Keterangan Aisyah Tentang
 Sebab Turun Ayat Poligami 166**

**Pandangan *Sebarkan Cinta-Mu*
 Terhadap Pengamal Poligami 171**

**Mentauhidkan Allah
 Dalam Urusan Cinta (I) 173**

**Mentauhidkan Allah
 Dalam Urusan Cinta (II) 178**

**Benarkah Rasulullah Ingin
 Menceraikan Saudah? 183**

Hadis Sahih Berkenaan Saudah
 dan Ayat 128 Surah al-Nisa'
 Sebab Lain Bagi Penurunan Ayat
 128 Surah al-Nisa'

Menyemak Tertib Keutamaan	
Poligami Dan Monogami	194
Nasihat Kepada Suami	
Yang Ingin Berpoligami	203
Petua Bagi Suami Yang	
Ingin Berpoligami	
Benarkah Fatimah Tidak Rela Dimadukan?	212
Catatan Tambahan:	
Ali Pernah Memadukan Fatimah.	
Nasihat Kepada Isteri Yang	
Tidak Rela Dimadukan	226
Menyemak Latarbelakang	
Kes Tsabit Bin Qais	235
Catatan Tambahan I:	
Beberapa Nama Isteri Tsabit bin Qais	
Catatan Tambahan II:	
Di Antara Kebaikan Dan Keburukan	
Nasihat Kepada Isteri Yang	
Ingin Menuntut Cerai	252

Maisarah Menasihati

Zaitun Tentang Poligami

255

Umur Isteri-Isteri Rasulullah

Isteri-Isteri Rasulullah Dari
Kalangan Hamba

Wanita Daripada Bangsa al-Ghifar

Sunnah Berpoligami Dengan
Gadis Dan Janda

Monogami Dan Poligami:
Yang Manakah Sunnah?

Mana Lebih Utama, Gadis Atau Janda?

Sikap Isteri Kepada Suami
Yang Ingin Berpoligami

Benarkah Rasulullah Berpoligami
Kerana Dakwah?

Rasulullah Sehebat 30 Orang Lelaki

Faktor Berkenan Dalam Berpoligami

Kritikan Terhadap Poligami

Tips Untuk Suami Yang
Ingin Berpoligami

Bimbang Suami Tidak Berlaku Adil	
Menjelaskan Konflik	
Poligami Rasulullah (I)	
Menjelaskan Konflik	
Poligami Rasulullah (II)	
Menjelaskan Konflik	
Poligami Rasulullah (III)	
Menjelaskan Konflik	
Poligami Rasulullah (IV & V)	
Menjelaskan Konflik	
Poligami Rasulullah (VI)	
Pengurusan Cemburu	
Pandangan <i>Sebarkan Cinta-Mu</i>	
Terhadap Poligami Rasulullah	345
Katakan: Poligami Itu Sunnah	347
Gigitlah Dengan Gigi Geraham...	
Mak Cik Membalas Catatan Remaja	364
Ulama': Antara Tauhid Dan Syirik	
Benarkah Rasulullah Melarang	
Semua Puterinya Dimadukan?	375

Benarkah Fatimah Lebih Rela	
Diceraikan Daripada Dimadukan?	388
Menyemak Kata-Kata	
Sebenar Imam Al-Nawawi	393
Dua Kata-Kata Emas Untuk Dihafal	408
Katakan: Poligami Itu Sunnah Dan Sunat	410
Mentauhidkan Allah	
Dalam Urusan Cinta (III)	423
Menyemak Kata-Kata Sebenar	
Ibn Al-Qayyim Tentang	
Penunggalan Cinta	431
Menyemak Hadis Asma' Binti Yazid	453
Menyemak Hadis	
Umm Hani' Binti Abu Thalib	457
Hadis Yang Sahih Dalam Bab Ini	
Menyemak Hadis Umar Dileteri Isterinya	465
Menyemak Hadis Persyaratan <i>Ta'liq</i>	475
Menyemak Kata-Kata	
Sebenar Wahbah Al-Zuhaili	480
Menyemak Kisah Fatimah	
Dilamar Abu Bakar Dan Umar	486

Ustaz Syukur Bertanya Tentang Poligami 488

Lima Tafsiran Dalam *Fath al-Bari*

Poligami Dan Iman

Poligami Dan Durian

Poligami Dan Hukum Berburu

Poligami Dan *Shighat al-Amr*

Poligami Dan Hukumnya Di Sisi
Para Ulama' Terdahulu

Poligami Dan Hukumnya Di Sisi
Para Ulama' Masa Kini

Bertanyalah Kepada Ahli Zikr

Terima Kasih...

554

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Apabila pihak penganjur K Fiqh Wanita menjemput saya untuk berforum dengan Ustazah Fatimah Syarha berkenaan poligami pada 20 Jan 2013, saya menyambut baik jemputan tersebut. Salah satu persediaan saya sempena forum tersebut ialah membeli novel karangan beliau yang berjudul *Sebarkan Cinta-Mu*. Jemputan disampaikan kepada saya pada lewat November 2012 dan pada awal Disember 2012, saya telah membeli dan memulakan bacaan saya.

Jika pada kebiasaannya sebuah novel dapat dihabiskan dalam masa beberapa hari, novel *Sebarkan Cinta-Mu* pula saya ambil masa lebih sebulan untuk menghabiskannya. Saya tidak membacanya seperti novel biasa, tetapi mengkajinya dan melakukan catatan-catatan di sisinya.

Apakah yang saya catat?

Jemputlah mengkaji buku ini bagi mengetahuinya. Jangan sekadar membaca dengan pantas, tetapi kajilah ia perlahan-lahan. Jika ada manfaat maka ambillah dan sebarkanlah ia. Jika ada kekurangan dan kesilapan maka perbetulkanlah dan sebarkanlah ia kepada saya melalui emel.

Satu nota penting, yang menjadi tumpuan saya ialah

novel *Sebarkan Cinta-Mu* dan bukan pengarangnya Ustazah Fatimah Syarha. Buku ini saya tulis dengan pengetahuan beliau dan telah saya emelkan kepada beliau sebelum dihantar kepada penerbit. Oleh itu jika saya mengkritik, kritikan saya ditujukan kepada novel *Sebarkan Cinta-Mu* dan bukannya Ustazah Fatimah Syarha. Setiap penulis memiliki ilmu, metodologi, gaya penyampaian dan cabaran tersendiri yang perlu kita raikan.

Nota kedua, novel *Sebarkan Cinta-Mu* membicara banyak perkara. Namun tidak dapat dinafikan bahawa banyak tumpuan diberikan kepada poligami. Justeru catatan-catatan saya juga banyak ditumpukan kepada apa yang berkaitan dengan poligami dari novel tersebut. Di samping itu saya juga menambah beberapa penjelasan yang rapat berkaitan dengan perbahasan buku ini.

Apabila saya menulis *Sebarkan Cinta-Mu* 52 atau SCM 52, ia bererti novel *Sebarkan Cinta-Mu* (cetakan ke-6, tahun 2012), mukasurat 52.

Akhir kata saya berdoa kepada Allah *Subhanahu waTa'ala* agar buku ini menjadi sesuatu yang bermanfaat dalam rangka menyebarkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan kita tentang Allah, Rasulullah dan ilmu-ilmu yang berkaitan agama Islam yang kita kasihi ini.

Hafiz Firdaus bin Abdullah

8 Feb 2013

Kepentingan Rujukan Hadis

Perkara pertama yang menarik perhatian saya dalam novel *Sebarkan Cinta-Mu* 8:

Rasulullah SAW berkata, “(Kadangkala) ada orang yang berpakaian lusuh, rambut tidak terurus, kerap dihalau sekiranya menjenguk di pintu rumah orang, namun kalau dia bersumpah atas nama Allah pasti Allah akan memakbulkan pemintaannya (kerana martabatnya di sisi Allah).”

Hadis ini sahih, dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4754/2622 (*Kitab al-Birr wa al-Solah wa al-Adab, Bab Keutamaan orang yang lemah dan tidak masyhur*). Ia juga dikemukakan oleh al-Nawawi *rahimahullah* dalam *Riyadh al-Shalihin*, hadis no: 257 (*Bab Keutamaan orang yang lemah, miskin dan tidak masyhur*). Teks Arabnya seperti berikut:

رُبَّ أَشْعَثَ مَذْفُوعٍ بِالْأَبْوَابِ لَوْ أَقْسَمَ عَلَى اللَّهِ لِأَبْرَةٍ.

Hadis ini dikemukakan dalam *Sebarkan Cinta-Mu* tanpa rujukannya. Ini adalah satu cabaran yang dihadapi dengan sebahagian penerbit di mana mereka enggan membenarkan rujukan hadis dikemukakan oleh penulis. Alasan yang diberikan ialah kononnya rujukan hadis akan mengganggu kesantiaian bacaan atau menyebabkan pembaca merasakan ia adalah

sebuah bahan bacaan yang berat.

Alasan ini tidak dapat diterima kerana:

1. Penerbit memiliki tanggungjawab kepada pembaca untuk menyampaikan ilmu berdasarkan disiplin yang benar.
2. Penerbit memiliki peranan menaikkan tahap ilmu pembaca kepada sesuatu yang memiliki rujukan. Ini secara tidak langsung akan membiasakan para pembaca menerima dalil-dalil agama berdasarkan rujukan dan bukannya perkataan orang ramai.
3. Rujukan hadis boleh disampaikan secara ringkas dan ini tidak akan mengganggu kesantiaian atau keringanan bahan bacaan.
4. Jika ayat-ayat al-Qur'an boleh diberikan rujukan surah dan nombor ayat, maka hadis-hadis juga sepatutnya boleh diberikan rujukan kitab dan nombornya.

Antara pilihan yang ada bagi menyatakan rujukan hadis ialah melakukannya secara ringkas, umpama: (*Shahih Muslim*, 4754). Pilihan lain ialah membuat sebuah bab khas di akhir buku di mana hadis-hadis disenaraikan semula mengikut tertib abjad atau tertib ia dikemukakan, lalu diberikan rujukan bagi setiap hadis tersebut. Jika ini masih tidak diizinkan oleh penerbit, maka syarikat penerbitan tersebut tidak layak

menjadi pilihan mana-mana penulis yang bertanggungjawab.

Merujuk kepada novel *Sebarkan Cinta-Mu* secara keseluruhannya, didapati sebahagian hadis diberikan rujukannya, sebahagian lagi tidak diberikan rujukan dan segelintir lain diberikan rujukan yang salah. Diharapkan perkara ini dapat dibetulkan dan diseragamkan pada cetakan akan datang.

Perancangan Kewangan Bagi Yang Ingin Berpoligami

Sebarkan Cinta-Mu mukasurat 25 dan seterusnya mengisahkan Pak Hassan yang ingin mendaftarkan puterinya Sarra di sebuah IPTS (Institut Pengajian Tinggi Swasta), namun tidak mampu membayar kos pendaftarannya. Pak Hassan yang bekerja sebagai seorang guru sekolah rendah, memiliki dua orang isteri dan 15 orang anak. Semua ini memberikan beban kewangan yang tinggi kepada Pak Hassan.

Senario di atas adalah sesuatu yang benar-benar berlaku kepada sebahagian suami yang berpoligami. Dalam rangka hendak menikah lagi, mereka tidak melakukan perancangan kewangan yang sebaiknya. Bahkan ada yang menikah lagi tanpa memikirkan langsung berkenaan pengurusan kewangan.

Para suami mesti mengetahui bahawa mereka bertanggungjawab untuk menyediakan nafkah kepada ahli keluarga meliputi tempat tinggal, pakaian, makan minum, kesihatan, pendidikan dan lain-lain keperluan asas keluarga. Memang, nafkah adalah sekadar kemampuan suami dan Islam tidak meletakkan batas minima bagi nafkah ini. Namun bagi suami yang ingin berpoligami, dia perlu memastikan wujud keadilan dalam pemberian nafkah kepada kedua-dua keluarga.

Secara kasarnya jika seorang suami ingin menikah lagi, dia mesti memastikan bahawa dia memiliki kemampuan kewangan dua kali ganda daripada apa yang menjadi belanja bulannya untuk keluarga sedia ada. Agar para pembaca dapat memahami perkara ini dengan lebih baik, berikut dikemukakan belanja bulanan bagi Encik Ariffin sebagai satu contoh.

Ariffin berhajat untuk menikah lagi. Buat masa ini, belanja bulanan Ariffin untuk isteri sedia ada dan dua orang anak adalah seperti berikut:

- Pinjaman rumah RM1000
- Pinjaman kereta RM700
- Insuran perubatan sendiri RM200
- Insuran perubatan isteri RM200
- Insuran pendidikan anak RM400 (RM200 x 2 anak)
- Belanja dapur RM1000
- Minyak kereta (petrol) RM200
- Bil elektrik RM100
- Bil air RM10
- Bil Astro RM60
- Bil Celcom sendiri RM68

- Bil DiGi isteri RM48
- Elaun isteri RM500
- Tabung kecemasan RM300

Semua di atas berjumlah RM4786 sebulan. Sementara itu, pendapatan Ariffin yang bersih, yakni selepas ditolak cukai pendapatan, KWSP dan bayaran balik PTPTN ialah RM6000. Seandainya Ariffin hendak menikah lagi, dia mesti memiliki pendapat bersih bulanan melebihi $RM4786 \times 2 = RM9572$. Jangan lupa bahawa jumlah ini perlu juga mengambil kira kadar inflasi purata 5% setiap tahun.

Jumlah perbelanjaan bulanan digandakan (darab dua) kerana Ariffin hendaklah mampu menyediakan nafkah perbelanjaan untuk bakal keluarga keduanya pada taraf yang hampir sama dengan keluarga sedia ada.

Memang, keadilan di dalam poligami bukan bermaksud sama rata, tetapi bermaksud setiap keluarga mendapat haknya. Namun jika Ariffin hendak menikah lagi, dia mestilah memiliki perancangan kewangan yang sewajarnya. Formula perbelanjaan bulanan keluarga sedia ada darab dua adalah panduan kasar yang dapat membantu.

Mungkin Ariffin berhajat untuk menikahi seorang gadis yang masih belum memiliki anak sehingga dengan itu belanja dapur dan insuran pendidikan dapat dikurangkan. Namun

Ariffin perlu ingat dalam masa terdekat dia juga akan memiliki anak daripada isteri kedua tersebut. Maka perbelanjaan anak hendaklah diambil kira sejak awal.

Selain itu Ariffin hendaklah juga memiliki jumlah simpanan wang yang cukup bagi memulakan kehidupan baru dengan isteri keduanya. Perbelanjaan diperlukan untuk kos perkahwinan (mas kahwin, wang hantaran, dulang-dulang hantaran, majlis walimah), bayaran pendahuluan rumah baru, perkakas asas rumah dan bayaran pendahuluan kereta baru. Kemungkinan besar Ariffin juga memerlukan sebuah kereta untuk dirinya sendiri agar mudah bergerak (bergilir) di antara rumah pertama dan kedua. Kos kereta ketiga ini hendaklah juga diambil kira dalam perancangan kewangan Ariffin.

Berdasarkan pendapatan bersih bulanan RM6000, tidak digalakkan bagi Ariffin untuk menikah lagi. Ini kerana jika Ariffin tetap menikah lagi, dia tidak akan dapat berlaku adil dari sudut kewangan kepada isteri keduanya. Jika Ariffin melebihi nafkah bulanan agar mencukupi untuk isteri kedua, dia akan menzalimi isteri pertama kerana terpaksa mengurangkan apa yang pada asalnya agak minimum. Kes Ariffin duduk dalam firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

فَإِنْ حَفِظْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ

أَلَّا تَعُولُوا.

Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman. [al-Nisa' 4:03]

Contoh berkenaan Ariffin di atas bukanlah untuk menakut-nakutkan para pembaca yang ingin berpoligami. Akan tetapi ia adalah hakikat sebenar perancangan kewangan yang mesti diperhatikan apabila ingin bernikah lagi. Dalam sebahagian kes, ada suami yang perbelanjaan bulanannya dibantu oleh isteri. Namun perlu diingatkan bahawa bantuan isteri adalah di atas budi bicaranya dan tidak boleh dipaksa.

Bagi para wanita yang sedang mempertimbang menjadi isteri kedua, ketiga dan keempat, mereka hendaklah memastikan bakal suami memiliki perancangan kewangan yang betul lagi cukup seumpama contoh di atas. Ini adalah antara soalan yang mesti ditanya dan diperoleh jawapan yang meyakinkan sebelum bernikah.

Kisah Ariffin, Kamaruddin Dan Taufik

Contoh yang saya berikan di atas tentang belanja bulanan didarab dua bagi menentukan mampu atau tidak menikahi isteri kedua dari sudut kewangan, hanyalah sebagai satu panduan kasar. Apa yang benar, kemampuan kewangan bergantung kepada banyak faktor lain seperti keyakinan kepada Allah sebagai *al-Razzaq* (yang memberikan rezeki), keberkatan harta, sifat *qana'ah* (merasa cukup) ahli-ahli keluarga dan pengurusan kewangan.

Marilah kita banding kes Ariffin dengan beberapa rakan kerjanya yang lain. Kamaruddin, ketua di jabatan Ariffin, memperolehi pendapat bersih setiap bulan sebanyak RM10,000. Beliau yang hanya memiliki seorang isteri dan seorang anak kerap kali merasa RM10,000 itu tidak cukup. Hampir setiap hujung bulan duit sudah “kering” dan dia mengira hari bilakah gaji baru akan masuk. Bahkan pernah sebelum ini Kamaruddin beberapa kali meminjam duit daripada Ariffin.

Berbeza pula dengan Taufik yang bekerja di bawah Ariffin. Pendapatan bersih beliau setiap bulan ialah RM3000. Namun beliau berpoligami dengan dua orang isteri. Daripada isteri pertama beliau memiliki tiga orang anak sementara daripada isteri kedua beliau memiliki dua orang anak. Ketika

Taufik ingin berpoligami, beliau pada mulanya bimbang permohonannya tidak akan diluluskan oleh hakim. Ini kerana syarat poligami di negerinya menyatakan pendapatan minimum RM4000 sebulan. Namun ketika perbicaraan, isteri Taufik yang sedia ada dan calonnya isterinya (ketika itu) menyatakan persetujuan mereka untuk hidup sekadar apa yang mampu dinafkahkan oleh Taufik. Ini memuaskan budi bicara tuan hakim hingga akhirnya beliau memberikan kelulusan untuk Taufik berpoligami.

Oleh itu dalam rangka mempertimbangkan kemampuan dari sudut kewangan, hendaklah diambil kira faktor keyakinan kepada Allah sebagai *al-Razzaq* (yang memberikan rezeki), keberkatan harta, sifat *qana'ah* (merasa cukup) ahli-ahli keluarga dan pengurusan kewangan. Bahkan faktor-faktor ini sebenarnya lebih penting daripada angka-angka RM400, RM4000 atau RM40,000.

Berkenaan Allah *Subhanahu waTa'ala* sebagai *al-Razzaq*, Allah berfirman:

إِنَّ رَبَّكَ يُبْسِطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ إِنَّهُ كَانَ بِعِبَادِهِ خَبِيرًا
بَصِيرًا.

**Sesungguhnya Tuhanmu melapangkan rezki
kepada siapa yang Dia kehendaki dan**

menyempitkannya; sesungguhnya Dia Maha Mengetahui lagi Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya. [al-Isra' 17:30]

Berkenaan keberkatan harta, ia pernah diterangkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada seorang sahabat yang bernama Hakim bin Hizam *radhiallahu 'anh*:

يَا حَكِيمُ! إِنَّ هَذَا الْمَالَ خَضِرَةٌ حُلْوَةٌ فَمَنْ أَخَذَهُ بِسَخَاوَةِ نَفْسٍ
بُورِكَ لَهُ فِيهِ وَمَنْ أَخَذَهُ بِإِشْرَافِ نَفْسٍ لَمْ يُبَارَكْ لَهُ فِيهِ كَالَّذِي يَأْكُلُ وَلَا
يَشْبَعُ. الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى.

Wahai Hakim! Sesungguhnya harta ini hijau dan manis (amat indah dan menarik perhatian manusia). Maka sesiapa yang mengambilnya dengan jiwa yang lapang, diberkati baginya harta itu. Sesiapa yang mengambilnya dengan jiwa yang sesak, tidak diberkati baginya harta itu sebagaimana orang yang makan namun tidak kenyang. (Ketahuilah) tangan di atas (yang memberi) adalah lebih baik daripada tangan di bawah (yang meminta-minta).¹

¹ Sahih: Sebahagian dari hadis panjang yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 1379/1472 (*Kitab al-Zakat, Bab menahan diri dari meminta-minta*).

Nota: Dalam buku ini, sumber-sumber rujukan yang masyhur saya tidak berikan nama penerbit, sebaliknya memberikan nama bab agar mudah

Berkenaan sifat *qana'ah*, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

لَيْسَ الْمِسْكِينُ الَّذِي يَطُوفُ عَلَى النَّاسِ تَرُدُّهُ اللَّقْمَةُ وَاللُّقْمَتَانِ
وَالتَّمْرَةُ وَالتَّمْرَتَانِ وَلَكِنَّ الْمِسْكِينَ الَّذِي لَا يَجِدُ غِنًى يُغْنِيهِ وَلَا يُفْطِنُ بِهِ
فَيَتَصَدَّقُ عَلَيْهِ وَلَا يَقُومُ فَيَسْأَلُ النَّاسَ.

Bukanlah digelar miskin orang yang berkeliling di kalangan manusia lalu diberi satu atau dua suap (makanan) dan satu atau dua biji kurma. Akan tetapi yang digelar miskin ialah orang yang tidak menemui kekayaan yang mencukupi keperluannya (yakni kaya tetapi masih merasakan tidak cukup), tidak mengerti ke manakah hartanya patut disedekahkan dan tidak mahu berusaha sebaliknya hanya meminta-minta kepada manusia.²

Berkenaan pengurusan harta, Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ وَأَوْفُوا

dicari dan disemak oleh para pembaca. Nama penerbit hanya saya beri untuk sumber rujukan yang tidak masyhur.

² Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 1385/1479 (*Kitab al-Zakat, Bab firman Allah....surah al-Baqarah, ayat 273*).

بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا.

Dan janganlah kamu mendekati harta anak yatim, kecuali dengan cara yang lebih baik, sampai dia dewasa dan penuhilah janji; sesungguhnya janji itu pasti diminta pertanggungjawabannya. [al-Isra 17:34] Erti ***...cara yang lebih baik...*** ialah mengurusinya dengan baik, melaburnya dalam pelaburan yang halal dan berisiko rendah.

Menukar Daun Pintu Rumah

Membaca kisah Pak Hassan dan kedua-dua isterinya sebagaimana yang ditonjolkan oleh *Sebarkan Cinta-Mu*, para pembaca mungkin menganggap ia adalah kesalahan suami yang tidak tahu mendidik isterinya. Atas kesalahan inilah isteri bersikap biadap kepada suami, meskipun di khalayak ramai.

Anggapan ini perlu dinilai semula kerana seorang suami adalah manusia yang memiliki batasan sejauh mana mampu mendidik isteri atau isteri-isterinya. Jika nasihat dan teguran telah diberikan namun isteri tetap biadap, maka kesalahan tidak boleh diletakkan di atas bahu suami semata-mata.

Dalam kebiasaan kehidupan suami-isteri, kebaikan pasangan tentu lebih banyak berbanding keburukan. Jika keburukan lebih banyak, nescaya sejak awal pasangan itu tidak akan menerima satu sama lain dan bernikah. Atas dasar inilah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berpesan:

لَا يَفْرُكُ مُؤْمِنٌ مُؤْمِنَةً إِنْ كَرِهَ مِنْهَا خُلُقًا رَضِيَ مِنْهَا آخَرَ.

Janganlah seorang mukmin (suami) membenci mukminat (isteri), jika dia membenci salah satu perangainya, nescaya dia akan reda dengan perangainya

yang lain.³

Dalam kehidupan suami-isteri juga, suami hendaklah banyak bersabar dengan kekurangan isteri. Janganlah terburu-buru menceraikan mereka kerana boleh jadi di sebalik kekurangan tersebut terdapat kebaikan. Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا
كَثِيرًا.

Kemudian apabila kamu tidak menyukai mereka, (maka bersabarlah) kerana mungkin kamu tidak menyukai sesuatu padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak. [al-Nisa' 4:19]

Pun begitu, segala sesuatu ada tahapnya. Jika isteri masih tetap dengan perangainya yang buruk sehingga menjauhi ciri-ciri *sakinah* (ketenangan), *mawaddah* (saling berkasih sayang) dan *rahmat* daripada kehidupan berumahtangga, maka suami memiliki pilihan untuk menceraikannya dan mencari isteri baru. Suami tidak perlu menjadi hamba kepada isteri yang menonjolkan dan melazimkan perangai buruknya.

³ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2672/1469 (*Kitab al-Ridha', Bab wasiat berkaitan wanita*).

Atas nota yang sama, isteri juga boleh meminta cerai daripada suami yang menonjolkan dan melazimkan perangai yang buruk. Jika segala jalan pembaikan telah diusahakan dan suami tetap enggan berubah, maka tidaklah menjadi kesalahan bagi isteri menuntut cerai (*fasakh*) daripada suami.

Di sini ingin saya menarik perhatian para pembaca sekalian kepada sebuah kisah benar berkenaan Nabi Ismail 'alaihis salam dan isterinya. Ia merupakan sebahagian dari sebuah hadis yang panjang, merujuk kepada peristiwa Nabi Ibrahim 'alaihis salam memindahkan isterinya Hajar dan anaknya Ismail yang ketika itu masih bayi dan menyusu badan, ke Kota Mekah.

Setelah Nabi Ibrahim meninggalkan Hajar dan Ismail sekian lama di Kota Mekah, Ismail semakin membesar menjadi belia dan beliau mempelajari bahasa Arab. Beliau menjadi orang yang bagus lagi disenangi di kalangan mereka (masyarakat kota Mekah). Setelah dewasa mereka menikahkan Ismail dengan seorang wanita daripada kalangan mereka dan tidak lama kemudian ibu Ismail (Hajar) meninggal dunia.

فَجَاءَ إِبْرَاهِيمُ بَعْدَمَا تَزَوَّجَ إِسْمَاعِيلُ يُطَالِعُ تَرْكَتَهُ فَلَمْ يَجِدْ إِسْمَاعِيلَ
فَسَأَلَ امْرَأَتَهُ عَنْهُ فَقَالَتْ: خَرَجَ يَبْتَغِي لَنَا. ثُمَّ سَأَلَهَا عَنْ عَيْشِهِمْ وَهَيْئَتِهِمْ

فَقَالَتْ: نَحْنُ بِشَرِّ نَحْنٍ فِي ضَيْقٍ وَشِدَّةٍ. فَشَكَتْ إِلَيْهِ.

Pada satu hari, setelah Ismail menikah, Nabi Ibrahim datang untuk melihat ahli keluarganya yang telah ditinggalkan, namun dia tidak menemui Ismail (di rumahnya). Nabi Ibrahim bertanya tentang Ismail kepada isterinya. Isteri Ismail menjawab: "Dia keluar mencari nafkah untuk kami." Lalu Nabi Ibrahim bertanya tentang kehidupan dan keadaan mereka. Isteri Ismail menjawab: "Kami mengalami banyak keburukan, kehidupan kami sempit dan penuh dengan penderitaan yang berat." Isteri Ismail mengadu kehidupan yang dilaluinya bersama suaminya (Ismail) kepada Nabi Ibrahim.

قَالَ: فَإِذَا جَاءَ زَوْجُكَ فَأَقْرِئِي عَلَيْهِ السَّلَامَ وَقُولِي لَهُ يُعَيِّرُ عَتَبَةَ

بَابِهِ.

(Mendengar semua itu), Nabi Ibrahim berkata: "Nanti apabila suami kamu pulang, sampaikan salam daripadaku dan katakan kepadanya agar mengubah daun penutup pintu rumahnya."

فَلَمَّا جَاءَ إِسْمَاعِيلُ كَأَنَّهُ أَنَسَ شَيْئًا فَقَالَ: هَلْ جَاءَكُمْ مِنْ أَحَدٍ؟

قَالَتْ: نَعَمْ جَاءَنَا شَيْخٌ كَذَا وَكَذَا فَسَأَلَنَا عَنْكَ فَأَخْبَرْتُهُ وَسَأَلَنِي كَيْفَ

عَيْشُنَا فَأَخْبَرْتُهُ أَنَّنَا فِي جَهْدٍ وَشِدَّةٍ.

Ketika Ismail pulang, dia dapat merasakan sesuatu lalu bertanya kepada isterinya: "Apakah ada seseorang yang datang kepadamu?" Isterinya menjawab: "Ya. Tadi ada orang tua begini begini keadaannya datang kepada kami dan dia menanyakan kami tentang kamu lalu aku terangkan. Dia juga bertanya kepadaku tentang kehidupan kita maka aku terangkan bahwa kita hidup dalam kesempitan dan penderitaan."

قَالَ: فَهَلْ أَوْصَاكَ بِشَيْءٍ؟ قَالَتْ: نَعَمْ أَمَرَنِي أَنْ أَقْرَأَ عَلَيْكَ السَّلَامَ وَيَقُولُ غَيْرَ عَتَبَةَ بَابِكَ.

Ismail bertanya: "Apakah orang itu ada memberi pesan kepadamu tentang sesuatu?" Isterinya menjawab: "Ya. Dia memerintahkan agar aku menyampaikan salam kepadamu dan berpesan agar kamu mengubah daun penutup pintu rumah kamu."

قَالَ ذَاكَ أَبِي وَقَدْ أَمَرَنِي أَنْ أُفَارِقَكَ الْحَقِّي بِأَهْلِكَ فَطَلَّقَهَا.

Ismail berkata: "Dia adalah ayahku dan sesungguhnya dia telah memerintahkan aku untuk menceraikan kamu (arahan mengubah daun pintu rumah

ialah kiasan kepada menceraikan isteri) dan mengembalikan kamu kepada keluargamu." Maka Ismail menceraikan isterinya.

وَتَزَوَّجَ مِنْهُمْ أُخْرَىٰ فَلَبِثَ عَنْهُمْ إِبْرَاهِيمُ مَا شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ أَتَاهُمْ
بَعْدُ فَلَمْ يَجِدْهُ فَدَخَلَ عَلَىٰ امْرَأَتِهِ فَسَأَلَهَا عَنْهُ فَقَالَتْ: خَرَجَ يَبْتَغِي لَنَا.
قَالَ: كَيْفَ أَنْتُمْ؟ وَسَأَلَهَا عَنْ عَيْشِهِمْ وَهَيْئَتِهِمْ. فَقَالَتْ: نَحْنُ بِخَيْرٍ وَسَعَةٍ.
وَأَنْتَ عَلَى اللَّهِ.

Kemudian Ismail menikah lagi dengan seorang wanita lain daripada kalangan penduduk Mekah. Nabi Ibrahim pergi lagi meninggalkan mereka dalam tempoh waktu yang dikehendaki Allah dan setelah itu datang kembali untuk menemui mereka.

Nabi Ibrahim tidak menemui Ismail di rumahnya, lalu bertanya kepada isterinya yang baru itu tentang Ismail. Isterinya menjawab: "Dia keluar mencari nafkah untuk kami." Lalu Nabi Ibrahim bertanya lagi: "Bagaimana keadaan kalian?" Dia bertanya kepada isteri Ismail tentang kehidupan dan keadaan mereka. Isterinya menjawab: "Kami selalu dalam keadaan baik dan berkecukupan." Isteri Ismail seterusnya memuji-muji Allah.

فَقَالَ: مَا طَعَامُكُمْ؟ قَالَتْ: اللَّحْمُ. قَالَ: فَمَا شَرَابُكُمْ؟ قَالَتْ:
الْمَاءُ. قَالَ: اللَّهُمَّ بَارِكْ لَهُمْ فِي اللَّحْمِ وَالْمَاءِ.

**Nabi Ibrahim bertanya: "Apa makanan kalian?"
Isteri Ismail menjawab: "Daging." Nabi Ibrahim
bertanya lagi: "Apa minuman kalian?" Isteri Ismail
menjawab: "Air." Maka Nabi Ibrahim berdoa: "Ya Allah,
berkatilah mereka dalam daging dan air mereka."**

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ يَوْمَئِذٍ حَبٌّ وَلَوْ
كَانَ لَهُمْ دَعَا لَهُمْ فِيهِ. قَالَ: فَهُمَا لَا يَخْلُو عَلَيْهِمَا أَحَدٌ بَعِيرٍ مَكَّةَ إِلَّا لَمْ
يُؤَافِقَاهُ.

**(Merujuk kepada doa ini), Nabi shallallahu 'alaihi
wasallam menjelaskan: "Saat itu tidak ada biji-bijian di
Mekah dan seandainya ada, tentu Nabi Ibrahim sudah
mendoakannya." Baginda melanjutkan: "Dan
berdasarkan doa Nabi Ibrahim tentang daging dan air
itulah, tidak ada seorang pun selain penduduk Mekah
yang mengeluh apabila yang mereka dapati hanyalah
daging dan air." (Rasulullah menyambung kisah Nabi
Ibrahim):**

قَالَ: فَإِذَا جَاءَ زَوْجُكَ فَاقْرَئِي عَلَيْهِ السَّلَامَ وَمُرِّيهِ يُثْبِتُ عَتَبَةً

بَابِهِ.

Nabi Ibrahim selanjutnya berkata: "Jika nanti suamimu pulang, sampaikan salam daripadaku kepadanya dan perintahkanlah dia agar memperkokoh daun penutup pintu rumahnya."

فَلَمَّا جَاءَ إِسْمَاعِيلُ قَالَ: هَلْ أَتَاكُمْ مِنْ أَحَدٍ؟ قَالَتْ: نَعَمْ أَتَانَا شَيْخٌ حَسَنُ الْهَيْئَةِ وَأَنْتَ عَلَيْهِ فَسَأَلَنِي عَنْكَ فَأَخْبَرْتُهُ فَسَأَلَنِي كَيْفَ عَيْشُنَا فَأَخْبَرْتُهُ أَنَا بِخَيْرٍ.

Ketika Ismail pulang, dia berkata: "Apakah ada orang yang datang kepadamu?" Isterinya menjawab: "Ya. Tadi ada orang tua dengan penampilan sangat baik datang kepada kami...(isterinya memuji-muji Nabi Ibrahim), Dia bertanya kepadaku tentang kamu maka aku terangkan. Dia bertanya kepadaku tentang keadaan hidup kita maka aku jawab bahawa kita dalam keadaan baik."

قَالَ: فَأَوْصَاكِ بِشَيْءٍ؟ قَالَتْ: نَعَمْ هُوَ يَقْرَأُ عَلَيْكَ السَّلَامَ وَيَأْمُرُكَ أَنْ تُثَبِّتَ عَتَبَةَ بَابِكَ. قَالَ: ذَاكَ أَبِي وَأَنْتِ الْعَتَبَةُ أَمَرَنِي أَنْ أُمْسِكَكَ.

Ismail bertanya: "Apakah orang itu ada memberi

pesan kepadamu tentang sesuatu?" Isterinya menjawab: "Ya. Dia memerintahkan agar aku menyampaikan salam daripadanya kepadamu dan berpesan agar kamu mempertahankan daun penutup pintu rumah kamu." Ismail berkata: "Dia adalah ayahku dan daun penutup pintu yang dimaksud adalah kamu. Dia memerintahkanku untuk mempertahankan kamu (sebagai isteri)." ⁴

Dalam kisah benar di atas, adalah selamat untuk dikatakan bahawa Nabi Ismail telah sekian lama mendidik dan menasihati isterinya, namun isteri tersebut masih memiliki perangai buruk, yakni suka merungut dan tidak merasa cukup (*qana'ah*) dengan apa yang ada. Perangai buruk ini dia tonjolkan meskipun terhadap orang yang tidak dikenalnya. Ingat, isteri Nabi Ismail tidak mengetahui bahawa yang datang bertanya itu ialah Nabi Ibrahim, ayah mentuanya. Isteri sebegini layak diceraikan, demikianlah yang dinilai dan diperintahkan oleh Nabi Ibrahim kepada anaknya.

Oleh itu diulangi, kehidupan suami-isteri adalah saling mendidik, membantu dan menasihati. Setiap pasangan pasti memiliki kekurangan, namun tentu saja di sebalik itu ada

⁴ Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 3113/3364 (*Kitab Ahadits al-Anbiya', Bab firman Allah: "Dan Allah mengambil Ibrahim sebagai kekasihnya."*)

banyak kelebihan. Dalam kes-kes terpencil apabila kekurangan berupa perangai-perangai yang buruk menjadi satu kelaziman dan ciri dominan, maka perceraian adalah satu pilihan yang boleh dipertimbangkan. Suami tidak perlu menjadi mangsa keburukan isteri, isteri tidak perlu menjadi mangsa keburukan suami.

Berbahagialah Insan-Insan Luar Biasa (I)

Jika dihalusi novel *Sebarkan Cinta-Mu*, akan didapati beberapa kenyataan yang melabel orang lain secara negatif. Label-label seperti ini sepatutnya tidak wujud di dalam sebuah novel yang berobjektif menyebarkan bukti-bukti cinta Allah kepada para hamba-Nya.

Salah satu label tersebut ialah menggelar isteri pertama yang suaminya berpoligami sebagai “tidak normal”. Perhatikan di mukasurat 35:

Bisikan ibu Sarra kedengaran lagi. Pak Hassan buat-buat tidak dengar. Malas difikirkan sangat kecemburuan isterinya. Pak Hassan faham, sesiapa pun di dunia ini tidak akan berdiam diri apabila kekasihnya dicintai orang lain. Hanya insan yang tidak normal dan tidak benar-benar mencintai sahaja yang membutakan mata dan memekakkan telinga. Lumrah cinta, begitulah adanya.

Di mukasurat 747, para muslimah yang sudi menjadi isteri kedua, ketiga atau keempat juga dilabel sebagai “tidak normal”:

“Bagi saya, perempuan yang menerima poligami sedangkan dia mempunyai pilihan untuk tidak berpoligami sebenarnya tidak normal. Dia tentu ada kepentingan lain, biasanya

kerana harta,” ujar Sarra.

Di sebalik label ini wujud satu kebenaran, iaitu para muslimat yang berada di alam poligami dan meredainya benar-benar merupakan insan yang tidak normal. Mereka bukanlah insan-insan biasa, tetapi insan-insan yang luar biasa.

Mereka adalah insan-insan yang berjaya mendidik diri kepada martabat yang tidak lagi mementingkan kehendak sendiri. Bagi mereka kehidupan di dunia hanyalah sementara manakala kehidupan di akhirat adalah yang abadi. Kehidupan di dunia hanyalah umpama bercucuk tanam sementara kehidupan di akhirat ialah tempat meraih hasilnya. Suami di dunia hanyalah wasilah bagi mencapai syurga di akhirat kelak, dengan izin dan rahmat Allah.

Insan-insan luar biasa ini adalah para muslimat yang berjaya melatih dan mengangkat emosi mereka ke martabat seorang yang asing di dunia ini. Orang yang asing di satu tempat, hatinya tidak akan tertambat mahupun disibukkan dengan tempat tersebut. Hatinya tidak memberi perhatian kepada apa-apa persaingan yang timbul kerana dia memang asing pada tempat tersebut. Sebaliknya hati seorang yang asing akan sentiasa rindu dan fokus kepada tempat yang menjadi rumah kekalnya, di mana di sana dia dan ahli-ahlinya sentiasa dalam keadaan beramah mesra dan saling mengucapkan salam di antara satu sama lain. Namun orang-

orang yang asing ini sadar bahawa mereka perlu menyiapkan bekal untuk sampai ke rumah kekal tersebut. Maka mereka berada di tempat yang asing ini sekadar yang perlu, sekadar mencukupkan bekal ke tempat sebenar di syurga Allah.

Insan-insan luar biasa ini adalah para muslimat yang berjaya mengangkat perasaan mereka ke martabat seorang pengembara di dunia ini. Mereka faham bahawa dunia hanya tempat singgahan sementara manakala akhirat ialah destinasi sebenar. Seorang pengembara akan memberi perhatian kepada tempat singgahannya, namun dia tidak akan terleka daripada destinasi utamanya. Seorang pengembara akan berehat dan bersenang-senang sekadar yang perlu di dunia ini, namun akhiratlah tempat berehat dan bersenang-senang yang sebenarnya. Seorang pengembara sudi untuk berkongsi ketika di tempat persinggahannya, asalkan dia dan rakan-rakan dapat meneruskan perjalanan ke destinasi sebenar.

Inilah martabat tinggi lagi “luar biasa” yang dipesan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَائِرٌ سَبِيلٍ.

Jadilah kamu di dunia ini seakan-akan orang asing atau seorang pengembara.⁵

⁵ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no:

Dalam sebuah hadis yang lain, 'Abd Allah ibn Mas'ud *radhiallahu 'anh* menerangkan bahawa:

نَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى حَصِيرٍ فَقَامَ وَقَدْ أَثَّرَ فِي جَنْبِهِ فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ لَوْ اخْتَذْنَا لَكَ وِطَاءً؟ فَقَالَ: مَا لِي وَمَا لِلدُّنْيَا مَا أَنَا فِي الدُّنْيَا إِلَّا كَرَائِبٍ اسْتِظَلَّ تَحْتَ شَجَرَةٍ ثُمَّ رَاحَ وَتَرَكَهَا.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam tidur di atas tikar lalu baginda bangun, tikar itu membekas di rusuk baginda. Lalu kami berkata: "Wahai Rasulullah, apa kata kami membuatkan hamparan lembut untuk anda? Baginda menjawab: "Apa urusanku dengan dunia, aku di dunia tidak lain seperti pengembara yang bernaung di bawah pohon setelah itu pergi dan meninggalkannya."⁶

Sekali sekala insan-insan luar biasa ini mengalami perasaan cemburu, buruk sangka, dengki dan persaingan negatif di antara satu sama lain (sesama madu). Namun mereka menyedari bahawa perasaan-perasaan tersebut

5937/6416 (*Kitab al-Riqaq, Bab sabda Nabi: Jadilah kamu di dunia ini seakan-akan orang asing atau seorang pengembara*). Hadis ini juga dipilih oleh al-Nawawi dalam himpunan *Hadis 40nya*, hadis no: 40.

⁶ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 2299 (*Kitab al-Zuhud 'an Rasullullah, Bab mengambil harta dengan haknya*). Berkata al-Tirmizi, hadis ini hasan sahih. Ia juga dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2377.

merupakan bisikan syaitan, lalu segera dilawan dengan doa *A'uzubillahi minash syaitan*. Hadis berikut menjadi sumber kekuatan insan-insan luar biasa ini:

إِنَّ لِلشَّيْطَانِ لَمَّةً بِابْنِ آدَمَ وَلِلْمَلَكِ لَمَّةً فَأَمَّا لَمَّةُ الشَّيْطَانِ
فَإِعَادٌ بِالشَّرِّ وَتَكْذِيبٌ بِالْحَقِّ وَأَمَّا لَمَّةُ الْمَلَكِ فَإِعَادٌ بِالْخَيْرِ وَتَصْدِيقٌ
بِالْحَقِّ فَمَنْ وَجَدَ ذَلِكَ فَلْيَعْلَمْ أَنَّهُ مِنَ اللَّهِ فَلْيَحْمَدِ اللَّهَ وَمَنْ وَجَدَ
الْأُخْرَى فَلْيَتَعَوَّذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ثُمَّ قَرَأَ: ((الشَّيْطَانُ يَعِدُكُمُ
الْفَقْرَ وَيَأْمُرُكُمُ بِالْفَحْشَاءِ))

Sesungguhnya syaitan memiliki bisikan kepada anak Adam dan malaikat pun memiliki bisikan. Adapun bisikan syaitan selalu menjanjikan kejahatan dan mendustakan kebenaran, sedangkan bisikan malaikat selalu menjanjikan kebaikan dan membenarkan kebenaran.

Sesiapa mendapatkan sedemikian (bisikan malaikat) ketahuilah sesungguhnya itu daripada Allah, maka pujilah Allah. Sesiapa mendapatkan yang selainnya (bisikan syaitan), maka berlindunglah kepada Allah daripada syaitan yang direjam (dengan menyebut A'uzubillahi minash syaitani rajim).

Seterusnya baginda membaca ayat: "Syaitan itu

menjanjikan (menakut-nakutkan) kamu dengan kemiskinan (jika kamu bersedekah) dan dia menyuruh kamu melakukan perbuatan yang keji.”⁷

Insan-insan luar biasa ini menyadari bahawa mereka akan sentiasa diuji oleh Allah *Subhanahu waTa’ala*. Firman Allah:

أَحْسِبِ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا آمَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ. وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكَاذِبِينَ.

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami beriman, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang-orang yang berdusta. [al-Ankabut 29:2-3]

Insan-insan luar biasa ini juga menyadari bahawa lebih tinggi martabat mereka, lebih berat dan besar ujian daripada

⁷ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 2914 (*Kitab Tafsir al-Qur’an ‘an Rasulullah, Bab daripada surah al-Baqarah*). Berkata al-Tirmizi, hadis ini hasan gharib. al-Albani menilainya sahih dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2988. Ayat yang dibacakan ialah dari surah al-Baqarah 2:268.

Allah. Justeru meskipun mereka reda dan selesa dengan kehidupan di alam poligami, mereka juga reda seandainya pada masa akan datang Allah menguji mereka dengan perceraian, kemiskinan, kesusahan atau apa-apa lain yang seumpama. Insan-insan luar biasa ini beriman dengan hadis berikut:

Sa'ad bin Abi Waqash radhiallahu 'anh pernah bertanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ النَّاسِ أَشَدُّ بَلَاءً؟ قَالَ: الْأَنْبِيَاءُ ثُمَّ الْأَمْثَلُ
فَالْأَمْثَلُ فَيُبْتَلَى الرَّجُلُ عَلَى حَسَبِ دِينِهِ فَإِنْ كَانَ دِينُهُ ضَلْبًا اشْتَدَّ بَلَاؤُهُ
وَإِنْ كَانَ فِي دِينِهِ رِقَّةٌ ابْتُلِيَ عَلَى حَسَبِ دِينِهِ فَمَا يَبْرَحُ الْبَلَاءُ بِالْعَبْدِ
حَتَّى يَتْرَكَهُ يَمْشِي عَلَى الْأَرْضِ مَا عَلَيْهِ خَطِيئَةٌ.

"Wahai Rasulullah, siapakah manusia yang paling berat ujiannya? Baginda menjawab: "Para nabi, kemudian (orang yang memiliki keutamaan) sepertinya, kemudian (orang yang memiliki keutamaan) sepertinya.

Seseorang itu diuji berdasarkan kadar agamanya. Jika agamanya kuat, ujiannya pun berat. Sebaliknya jika agamanya lemah, dia diuji sesuai dengan kadar agamanya. Ujian-ujian ini tidak akan berhenti menimpa seorang hamba sehingga dia berjalan di atas muka bumi

dengan tidak mempunyai kesalahan (kerana dosa kesalahan telah dihapuskan oleh ujian-ujian tersebut).⁸

Paling penting ialah insan-insan luar biasa ini bukanlah para muslimat yang sempurna. Apa yang membezakan mereka dengan insan biasa ialah mereka selalu bersungguh-sungguh ke arah kesempurnaan dan yakin pimpinan Allah *Subhanahu waTa'ala* ada bersama mereka. Ini berdasarkan firman Allah:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ.

Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya. [al-Ankabut 29:69]

Berbahagiaalah wahai insan-insan yang luar biasa ini. Wahai para pembaca yang dihormati sekalian! Apakah anda ingin menjadi sekadar insan biasa atau insan luar biasa?

⁸ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 2322 (*Kitab al-Zuhud 'an Rasullullah, Bab berkenaan sabar di atas ujian*). Berkata al-Tirmizi, hadis ini hasan sahih. Ia juga dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 2398.

Berbahagialah Insan-Insan Luar Biasa (II)

Insan yang luar biasa tidak terhad kepada isteri-isteri yang reda di alam poligami, tetapi meliputi juga suami-suami yang benar dalam berpoligami. Jangan disangkakan suami yang berpoligami hanyalah mereka yang mencintai dunia, leka dalam kehidupan dunia dan lupa kepada akhirat.

Perhatikan hadis 'Abd Allah ibn Mas'ud *radhiallahu 'anh* di atas. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menggambarkan dirinya hanyalah sebagai seorang pengembara yang berteduh sebentar di bawah pohon, yang akan meneruskan perjalanannya selepas itu. Pun begitu, Rasulullah berpoligami dengan sembilan orang isteri.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan bagi membetulkan pandangan sebahagian masyarakat bahawa kononnya orang yang hidup mewah – atau dalam konteks ini – yang berpoligami adalah mereka yang cinta dunia dan lupa akhirat. Apa yang benar ialah kemewahan bukanlah ukuran cinta dunia atau cinta akhirat. Ini kerana Allah *al-Wahhab* dan *al-Razzaq* sentiasa melimpahkan kurnia dan rezeki-Nya kepada kedua-dua golongan, baik yang mencintai dunia atau yang mencintai akhirat. Perhatikan firman Allah *Subhanahu waTa'ala* berikut ini:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعَاجِلَةَ عَجَّلْنَا لَهُ فِيهَا مَا نَشَاءُ لِمَنْ نُرِيدُ ثُمَّ جَعَلْنَا
لَهُ جَهَنَّمَ يَصْلَاهَا مَذْمُومًا مَدْحُورًا. وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ وَسَعَىٰ لَهَا سَعْيَهَا
وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ كَانَ سَعْيُهُمْ مَشْكُورًا. كُلًّا نُمِدُّ هَؤُلَاءِ وَهَؤُلَاءِ مِنْ
عَطَاءِ رَبِّكَ وَمَا كَانَ عَطَاءُ رَبِّكَ مَحْظُورًا.

Sesiapa yang menghendaki (kesenangan hidup) dunia, Kami akan segerakan kepadanya dalam dunia apa yang Kami kehendaki, bagi sesiapa yang Kami kehendaki; kemudian Kami sediakan baginya neraka Jahannam (di akhirat kelak), untuk membakarnya dalam keadaan yang hina lagi tersingkir dari rahmat Allah.

Dan sesiapa yang menghendaki akhirat dan berusaha mengerjakan amal-amal yang baik untuk akhirat dengan usaha yang layak baginya, sedang ia beriman, maka mereka yang demikian keadaannya, diberi pahala akan amal usahanya.

Tiap-tiap golongan dari keduanya, golongan dunia dan golongan akhirat Kami hুলurkan kepada mereka dari pemberian Tuhanmu (wahai Muhammad); dan tiadalah pemberian Tuhanmu itu tersekat (dari sesiapapun). [al-Isra' 17:18-20]

Suami-suami yang luar biasa dalam berpoligami adalah

mereka yang:

- Memandang poligami sebagai amanah dan tanggungjawab. Mereka sadar bahawa mereka akan disoal di akhirat kelak ke atas setiap keluarga yang berada di bawah pimpinan mereka. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْأَمِيرُ رَاعٍ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ زَوْجِهَا وَوَلَدِهِ فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

Setiap daripada kalian adalah pemimpin dan setiap daripada kalian akan dipersoal akan apa yang dipimpinnya. Seorang amir adalah pemimpin (kepada rakyatnya), seorang lelaki adalah pemimpin ke atas ahli keluarganya dan seorang wanita adalah pemimpin ke atas rumah suaminya dan anak-anaknya. Maka setiap daripada kalian adalah pemimpin dan setiap daripada kalian akan dipersoal akan apa yang dipimpinnya.⁹

- Memandang poligami sebagai wasilah ke syurga dan tidak sekadar bergembira di dunia. Ini hanya akan berlaku jika

⁹ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4801/5200 (*Kitab al-Nikah, Bab wanita adalah pemimpin ke atas rumah suaminya*).

suami membuat persiapan secukupnya dari sudut ilmu, keuangan dan jati diri sebelum berpoligami, lalu mempraktikkan poligami secara benar. Ketahuilah bahawa di samping pelbagai amal soleh yang lain, satu amal soleh yang terbesar ganjarannya bagi seorang suami ialah berbuat baik kepada isterinya. Lebih banyak isteri, lebih banyaklah peluang untuk suami beramal soleh.

Ambil saja pemberian nafkah sebagai satu contoh. Sebenarnya nafkah ialah satu bentuk sedekah. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا أَنْفَقَ الرَّجُلُ عَلَى أَهْلِهِ يَحْتَسِبُهَا فَهُوَ لَهُ صَدَقَةٌ.

Apabila seseorang (suami) memberi nafkah untuk keluarganya dengan niat mengharap pahala, maka itu baginya adalah sedekah.¹⁰ Nafkah yang diberikan secara ikhlas, yakni semata-mata kerana mengharapkan keredaan, pahala dan ganjaran daripada Allah, akan menjadi satu sumber pelaburan yang amat menguntungkan.

Allah *Subhanahu waTa'ala* menyatakan hal ini dalam firman-Nya:

¹⁰ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 53/55 (*Kitab al-Iman, Bab berkenaan sesungguhnya amal itu bergantung kepada niat...*).

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ.

Bandingan orang-orang yang menafkahkan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandung seratus biji dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya. [al-Baqarah 2:261]

Jika orang yang menafkahkan harta pada jalan Allah mendapat pulangan pelaburan sebesar di atas, bagaimana pula dengan orang yang menafkahkan harta kepada keluarganya? Hadis berikut menjadi rujukan:

دِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي رَقَبَةٍ وَدِينَارٌ تَصَدَّقْتَ بِهِ عَلَى مِسْكِينٍ وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ أَعْظَمُهَا أَجْرًا الَّذِي أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ.

Dinar (harta) yang kamu belanjakan di jalan Allah dan dinar yang kamu berikan kepada seorang budak wanita, dan dinar yang kamu sedekahkan kepada

orang miskin serta dinar yang kamu nafkahkan kepada keluargamu. Maka yang paling besar ganjaran pahalanya adalah yang kamu nafkahkan kepada keluargamu.¹¹

Tiada had minima untuk modal pelaburan yang dijadikan sebagai nafkah untuk keluarga. Apa jua yang dinafkahkan merupakan modal pelaburan, sekalipun sekadar sesuap nasi. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

وَلَسْتَ تُنْفِقُ نَفَقَةً تَبْتَغِي بِهَا وَجْهَ اللَّهِ إِلَّا أُجِرْتَ بِهَا حَتَّى اللَّقْمَةُ
تَجْعُلَهَا فِي امْرَأَتِكَ.

Tidaklah kamu menafkahkan suatu nafkah dengan tujuan untuk mencari reda Allah, melainkan kamu akan mendapatkan pahala karena pemberianmu itu, sehinggakan sesuap makanan yang kamu hulurkan ke mulut isterimu juga merupakan sedekah daripadamu.¹²

- Tidak memaksa isterinya yang sedia ada secara sekelip mata menjadi insan luar biasa yang reda dengan kehidupan poligami. Sebaliknya mendidik isteri dan anak-anak secara

¹¹ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1661/995 (*Kitab al-Zakat, Bab keutamaan nafkah ke atas ahli keluarga...*).

¹² Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 3076/1628 (*Kitab al-Washiyyat, Bab mewasiatkan sepertiga*).

bertahap-tahap untuk menerima poligami, beriman kepada kebaikannya, menerimanya sebagai satu cara hidup istimewa dan menghormati isteri kedua.

- Memilih isteri kedua, ketiga atau keempat yang solehah, menghormati keluarga sedia ada dan sedia memperbaiki diri ke arah insan yang luar biasa. Pada masa kini terdapat banyak muslimat solehah yang telah sekian lama mengikuti program-program tarbiyah, usrah dan halaqah. Jika program-program tersebut benar pengisiannya, maka mereka ini sudah mendekati ciri insan yang luar biasa.
- Menjadikan kehidupan poligami sebagai satu pasukan yang besar. Isteri-isteri bukanlah hamba tetapi naib pemimpin kepada suami yang menjadi pemimpin. Semua pihak memainkan peranan yang positif, pandangan semua pihak diraikan, teguran semua pihak diberi perhatian dan perasaan semua pihak dijaga dengan baik.

Berbahagiaulah wahai insan-insan yang luar biasa ini. Wahai para pembaca yang dihormati sekalian! Apakah anda sekadar berpuas hati menjadi suami biasa atau ingin mengembangkan potensi menjadi suami luar biasa?

Menyemak Kisah Nabi Ibrahim, Sarah Dan Hajar

Salah satu daripada enam rukun iman ialah beriman kepada para Nabi dan Rasul. Maksud rukun ini ialah seseorang itu beriman kepada manusia-manusia khusus yang Allah pilih sebagai Nabi dan Rasul-Nya, membenarkan risalah tauhid yang mereka bawa, mencintai mereka dan membela mereka dari sebarang fitnah dan buruk sangka.

Justeru orang yang benar imannya akan kehairanan apabila novel yang diberi judul *Sebarkan Cinta-Mu* menyebarkan kepada pembaca awam sebuah riwayat berunsur fitnah kepada seorang nabi yang dicintai lagi disayangi Allah (*Khalilullah*), yakni Ibrahim 'alahi salam. Berkenaan Nabi Ibrahim, Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ
إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَاتَّخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا.

Dan siapakah yang lebih baik agamanya daripada orang yang ikhlas menyerahkan dirinya kepada Allah, sedang diapun mengerjakan kebaikan, dan ia mengikuti agama Ibrahim yang lurus? Dan Allah mengambil Ibrahim menjadi kesayangan-Nya. [al-Nisa' 4:125]

Riwayat yang dimaksudkan itu boleh dirujuk dalam *Sebarkan Cinta-Mu*, mukasurat 36:

Berkata al-Waqidi daripada Muhammad bin Salih daripada Saad bin Ibrahim daripada Amar bin Saad daripada ayahnya menceritakan, Sarah mendampingi Ibrahim dalam tempoh masa yang panjang. Namun tidak dikurniakan anak. Menyedari kekurangan ini, Sarah dengan rela hati menghadiahkan hamba perempuannya, Hajar, untuk dinikahi oleh Ibrahim. Lalu Hajar melahirkan anak untuk Ibrahim.

Namun, Sarah berasa sangat cemburu kepada Hajar dan menyesali tindakannya. Dia melafazkan satu sumpah. Ibrahim bertanya kepadanya, “Adakah adinda mahu memperbaharui sumpah adinda?”

Sarah menjawab,

“Apa yang harus adinda lakukan?”

Ibrahim menjawab, “Tindik telinganya dan ringankan (khitan) dia.”

Lalu Sarah melakukan hal itu kepada Hajar. Sarah memasang anting-anting di telinganya. Kecantikan Hajar bertambah. Sarah bertambah-tambah cemburu.

Cinta Ibrahim semakin hari semakin mendalam kepada Hajar. Kecemburuan Sarah pula semakin memuncak. Walaupun Sarah seorang wanita mulia, isteri seorang Nabi namun kecemburuannya dapat membinasakan orang lain.

Nabi Ibrahim terpaksa memindahkan Hajar ke Makkah. Selain mematuhi perintah Allah, hikmahnya, Nabi Ibrahim dapat melindungi Hajar daripada tindakan kasar Sarah. Peristiwa itu menguji besarnya cinta Nabi Ibrahim kepada Hajar. Ia turut meraikan rendahnya kesabaran Sarah terhadap kecemburuannya.

Marilah kita menilai riwayat di atas dari sudut sanad, matan, kewujudannya dalam kitab para ulama' dan ketepatan terjemahan dari teks Arab sebenar.

Semakan Dari Sudut Sanad

Dari sudut darjat kekuatan, riwayat di atas paling baik berada di tahap *dha'if* (lemah). Punca utama kelemahannya terletak pada al-Waqidi. Beliau yang nama penuhnya ialah Muhammad bin 'Umar al-Waqidi adalah seorang perawi yang diperselisihkan, dituduh sebagai pendusta dalam bidang hadis namun diakui riwayat-riwayatnya dalam bidang sejarah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Berkata Dr. Mahdi Rizqullah Ahmad, pensyarah dalam bidang Sejarah Nabi di Universiti Raja Sa'ud, Riyadh:

Dalam bidang hadis, dia dipandang lemah oleh para ahli kritik hadis generasi pertama. al-Bukhari, al-Razi, al-Nasa'e dan al-Dar al-Quthni misalnya, menilai bahawa dalam bidang hadis dia tergolong *matruk* (ditinggalkan riwayatnya).

Namun ada pula beberapa ulama' hadis yang memandangnya *thiqah* seperti al-Darawardi, Yazid bin Harun, Abu Ubaid al-Qasim ibn Salam, Abu Bakar al-Sha'ani, Mash'ab al-Zubairi, Mujahid ibn Musa, al-Musayyab dan Ibrahim al-Harbi.

Meskipun demikian, penilaian yang boleh dipercayai dan dapat dijadikan pegangan ialah pandangan al-Bukhari dan beberapa ulama' yang mengkategorikan al-Waqidi sebagai perawi yang *dha'if*. Oleh kerana itu dalam kitabnya *al-Taqrīb*, Ibn Hajar mengatakan bahawa al-Waqidi itu *matruk* meskipun ilmunya luas. Dari sekian perawi (hadis) yang masyhur, hanya Ibn Majah yang meriwayatkan hadis-hadis daripada al-Waqidi.

Semua penilaian (yang baik dan buruk) terhadap al-Waqidi dikumpul dan diteliti oleh Ibn Sayyid al-Nas. Setelah itu, dia membela dan mempertahankan kedudukan al-Waqidi dalam bidang hadis.

Perlu ditekankan bahawa meskipun kebanyakan ahli hadis

memandang al-Waqidi lemah dalam bidang hadis, kedudukannya dalam bidang sejarah peperangan dan riwayat hidup Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tetap tidak dapat disangkal dan diakui oleh banyak orang.¹³

Sementara itu berkata Dr. Akram Diya' al-'Umari, pensyarah dalam bidang Sejarah Nabi di Universiti Islam Madinah:

Para ulama' mengakui bahawa dia memiliki banyak bahan *sirah* (sejarah Nabi), namun para ahli hadis khususnya menilai dia *dha'if*. al-Nasa'e berkata: "Dia memalsukan hadis." Imam al-Syafi'e, Abu Dawud dan Ibn Abi Hatim juga menuduhnya sebagai memalsukan hadis. Imam Ahmad menilai beliau sebagai seorang pendusta (*kazzab*). Ibn 'Adi berkata: "Hadisnya tidak dikenali dan dia menimbulkan banyak kekacauan." Ibn Hajar menambah: "Dia *matruk* (ditinggalkan) meskipun ilmunya luas." Ibn Sayyid al-Nas mempertahankan namun hal ini adalah sia-sia apabila dibandingkan dengan penilaian ahli kritik (ahli *al-jarh wa al-ta'dil*) yang lain.¹⁴

¹³ *al-Sirah al-Nabawiyyah fi Dhau'e al-Mashadir al-Ashliyyah: Dirasah Tahliyyah* (edisi terjemahan oleh Yessi HM Basyaruddin atas judul *Biografi Rasulullah: Sebuah Studi Analitis Berdasarkan Sumber-Sumber Yang Otentik*, Qithi Press, Jakarta, 2006), ms. 38-39 dengan beberapa suntingan bahasa.

¹⁴ *al-Mujtama' al-Madani fi Ahd al-Nubuwwah* (edisi terjemahan oleh Huda Khattab atas judul *Madinan Society At The Time Of The Prophet*, Intl. Inst. Of Islamic Thought, Virginia, 1989), ms. 34-35 dengan beberapa suntingan bahasa. Rujuk juga buku yang sama ini berkenaan al-Waqidi, ms. 32.

Atas dasar inilah saya menerangkan bahawa dari sudut darjat kekuatan, riwayat berkenaan kecemburuan Sarah di atas paling baik berada di tahap *dha'if* (lemah). Ia mungkin sahaja lebih rendah daripada itu seperti *dha'if jiddan* (sangat lemah) atau *maudhu'* (palsu), mengingatkan status al-Waqidi yang dituduh sebagai seorang pemalsu hadis.

Di sini timbul soalan, adakah riwayat berkenaan kecemburuan Sarah tersebut dikategorikan sebagai sebuah hadis atau kisah sejarah? Jawapannya adalah ia sebuah hadis kerana sanadnya bermula: ...daripada Amar bin Saad daripada ayahnya menceritakan, Sarah mendampingi Ibrahim... Maksudnya "ayahnya" dalam sanad di atas ialah Sa'ad bin Abi Waqash *radhiallahu 'anh*, seorang sahabat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang mulia. Ini memberi gambaran bahawa ia sebuah riwayat yang didengar oleh sahabat daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Ketahui bahawa seorang sahabat tidak mengetahui dan tidak akan membuat-buat cerita pada zaman Nabi Ibrahim melainkan dengan penghabaran Rasulullah. Rasulullah pula hanya mengetahui apa yang berlaku pada zaman Nabi Ibrahim berdasarkan petunjuk wahyu.

Semakan Dari Sudut Matan

Penilaian ke atas riwayat berkenaan kecemburuan

Sarah tidak sahaja dari sudut sanad tetapi juga dari sudut matannya. Dalam bidang sejarah, para ilmuan Islam meringankan syarat-syarat sanad dalam menerima sesebuah kisah sejarah. Mereka membolehkan penerimaan riwayat-riwayat sejarah yang lemah selagi mana ia tidak digunakan sebagai:

1. Hujah dalam perkara aqidah.
2. Hujah dalam hukum-hakam atau syari'at Islam.
3. Memfitnah atau memburuk-burukkan seorang muslim atau kelompok umat Islam.

Poin ketiga di atas amat penting. Riwayat-riwayat sejarah yang tidak diketahui darjat kekuatannya atau diketahui kelemahannya tidak boleh digunakan sebagai hujah bagi memfitnah atau memburuk-burukkan seorang muslim atau kelompok umat Islam. Sebagai contoh jika dikaji riwayat-riwayat berkenaan penglibatan para sahabat dalam Perang Jamal dan Perang Siffin serta kelompok umat Islam yang bersama Ali bin Abi Thalib, Aisyah atau Muawiyah, akan ditemui kebanyakan riwayat tersebut tidak diketahui kekuatannya atau memiliki darjat yang lemah.

Berhubung perkara ini, Dr. Akram Diya' al-'Umari berpesan:

Saya mengingatkan para pemuda kita, dalam rangka ingin

memahami dan mengenali individu-individu hebat dalam sejarah Islam, agar tidak berpuas hati dengan riwayat-riwayat yang disebut dalam sebahagian kitab sejarah. Jangan menerimanya melainkan setelah mengenakan syarat dan kritikan yang amat ketat. Jika tidak, dibimbang mereka akan menerima gambaran yang salah berkenaan sejarah Islam...¹⁵

Merujuk kepada poin ketiga ini jugalah, jika dikategorikan riwayat berkenaan kecemburuan Sarah ke atas Hajar sebagai sebuah kisah sejarah, maka ia tetap ditolak. Ini kerana ia merupakan fitnah ke atas Sarah yang menzalimi Hajar dan fitnah ke atas Nabi Ibrahim *'alaihi salam* yang membenarkan Sarah menzalimi Hajar. Perlu diingatkan bahawa wujud kemungkinan bahawa tindakan Sarah mengkhitan Hajar bermaksud memotong kelentit (*clitoris*) Hajar agar dia tidak lagi dapat merasa nikmat hubungan seks dengan Nabi Ibrahim.

Semakan Dari Sudut Kewujudan Dalam Kitab Para Ulama'

Sahabat yang saya kasihi, Fathi al-Sakandary *hafizhahullah*, yang merupakan seorang pelajar dalam bidang perubatan dan menguasai dengan baik ilmu hadis, menerangkan bahawa riwayat berkenaan kecemburuan Sarah

¹⁵ *al-Mujtama' al-Madani fi Ahd al-Nubuwwah*, ms. 23-24.

ke atas Hajar dikemukakan oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah* (751H) dalam kitabnya *Raudhah al-Muhibbin*.¹⁶

Di sini timbul persoalan, kenapakah para imam yang dipercayai ilmunya lagi menjadi rujukan umat mengemukakan riwayat seperti itu dalam kitab mereka?

Jawapannya terletak dalam metodologi pengemukaan riwayat-riwayat sejarah. Hampir semua para ilmuwan Islam zaman dahulu, mereka memiliki metodologi mengemukakan riwayat-riwayat sejarah tanpa memperhatikan darjat kekuatannya. Mereka hanya mengemukakan riwayat tersebut bersama sanadnya. Terserah kepada para pembaca untuk menyemak kekuatan sanadnya, lalu kemudian menerima atau

¹⁶ Rujuk *Raudhah al-Muhibbin wa Nuzhat al-Musytaqin* (Dar al-Kutub al-Ilmiah, 1412H; al-Maktabah al-Syamilah v3.3), ms. 298. Rujukan ini seterusnya akan disebut sebagai *Raudhah al-Muhibbin*.

al-Thabari dalam *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, jld. 1, ms. 97 mengemukakan sebuah riwayat lain berkenaan kecemburuan Sarah terhadap Hajar. Ringkasnya, kecemburuan ini berlaku disebabkan pergaduhan antara Ismail (anak Hajar) dan Ishaq (anak Sarah) yang ketika itu sudah besar. Lalu Sarah memotong kelentit Hajar sehingga berlaku pendarahan. Sejak saat itulah, wanita mula dikhitan bagi mengurangkan keinginan seksnya dan menggunakan tuala wanita. Riwayat ini juga tertolak kerana dalam hadis *Shahih al-Bukhari* diterangkan bahawa Hajar berpindah ke Mekah ketika Ismail masih kecil dan masih menyusu badan. Ia juga tertolak dari sudut ilmu perubatan yang disepakati kerana pendarahan yang lazim dialami oleh wanita (haid, nifas, istihadhah) bukanlah dari kelentitnya.

Oleh itulah Muhammad bin Thahir al-Barzanji tidak memasukkan riwayat ini dalam kitabnya *Shahih Tarikh al-Thabari* (edisi terjemahan oleh Abu Ziad Muhammad Dhiaul-Haq atas judul yang sama; Pustaka Azzam, Jakarta, 2011), jld. 1.

menolak riwayat tersebut. Para ilmuan ini *rahimahumullah* menganggap tanggungjawab mereka sudah selesai dengan pengemukakan sanad bagi setiap riwayat.

Justeru seorang ilmuan itu mungkin mengenakan syarat semakan sanad yang ketat sebelum mengemukakan apa-apa riwayat berkenaan tafsir, hadis, aqidah, fiqh dan akhlak, namun tidak membuat semakan sanad apabila mengemukakan riwayat berkenaan sirah.

Metodologi ini dipelopori oleh al-Thabari *rahimahullah* (310H) dan diikuti oleh para ilmuan selepas beliau. Berkata al-Thabari di bahagian *muqaddimah* kitab *Tarikhnya*:¹⁷

وليعلم الناظر في كتابنا هذا أنّ اعتمادنا في كلّ ما أحضرت ذكره فيه مما شرطت أنّي راسمه فيه، إنّما هو على ما رويث من الأخبار التي أنا ذاكرها فيه، والآثار التي أنا مسندها إلى رواةها فيه،

Ketahuilah bagi yang memerhatikan kitab kami ini, bahawa setiap riwayat yang saya kemukakan, pergantungan saya - dan ini saya jadikan satu syarat (dalam kitab ini), sesungguhnya ia tidak lain adalah atas apa yang saya riwayatkan daripada khabar-khabar dan atsar-atsar yang saya sebutkan padanya sanad kepada perawi yang

¹⁷ *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, jld. 1, ms. 3. Selain itu jemputlah mengkaji penjelasan ilmiah lagi bernas yang diberikan oleh Muhammad bin Thahir al-Barzanji dalam *Shahih Tarikh al-Thabari*, jld. 1, ms. 1-218.

meriwayatkannya.

دون ما أدرك بحجج العقول، واستنبط بفكر النفوس، إلا
اليسير القليل منه، إذ كان العلم بما كان من أخبار الماضين وما هو كائن
من أبناء الحادّثين، غير واصل إلى من لم يشاهداهم ولم يدرك زمانهم، إلا
بأخبار المخبرين، ونقل الناقلين، دون الاستخراج بالعقول، والاستنباط
بفكر النفوس.

Hanya dalam keadaan terpencil, saya bergantung kepada apa yang dapat dipelajari melalui hujah akal dan pemikiran. Ini kerana ilmu berkenaan orang-orang yang telah lepas dan peristiwa berkaitannya tidak dapat diperolehi oleh orang yang tidak menyaksikan mereka dan tidak hidup pada zaman mereka, kecuali melalui khabar yang dikhabarkan, berita yang dinukil. Bukan yang dikeluarkan oleh akal mahupun pemikiran.

فما يكن في كتابي هذا من خبر ذكرناه عن بعض الماضين مما
يستنكره قارئه، أو يستشعنه سامعه، من أجل أنه لم يعرف له وجهاً في
الصحة، ولا معنى في الحقيقة، فليعلم أنه لم يؤت في ذلك من قبلنا،
وإنما أتى من قبل بعض ناقله إلينا، وأنا إنما أدينا ذلك على نحو ما أدى

إليها.

Dalam kitab kami ini terdapat khabar yang kami sebut daripada orang sebelum kami, di mana pembaca mungkin mengingkarinya atau pendengar mungkin menganggapnya buruk, kerana dia tidak mengetahui versi lain yang sahih atau tidak menemui erti yang sebenar di dalamnya.

Maka ketahuilah bahawa khabar sedemikian bukan daripada kami. Sesungguhnya ia tidak lain daripada beberapa orang sebelum kami, yang dinaqalkan kepada kami. Kami hanya meriwayatkannya sebagai ia diriwayatkan kepada kami.

Oleh itu dapatlah difahami mengapa riwayat berkenaan kecemburuan Sarah ke atas Hajar terdapat dalam kitab Ibn al-Qayyim atau mana-mana imam yang lain. Mereka mengemukakannya dengan sanad, maka terserah kepada para pembaca untuk menyemak sanad tersebut sebelum menerima riwayat berkenaan.

Atas dasar inilah, merupakan sesuatu yang menghairankan apabila riwayat berkenaan kecemburuan Sarah ke atas Hajar dikemukakan oleh *Sebarkan Cinta-Mu* kepada pembaca awam. Ini kerana para pembaca novel lazimnya tidak akan mampu menyemak darjat kekuatan riwayat tersebut.

Semakan Terjemahan

Apabila dirujuk ke kitab *Raudhah al-Muhibbin*, teks Arab riwayat berkenaan kecemburuan Sarah ke atas Hajar adalah seperti berikut:

وقال الواقدي عن محمد بن صالح عن سعد بن إبراهيم عن
عامر بن سعد عن أبيه قال كانت سارة عند إبراهيم فمكثت معه دهرًا
لا ترزق منه ولدا فلما رأت ذلك وهبت له هاجر أمتها فولدت
لإبراهيم.

Berkata al-Waqidi daripada Muhammad bin Shalih daripada Sa'ad bin Ibrahim daripada 'Amr bin Sa'ad daripada ayahnya, dia berkata: Adalah Sarah berada bersama Ibrahim untuk satu tempoh masa yang lama, namun tidak direzekikan seorang anak. Melihat yang sedemikian maka Sarah memberikan kepada Ibrahim hambanya yang bernama Hajar (untuk dinikahi). Maka (Hajar) dapat melahirkan seorang anak untuk Ibrahim.

فغارت من ذلك سارة ووجدت في نفسها وعبت على هاجر
فحلفت أن تقطع منها ثلاثة أعضاء. فقال لها إبراهيم: هل لك أن تبر
يمينك؟ قالت: كيف أصنع؟ قال: اتقي أذنيها واحفضيها والخفض هو

الختان.

Perkara ini menyebabkan Sarah merasa cemburu, memarahi dirinya (kerana menyerahkan Hajar kepada Ibrahim) dan mula membenci Hajar. Lalu Sarah bersumpah untuk memotong tiga anggota badan Hajar. Maka berkata Ibrahim kepada Sarah: "Apakah kamu bersungguh-sungguh hendak memenuhi sumpahmu itu?" Sarah menjawab: "Bagaimana yang patut aku lakukan?" Ibrahim mencadangkan: "Tindiklah telinganya dan ringankanlah (sumpahmu itu) untuknya dan keringanan itu ialah sekadar mengkhitan (Hajar)."

ففعلت ذلك بها فوضعت هاجر في أذنيها قرطين فازدادت بهما حسنا. فقالت سارة: إنما زدتها جمالا! فلم تقاره على كونها معه ووجد بها إبراهيم وجدا شديدا. فنقلها إلى مكة فكان يزورها كل يوم من الشام على البراق من شغفه بها وقلة صبره عنها.

Sarah melaksanakan cadangan Ibrahim ke atas Hajar. Namun Hajar memakai sepasang anting-anting pada telinganya yang ditindih dan ini menambah kecantikannya. Lalu berkata Sarah: "Sesungguhnya ini hanya menambah kecantikannya."

Perkara itu tidak memuaskan hati Sarah, apatah lagi apabila Ibrahim semakin bersungguh-sungguh mencintai Hajar. Maka

Ibrahim memindahkan Hajar ke Mekah. (Ibrahim) menziarahinya setiap hari dari Syam dengan menaiki Buraq kerana kerinduan kepadanya dan sedikitnya kesabaran (Ibrahim untuk berpisah) daripadanya.

Berdasarkan teks arab sebenar riwayat kecemburuan Sarah ke atas Hajar yang dikemukakan oleh Ibn al-Qayyim, ada dua perkara yang ingin saya bawa ke perhatian para pembaca sekalian:

Pertama: Perhatikan ke arah penghujung riwayat di atas, terdapat tokoh tambah dalam novel *Sebarkan Cinta-Mu* bagi menambah sensasi kisah kecemburuan antara Sarah dan Hajar. Tokoh tambah yang dimaksudkan ialah:

Cinta Ibrahim semakin hari semakin mendalam kepada Hajar. Kecemburuan Sarah pula semakin memuncak. Walaupun Sarah seorang wanita mulia, isteri seorang Nabi namun kecemburuannya dapat membinasakan orang lain.

Nabi Ibrahim terpaksa memindahkan Hajar ke Makkah. Selain mematuhi perintah Allah, hikmahnya, Nabi Ibrahim dapat melindungi Hajar daripada tindakan kasar Sarah. Peristiwa itu menguji besarnya cinta Nabi Ibrahim kepada Hajar. Ia turut meraikan rendahnya kesabaran Sarah terhadap kecemburuannya.

Padahal teks asal hanyalah:

Perkara itu tidak memuaskan hati Sarah, apatah lagi apabila Ibrahim semakin bersungguh-sungguh mencintai Hajar. Maka Ibrahim memindahkan Hajar ke Mekah.

Kedua: Perhatikan kisah Nabi Ibrahim menaiki Buraq untuk terbang setiap hari dari Syam ke Mekah untuk menziarahi Hajar dan Ismail. Kisah ini jelas bertentangan dengan hadis sahih yang dikemukakan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* di mana Nabi Ibrahim meninggalkan Hajar dan Ismail di Mekah tanpa mengunjungi mereka lagi. Nabi Ibrahim meninggalkan mereka sehingga Hajar terpaksa berulang alik antara Bukit Safa dan Bukit Marwa bagi mencari air. Diriwayatkan bahawa setelah Nabi Ibrahim meninggalkan Hajar dan Ismail di Kota Mekah, beliau menziarahi mereka dengan menaiki Buraq setiap bulan dan bukannya setiap hari. Ini dinyatakan dalam riwayat berikut:

كَانَ إِبْرَاهِيمُ يَزُورُ هَاجَرَ كُلَّ شَهْرٍ عَلَى الْبُرَاقِ يَغْدُو غَدْوَةً فَيَأْتِي مَكَّةَ ثُمَّ يَرْجِعُ فَيُقِيلُ فِي مَنْزِلِهِ بِالشَّامِ.

Biasanya Ibrahim menziarahi Hajar setiap bulan dengan menaiki Buraq. Beliau bertolak pada waktu pagi ke Mekah, kemudian (pulang) untuk berehat pada waktu

siang di rumahnya di Syam.¹⁸

Pertentangan ini tentu saja menyebabkan riwayat al-Waqidi ini tertolak sepenuhnya.

Apa yang menjadi persoalan penting di sini ialah, kenapakah kisah Nabi Ibrahim menaiki Buraq setiap hari untuk menziarahi Hajar dan Ismail tidak dikemukakan oleh *Sebarkan Cinta-Mu*?

Kesimpulan

Berdasarkan penilaian di atas, dapat disimpulkan bahawa riwayat berkenaan kecemburuan Sarah ke atas Hajar sehingga menzaliminya adalah lemah dari sudut sanad dan tertolak dari sudut matan. Bahkan berlaku tokok tambah pada sebahagian lafaz dan “kehilangan” pada sebahagian lafaz dalam teks yang dikemukakan oleh *Sebarkan Cinta-Mu*. Semua ini menyebabkan hal ini diklasifikasikan sebagai fitnah ke atas Nabi Ibrahim dan isterinya Sarah serta Hajar.

Apa yang benar, kecemburuan memang wujud dalam mana-mana keluarga poligami. Kecemburuan tidak boleh

¹⁸ Hasan: Dikeluarkan oleh Muhammad bin Ishaq al-Fakihi (275H) dalam *Akhbar Makkah (tahqiq: Abd al-Malik ‘Abd Allah, Dar Khidhir, Beirut, 1414H; al-Maktabah al-Syamilah v3.3)*, jld. 5, ms. 121 dan ia dinilai hasan oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani dalam *Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari*, syarah kepada hadis no: 3113/3364 (*Kitab Ahadits al-Anbiya’, Bab Firman Allah: Dan Allah mengambil Ibrahim menjadi kesayangan-Nya*). Rujukan ini seterusnya akan disebut sebagai *Fath al-Bari* sahaja.

disifarkan dan tidak boleh dibiarkan berleluasa sehingga menzalimi pihak yang lain. Nabi Ibrahim 'alahi salam sebagai kekasih Allah (*Khalillullah*) tentu sahaja akan memerhatikan kadar kecemburuan di antara isteri-isterinya, menasihati dan menegur di mana perlu.

Sebagai orang yang beriman, tidaklah wajar kita memfitnah keluarga seorang Nabi Allah semata-mata untuk menonjol-nonjolkan sifat cemburu sebagai satu kelaziman yang buruk lagi zalim dalam mana-mana keluarga poligami.

Kisah Nabi Ibrahim Dan Hajar¹⁹

Pada kesempatan ini saya ingin berkongsi sebuah kisah benar dari sejarah Nabi Ibrahim 'alaihi salam dan isterinya Hajar. Sebelum ini ingin saya tekankan satu disiplin yang penting, iaitu sebelum kita membaca atau mendengar apa-apa kisah para Nabi dan Rasul Allah, hendaklah dipastikan kesahihannya terlebih dahulu. Ini kerana para Nabi dan Rasul adalah kekasih Allah, manusia pilihan-Nya dan utusan-Nya bagi menyebarkan agama tauhid kepada manusia. Maka tidak selayaknya kisah-kisah yang tidak diketahui asal-usulnya atau darjat kesahihannya disandarkan kepada para Nabi dan Rasul Allah.

Justeru kisah berikut saya nukil dari kitab *Shahih al-Bukhari*, hadis no: 3113/3364 (*Kitab Ahadits al-Anbiya'*, Bab *Firman Allah: Dan Allah mengambil Ibrahim menjadi kesayangan-Nya*). Ayuh kita menghayatinya:

أَوَّلَ مَا اتَّخَذَ النَّسَاءُ الْمِنْطَقَ مِنْ قَبْلِ أُمِّ إِسْمَاعِيلَ اتَّخَذَتْ مِنْطَقًا
لْتُعْفَى أَثَرُهَا عَلَى سَارَةٍ ثُمَّ جَاءَ بِهَا إِبْرَاهِيمُ وَبَابِنَهَا إِسْمَاعِيلُ وَهِيَ تُرْضِعُهُ
حَتَّى وَضَعَهُمَا عِنْدَ الْبَيْتِ عِنْدَ دَوْحَةٍ فَوْقَ زَمْزَمَ فِي أَعْلَى الْمَسْجِدِ.

Wanita pertama yang menggunakan ikat pinggang

¹⁹ Bab ini asalnya adalah kolum saya untuk majalah *Pengantin & Pesona* terbitan Kumpulan Karangraf Sdn. Bhd.

adalah ibu Isma'il (Hajar). Beliau menggunakannya bagi menghilangkan jejaknya daripada Sarah (madunya, yakni isteri pertama Nabi Ibrahim). Nabi Ibrahim membawanya bersama anaknya Isma'il yang saat itu masih menyusu badan, sehinggalah Ibrahim menempatkan keduanya dekat Baitullah (Ka'bah), pada sebuah gubuk di atas Zam Zam di hujung masjid.

وَلَيْسَ بِمَكَّةَ يَوْمَئِذٍ أَحَدٌ وَلَيْسَ بِهَا مَاءٌ فَوَضَعَهُمَا هُنَالِكَ وَوَضَعَ
عِنْدَهُمَا جِرَابًا فِيهِ تَمْرٌ وَسِقَاءً فِيهِ مَاءٌ ثُمَّ قَفَى إِبْرَاهِيمُ مُنْطَلِقًا فَتَبِعَتْهُ أُمُّ
إِسْمَاعِيلَ فَقَالَتْ: يَا إِبْرَاهِيمُ أَيْنَ تَذْهَبُ وَتَتْرَكُنَا هَذَا الْوَادِي الَّذِي لَيْسَ
فِيهِ إِنْسٌ وَلَا شَيْءٌ؟ فَقَالَتْ لَهُ ذَلِكَ مِرَارًا وَجَعَلَ لَا يَلْتَفِتُ إِلَيْهَا فَقَالَتْ
لَهُ: أَلَلَّهُ الَّذِي أَمَرَكَ بِهَذَا؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَتْ: إِذَنْ لَا يُضَيِّعُنَا.

Pada waktu itu di Mekah tidak ada seorang pun yang tinggal di sana dan tidak ada air. Nabi Ibrahim menempatkan keduanya di sana dan meninggalkan sebuah karung berisi kurma dan kantung berisi air. Kemudian Nabi Ibrahim pergi untuk meninggalkan keduanya. Maka ibu Ismail (Hajar) mengikutinya seraya bertanya: "Wahai Ibrahim, kamu mahu pergi ke mana sementara kamu meninggalkan kami di lembah ini yang tidak ada seorang manusia dan tidak ada sesuatu apa?"

Ibu Isma'il mengulang-ulang pertanyaannya, tetapi Nabi Ibrahim tidak menoleh kepadanya. Akhirnya ibu Isma'il bertanya: "Apakah Allah yang memerintahkan kamu perkara ini?" Ibrahim menjawab: "Ya". Ibu Isma'il berkata: "Jika begitu Allah tidak akan mengabaikan kami."

ثُمَّ رَجَعَتْ فَأَنْطَلَقَ إِبْرَاهِيمُ حَتَّى إِذَا كَانَ عِنْدَ النَّبِيِّ حَيْثُ لَا يَرَوْنَهُ اسْتَقْبَلَ بِوَجْهِهِ الْبَيْتِ ثُمَّ دَعَا بِهَؤُلَاءِ الْكَلِمَاتِ وَرَفَعَ يَدَيْهِ فَقَالَ رَبِّ ((إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بُوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ حَتَّى بَلَغَ يَشْكُرُونَ)).

Kemudian ibu Isma'il kembali dan Nabi Ibrahim melanjutkan perjalanannya sehingga sampai pada sebuah bukit dan orang-orang tidak melihatnya lagi. Nabi Ibrahim menghadap ke arah Ka'bah lalu berdoa untuk mereka dengan beberapa kalimat doa sambil mengangkat kedua belah tangannya:

Wahai Tuhan kami, sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tanam-tanaman, dekat rumah Engkau (Baitullah) yang dihormati. Wahai Tuhan kami (yang demikian itu) agar mereka mendirikan shalat, maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada

mereka dan berilah mereka rezeki dari buah-buahan, mudah-mudahan mereka bersyukur. [Ibrahim 14:37]

Hadis ini diteruskan dengan ibu Isma'il, yakni Hajar yang berulang alik di antara bukit Safa dan Marwah bagi mencari air. Ini beliau lakukan selepas kantung air yang disediakan oleh Nabi Ibrahim telah kering sementara bayinya – Isma'il – menangis dahaga dan kelaparan.

Akhirnya malaikat Jibrail datang di Zam Zam, mengorek sedikit dengan tumit atau sayapnya sehingga akhirnya terpancarlah air. Ibu Isma'il menakung air tersebut sehingga menjadilah sebuah kolam atau telaga, yang kini dikenali sebagai telaga Zam Zam. Ibu Isma'il minum dan kembali dapat menyusui anaknya Isma'il. Sejurus selepas itu orang-orang dari daerah lain mula bertumpu ke lembah tersebut.

Demikianlah sebahagian daripada sebuah hadis yang panjang berkenaan Nabi Ibrahim dan isterinya Hajar. Ia disampaikan oleh Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* setelah dikhabarkan oleh Allah melalui wahyu dan diriwayatkan oleh Abdullah ibn Abbas *radhiallahu 'anh*.²⁰ Marilah kita meneliti

²⁰ Terdapat perbincangan di kalangan ahli ilmu, apakah hadis di atas *marfu'* (sabda Rasulullah) atau *mauquf* (perkataan sahabat). Ini kerana Ibn Abbas tidak menyatakan di permulaan hadis di atas bahawa dia mendengarnya daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* atau Rasulullah bersabda seperti demikian. Namun yang benar ia tetap berstatus *marfu'* kerana para sahabat tidak mengetahui hal ghaib, seperti kisah Nabi-nabi sebelum mereka,

beberapa mutiara yang dapat sama-sama kita ambil iktibar.

Pertama: Kecemburuan Isteri Adalah Lumrah

Kisah di atas dimulakan dengan tindakan Hajar yang menutupi jejaknya agar tidak diketahui oleh Sarah. Nabi Ibrahim memiliki dua orang isteri, yakni Sarah dan Hajar. Baik monogami atau poligami, kecemburuan adalah perasaan lumrah seorang isteri dan suami hendaklah membantu isteri mengawalinya. Kecemburuan tidak boleh disifarkan dan tidak boleh dibiarkan menguasai diri. Apa yang boleh dan patut dilakukan ialah mengurusinya agar sentiasa pada tahap kesederhanaan.

Dalam kes poligami misalnya, suami menempatkan isteri-isteri di lokasi atau rumah yang berbeza agar mereka tidak diganggu dengan perasaan cemburu. Inilah yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim sebagaimana hadis di atas. Akan tetapi meninggalkan Hajar dan Ismail di Mekah yang kosong saat itu merupakan perancangan Allah bagi memulakan sebuah komuniti di sana yang akan berkembang sehinggalah ke hari ini. Ia khusus bagi Nabi Ibrahim, Hajar dan Ismail. Para suami masa kini janganlah pula meninggalkan ahli keluarga masing-masing di padang pasir, lautan atau hutan belantara.

Merujuk kepada kecemburuan di antara Sarah dan

melainkan dikhabarkan oleh Rasulullah berdasarkan petunjuk wahyu.

Hajar, terdapat beberapa riwayat yang menerangkan tindakan zalim di antara mereka berdua. Namun riwayat-riwayat tersebut adalah tidak sahih dan tidak boleh disandarkan ke atas dua orang wanita solehah yang menjadi pendamping seorang Rasul Allah.

Kedua: Keyakinan Kepada Allah

Perhatikan perkataan Hajar selepas ditinggalkan suaminya (Nabi Ibrahim) di lembah yang tidak dihuni manusia mahu pun apa-apa yang lain: **"Jika begitu Allah tidak akan mengabaikan kami."** Kata-kata ini membuktikan keimanan yang tinggi kepada Allah serta mentauhidkan Allah sebagai satu-satunya *al-Razzaq* (pemberi rezeki) dan *al-Hafiz* (pemelihara). Berdasarkan keimanan dan keyakinan inilah, Allah akhirnya mengurniakan air Zam Zam kepada Hajar dan anaknya Isma'il.

Berdasarkan kisah ini hendaklah para isteri sedar bahawa sumber ketenangan, pemeliharaan dan rezeki yang sebenar ialah Allah *Subhanahu waTa'ala*. Suami hanyalah perantara, namun jika suami tidak ada janganlah berputus asa atau merungut. Ini kerana Allah tetap ada.

Ketiga: Doa Suami Kepada Keluarganya.

Nabi Ibrahim sedih meninggalkan ahli keluarganya, kerana itulah beliau tidak menoleh apabila ditanya berulang-

kali oleh Hajar. Namun oleh kerana perintah Allah, beliau terpaksa juga meninggalkan mereka. Beliau menyiapkan untuk ahli keluarganya bekal kurma, air dan doa. Bekal terakhir inilah yang paling penting.

Merujuk kepada suasana masa kini, suami-suami mungkin ada yang terpaksa meninggalkan ahli keluarga mereka untuk tempoh yang lama seperti bekerja di kapal laut, pelantar minyak atau melanjutkan pelajaran. Bahkan mungkin saja untuk tempoh yang sementara seperti ke pejabat pagi hingga petang. Oleh itu di samping meninggalkan bekal nafkah yang mencukupi, para suami janganlah lupa mendoakan kebaikan dunia dan akhirat untuk ahli keluarga yang dicintai.

Pesan Al-Qardawi Kepada Para Da'e²¹

Seseorang yang ingin menjadi da'e yang baik mestilah memiliki pengetahuan sejarah. Ini kerana sejarah itu bagaikan sebuah buku catatan tentang kemanusiaan, berisi catatan peristiwa-peristiwa yang dialami atau dilakukan oleh orang, merupakan kumpulan pengetahuan dan hasil budayanya, dan sekali gus merupakan bukti atau saksi yang adil atas segala macam cita-cita, kehendak dan karya mereka.

Apa yang dipandang penting dalam konteks pembicaraan ini ialah sejarah Islam dan sejarah umatnya sejarah khusus, dan sejarah dunia secara umum. Akan tetapi tentulah tidak dimaksudkan agar setiap da'e itu menjadi ahli sejarah. Ini kerana sulit dibayangkan adanya seorang yang mengetahui sejarah manusia di dunia ini secara keseluruhan, kendatipun orang yang dimaksudkan itu merupakan ahli sejarah. Dengan demikian mengertilah anda bahawa yang harus

²¹ *Tsaqafah al-Da'eyyah* (edisi terjemahan oleh Nabhan Husein atas judul *Kritik dan Saran Untuk Para Da'i*; Media Dakwah, Jakarta, 1993), ms. 151-168 secara berpisah-pisah dan dengan beberapa suntingan bahasa.

Kenyataan di atas diulangi oleh al-Qaradhawi dalam bukunya yang lain: *Tarikhuna al-Muftara 'Alaihi* yang sudah diterjemahkan oleh Arif Munandar atas judul *Distorsi Sejarah Islam* (Pustaka al-Kautsar, Jakarta, 2005). Ini adalah buku yang baik di mana al-Qaradhawi melurus dan membersihkan pelbagai sejarah Islam yang selama ini dipandang serong oleh umat Islam secara khusus dan manusia secara umum.

diketahui oleh setiap da'e hanyalah dasar-dasar dan garis-garis besarnya saja.....

Perlu pula ditambahkan di sini beberapa peringatan yang tidak boleh dilupakan oleh seorang penelaah atau da'e-da'e, iaitu:

Pertama: Tidak semua yang tercatat dalam buku-buku sejarah itu 100% benar. Sebaliknya banyak penulisan sejarah yang melakukan manipulasi maklumat, pemalsuan fakta, berlebih-lebihan dan penipuan sejarah, yang pada akhirnya terbukti setelah dilakukan penyaringan dan bandingan dengan buku-buku lain.²²

Dalam penulisan sejarah, kerap kali ia mengikuti kehendak kepentingan-kepentingan peribadi pengarang, diwarnai ketaksuabbannya terhadap politik, agama dan aliran mazhab, sehingga perjalinan dan pemahaman maklumat dan fakta dipengaruhi oleh penilaian peribadi ahli sejarah tersebut.

Diberikannya penilaian positif atas sesuatu yang negatif atau sebaliknya, terlebih lagi jika penulis sejarah itu termasuk pihak yang menang, seperti mana penulisan-penulisan sejarah dari bangsa Belanda untuk sejarah Indonesia dahulu.

²² Seperti membandingkan kisah-kisah yang terdapat dalam kitab sejarah dengan al-Qur'an dan hadis sahih.

Adalah menjadi kebiasaan bangsa atau kelompok yang menang untuk menulis sejarah secara tidak adil. Pihak yang kalah selalu dipandang negatif, kekeliruan-kekeliruannya dibesar-besarkan dan kelebihan-kelebihannya ditutup-tutupi. Hal ini kadang-kadang dilakukan secara sengaja dan sering pula kerana lupa.

Perhatikanlah sejarah Islam yang ditulis oleh kalangan bukan Islam, nescaya akan terlihat adanya upaya memutarbelitkan fakta dan maklumat, sehingga mengganggu kefahaman dan merosakkan lukisan sejarahnya. Ini berlaku tidak hanya terhadap sejarah Islam abad-abad moden tetapi juga zaman keemasan dahulu juga.

Sejarah Islam pada masa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, masa *Khulafa' al-Rashidin* dan zaman-zaman keemasan lainnya juga sering dimuramkan. Jika ditanya tentang sumber-sumber maklumat yang mereka gunakan, dikatakan bahawa mereka mengambil maklumat dari *Tarikh al-Waqidi*, *Tarikh al-Thabari*, *Tarikh Ibn Atsir* dan sebagainya, dengan mana cukup alasan untuk mendakwa tulisannya sebagai tulisan ilmiah sesuai dengan metodologi yang dibuat-buatkan sendiri. Begitulah situasinya dan begitulah kelakuan kalangan orientalis, guru-guru besar sejarah di perguruan-perguruan tinggi dan para penganalisa lainnya.

Kita merasa diundang oleh kebiasaan-kebiasaan sejarahwan

yang selalu menunjukkan sumber-sumber maklumat sejarah yang dipakainya sewaktu menyusun sejarah. Sehubungan dengan masalah ini, ada baiknya diberikan catatan ke atas buku yang dianggap sumber maklumat sejarah Islam.

Tarikh al-Thabari

Apa yang menjadi perhatian al-Thabari dalam menyusun bukunya ini ialah pengumpulan maklumat sejarah dan pembukuannya. Bukan pemilihan, penyaringan serta klasifikasi maklumat. Bukan pula pemeriksaan yang teliti terhadap kekuatan dan kesahihan maklumat-maklumat tersebut. Setiap riwayat yang dianggap penting dibukukannya tanpa terlalu memberi perhatian apakah periwayat maklumat itu dipercayai atau tidak. Ini kerana beliau bercita-cita untuk mengumpulkan semua maklumat yang berkaitan semua bidang. Cita-cita ini tentu saja wajar.

Akan tetapi oleh kerana maklumat-maklumat sejarah yang dikumpalnya itu begitu longgar (tanpa penyaringan), di mana beliau tidak memerhatikan kuat dan lemahnya riwayat, maka beliau dan ahli-ahli sejarah sejenisnya dinilai dan diumpamakan oleh Sayyid Muhibuddin al-Khatib sebagai anggota-anggota dewan perwakilan rakyat di zaman sekarang. Ketika membahas sesuatu persoalan, dikumpulkan segala bahan yang dapat dijangkau serta segala alasan

yang diperkirakan penting, tanpa peduli apakah alasan-alasan itu cukup kuat atau tidak.

Sudah menjadi satu kaedah bagi al-Thabari meriwayatkan peristiwa-peristiwa itu dengan cara menyebutkan satu persatu sanad sampai ke sanad yang paling atas. Ini kerana beliau tidak suka dituduh mengada-adakan. Memang kaedah ini boleh diterima oleh umum pada zamannya, mengingatkan para ulama' masa itu dapat mengenali sanad-sanad yang disebutkan itu.

Apa yang telah dilakukannya jelas membuatnya menjadi pengikut riwayat di satu pihak (bukan pembuat kisah-kisah sendiri), dan membuat para pembaca kitab karangannya terpaksa meneliti kembali nama-nama dan darjat kekuatan sanad-sanad yang disebutkannya. Tentu saja dari sederetan nama-nama sanad tersebut ada perawi yang tidak dapat dipercayai kebenaran riwayatnya sehingga dianggap gugur. Sebahagian lagi mungkin diperselisihkan kebenarannya dan hanya sebahagian lain yang boleh diterima.

Sanad-sanad yang biasa diambil oleh al-Thabari antara perawinya ialah Muhammad bin Ishaq, al-Waqidi, Hisyam bin Muhammad, Muhammad al-Kalbi, Saif bin Umar al-Tamimi, Luth bin Yahya al-Azdi dan lain-lain.

Muhahmmah bin Ishaq dinilai tidak cukup syarat untuk dipercayai kerana beliau terlalu sering meriwayatkan berita-berita yang lemah. Begitulah penilaian Imam Malik dan rakan-rakannya. al-Waqidi pula dianggap sering berdusta oleh ahli-ahli hadis.

Hisyam bin Muhammad dan Muhammad al-Kalbi juga didakwa sebagai dua orang pendusta. Saif bin Umar al-Tamimi juga dianggap lemah. Di satu pihak dia banyak meriwayatkan berita-berita fiktif dan di pihak lain dia dituduh sebagai seorang zindiq. Luth bin Yahya al-Azdi juga dinilai tidak boleh dipercayai. Ini kerana beliau banyak mengeluarkan riwayat-riwayat yang tidak sahih. Lagi pula dia adalah seorang yang fanatik kepada Mazhab Syi'ah.

Selain kelemahan sanad-sanad yang diambilnya, al-Thabari memiliki kelemahan lain iaitu riwayat-riwayat yang berkenaan dengan sejarah yang tidak jelas dan tidak bersih. Beliau tidak mendudukan satu masalah berkenaan fiqh secara sesuai dengan kaedah-kaedah fiqh, tidak mengaitkan topik sejarah yang berkenaan dengan ayat al-Qur'an atau hadis secara yang sesuai dengan disiplin ilmu tafsir atau ilmu hadis. Oleh kerana ini timbullah bermacam-macam pertanyaan yang ditujukan kepada kitab *tarikhnya*.

Sebagai seorang ulama' tafsir dan ahli hadis, beliau semestinya bersikap teliti dalam menulis sejarah. Tetapi

kenyataannya tidak demikian. Malah diterimanya saja segala bentuk riwayat (maklumat tidak bertulis) dengan alasan bahawa isi kitab *tarikhnya* itu tidak dimaksudkan untuk dijadikan dasar atau hujah dalam penyusunan sejarah.

Mudah-mudahan Allah memaafkan beliau, walaupun akibat dari kaedah (metodologi) yang dipakainya itu cukup merugikan. Sejarah Islam zaman permulaan menjadi kabur kerananya, tokoh-tokoh Islam zaman itu menjadi buruk dan penulis-penulis sejarah selepas beliau Ibn Atsir, Ibn Katsir dan lain-lain juga ikut tersesat.²³

Kelemahan-kelemahan yang seakan-akan disengajakan ini ternyata pada zaman sekarang dimanfaatkan oleh kaum orientalis dan kalangan yang tidak suka kepada Islam.²⁴ Jika kita sanggah mereka, segeralah mereka membela diri dengan mengatakan bahawa "Apa-apa yang kami kemukakan itu bersumberkan kitab-kitab *tarikh* yang dikarang oleh ulama'-ulama' kenamaan di kalangan kaum muslimin dahulu seperti al-Thabari, Abu al-Fida Ibn Katsir dan banyak lagi."

²³ Pada pandangan saya al-Thabari tidaklah salah dan tidak perlu dimaafkan kerana beliau secara jelas telah menyatakan di bahagian *muqaddimah* kitab *tarikhnya* metodologi penyusunannya. Kesalahan terletak pada pihak yang membaca dan menukil kerana tidak memerhatikan terlebih dahulu metodologi beliau. Demikian juga, para imam selepas al-Thabari bukanlah ikut tersesat tetapi mengikuti metodologi al-Thabari dalam mengemukakan kisah-kisah sejarah. Pihak yang sebenarnya sesat lagi salah ialah mereka yang menukil kisah-kisah sejarah ini tanpa memahami metodologi para imam di sebaliknya.

²⁴ Juga oleh sebahagian umat Islam dalam rangka menghujahkan pandangan peribadi atau aliran pilihan mereka.

Tugas Seorang Pendakwah Di Jalan Allah

Mulai mukasurat 37, *Sebarkan Cinta-Mu* merakamkan pergaduhan antara isteri pertama dan isteri kedua Pak Hassan di luar dewan KOSDAT. Ini bukanlah semata-mata cerita fiktif sebuah novel semata-mata, namun sesuatu yang benar-benar berlaku bagi sebahagian keluarga poligami. Bahkan bagi sebahagian lagi keluarga poligami, pergaduhan adalah jauh lebih hebat. Namun bagi sebahagian keluarga poligami yang lain, pergaduhan hampir-hampir tidak berlaku.

Perkara yang sama juga berlaku bagi keluarga monogami. Ada yang sering bergaduh, ada yang hebat bergaduh dan ada yang hampir tidak pernah bergaduh.

Demikianlah hakikat sebenar kehidupan berumahtangga, baik monogami atau poligami.

Bezanya, untuk kehidupan monogami banyak usaha dilakukan bagi mengurangi kadar pergaduhan. Banyak buku-buku rumahtangga harmonis di pasaran, banyak kuliah rumahtangga bahagia di masjid dan pejabat. Bahkan banyak program persediaan rumahtangga disusun kepada mereka yang belum berkahwin, agar langkah ke alam perkahwinan kelak diwarnai *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah*. Demikianlah sikap positif lagi aktif orang ramai, daripada para ahli hinggalah masyarakat bagi menjayakan rumahtangga

monogami.

Sayang sekali perkara yang sama belum dapat dikatakan untuk poligami. Cuba para pembaca renungi, di antara sekian banyak kuliah di masjid, surau dan pejabat, berapa banyakkah yang berbicara subjek poligami? Kuliah Subuh di masjid, kuliah Dhuha di surau untuk para muslimat, kuliah Zohor di pejabat, kuliah Maghrib di masjid negeri, forum perdana di stadium, berapa banyakkah yang menyampaikan topik poligami?

Demikianlah juga buku-buku di pasaran. Pada masa kini – *alhamdulillah* – pasaran buku di Malaysia dibanjiri dengan buku-buku agama. Namun di antara ratusan tajuk, beberapa buahkah yang mengupas tajuk poligami?

Sebenarnya ilmu berkenaan poligami masih amat minimum di Malaysia. Ilmu yang saya maksudkan ialah hukum, hikmah, kaedah dan etika berpoligami. Bukan lawak jenaka oleh sebahagian ustaz yang disambut baik oleh hadirin muslimin dan disambut muram oleh hadirin muslimat.

Memperbanyakkan ilmu poligami di Malaysia memiliki beberapa keutamaan, di antaranya:

Pertama: Agar umat mendapat pendedahan yang betul berkenaan poligami. Memperbanyakkan ilmu poligami bukan bererti menyuruh poligami, tetapi mendedahkan poligami dari

sudut hukum, hikmah, kaedah dan etika. Sebahagian umat Islam ada yang menolak poligami kerana salah faham dan kejahilan mereka berkenaan poligami. Ini seperti mana yang disebut oleh sebuah pepatah Arab: "Kejahilan kerap kali adalah musuh seseorang".

Kedua: Secara purata, setiap saat terdapat sebuah kapalterbang yang berlepas atau mendarat di dunia ini. Semua penerbangan ini berjalan dengan lancar, sekadar menghadapi kegoncangan cuaca buruk sekali sekala. Penerbangan yang lancar seperti ini tentu saja tidak disiarkan dalam mana-mana berita.

Pada waktu yang sama, dalam setahun secara purata terdapat tiga atau empat kemalangan yang melibatkan kapalterbang. Berita kemalangan ini disiarkan secara besar-besaran di seluruh dunia. Disebabkan berita ini, ada orang yang merasa takut untuk menaiki kapalterbang. Bahkan ada ibubapa yang melarang anak-anak mereka daripada bekerja dalam bidang penerbangan, baik juruterbang mahupun pramugari dan pramugara.

Pandangan negatif ini masih wujud meskipun ramai ilmuan dalam bidang keselamatan pengangkutan (*transport safety*) yang telah menyatakan bahawa menaiki kapalterbang adalah jauh lebih selamat daripada menaiki kenderaan darat (bas, kereta, motosikal) apabila bergerak dari satu tempat ke

tempat yang lain.

Nasib yang sama juga dihadapi oleh poligami di Malaysia. Seperti yang saya jelaskan di atas, keluarga-keluarga poligami terdiri daripada mereka yang bahagia dan terseksa. Namun adat manusia lebih memberi perhatian kepada yang terseksa dan inilah yang dijadikan dakwat untuk mewarnai keseluruhan keluarga poligami.

Justeru memperbanyakkan ilmu poligami memiliki keutamaan untuk melurus dan membersihkan salah faham berkenaannya, baik yang muslim mahupun belum muslim. Keutamaan ini selari dengan keutamaan melurus dan membersihkan salah faham masyarakat tentang hukum hudud, kedudukan wanita dan jihad di dalam Islam.

Ketiga: Secara umumnya difahami bahawa apabila berlaku suasana "terseksa" di alam poligami, maka ia adalah kesalahan pengamalannya dan bukan pensyari'atannya. Namun apabila suasana terseksa ini seolah-olah lebih menonjol, tidak dapat tidak ia melahirkan bibit-bibit berburuk sangka kepada Allah *Subhanahu waTa'ala* yang telah mensyari'atkannya. Ini akan memberikan natijah buruk kepada aqidah seorang muslim.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengingatkan:

لَا يَمُوتَنَّ أَحَدُكُمْ إِلَّا وَهُوَ يُحْسِنُ الظَّنَّ بِاللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Janganlah salah seorang kalian meninggal dunia kecuali dia dalam keadaan berbaik sangka kepada Allah 'Azza wa Jalla.²⁵

Berbaik sangka kepada Allah akan memberi pengaruh baik kepada kehidupan di dunia dan akhirat sementara berburuk sangka kepada Allah akan memberi pengaruh buruk kepada kehidupan di dunia dan akhirat. Oleh kerana itulah kita dapati orang yang selalu berbaik sangka kepada Allah, kehidupannya di dunia ini sentiasa baik. Namun hal yang sama tidak dapat dikatakan kepada orang yang sering berburuk sangka kepada Allah. Hayatilah hadis qudsi berikut. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ اللَّهَ جَلَّ وَعَلَا يَقُولُ: أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي إِنْ ظَنَّ خَيْرًا فَلَهُ وَإِنْ ظَنَّ شَرًّا فَلَهُ.

Sesungguhnya Allah Jalla wa 'ala berfirman: Aku berdasarkan prasangka hamba-Ku kepada-Ku. Jika dia bersangka baik maka baginya (kebaikan) dan jika dia

²⁵ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 5125/2877 (*Kitab al-Jannah wa Shifati Na'imiha wa Ahliha, Bab suruhan berbaik sangka kepada Allah ketika menghampiri mati*).

bersangka buruk maka baginya (keburukan).²⁶

Keempat: Memperbanyak ilmu poligami akan menghasilkan banyak manfaat kepada mereka yang ingin berpoligami, sudah berpoligami dan hidup dalam lingkungan keluarga, sanak saudara atau sahabat handai yang berpoligami.

Kehidupan poligami seperti mana kehidupan monogami. Semua pihak yang memiliki kaitan dengannya mendahagakan ilmu, nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar agar yang terseksa menjadi bahagia dan yang bahagia menjadi lebih bahagia.

Kelima: Antara kemusykilan orang belum Islam terhadap agama Islam ialah poligami. Kerap kali mereka bertanya kepada yang sudah Islam namun jawapan yang mereka terima tidaklah banyak membantu. Oleh itu memperbanyakkan ilmu poligami memiliki manfaat kepada orang belum Islam agar mereka berbaik sangka kepada agama Islam dan lebih selesa untuk mendekatinya.

Keenam: Kebanyakan orang lelaki suka berbincang tentang poligami. Namun apabila ditanya ayat manakah di dalam al-Qur'an yang membolehkan poligami, sebahagian besar tidak akan dapat menjawabnya.

²⁶ Sahih: Dikeluarkan oleh Ibn Hibban dalam *Shahihnya*, hadis no: 639 (*Kitab al-Riqa'iq, Bab berbaik sangka kepada Allah*). Berkata Syu'aib al-Arna'uth: Isnadnya sahih atas syarat Muslim.

Apatah lagi jika ditanya apakah syarat penting sebelum berpoligami, yakni adil. Mereka tidak tahu apa dan bagaimana sikap adil tersebut. Mereka juga tidak tahu bahawa syarat adil adalah syarat wajib sebelum berpoligami dan seorang suami yang tidak tahu atau tidak mampu atau ragu-ragu kemampuannya untuk berlaku adil, maka dia tidak boleh berpoligami.

Mereka jarang-jarang atau hampir tidak pernah diberi pendedahan tentang syarat adil ini yang disebut oleh Allah *Subhanahu waTa'ala*:

فَإِنْ حِفْظُهُمْ إِلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ
إِلَّا تَعُولُوا.

Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman. [al-Nisa' 4:03]

Oleh itu memperbanyakkan ilmu poligami di Malaysia diharapkan dapat mengurangkan kes-kes poligami yang tidak bertanggungjawab.

Atas keutamaan-keutamaan ini – dan mungkin

sebahagian lagi yang saya terlepas pandang – saya ingin mengajak para da'e dan agamawan untuk menguasai subjek poligami dan menyebarkannya secara positif kepada umat Islam. Ahli-ahli jawatankuasa masjid dan surau, penganjur-penganjur program agama, editor-editor majalah agama serta pengarah-pengarah rancangan TV dan radio disaran agar memperbanyakkan penyampaian ilmu yang benar berkenaan poligami. Ayuh kita menjadi da'e yang benar di jalan Allah dengan menyampaikan semua syari'at Allah dengan cara yang benar dan sikap yang positif.

Janganlah pula subjek poligami dijadikan bahan lawak, mainan, hiburan, ejekan dan olok-olok kerana itu adalah satu kesalahan yang amat besar. Ini kerana poligami disyari'atkan dalam al-Qur'an dan menjadi amalan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Menjadikannya atau apa-apa lain daripada syari'at Islam sebagai bahan lawak, mainan, hiburan, ejekan dan olok-olok merupakan salah satu daripada 10 perkara yang boleh membatalkan iman seseorang, berdasarkan firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَلَيْنَ سَأَلْتَهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِاللَّهِ وَآيَاتِهِ
وَرَسُولِهِ كُنتُمْ تَسْتَهْزِئُونَ. لَا تَعْتَذِرُوا قَدْ كَفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ.

**Dan jika engkau bertanya kepada mereka
(tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan**

menjawab: "Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main." Katakanlah: Patutkah nama Allah dan ayat-ayat-Nya serta Rasul-Nya kamu memperolok-olok dan mengejeknya? Janganlah kamu berdalih kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu beriman.
[al-Taubah 9:65-66]²⁷

Janganlah juga subjek poligami disampaikan dengan cara atau bentuk yang menyebabkan umat membencinya. Ini kerana poligami ialah sebahagian daripada syari'at Islam dan membencinya atau membenci mana-mana bahagian lain daripada syari'at Islam boleh menjadi pembatal iman seseorang. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا فَتَعْسًا لَهُمْ وَأَضَلَّ أَعْمَالَهُمْ. ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَرِهُوا مَا
أَنْزَلَ اللَّهُ فَأَحْبَطَ أَعْمَالَهُمْ.

Dan orang-orang yang kafir, maka kecelakaanlah bagi mereka dan (Allah) mensia-siakan amal-amal mereka. Berlakunya yang demikian kerana sesungguhnya mereka tidak menyukai apa yang diturunkan oleh Allah (mengenai ajaran tauhid dan hukum-hukum syarak yang diterangkan di dalam Al-

²⁷ Rujuk *al-Tibyan Syarh Nawagidh al-Islam* oleh Sulaiman Nashir al-Ulwan (edisi terjemahan atas judul *Kupas Tuntas 10 Pembatal Keislaman*; Inas Media, Klaten – Jawa Tengah, 2008), Pembatal ke: 6.

Quran), lalu Allah menggugurkan amal-amal mereka.

[Muhammad 47:8-9]²⁸

Atas nafas ini juga, ingin penulis menegur novel *Sebarkan Cinta-Mu*. Novel ini memiliki banyak kebaikan menyebarkan ilmu yang bermanfaat berkenaan akhlak yang mulia, kefahaman yang benar berkenaan taqdir, etika pergaulan di kalangan anak-anak muda berlainan jantina, kedudukan wanita dalam Islam, hukum-hakam berkenaan pinangan, wali, talak, *khulu'* dan *fasakh*, perkahwinan pada usia masih belajar serta bahaya fahaman Islam Liberal.

Namun pada waktu yang sama novel *Sebarkan Cinta-Mu* menyebarkan keburukan berkenaan poligami dan menakutkan para pembacanya dari poligami. Semua watak yang berkaitan dengan poligami dalam novel ini adalah negatif belaka. Alangkah baiknya apabila watak negatif diselang-seli dengan watak positif agar para pembaca dapat belajar daripada kesalahan watak negatif dan mengambil teladan daripada watak positif berkenaan poligami.

Jika seorang da'e itu benar-benar berada di atas jalan Allah yang lurus, dia akan berusaha menyebarkan syari'at Allah ini seperti yang digambarkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

²⁸

al-Tibyan Syarh Nawaqidh al-Islam, Pembatal ke: 5.

يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا وَبَشِّرُوا وَلَا تُنْفِرُوا.

***Permudahkanlah dan jangan menyulitkan,
gembirakanlah dan jangan menakutkan.***²⁹

Semoga kita semua berusaha menjadi da'e-da'e yang benar-benar berada di atas jalan Allah yang lurus.

²⁹ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 67/69 (*Kitab al-'Ilm, Bab Nabi memilih waktu yang tepat untuk memberi nasihat serta mengajar ilmu dengan cara agar para sahabat tidak meninggalkan majlis*).

Yodong, Harris Dan Ibrahim Berbicara Tentang Poligami³⁰

"Ha! Apa yang engkau termenung tu Yodong?" Harris tiba-tiba menyapa Yodong yang kelihatannya termenung jauh.

"Ehh! Tak ada apa-apa. Saja berehat seketika" jawab Yodong cuba mengelat. Kebiasaannya pukul 10 pagi merupakan waktu rehat bagi para pemandu teksi setelah sebelum itu sibuk menghantar para penumpang seawal 6 pagi.

"Ya ke?" tanya Harris sambil senyum sinis, merebahkan badannya di sebelah Yodong. Mereka sama-sama duduk berehat di kerusi panjang yang memang tersedia di perhentian teksi pekan tersebut.

"Beginilah..." Yodong mula membuka... "Aku ada nasihatkan sahabat yang ingin nikah lagi. Aku nasihatkan tetapi dia tetap berdegil. Kini dia sudah nikah lagi dan menyesal pula. Kehidupan tidak seperti yang diidam-idamkan" jelas Yodong merujuk kepada Musa. Dia enggan menyebut

³⁰ Yodong ialah salah seorang watak dalam novel *Sebarkan Cinta-Mu*, merupakan suami kepada Ibu Dhiya'. Yodong dan Ibu Dhiya' memegang watak suami isteri yang soleh lagi berilmu, dan sering memberikan nasihat-nasihat agama yang baik lagi bermanfaat kepada orang lain. Hanya apabila nasihat tersebut melibatkan poligami, maka ia perlu diberikan beberapa catatan. Harris dan Ibrahim adalah dua watak baru dalam buku ini. Yodong, Harris dan Ibrahim sama-sama bekerja sebagai pemandu teksi dan dialog di atas merupakan perbincangan mereka ketika sedang berehat.

nama Musa kerana tidak mahu membuka aib sesama Muslim.

“Ooo, tak mengapalah. Yang penting kita telah melaksanakan salah satu kewajipan sesama Muslim, yakni memberikan nasihat kepada kebenaran. Kita telah cuba melaksanakan firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَالْعَصْرِ. إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ. إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ.

Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar. [al-'Asr 103:1-3]

Yang penting kita pesan dan nasihatkan perkara yang benar, yang menepati kebenaran” tekan Harris selepas membacakan ayat tersebut.

“Apa yang engkau nasihatkan tu?” Ibrahim tiba-tiba menyampuk sambil duduk di kerusi panjang yang berhadapan Yodong dan Harris. “Ehh! Bolehkah aku menyibuk sama ni? Nampak serius saja engkau berdua.”

“Tentu boleh” jawab Yodong sambil cuba mengimbas kembali apa yang telah dia perkatakan kepada Musa.

Kehebatan Bukan Syarat Poligami

"Aku cuba nasihatkan dia agar tidak berpoligami. Aku sendiri tidak mahu berpoligami. Aku terangkan, pada zaman kini mana mungkin kita dapat menemui madu sehebat madu Aisyah, yakni Saudah binti Zam'ah yang sanggup menghadiahkan giliran kepada Aisyah kerana dia tahu Rasulullah terlalu mencintai Aisyah" jelas Yodong [SCM 121]

"Ha betul tu" sambut Ibrahim sambil mengarahkan pandangan kepada Harris menantikan jawapan balas.

"Yodong, lama dahulu apabila engkau hendak menikahi isteri kamu sekarang ini, apakah engkau mensyaratkannya berada pada kedudukan seperti salah seorang isteri Nabi atau engkau memberi motivasi kepadanya agar berusaha menjadi seperti salah seorang isteri Nabi?"

"Oh! Tentulah memberi motivasi kepadanya" jawab Yodong.

"Ya, begitulah juga kita sebagai suami. Apakah kita seorang suami yang sempurna seperti Nabi atau menjadikan Nabi sebagai sumber motivasi dan teladan?"

"Menjadikan Nabi sebagai motivasi dan teladan" jawab Ibrahim pula.

"Ya betul" jelas Harris. "Baik monogami atau poligami,

peranan suami ialah mencari isteri yang ingin menjadi yang terbaik dan memberikan motivasi kepadanya untuk menjadi yang terbaik. Bukan mensyaratkan agar terus menjadi baik, sebaik isteri-isteri Nabi, semoga Allah meredai mereka semua.”

Kemampuan Hati Mencintai Lebih Dari Satu

“Akan tetapi Harris.....aku meraguilah kemampuan cinta seorang suami yang beristeri lebih dari satu. Ini kerana lumrah cinta memang begitu, tiada dua, hanya satu. Oleh kerana itulah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sentiasa ternanti-nanti saat bergilir bersama Aisyah.” [SCM 121-122]

“Menarik apabila engkau mengatakan lumrah cinta hanya satu dan bukannya dua. Dari mana engkau mendapat ilmu ini?” Harris buat-buat tidak tahu kepada Yodong.

“Aku mendengar seorang ustazah menceritakannya dalam satu forum agama. Beliau mengulanginya beberapa kali. Lebih dari itu beliau menambah bahawa Allah *Subhanahu waTa'ala* tidak menjadikan dua hati bagi manusia, maka tidak mungkin manusia mencintai dua atau lebih orang pada satu waktu yang sama.”

“Ya, ya, saya juga pernah mendengar hal yang sama daripada ustazah tersebut. Beliau menegaskan bahawa cinta menuntut penunggalan” sampuk Ibrahim.

“Ustazah tersebut ada sebutkan rujukannya?”

“Ya ada. Beliau nyatakan ia adalah kata-kata seorang ulama’ bernama Ibn al-Qayyim dalam kitabnya yang berjudul...err...*Raudhatul Muhibbin* tak silap” jelas Yodong. Ibrahim mengangguk-angguk kepalanya.

“Engkau berdua telah membaca dengan nama Allah kitab *Raudhatul Muhibbin* tersebut?”

Kedua-dua Yodong dan Ibrahim menggeleng kepala.

“Semoga Allah mengampuni ustazah tersebut, jika benar dia berkata seperti yang kalian nyatakan. Mungkin dia membaca dengan nama emosi dan kecenderungan peribadi, bukannya dengan nama Allah.”

Yodong dan Ibrahim tertanya-tanya kenapa Harris berkata sedemikian.

“Amat penting apabila kita membaca al-Qur’an, hadis-hadis Nabi dan kitab-kitab para ulama’, kita mulakan dengan *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan dengan hati yang bersih. Bukan dengan hati yang sudah ada satu kecenderungan lalu membaca al-Qur’an, hadis-hadis Nabi dan kitab-kitab para ulama’ bagi membenarkan kecenderungan tersebut” Harris melanjutkan.

“Ketahuilah bahawa apabila Ibn al-Qayyim *rahimahullah*

berbicara berkenaan penunggalan cinta, beliau berbicara berkenaan mentauhidkan Allah dan mengesakan Allah dalam soal cinta. Ini kerana apabila kita mentauhidkan Allah, ia bukan sahaja dalam soal ibadah tetapi dalam pelbagai soal kehidupan termasuklah cinta.

Apa yang beliau tekankan dalam kitab tersebut, hendaklah orang-orang yang beriman mentauhidkan Allah dalam soal cinta. Janganlah menjadikan sekutu-sekutu bagi Allah dalam soal cinta, seperti mencintai sesuatu atau seseorang selain Allah. Ini berdasarkan firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَتَّخِذُ مِن دُونِ اللَّهِ أَندَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ
وَالَّذِينَ آمَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ.

Ada di antara manusia yang mengambil selain dari Allah sekutu-sekutu yang mereka mencintainya sebagaimana mereka mencintai Allah; padahal orang-orang yang beriman itu bersungguh-sungguh mencintai Allah. [al-Baqarah 2:165]

Oleh itu kita orang-orang yang beriman mentauhidkan Allah dalam soal cinta. Kita tidak syirik kepada Allah dengan mencintai sesuatu atau seseorang selain Allah. Dan memang tidak patut kita mencintai sesuatu atau seseorang selain Allah,

kerana Allah tidak menjadikan dalam diri kita dua atau lebih hati. Allah menjadikan hanya satu hati, maka hendaklah hati itu mencintai Allah sahaja dan bersungguh-sungguh dalam mencintai-Nya. Firman Allah:

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِنْ قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ.

Allah sekali-kali tidak menjadikan bagi seseorang dua buah hati dalam rongganya. [al-Ahzab 33:04]”

“Owh! Begitu maksud sebenar penunggalan cinta” akur Ibrahim sambil mengangguk-anggukkan kepalanya.

“Hmm...apakah dengan itu kita sebagai manusia tidak boleh mencintai sesama manusia, seperti mencintai isteri, anak, ibubapa...bahkan kucing?” tanya Yodong inginkan penjelasan lanjut.

“Tentu boleh” jawab Harris. “Namun ia adalah buah atau hasil dari cinta kita kepada Allah. Dalam ertikata lain, kita mencintai Allah dan kerana Allah, kita mencintai ibubapa, isteri dan anak-anak yang Allah anugerahkan kepada kita. Kerana Allah juga, kita mencintai makhluk-makhluk-Nya yang lain seperti kucing.”

“Oh, begitu ya? Setuju” akur Yodong.

“Jika kita perhatikan kitab *Raudhatul Muhibbin* karya Ibn al-Qayyim tersebut, beliau sendiri menyatakan bahawa

sesuatu yang dicintai kerana Allah, maka hal itu boleh saja berbilang jumlahnya” jelas Harris lagi.³¹

“Ehh, engkau hafal ke kitab Ibn al-Qayyim tu?” tanya Ibrahim kehairanan.

“Tidaklah semua. Akan tetapi bab ini aku ingat sebab ia melibatkan tauhid dan syirik. Banyak di antara kita yang mencintai isteri, anak-anak dan lain-lain sebagaimana kita mencintai Allah. Bahkan mencintai semua itu lebih bersungguh-sungguh berbanding Allah. Ini salah. Apa yang benar ialah kita cinta kepada Allah sahaja dan kerana Allah kita mencintai apa yang Allah kurniakan kepada kita baik isteri, anak-anak, ibubapa dan sebagainya.”

“Ada contoh dari sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa baginda juga mencintai lebih dari satu?” Yodong bertanya, menginginkan keyakinan dan kepastian.

“Tentu ada. Sama-sama kita ketahui dan yakini bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mentauhidkan Allah dalam semua soal termasuklah soal cinta. Namun pada waktu yang sama baginda juga mencintai isteri-isterinya dan para sahabatnya, meskipun pada tahap yang berlainan.

³¹ Berkata Ibn al-Qayyim *rahimahullah*:

وَأَمَّا مَا يُحِبُّ لِأَجَلِهِ سُبْحَانَهُ فَيَتَعَدَّدُ.

Dan adapun apa yang dicintai kerana Allah *Subhanahu waTa'ala*, maka ia boleh berbilang jumlahnya. [*Raudhah al-Muhibbin*, ms. 292]

Perhatikan hadis berikut dalam *Shahih al-Bukhari* di mana 'Amr bin al-'Ash *radhiallahu 'anh* bertanya kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

أَيُّ النَّاسِ أَحَبُّ إِلَيْكَ؟ قَالَ: عَائِشَةُ. قُلْتُ: مِنْ الرِّجَالِ؟ قَالَ: أَبُوهَا. قُلْتُ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: عُمَرُ. فَعَدَّ رِجَالًا فَسَكَتُ مَخَافَةً أَنْ يَجْعَلَنِي فِي آخِرِهِمْ.

**"Siapakah orang yang paling engkau cintai?"
Rasulullah menjawab: Aisyah."**

Aku ('Amr bin al-'Ash) bertanya lagi : "Jika dari kaum lelaki?" Rasulullah menjawab: "Ayahnya (yakni Abu Bakar)."

**Aku bertanya lagi: "Sesudah itu siapa?"
Rasulullah menjawab: "Umar."**

Kemudian baginda menyebutkan beberapa orang sahabat lainnya. Akupun diam kerana takut aku termasuk orang yang paling terakhir.³²

Perhatikan dalam hadis di atas di mana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mencintai lebih dari seorang padahal baginda juga hanya memiliki satu hati. Semua ini

³² Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4010/4358 (*Kitab al-Maghazi, Bab ekspedisi perang Dzat al-Sulasil...*).

boleh dan bukan syirik kerana ia adalah cinta kerana Allah dan bukan cinta di samping Allah” jelas Harris.

Kefasihan Dan Kemerduan Dalam Berbicara

“Terima kasih atas pencerahan ini” Yodong mengangguk-angguk. “Tidak sangka ustazah yang amat fasih lagi merdu berbicara di atas nama ulama’, perbicaraannya menyalahi kata-kata sebenar ulama”

“Kefasihan berbicara adalah markah tambahan dalam penyampaian ilmu agama. Namun janganlah kefasihan itu sehingga menyebabkan kita terpengaruh dan menganggap apa yang disampaikan adalah 100% benar. Semua agamawan adalah manusia. Adakalanya mereka benar, adakalanya mereka silap dan adakalanya mereka kalah kepada kecenderungan peribadi” jelas Harris.

“Betul tu” sambut Ibrahim.

“Eh! Adakah kamu mengatakan ustazah tersebut fasih dan merdu dalam berbicara?” tiba-tiba Harris bertanya, menginginkan kepastian.

“Ya betul” jawab Yodong. Ibrahim – seperti biasa – mengangguk-angguk.

“Kalian berdua sebagai lelaki hadir dalam forum itu?”

“Ya betul. Ia diadakan di pekan kita ini, baru dua-tiga

minggu lepas.”

“Salah tu. Seorang muslimat dibenarkan menyampaikan ilmu dengan syarat dia menjaga nada suaranya agak tidak mengganggu hati hadirin lelaki. Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِنَ النِّسَاءِ إِنَّ اتَّقِيْنَ فَلََّا تَخْضَعْنَ
بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا.

Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya, dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik. [al-Ahzab 33:32]

Ayat di atas ditujukan kepada isteri-isteri Nabi, semoga Allah meredai mereka. Namun ayat ini menjadi pengajaran kepada semua muslimat dan sekaligus menjadi adab dan hukum apabila berbicara kepada lelaki atau kepada hadirin yang terdiri daripada lelaki dan wanita” jelas Harris.

“Jika hadirin wanita sahaja, maka dibolehkan bersuara merdu?” tanya Ibrahim.

"Ya boleh. Namun pastikan secara berterusan ia wanita sahaja. Ini kerana adakalanya kuliah kaum muslimat yang disampaikan oleh seorang ustazah dirakam dan kemudiannya disiarkan dalam internet sehingga ditonton oleh kaum lelaki juga" perbetul Harris.

"Ya, kita boleh melihat mereka menerusi *You Tube*" ulas Ibrahim.

"Oleh itu boleh saja para usatazah menyampaikan ilmu agama, namun pastikan mereka menjaga nada suaranya daripada menimbulkan fitnah kepada kaum lelaki. Perkara yang sama juga hendaklah diperhatikan oleh para ustaz agar jangan nada suara mereka menimbulkan fitnah kepada kaum wanita" tegas Harris.

Kemampuan Hati Bersikap Adil Dalam Cinta

"Akan tetapi... kembali kepada soal hati dan cinta... sekiranya hati itu mampu mencintai ramai pasangan dengan sama dan adil, Allah pasti menuntut lelaki berlaku adil dalam soal cinta. Tetapi ia tidak mungkin terjadi, dan ramai lelaki akan terhumban ke neraka. Mujurlah Allah mengiktiraf lumrah ini. Keadilan hanya mampu ditegakkan dalam perkara zahir sahaja, bukan soal cinta. Semua insan tidak kira lelaki dan wanita lumrahnya hanya mencintai seorang sahaja kekasih," terang Yodong. [SCM 122]

"Hah! Macam mana tu?" sambut Ibrahim sambil mengganti silang kakinya dan mengalihkan pandangan kepada Harris, menantikan jawapan. Cuaca jam 10 pagi tu benar-benar nyaman, memberikan suasana selesa bagi perbincangan tiga sahabat ini. Ketiga-tiga mereka bekerja sebagai pemandu teksi, namun kerjaya ini tidaklah melalaikan mereka dari menaruh minat terhadap ilmu-ilmu agama yang sahih.

"Pertama sekali..." mula Harris "...kenapakah engkau menyatakan sama dan adil?"

"Bukankah kedua-duanya sama saja?" tanya Yodong.

"Tidak sama, dan di sinilah banyak orang telah salah dalam soal poligami. Allah *Subhanahu waTa'ala* hanya menuntut keadilan dalam poligami dan bukannya kesamaan. Keadilan ialah masing-masing pihak mendapat haknya dan apa yang didapatnya itu mungkin saja tidak sama. Kesamaan ialah masing-masing pihak mendapat perkara yang sama meskipun hak mereka berbeza-beza."

"Hm...baiklah. Terima kasih atas pembetulan ini. Pun begitu, keadilan tidak mungkin terjadi dalam soal cinta" Yodong cuba membela hujahnya.

"Yodong, engkau hanya memiliki seorang anak, mungkin engkau tidak dapat menerima perkara ini. Ibrahim, engkau memiliki berapa orang anak?"

"*Alhamdulillah* saya memiliki lima orang anak dan saya mencintai mereka semua. Ehh silap...saya mencintai mereka semua kerana Allah" Ibrahim tersenyum.

"*Alhamdulillah*. Beranikah engkau menyatakan bahawa engkau mencintai mereka semua secara adil?"

"Hm...tak berani sebab cinta itu bukanlah sesuatu yang dapat diukur, dikira atau ditimbang. Berbeza jika saya membelikan mereka pakaian seragam sekolah, saya membelikan setiap seorang dua set pakaian. Anak perempuan dengan tudung dan serkupnya sekali. Anak yang bongsu masih belum masuk sekolah maka saya tidak belikan untuknya."

"Tepat sekali. Dalam perkara zahir kita mampu berlaku adil. Atas dasar keadilan inilah anak perempuan mendapat lebih kerana merupakan haknya untuk memakai tudung dan serkup berbanding anak lelaki. Atas dasar keadilan ini jugalah anak bongsu tidak mendapat pakaian seragam untuk tahun ini."

"Cuba fikirkan..." Harris melanjutkan "seandainya Allah mensyaratkan keadilan dalam soal cinta kepada anak-anak. Pasti ia membimbangkan semua ibubapa. Semua ibubapa mencintai anak-anak mereka namun semua ibubapa tidak dapat berlaku adil dalam cinta ini kerana ia tidak dapat diukur, dikira atau ditimbang."

“Demikianlah sikap seorang suami kepada isteri-isterinya. Suami hendaklah adil dalam mencintai isteri-isterinya. Namun oleh kerana keadilan ini tidak dapat diukur, dikira atau ditimbang, Allah *Subhanahu waTa'ala* memberi keringanan agar mereka tidak perlu begitu bimbang untuk mengukur kadar keadilan tersebut. Asalkan suami janganlah terlalu cenderung kepada sebahagian isteri sehingga membiarkan isteri-isteri yang lain dalam keadaan tergantung-gantung. Inilah maksud firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَلَنْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ الْمِيلِ فَتَدْرُوهَا كَالْمُعَلَّقَةِ وَإِنْ تُصْلِحُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا.

Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya); oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau (kepada sebahagian isteri) sehingga kamu biarkan (sebahagian) isteri yang lain seperti benda yang tergantung; dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu) dan memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. [al-Nisa' 4:129]”

Yodong dan Ibrahim sekali lagi mengangguk-angguk mendengar penjelasan panjang lebar Harris. Harris bertanya

lagi:

"Ibrahim, di antara lima orang anak engkau tu, siapakah yang paling engkau cintai dan kenapa?"

"Yang ketiga..." jawab Ibrahim seponatan "Syuhadah namanya. Dia yang paling ceria antara semua dan selalu menceriakan hatiku. Akan tetapi semuanya aku sangat cinta kerana Allah, hanya Syuhadah yang aku lebih sikit mencintainya. Istilah yang lebih tepat ialah Syuhadah lebih dekat di hatiku. Bagaimana pula dengan engkau?" tanya Ibrahim kepada Harris.

"*Alhamdulillah* aku memiliki tiga orang anak yang aku cintai semuanya kerana Allah. Namun *alhamdulillah* aku berjaya melatih hati agar mencintai semuanya, tidak ada yang lebih aku cintai berbanding yang lain. Aku fokus kepada kelebihan masing-masing dan setiap anak itu memiliki kelebihan dan keistimewaan tersendiri. Semuanya merupakan anugerah Allah kepada kami dan semua anugerah Allah pasti memiliki kelebihan dan keistimewaan di dalamnya."

"Aku tak percayalah!" Yodong bersuara sambil membetulkan letak punggungnya. "Masakan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak dapat bersikap sedemikian sehingga mencintai Aisyah melebihi isteri-isteri yang lain, inikan pula kita suami-suami biasa!"

"Nanti dulu wahai saudaraku Yodong. Apa yang baginda lakukan ialah sebagai contoh kepada umatnya. Seandainya di kalangan suami yang berpoligami ada yang berbeza tahap cintanya terhadap isteri-isterinya, maka ia dibolehkan. Namun jika suami tersebut mencintai isteri-isterinya pada tahap yang hampir sama, sudah tentu lebih baik.

Ini sebagaimana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang tidak pernah menceraikan mana-mana isterinya. Namun baginda pernah mentalak isterinya Hafsa binti 'Umar al-Khaththab dengan talak satu, lalu kemudian merujuk semula setelah dinasihati oleh malaikat Jibrail. Apa yang baginda lakukan menjadi contoh kepada umat agar mereka dapat mengetahui berkenaan talak satu dan dua, keutamaan mendengar nasihat orang lain serta cara-cara merujuk kembali. Namun jika ada suami yang tidak pernah menjatuhkan talak ke atas isterinya, sudah tentu ia lebih baik."

Ibrahim mengangguk-angguk. Yodong diam sahaja sambil menundukkan pandangan.

"Apa yang penting Yodong..." Harris melanjutkan, "tidaklah betul pandangan engkau bahawa semua insan tidak kira lelaki dan wanita lumrahnya hanya mencintai seorang kekasih. Apa yang benar ialah lelaki dan wanita hanya boleh mencintai Allah sahaja dan kerana Allah, mereka boleh mencintai lebih dari seorang kekasih dengan tahap yang

mungkin berbeza-beza di antara satu sama lain.”

Yodong kali ini mengangguk-angguk setuju. Namun pandangannya masih ditundukkan kerana rasa bersalah memberi nasihat yang tidak betul kepada Musa.

Poligami Tidaklah Sukar Dan Memberatkan

“Hah, apa lagi yang engkau nasihatkan kepada sahabat engkau tu?” tanya Ibrahim penuh minat.

“Sahabat aku tu memandang mudah poligami. Beliau menganggap kalau kahwin lagi, suami masih boleh selalu telefon ataupun SMS isteri yang lebih dicintai. Maka aku mengatakan ia tidak semudah itu. Sesetengah ustaz berkata haram kita bersama isteri pertama ketika giliran isteri kedua hatta menghantar SMS sekalipun, kecuali diizinkan” jelas Yodong [SCM 122]

“Harris, macam mana perhubungan suami dan isteri-isteri apabila berpoligami?” tanya Ibrahim kepada Harris pula.

“Kenyataan sahabat kamu ada salahnya, kenyataan kamu juga ada salahnya” Harris memulakan penjelasannya. “Apabila berpoligami, suami boleh telefon atau SMS isteri yang lain, namun ia bukanlah selalu. Perhubungan sekadar perlu, seperti mengucapkan selamat pagi atau apa-apa hal lain yang tiba-tiba muncul. Perhubungan atau komunikasi ini juga

hukumnya bukan haram kerana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri melakukannya.

Pada zaman baginda, tidak ada telefon atau apa-apa alat komunikasi yang canggih. Maka lazimnya baginda akan berjumpa dengan isteri-isterinya, seorang demi seorang selepas solat Asar untuk bertanya khabar dan mendengar apa-apa musykilah. Dalam sebuah hadis *Shahih al-Bukhari*, *Aisyah radhiallahu 'anha* menerangkan bahawa:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا انْصَرَفَ مِنَ الْعَصْرِ
دَخَلَ عَلَى نِسَائِهِ فَيَدْنُو مِنْ إِحْدَاهُنَّ فَدَخَلَ عَلَى حُفْصَةَ فَاحْتَبَسَ أَكْثَرَ
مِمَّا كَانَ يَحْتَبِسُ.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam lazimnya selepas solat Asar akan menemui isteri-isterinya, lalu tinggal bersama salah seorang daripada mereka (yang mendapat giliran pada hari itu). Beliau pernah memasuki rumah Hafshah dan berada di sana agak lama.³³

Yodong mengangguk-angguk lagi, Ibrahim menurutinya juga. Harris menambah: "Engkau kena hati-hati bab halal dan

³³ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4815/5216 (*Kitab al-Nikah, Bab suami memasuki rumah isteri-isterinya dalam satu hari*).

haram ini wahai Yodong. Halal dan haram bukan atas perkataan ustaz itu dan ini, akan tetapi firman Allah dan sabda Rasulullah. Allah *Subhanahu waTa'ala* mengingatkan:

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ
لِتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا
يُفْلِحُونَ.

Dan janganlah kamu mengatakan terhadap apa yang disebut-sebut oleh lidahmu secara dusta "Ini halal dan ini haram", untuk mengada-adakan kebohongan terhadap Allah. Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tiadalah beruntung. [al-Nahl 16:116]

"Bagaimana pula pandangan yang menyatakan poligami banyak mengikat kaki suami kepada reda dan izin para isteri? Tidak boleh lagi mengatur masa dengan sesuka hati tanpa memikirkan keadilan yang sepatutnya diterima oleh semua isteri. Pembahagian nafkah itu pula perlu mempertimbangkan bilangan mulut anak-anak bagi setiap isteri yang perlu disuap. Kadarnya sudah tentu berbeza-beza, perlu dikira dengan teliti. Hidup seharian perlu diatur dengan berhati-hati supaya tiada hak sesiapa yang dizalimi" tanya Ibrahim [SCM 122-123]

Yodong melanjutkan: "Saya juga terfikir, maha adil Allah yang mengenakan syarat seketat ini pada satu keharusan, yang bertentangan dengan fitrah pasangan kekasih bernama suami isteri." [SCM 123]

"Itu adalah pandangan orang yang takut terhadap poligami, lalu dia membuat-buat alasan bagi menakutkan orang lain tentang poligami. Baik monogami atau poligami, kaki seorang suami tidak pernah diikat kepada reda dan izin isteri. Sebaliknya isteri atau isteri-isterilah yang terikat kepada izin dan reda suami.

Pun begitu, tidaklah bererti suami patut keluar rumah sesuka hatinya. Sama ada monogami atau poligami, suami hendaklah memerhatikan keperluan ahli keluarga dan meluangkan masa berkualiti bersama mereka, di samping masa untuk aktiviti lain di luar rumah.

Bagi suami yang berpoligami, dia keluar rumah mengikut giliran di antara isteri-isterinya. Katakan sebagai contoh, seorang suami yang keluar untuk bermain badminton bersama rakannya sekali seminggu. Jika minggu ini dia keluar ketika dalam giliran isteri pertama, minggu depan dia keluar ketika dalam giliran isteri kedua. Minggu seterusnya dia keluar rumah ketika dalam giliran isteri pertama. Demikianlah seterusnya. Suami yang hendak keluar ini tidak perlu meminta

izin isterinya, memadai dengan mengkhabarkan kepadanya.

Pembahagian nafkah untuk anak-anak, boleh digunakan kiraan kasar belanja dapur RM200 sebulan bagi setiap anak. Justeru jika keluarga pertama ada lima orang anak, belanja dapur ialah RM1000 sebulan. Jika keluarga kedua ada tiga orang anak, belanja dapur ialah RM600 sebulan. Apabila umur anak-anak semakin meningkat, pemakanan mereka juga tentu semakin meningkat. Maka RM200 sebulan ditingkatkan kepada RM300 sebulan bagi setiap orang anak.

"Apa yang susahnya?" tanya Harris kepada Ibrahim.

"Apa yang ketatnya?" tanya Harris kepada Yodong. "Allah *Subhanahu waTa'ala* menetapkan syarat adil bagi suami berpoligami, namun Allah tidak menerangkan secara terperinci bagaimana sikap adil tersebut. Ia terpulang kepada setiap keluarga poligami, kes demi kes. Syarat adil ini tidak longgar atau ketat, ia berada di pertengahan antara longgar dan ketat" jelas Harris kepada Yodong.

"Saya masih ragu tentang kesenangan hidup berpoligami. Banyak perkara nanti menjadi rumit. Sekiranya hendak pergi kenduri ataupun melancong terpaksa ajak seorang sahaja. Kalau ajak kedua-duanya, hendak pegang tangan isteri pun tidak boleh. Nanti, ada pula yang cemburu dan merajuk berhari-hari. Saya benci kepada sekatan seumpama itu. Jadi, baik beristeri

seorang sahaja supaya saya lebih bebas dengan isteri yang saya cintai” Yodong meluahkan pandangannya [SCM 123]

“Senang atau rumit, banyak bergantung kepada kemampuan seorang suami menguruskan isteri atau isteri-isterinya. Jika seorang suami tidak mampu mengurus seorang isteri, maka katakan saja tidak mampu. Jangan dibuat-buat alasan untuk menakut-nakutkan orang lain.

Senario yang Yodong berikan sudah ada peraturannya yang digariskan oleh Islam. Untuk pergi ke kenduri, suami membawa isterinya yang berada dalam giliran pada hari jemputan tersebut. Jika pihak yang menjemput menyebut secara khusus nama salah seorang isteri, maka suami menukar hari giliran agar dapat membawa isteri yang disebut namanya itu.

Untuk pergi melancong, suami mengundi di antara isteri-isterinya dan membawa seorang yang menang. Isteri yang tidak menang dibawa melancong pada cuti yang seterusnya. Dalam erti kata lain, bagi setiap percutian atau pelancongan, suami membawa seorang isteri secara bergilir-gilir.

Apa yang penting di sini ialah suami menerangkan kepada isteri-isterinya peraturan yang digariskan oleh Islam apabila hidup berpoligami. Isteri-isteri juga boleh membuat

kajian sendiri dari sumber-sumber yang positif lagi mendidik, bukan yang negatif lagi menakutkan” jelas Harris secara panjang lebar.

Berminat Dengan Poligami

“Eh! Kalian tak nak kerja ke? Dah pukul sepuluh setengah pagi, berapa lama nak berehat ni?” tanya Harris kepada Yodong dan Ibrahim. Sebenarnya Harris bimbang jika terlalu lama berbicara tentang agama, apatah lagi satu bab sahaja, akan menimbulkan kebosanan di kalangan rakan-rakannya itu. Harris teringat kepada hadis Abu Wa’il Syaqq bin Salamah bahawa:

كَانَ عَبْدُ اللَّهِ يُذَكِّرُ النَّاسَ فِي كُلِّ خَمِيسٍ. فَقَالَ لَهُ رَجُلٌ: يَا أَبَا عَبْدِ الرَّحْمَنِ لَوَدِدْتُ أَنَّكَ ذَكَّرْتَنَا كُلَّ يَوْمٍ. قَالَ: أَمَا إِنَّهُ يَمْنَعُنِي مِنْ ذَلِكَ أَنِّي أَكْرَهُ أَنْ أُمْلِكُكُمْ وَإِنِّي أَتَخَوَّلُكُمْ بِالْمَوْعِظَةِ كَمَا كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَخَوَّلُنَا بِهَا خِيفَةَ السَّامَةِ عَلَيْنَا.

Kebiasaanya 'Abd Allah (ibn Mas'ud) memberi tazkirah kepada orang-orang setiap hari Khamis, maka berkata seorang lelaki: "Wahai Abu 'Abd al-Rahman (nama gelaran bagi 'Abd Allah ibn Mas'ud), sungguh aku ingin kalau kamu memberi tazkirah kepada kami setiap hari."

(‘Abd Allah ibn Mas’ud) menjawab:
"Sesungguhnya aku enggan melakukan yang sedemikian kerana aku benci membuat kalian bosan dan aku ingin memberi pelajaran kepada kalian sebagaimana Nabi shallallahu 'alaihi wasallam memberi pelajaran kepada kami kerana bimbang kebosanan akan menimpa kami."³⁴

Selain itu, sesi pelajaran seminggu sekali yang diberikan oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bukanlah yang panjang-panjang. Ia pendek dan padat, asalkan padu dan dapat memberi kesan kepada para sahabat. Khutbah Jumaat misalnya, baginda menekankan agar ianya pendek, namun dengan penjelasan yang padu lagi berkesan sehingga ia seolah-olah sihir yang mempengaruhi makmum yang mendengarnya. Baginda bersabda:

إِنَّ طُولَ صَلَاةِ الرَّجُلِ وَقَصَرَ خُطْبَتِهِ مِئْنَةٌ مِنْ فِقْهِهِ فَأَطِيلُوا
الصَّلَاةَ وَأَقْصِرُوا الْخُطْبَةَ وَإِنَّ مِنَ الْبَيَانِ سِحْرًا.

Sesungguhnya panjangnya solat dan pendeknya khutbah seseorang itu menunjukkan kefahaman dia tentang agamanya. Oleh itu, panjangkanlah solat dan pendekkanlah khutbah, kerana sebahagian daripada

³⁴ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 68/70 (*Kitab al-'Ilm, Bab Nabi memilih waktu yang tepat untuk memberi nasihat serta mengajar ilmu dengan cara agar para sahabat tidak meninggalkan majlis*).

penjelasan adalah sihir.³⁵

"Owh, aku *free* aje. Lagipun waktu sebegini tak ramai penumpang. Nanti siang sikit baru ada *insya-Allah*" jawab Ibrahim.

"Aku juga OK saja berehat sambil bersembang-sembang ni. Banyak ilmu baru bagiku" jawab Yodong pula.

"Aku nak tanyalah, kenapa engkau macam banyak tahu tentang poligami ni? Setahu aku engkau hanya ada satu isteri" tanya Ibrahim kepada Harris.

"Ya, memang satu isteri. Namun itu tidaklah menghalang kita untuk mendalami poligami yang merupakan salah satu bab dalam syari'at Allah yang luas ini" Harris menjelaskan. "Bab poligami ini menarik minatku kerana aku banyak mendengar khabar yang tidak baik mengenainya. Khabar-khabar itu menjadi pemangkin yang menarik minat aku kepadanya. Aku yakin bahawa semua yang dihalalkan oleh Allah nescaya memiliki kebaikan di dalamnya, meskipun kita tidak dapat melihatnya. Oleh itu aku banyak mengkaji tentang poligami. Sekali sekala berbicara juga tentang poligami dengan penumpang yang nampak matang dan positif" tambah Harris.

"Ini seperti mana bab hudud, ramai yang mengatakan

³⁵ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1437/869 (*Kitab al-Jumuah, Bab meringankan solat dan khutbah*).

ia adalah hukuman yang zalim lagi ketinggalan zaman. Kenyataan seperti itu menarik minatku mengkaji tentang hudud. *Alhamdulillah*, aku mendapati ia adalah sistem hukuman jenayah yang sangat berbelas kasih tetapi berkesan. Jelas terasa rahmat Islam di dalamnya” Harris melanjutkan.

“Ya, betul. Baik atau buruk setiap perkara bergantung kepada sikap positif atau negatif orang yang melihatnya. Orang yang negatif akan melihat semuanya buruk dan membesarkan keburukannya. Orang yang positif akan melihat semuanya baik dan fokus kepada kebajikannya” sahut Ibrahim.

“Aku pernah mendengar rakaman kuliah Prof. Muhaya. Boleh menggunakan istilah jernih dan keladak sebagai ganti positif dan negatif. Kita semua jenis yang jernih, bukan berkeladak, betul tak?” tambah Ibrahim lagi.

“Owh, perli aku ya?” tanya Yodong, terasa diperkatakan oleh Ibrahim.

“Ehh, tidak! Aku hanya bercakap secara umum” jawab Ibrahim tersenyum.

“Dah kaji banyak-banyak, engkau tidak mahu berpoligami ke?” tanya Yodong kepada Harris.

“Ada juga hajatnya” Harris berterus terang.

“Wah! Dah ada kekasih sebagai calon ke?” tanya

Ibrahim penuh minat.

"Soalan yang salah tu. Poligami bukanlah helah bagi menghalalkan seorang suami memiliki kekasih atau hubungan rahsia dengan wanita selain isterinya. Jangan merosakkan kehalalan poligami dengan perkara-perkara yang haram" jawab Harris secara tegas.

"Ok, ok, engkau dah ada orangnya ke?" Ibrahim membetulkan soalnya.

"Ya ada" jawab Harris ringkas.

"Engkau nak kahwin sembunyi-sembunyi atau minta izin isteri engkau terlebih dahulu?"

"Dua-dua pun tidak, sebaliknya aku memaklumkan kepadanya akan hajat aku ini. Poligami ialah perkara halal, maka kenapa hendak sembunyi-sembunyi seolah-olah buat kerja haram. Poligami adalah hak suami, maka tak perlu minta izin isteri. Apa yang terbaik ialah di pertengahan, iaitu memaklumkan kepada isteri dan mengambil kira pandangannya, jika ada."

"Kenapa kita sebagai suami, sebagai ketua keluarga, perlu ambil kira pandangan isteri?"

"Benar kita adalah ketua keluarga, tetapi isteri adalah timbalan ketua. Mereka bukanlah hamba. Jadi kita meraikan

kedudukan mereka dengan memaklumkan kepada mereka dan mengambil kira pandangan mereka.”

“Ok.”

“Selain itu poligami adalah sesuatu yang amat berat bagi isteri. Kita hendaklah memahami hati isteri jika kita mahu isteri memahami hati kita. Dengan cara ini, kehidupan di alam poligami akan lebih berjaya *insya-Allah*.”

“Owh....jadi apa pandangan isteri engkau?”

“Dia minta diberi sedikit masa bagi mengumpul kekuatan diri sebelum dimadukan.”

“Dia tak berhujah apa-apa agar dirinya tidak dimadukan?”

“Tidaklah, dan atas sebab inilah aku menghormati permintaannya. Orang yang mengaku tidak mampu melakukan sesuatu yang disyari’atkan dalam Islam adalah jauh lebih mulia berbanding orang yang memutar belitkan dalil-dalil agama dan menjadikannya sebagai hujah untuk tidak melakukan sesuatu yang disyari’atkan dalam Islam.

“Sedikit masa tu berapa lama? Aku tak sabar nak makan nasi minyak ni!”

“Aku tidak terlalu menekan, namun tidaklah pula membiarkannya terlalu lama kerana bimbang hati akan

menjadi keras sehingga langsung tidak dapat menerimanya. Apa jua yang disyari'atkan oleh Allah *Subhanahu waTa'ala*, hendaklah kita cuba sedaya upaya untuk segera menerimanya dan mempraktikkannya sebagaimana firman-Nya dalam ayat 16 surah al-Hadid:

أَلَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ آمَنُوا أَنْ تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللَّهِ وَمَا نَزَلَ مِنَ الْحَقِّ وَلَا يَكُونُوا كَالَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلُ فَطَالَ عَلَيْهِمُ الْأَمَدُ فَقَسَتْ قُلُوبُهُمْ وَكَثِيرٌ مِنْهُمْ فَاسِقُونَ.

Belum sampaikah lagi masanya bagi orang-orang yang beriman, untuk khusyuk hati mereka mematuhi peringatan dan pengajaran Allah serta mematuhi kebenaran (Al-Quran) yang diturunkan (kepada mereka)? Dan janganlah pula mereka menjadi seperti orang-orang yang telah diberikan Kitab sebelum mereka, setelah orang-orang itu melalui masa yang lama maka hati mereka menjadi keras, dan banyak di antaranya orang-orang yang fasik - derhaka.

Poligami Termasuk Soal Iman

"Ehh! Bukan ke hukum poligami hanya harus?" Yodong tiba-tiba bersuara.

"Jangan terlalu mengikat diri dengan hukum harus dan sebagainya. Apa yang penting poligami disyari'atkan oleh Allah

di dalam al-Qur'an dan dipraktikkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Apakah kita sudah beriman kepadanya dan menerimanya?

Ukuran keimanan pula di sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* ialah ia dibenarkan oleh hati, diucap oleh lisan dan dibuktikan dengan perbuatan. Justeru jika benar kita beriman kepada pensyari'atan poligami, apakah kita sudah membenarkannya di dalam hati, mengucapkannya dengan lisan dan membuktikannya dengan perbuatan?

Berbeza jika seseorang itu tidak cukup syarat untuk berpoligami, maka dia tidak perlu membuktikannya dengan perbuatan. Namun dia tetap perlu membenarkannya di dalam hati dan mengucapkannya dengan lisan.

Ringkasnya setiap muslim hendaklah beriman kepada poligami dengan cara membenarkannya di dalam hati dan mengucapkannya dengan lisan. Adapun membuktikannya dengan perbuatan, maka ia boleh jadi harus, makruh, haram, sunat atau wajib, bergantung kepada keadaan dan kemampuan individu yang berbeza."

"Owh, jika begitu poligami termasuk dalam soal iman?" tanya Yodong inginkan pencerahan.

"Ya, betul" jawab Harris.

"Oleh itu jika seorang isteri tidak dapat menerima

dirinya dimadukan, adakah bererti dia tidak beriman atau batal imannya?”

“Itu soalan berbau aliran *Khawarij*. Di sisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, isteri yang sedemikian dikatakan sebagai lemah atau rendah imannya. Iman boleh bertambah dan berkurang, juga boleh tinggi dalam satu hal dan rendah dalam hal yang lain.

Isteri yang tidak dapat menerima dirinya dimadukan, memiliki iman yang lemah berkenaan pensyari`atan poligami. Dia perlu memperbaiki imannya dengan baik sangka kepada Allah yang mensyari`atkan poligami, meyakini bahawa fitrah yang Allah *program* dalam diri setiap wanita boleh hidup di alam poligami dan mengakui bahawa poligami memiliki hikmah-hikmahnya yang tersendiri.

Hentikan hidup dalam keadaan menafikan poligami. *Reset* minda dan hati kepada Allah, Rasulullah dan syari`at-Nya, bukan kepada pemikiran-pemikiran yang menjauhkan daripada Allah, Rasulullah dan syari`at-Nya” jelas Harris.

Memisah-misahkan Antara Monogami dan Poligami

Harris meneruskan hujahnya: “Sebahagian orang masa kini memisah-misahkan antara monogami dan poligami. Mereka menyatakan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bermonogami lebih lama berbanding poligami. Justeru mereka

beriman kepada monogami, membenarkannya di dalam hati, mengucapkannya dengan lisan dan membuktikannya dengan perbuatan. Namun terhadap poligami, mereka memiliki sikap yang amat berbeza, bahkan terbalik.

Mereka ini menghampiri sikap *Ahli Kitab* yang dikritik oleh Allah *Subhanahu waTa'ala* dalam firman-Nya:

أَفْتُرْمُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ فَمَا جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلُ
ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا حِزْبٍ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَى أَشَدِّ
الْعَذَابِ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ.

Apakah patut kamu hanya beriman kepada sebahagian kitab dan mengingkari akan sebahagian yang lain? Maka tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian itu dari antara kamu selain kehinaan ketika hidup di dunia dan pada Hari Kiamat akan ditolak mereka ke dalam azab seksa yang amat berat dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan. [al-Baqarah 2:85]

Baik monogami atau poligami, kedua-duanya dibawa oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Apakah kita lupa dalam *Hadis 40 Imam al-Nawawi* yang lazim kita baca, diriwayatkan bahawa:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعًا لِمَا جِئْتُ بِهِ.

Tidaklah (sempurna) iman seseorang kalian sehingga hawa nafsunya mengikuti apa yang aku bawa dengannya.³⁶

Oleh itu apabila seseorang itu menonjolkan monogami dan membelakangkan poligami, imannya tinggi terhadap monogami namun rendah terhadap poligami. Kita *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* tidak mengatakan diri orang itu tidak beriman atau batal imannya. Sebaliknya kita berkata imannya tinggi dalam satu hal dan rendah dalam hal yang lain."

³⁶ -----: Dikeluarkan oleh Ibn Abi 'Ashim dalam *al-Sunnah*, hadis no: 15. Darjat hadis ini diperselisihkan. al-Nawawi mengemukakannya dalam *Matn al-Arba'in*, hadis no: 41 dan beliau berkata: "Hadis hasan sahih, kami meriwayatkannya dalam kitab *al-Hujjah* dengan sanad yang sahih." Ibn Hajar al-'Asqalani mengemukakan hadis ini dalam *Fath al-Bari* ketika mensyarahkan hadis no: 6764/7308 dan beliau berkata: "Para perawinya *thiqah*." Ibn Rejab al-Hanbali telah membincangkan darjat hadis ini secara panjang lebar dalam *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam*, hadis no: 41 dan beliau tidak bersetuju dengan pensahihan al-Nawawi. al-Albani menilai hadis ini *dha'if* dalam *Zhilal al-Jannah fi Takhrij al-Sunnah*, hadis no: 15.

Berkata Ibn Daqiq al-'Id, hadis ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidaklah beriman sehingga mereka menjadikan kamu hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa keberatan dalam hati mereka terhadap keputusan yang kamu berikan, dan mereka menerima (keputusan itu) dengan penuh ketenangan. [al-Nisa' 4:65]

"Ahaa, saya nak tambah..." tiba-tiba Ibrahim menyahut.
"Allah *Subhanahu waTa'ala* juga berfirman:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ
اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ.

Apa yang diberikan oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah ia. Dan apa yang dilarangnya bagi kamu maka tinggalkanlah ia; dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras hukuman-Nya. [al-Hasyr 59:07]

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah memberikan kita contoh monogami dan poligami, maka terimalah kedua-duanya. Jika tidak mampu berpoligami, maka cukupkan diri dengan monogami. Jika tidak mampu bermonogami, maka cukupkan diri dengan berpuasa. Bertaqwalah kepada Allah... jangan dibuat-buat alasan bagi meremehkan apa-apa dibawa oleh Rasulullah kerana sesungguhnya Allah sangat keras hukuman-Nya.

Sekadar yang mampu, hendaklah kita menjadikan semua urusan hidup Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai contoh teladan, demi meraih keredaan Allah dan kebahagiaan Hari Akhirat. Firman Allah:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ
وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا.

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) Hari Akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak. [al-Ahzab 33:21]

Monogami mungkin memiliki keutamaan dari sudut tempohnya kerana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* hidup lebih lama dengan Khadijah *radhiallahu 'anha* tanpa memadukannya. Namun poligami juga memiliki keutamaan dari sudut kesempurnaan Islam. Ini kerana tidaklah Allah menurunkan ayat:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ
الْإِسْلَامَ دِينًا.

Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah reda Islam itu menjadi agama untuk kamu [al-Maidah 5:03] melainkan pada ketika Rasulullah hidup berpoligami. Justeru kedua-duanya memiliki keutamaan.”

Kedua-dua Harris dan Yodong terkejut. Harris terkejut apabila Ibrahim yang banyak bertanya, tiba-tiba boleh berhujah dengan ayat-ayat al-Qur'an. Yodong terkejut kerana jika sebelum ini dia berjaya mengejutkan Musa dengan memisah-misahkan antara monogami dengan poligami serta mengutamakan monogami [SCM 127], kini Ibrahim pula mengejutkannya dengan hujah bahawa kedua-duanya memiliki keutamaan.

"Alasan membeza-bezakan antara monogami dan poligami lalu mengutamakan monogami, aku dah biasa dengar. Tak ilmiah mahu pun bernilai sehingga aku pun boleh berhujah mematahkannya, *alhamdulillah*" jelas Ibrahim apabila melihat raut muka kedua-dua sahabatnya.

Erti Cinta Yang Sebenar

"Akan tetapi aku ragu-ragulah..." tanya Ibrahim beralih ke topik lain berkenaan poligami "...apakah isteri yang membenarkan suaminya bernikah lagi benar-benar mencintai suaminya atau tidak? Ini kerana hanya insan yang tidak benar-benar mencintai sahaja yang membutakan mata dan memekakkan telinga apabila suaminya bernikah lagi." [SCM 35]

"Terbalik tu Ibrahim" Harris menjawab. "Isteri yang benar lagi betul cintanya, dia akan mentauhidkan Allah dengan mencintai Allah sahaja, lalu dibuktikan dengan mencintai apa

yang dihalalkan oleh Allah dan membenci apa yang dibenci oleh Allah.

Poligami adalah sesuatu yang dihalalkan oleh Allah. Maka jika seorang isteri itu mencintai Allah, dia akan membenarkan suaminya berpoligami sebagai bukti kecintaannya kepada Allah. Berbeza jika suaminya melakukan sesuatu yang diharamkan oleh Allah seperti berjudi. Atas dasar cinta kepada Allah, isteri akan membenci judi dan membenci suaminya yang berjudi. Dia akan berusaha sekadar yang mampu untuk menjauhkan suaminya daripada perjudian.

Apa yang berlaku sekarang ini adalah sebaliknya. Sebahagian isteri mendiamkan diri apabila suaminya melakukan perkara-perkara yang haram atau menghampiri yang haram, namun akan 'bising-bising' jika suaminya melakukan perkara yang halal umpama poligami."

"Owh, ini seperti yang engkau cerita tadi...mentauhidkan Allah dalam urusan cinta?" tanya Ibrahim.

"Ya betul. Sayang sekali sebahagian kita bukan sekadar tidak mentauhidkan Allah dalam urusan cinta, tetapi menjadikan cinta sebagai tuhan. Apa yang kita buat dan tidak buat, suka atau benci, izin atau larang, ingat atau lupa, adalah kerana kecintaan kita kepada orang yang kita cintai, bukan kerana Allah yang sepatutnya dicintai. Kita telah menjadikan

cinta sebagai tuhan!”

“Menjadikan cinta sebagai tuhan? Menarik, pertama kali aku mendengarnya” ulas Yodong.

“Ya, saya juga apabila pertama kali mendengarnya mendapati ia adalah sesuatu yang baru lagi menarik, bahkan benar” jawab Harris.

“Daripada siapa kamu mendengarnya?” tanya Yodong.

“Hm...” Harris cuba ingat kembali. “Ada seorang ustazah yang sekali dua menjadi penumpang teksi aku lama dulu. Tak silap aku namanya Ustazah Heebah, berdasarkan tag nama di tudungnya. Beliau menjadi warden sementara di Sekolah Pondok El-Jubri.

Dalam perjalanan, kami pernah berbicara berkenaan budaya remaja sekarang ini yang banyak bercinta dan berpacaran. Maka ustazah tersebut menerangkan bagaimana kebanyakan remaja yang menjadikan cinta itu tuhan. Mereka berkorban apa sahaja demi cinta.” [SCM 96]

“Err...jadi erti tuhan ini bukan sekadar sembahen ya? Boleh juga dengan erti lain seperti cinta?” tanya Ibrahim.

“Ya betul. Tuhan itu adalah paksi dalam segala urusan hidup kita, tanpa terhad kepada sembahen sahaja. Contohnya dalam al-Qur’an, Allah *Subhanahu waTa’ala* mengkritik orang

yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhan:

أَفَرَأَيْتَ مَنِ اتَّخَذَ إِلَهُهُ هَوَاهُ...

Maka pernahkah kamu melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhan? [al-Jatsiyah 45:23]

Ertinya apa yang dia buat dan tidak buat, suka atau benci, izin atau larang, ingat atau lupa, adalah kerana nafsunya.

Contoh lain, ada orang yang menjadikan harta sebagai tuhan. Dia menjadi reda jika mendapat sesuatu harta, menjadi tidak reda jika tidak mendapat sesuatu harta. Perhatikan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berikut ini:

تَعَسَّ عَبْدُ الدِّينَارِ وَالْدَّرْهَمِ وَالْقَطِيفَةِ وَالْحَمِيصَةِ إِنْ أُعْطِيَ رَضِيَ وَإِنْ لَمْ يُعْطَ لَمْ يَرْضَ.

Celakalah hamba dinar, dirham, kain Qathifah (sejenis sutera kasar) dan kain Khamishah (sejenis sutera campuran), jika diberi dia akan reda dan jika tidak diberi dia tidak akan reda.³⁷

Oleh itu hendaklah kita berhati-hati agar jangan

³⁷ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5955/6435 (*Kitab al-Riqaq, Bab berhati-hati terhadap fitnah harta*).

menjadikan cinta, hawa nafsu, harta, pasukan bola sepak, penyanyi, pelakon dan apa-apa lain sebagai tuhan di samping Allah.”

“*Insyah-Allah*” jawab Ibrahim penuh insaf. “Apakah dengan itu isteri yang melarang suaminya bernikah lagi atau membuat pelbagai karenah apabila suaminya bernikah lagi, merupakan isteri yang mempertuhankan cinta dan hawa nafsunya?”

“Ya, lebih kurang begitulah. Namun ini tidak terhad kepada isteri. Suami yang bercinta dengan wanita lain, kemudian nekad untuk nikah lagi meskipun tidak mampu dan tidak cukup syarat, maka dia juga telah menjadikan cinta dan hawa nafsunya sebagai tuhan.

Cinta adalah satu emosi yang sedia terbina dalam diri setiap manusia. Kadangkala manusia boleh jatuh cinta meskipun dia tidak menginginkannya atau menyengajakannya. Jika seorang itu telah terjatuh cinta, maka dia memiliki dua pilihan. Pertama dia menghalalkan cinta tersebut dengan penikahan. Ini berdasarkan petunjuk Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

لَمْ نَرِ لِلْمُتَحَابِّينِ مِثْلَ النِّكَاحِ.

Tidaklah kami melihat (penyelesaian yang lebih

baik) bagi dua orang yang saling bercinta semisal nikah.³⁸

Kedua, jika tidak dapat bernikah kerana tidak mampu atau tidak cukup syarat, hendaklah dia menahan diri dan bersabar. Mudah-mudahan ia menjadi salah satu sebab yang menghantarnya ke syurga Allah. Ini berdasarkan firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ. فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَىٰ.

Dan adapun orang-orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan menahan diri dari keinginan hawa nafsunya, maka sesungguhnya surgalah tempat tinggalnya. [al-Nazi'at 79:40-41]

"Err..." Ibrahim bertanya, "inikah yang dimaksudkan oleh sebuah riwayat:

مَنْ عَشِقَ فَكْتَمَ وَعَفَّ وَصَبَرَ غَفَرَ اللَّهُ لَهُ وَأَدْخَلَهُ الْجَنَّةَ.

Sesiapa yang jatuh cinta lalu menyembunyikannya dan menahan diri dengan penuh kesabaran, nescaya Allah akan

³⁸ Sahih: Dikeluarkan oleh Ibn Majah dalam *Sunan*nya, hadis no: 1837 (*Kitab al-Nikah, Bab keutamaan bernikah*). Berkata al-Busiri dalam *Mishbah al-Zujajah fi Zawa'id Ibn Majah*, hadis no: 661: Isnadnya sahih. al-Albani menilainya sahih dalam *Shahih Sunan Ibn Majah*, no: 1874.

mengampunkannya dan memasukkannya ke dalam syurga?”³⁹

“Darjat riwayat tersebut diperselisihkan dengan kebanyakan ahli hadis menilainya lemah, bahkan lebih rendah dari itu. Oleh itu memadailah kita dengan firman Allah dalam ayat 40-41 surah al-Nazi’at. Ambil apa yang menyakinkan, tinggalkan apa yang meragukan” jelas Harris.

Suami Yang Halus Lagi Romantik

“Baiklah. Aku ada soalan lagi...apa pandangan engkau terhadap tanggapan bahawa suami yang tidak berpoligami ialah suami yang mempunyai jiwa halus dan tentunya seseorang yang romantik dengan isterinya?” tanya Ibrahim, mula menampakkan minatnya dalam pengamalan poligami. [SCM 123]

Harris memandang Yodong. Yodong memandang Harris. Masing-masing terfikir siapakah yang Ibrahim tujukan soalan tersebut.

“Yang penting bukan pandangan aku tetapi pandangan yang berasaskan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi*

³⁹ Para ilmunan berbeza pendapat tentang riwayat ini, ada yang menilainya *dha'if*, *dha'if jiddan* dan bahkan *maudhu'*. Berkata Ibn al-Qayyim: “Hadis ini secara pasti adalah batil (jika disandarkan) ke atas Rasulullah, kerana ia tidak mirip dengan kalamnya.” Beliau melanjutkan bahawa yang terbaik, hadis ini adalah *mauquf*, yakni merupakan perkataan sahabat. Rujuk penjelasan panjang lebar beliau beserta beberapa riwayat lain yang berkaitan dalam *Raudhah al-Muhibbin*, ms. 178-181.

wasallam" Harris memulakan. "Baginda berpoligami, lalu apakah dengan itu kita hendak beranggapan baginda bukan seorang yang berjiwa halus dan romantik?

Bukankah Aisyah *radhiallahu 'anha* telah dimadukan oleh Rasulullah, namun Aisyah telah menerangkan bahawa Rasulullah pernah bersabda berkenaan sikap baginda terhadap isterinya:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي.

Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya dan aku adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluargaku.⁴⁰

Oleh itu baik monogami atau poligami, suami hendaklah sentiasa berakhlak baik kepada isteri atau isteri-isterinya kerana ia merupakan sebahagian daripada ciri kesempurnaan iman. Termasuk dalam erti berakhlak baik ialah berjiwa halus dan romantik. Perhatikan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berikut ini:

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَخَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِنِسَائِهِمْ

⁴⁰ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 3830 (*Kitab al-Manaqib 'an Rasulullah, Bab keutamaan isteri-isteri Nabi*). Berkata al-Tirmizi, hadis ini hasan gharib sahih. al-Albani menilainya sahih dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 3895.

خُلُقًا.

Orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya. Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik akhlaknya terhadap para isterinya.⁴¹

Masalah suami yang tidak berakhlak baik adalah sesuatu banyak berlaku, baik suami itu bermonogami atau berpoligami.

Apa pula pandangan engkau, Yodong?" tanya Harris mengakhirkan pandangannya.

"Betullah pandangan kamu itu" jawab Yodong ringkas sambil membetulkan ketayap putih di kepalanya.

Poligami Kerana Memuaskan Nafsu

"Pada aku, kebanyakan suami yang berpoligami hanya hendak memuaskan nafsu buta" Yodong mengemukakan pendapat lain pula bagi menunjukkan dia tidak cenderung kepada poligami, baik bagi dirinya mahupun suami-suami yang lain. [SCM 128]

⁴¹ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunan*nya, hadis no: 1082 (*Kitab al-Radha', Bab berkenaan hak wanita ke atas suaminya*). Berkata al-Tirmizi, hadis ini hasan sahih. al-Albani menilainya hasan sahih dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 1162.

"Semua orang memiliki nafsu. Apa yang penting nafsu tersebut ditujukan kepada perkara yang halal dan bukannya yang haram. Bukankah kita yang bermonogami ini, salah satu sebab kita berkahwin lama dulu adalah untuk memuaskan nafsu seks kita?" tanya Ibrahim.

"Benar" Harris menambah. "Dan memuaskan nafsu secara halal bukan sahaja dibolehkan bahkan dapat menjana pahala sedekah di sisi Allah *Subhanahu waTa'ala*."

"Pahala sedekah? Apa dalilnya?" Yodong bertanya.

"Bagus Yodong, *manhaj* engkau dalam beragama nampaknya sudah mula berubah daripada apa ustaz kata kepada apa dalilnya. Dalilnya ialah sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

وَفِي بُضْعِ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيَأْتِي أَحَدُنَا شَهْوَتُهُ وَيَكُونُ لَهُ فِيهَا أَجْرٌ؟ قَالَ: أَرَأَيْتُمْ لَوْ وَضَعَهَا فِي حَرَامٍ أَكَانَ عَلَيْهِ فِيهَا وَزْرٌ فَكَذَلِكَ إِذَا وَضَعَهَا فِي الْحَلَالِ كَانَ لَهُ أَجْرٌ.

"Dalam perhubungan seks seseorang kalian terdapat nilai sedekah." Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah! Adakah dalam rangka kita memuaskan nafsu syahwat, seseorang itu mendapat ganjaran pahala?"

Rasulullah menjawab: "Tidakkah kalian

perhatikan jika seseorang itu melakukannya ke atas apa yang haram baginya, dia akan mendapat dosa? Maka demikianlah, jika dia melakukannya ke atas apa yang halal baginya, maka baginya ganjaran pahala.⁴²

Apa yang penting ialah kita mendidik para suami agar bukan sahaja meraih pahala sedekah kerana hubungan seks, tetapi pahala berakhlak baik kepada semua ahli keluarga, pahala menyediakan nafkah, pahala mendidik dan pahala berlaku adil” jelas Harris.

Masyarakat Memandang Serong Kepada Poligami

“Masalahnya, memang ramai lelaki niatnya begitu pada zaman ini. Akhirnya, hanya nafsu yang dipenuhi tetapi tanggungjawab di campak ke tepi. Justeru, ramai insan terabai dan hak mereka dizalimi. Sebab itulah poligami mereka tidak dipandang mulia sebagaimana poligami Rasulullah. Malah ia mendatangkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan. Tidak hairanlah, masyarakat di ceruk mana sekalipun mulai memandang serong kepada orang yang hendak berpoligami” ulas Yodong lagi [SCM 129] sambil teringat kepada kata-kata isterinya Ibu Dhiya’:

⁴² Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1674/1006 (*Kitab al-Zakat, Bab berbuat apa saja ialah sedekah*).

“Ibu Dhiya’ sependapat dengan pengarang *Fiqh Cinta*, Abdul Aziz Ahmad. Beliau mengatakan, poligami itu perlu di sisi syarak tetapi tidak *makruf* pada zaman ini. Tidak *makruf* ertinya tidak dianggap baik oleh masyarakat pada masa ini. Katanya, sesoleh dan sehebat mana pun pemuda yang berpoligami, pasti dihukum masyarakat sebagai berhidung belang. Tidak semua lelaki begitu. Tetapi, tanggapan masyarakat sukar dielak apatah lagi realitinya menunjukkan, ramai isteri yang terabai dan dilayan tidak adil.

Orang berpoligami dianggap orang yang melakukan tindakan baik yang tidak *makruf*. Orang yang melakukan hal-hal yang bertentangan dengan nilai positif masyarakat, pasti dihukum masyarakat. Maka, lelaki seharusnya jangan terlalu ambil mudah hendak berpoligami, dan wanita jangan terlalu berani menghampiri suami orang.” [SCM 385]

“Jika begitu, tugas kita ialah menuntut ilmu tentang poligami. Ilmu poligami bukan semestinya supaya kita berpoligami, tetapi supaya dapat menasihati dan menegur sesiapa yang kita dapati salah dalam berpoligami.” Ibrahim mengulas kembali, seolah-olah mengisyaratkan kepada Yodong yang telah memberi banyak nasihat yang salah kepada Musa yang mahu berpoligami.

"Aneh engkau ni Yodong..." Harris pula mengulas "apabila mulia atau serong sesuatu amalan engkau ukur berdasarkan kaca mata masyarakat. Kita sebagai orang Islam, kayu ukur kita ialah Allah *Subhanahu waTa'ala*. Bukankah Allah telah berfirman:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعِزَّةَ فَلِلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ يَرْفَعُهُ.

Sesiapa yang mahukan kemuliaan (maka hendaklah dia berusaha mencarinya dengan jalan mematuhi perintah Allah), kerana bagi Allah jualah segala kemuliaan. Kepada Allah-lah naik segala perkataan yang baik (yang menegaskan iman dan tauhid) dan amal yang soleh pula diangkat naik. [Fatir 35:10]

Oleh itu kita sepatutnya memberi motivasi kepada orang yang ingin atau sudah poligami agar melakukannya dengan cara yang terbaik, moga mendapat kemuliaan di sisi Allah *Subhanahu waTa'ala*, bukan di sisi manusia. Jika sudah dilakukan yang terbaik, maka biarlah apa yang dikatakan oleh manusia. Lebih asing di sisi masyarakat sesuatu ajaran Islam yang kita amalkan, lebih bahagia dan berbangga sepatutnya kita rasa. Inilah kumpulan *al-Ghuraba'* yang dipuji oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

بَدَأَ الْإِسْلَامُ غَرِيبًا وَسَيَعُودُ كَمَا بَدَأَ غَرِيبًا. فَطُوبَى لِلْغُرَبَاءِ.

Islam bermula sebagai (sesuatu yang) asing dan akan kembali menjadi (sesuatu yang) asing seperti awalnya. Maka berbahagialah orang-orang yang asing itu (al-Ghuraba’).⁴³

Isteri Masuk Syurga Tanpa Suami

“Akan tetapi aku masih tidak cenderung kepada poligami” Yodong berhujah sambil menjeling ke jam tangannya. Masih ada masa sebelum mereka sambung bekerja semula. “Isteri boleh masuk syurga tanpa suami tetapi suami tidak boleh masuk syurga tanpa mendidik isteri. Jika diri sendiri pun tidak terdidik, takut isteri dapat syurga tetapi kita dapat neraka. Nauzubillah. Waktu itu, kamu dapat bayangkan betapa hancurnya hati kamu melihat isteri kamu dilamar oleh pasangan yang lebih baik di syurga?” [SCM 125]

Cuba bayang di syurga nanti, ketika isteri kita menjadi bidadari dan dilamar lagi oleh ribuan pasangan akhirat yang hebat-hebat. Sudah tentu kedudukannya ketika itu menjadi tinggi kerana kesabarannya. Sedangkan kedudukan kita lebih rendah kerana

⁴³ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no 208/145 (*Kitab al-Iman, Bab menjelaskan bahawa Islam bermula sebagai yang asing.....*).

suka mengikut nafsu. Kamu rasa, ketika itu dia masih mahu menerima kita?

Beruntunglah pasangan yang sama-sama soleh dan solehah kerana mereka akan dinikahkan lagi di akhirat. Tetapi pasangan yang tidak seimbang, layakkah berpasangan lagi di akhirat?" Yodong bertanya beberapa kali, mungkin sebagai hujah terakhirnya. [SCM 131]

"Wah! Berani engkau menceritakan mengaitkan pengamal poligami kepada syurga dan neraka?" tanya Ibrahim. "Aku memang tak berani, sebab syurga dan neraka ialah hak Allah semata-mata sebagai *Maliki Yaumid Din*, raja pada hari pembalasan."

"Nampaknya kamu benar-benar membenci poligami sehingga hilang pertimbangan agama yang waras. Bukankah Allah *Subhanahu waTa'ala* telah mengingatkan kita:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ.

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan

kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan. [al-Maidah 5:08]

Tidak salah jika aku katakan, hendaklah kita semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu perkara mendorong kita kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kita berlaku adil kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kita lakukan” jelas Harris.

“Kita *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* tidak berkata apa-apa berkenaan syurga dan neraka serta ciri-ciri penghuninya melainkan berdasarkan dalil al-Qur’an dan al-Sunnah yang diketahui sumber dan darjatnya” Harris melanjutkan. “Bagaimana mungkin engkau mengatakan isteri boleh masuk syurga tanpa suami? Perhatikan hadis berikut daripada Hushain bin Mihshan yang menerangkan:

أَنَّ عَمَّةً لَهُ أَتَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَاجَةٍ فَفَرَعَتْ
 مِنْ حَاجَتِهَا فَقَالَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَذَاتُ زَوْجٍ أَنْتِ؟
 قَالَتْ: نَعَمْ. قَالَ: كَيْفَ أَنْتِ لَهُ؟ قَالَتْ: مَا أَلُوهُ إِلَّا مَا عَجَزْتُ عَنْهُ.
 قَالَ: فَأَنْظُرِي أَيْنَ أَنْتِ مِنْهُ فَإِنَّمَا هُوَ جَنَّتُكَ وَنَارُكَ.

Saudara perempuannya pernah mendatangi Nabi shallallahu 'alaihi wasallam kerana sesuatu keperluan. Setelah selesai, Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bertanya kepadanya: "Apakah kamu sudah bersuami?" Dia menjawab: "Ya". Baginda bertanya lagi: "Bagaimana sikap kamu kepada suamimu?" Dia menjawab: "Aku tidak pernah mengurangi haknya kecuali apa yang tidak mampu aku lakukan." Lantas baginda bersabda: "Perhatikanlah bagaimana hubungan kamu dengannya kerana sesungguhnya dia (suamimu) tidak lain adalah syurgamu dan nerakamu."⁴⁴

Beberapa Kumpulan Orang Beriman Di Akhirat Kelak

"Bagaimana dengan suami yang tidak mendidik

⁴⁴ Sahih: Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 18233. al-Munziri mengemukakannya dalam *al-Targhib wa al-Tarhib* dan beliau berkata: Diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Nasa'e dengan dua sanad yang *jayyid*, juga oleh al-Hakim dan beliau mengatakan, sanadnya sahih. Berkata Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan mereka dalam semakan ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 19003: sanadnya diperkira dapat dinilai hasan. Dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Targhib wa al-Tarhib*, no: 1933.

isterinya, atau isteri-isterinya?" tanya Ibrahim.

"Ya, kegagalan itu boleh menjadi salah satu sebab yang menghantar suami ke neraka. Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ.

Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya, manusia dan batu. [al-Tahrim 66:06]

Pun begitu ia tidaklah menjamin kedudukan neraka bagi suami. Ini kerana pada Hari Akhirat kelak, Allah *Subhanahu waTa'ala* mengadili seseorang berdasarkan seluruh amalnya dan bukan satu dua sahaja. Berdasarkan pengadilan ini, umat Islam di Akhirat kelak terbahagi kepada tiga kumpulan.

Kumpulan pertama ialah mereka yang kebbaikannya melebihi kejahatannya, maka mereka dengan rahmat Allah dimasukkan ke dalam syurga. **Kumpulan kedua** ialah mereka yang kejahatannya melebihi kebbaikannya, maka mereka terserah kepada pengampunan Allah dan syafa'at yang Allah izinkan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Jika tidak, mereka dimasukkan ke dalam neraka pada kadar kejahatan yang telah mereka lakukan. **Kumpulan ketiga** ialah mereka

yang kebbaikannya menyamai kejahatannya, maka mereka berada di atas tembok *al-A'raaf* yang berada di antara syurga dan neraka.

Orang-orang kumpulan kedua, mereka akhirnya akan dikeluarkan daripada neraka, dibersihkan dan dimasukkan ke dalam syurga. Ini kerana sesiapa jua yang di dunia memiliki iman walau sebesar biji sawi, akan Allah masukkan ke dalam syurga selepas dihapuskan dosa-dosanya di dalam neraka. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menerangkan:

يَدْخُلُ أَهْلُ الْجَنَّةِ الْجَنَّةَ وَأَهْلُ النَّارِ النَّارَ ثُمَّ يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى
أَخْرِجُوا مِنَ النَّارِ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ مِنْ إِيْمَانٍ.
فَيُخْرِجُونَ مِنْهَا قَدْ اسْوَدُّوا فَيُلْقَوْنَ فِي نَهْرِ الْحَيَاةِ (شَكَ مَالِكُ)
فَيَنْبُثُونَ كَمَا تَنْبُثُ الْحَبَّةُ فِي جَانِبِ السَّيْلِ. أَلَمْ تَرَ أَنَّهَا تَخْرُجُ صَفْرَاءَ
مُتَوَيَّةً؟

Setelah ahli syurga masuk ke syurga dan ahli neraka masuk ke neraka, Allah Ta'ala berfirman: "Keluarkan dari neraka siapa yang di dalam hatinya ada iman walau sebesar biji sawi." Maka mereka keluar dari neraka dalam keadaan yang hitam seperti arang, kemudian dimasukkan ke dalam sungai hidup atau kehidupan. Kemudian tubuh mereka berubah (menjadi

bersih) bagaikan benih yang tumbuh (segar) setelah banjir. Tidakkah kamu perhatikan bagaimana benih keluar dengan warna (segar) kekuningan dan berlipat-lipat?⁴⁵

Akan tetapi bagi sesiapa yang pernah menzalimi orang lain ketika di dunia, hendaklah segera meminta ia dihalalkan. Jika pihak yang dizalimi enggan, maka hendaklah menggantikannya semua. Jika tidak di Hari Akhirat kelak akan mereka akan menghadapi suasana khusus yang disebut dalam hadis berikut:

مَنْ كَانَتْ عِنْدَهُ مَظْلَمَةٌ لِأَخِيهِ فَلْيَتَحَلَّلْهُ مِنْهَا فَإِنَّهُ لَيْسَ تَمَّ دِينَارٌ وَلَا دِرْهَمٌ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُؤْخَذَ لِأَخِيهِ مِنْ حَسَنَاتِهِ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ حَسَنَاتٌ أُخِذَ مِنْ سَيِّئَاتِ أَخِيهِ فَطُرِحَتْ عَلَيْهِ.

Sesiapa yang pernah menzalimi saudaranya, maka hendaklah dia meminta saudaranya itu menghalalkannya (ketika di dunia) kerana sesungguhnya (di Akhirat) tidak ada dinar dan dirham (untuk dijadikan tebusan). Jika tidak, kebaikan-kebaikannya akan diambil dan diberikan kepada saudaranya (yang pernah dizalimi itu). Apabila dia tidak

⁴⁵ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 21/22 (*Kitab al-Iman, Bab tingkatan orang-orang beriman dalam beramal*)

memiliki kebaikan, maka diambil keburukan saudara (yang pernah dizaliminya itu) lalu dibebankan ke atasnya.⁴⁶

Oleh itu kita sebagai suami hendaklah ingat, jangan menzalimi hak isteri atau isteri-isteri kita kerana akan dikenakan hukuman balas *qishas* pada Hari Akhirat kelak. Isteri-isteri yang hidup di alam poligami juga hendaklah ingat, jangan menzalimi hak madu kerana akan dikenakan hukuman balas *qishas* pada Hari Akhirat kelak.

Kesimpulannya, suami yang beriman namun memiliki banyak rekod kejahatan atau pernah menzalimi isterinya, akan tetap memasuki syurga selepas mereka di azab dalam neraka selari dengan kadar kejahatan yang ada dalam buku rekod mereka.” Harris menyimpulkan.

”Apakah dalil bagi kumpulan ketiga yang engkau sebut berada di atas tembok *al-A’raaf*?” Ibrahim bertanya.

Harris menjawab: “*al-A’raaf* adalah sebagaimana firman Allah *Subhanahu waTa’ala*:

وَيَنفُخُنَّهَا جِبَابٌ وَعَلَى الْأَعْرَافِ رِجَالٌ يَعْرِفُونَ كُلًّا بِسِيمَاهُمْ
وَنَادُوا أَصْحَابَ الْجَنَّةِ أَنْ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ لَمْ يَدْخُلُوهَا وَهُمْ يَطْمَعُونَ. وَإِذَا

⁴⁶ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 6053/6534 (*Kitab al-Riqaq, Bab qishah pada Hari Kiamat*).

صُرِفَتْ أَبْصَارُهُمْ تِلْقَاءَ أَصْحَابِ النَّارِ قَالُوا رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا مَعَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.

Dan di antara keduanya (syurga dan neraka) ada tembok Al-A'raaf (yang menjadi) pendinding dan di atas tembok al-A'raaf itu ada sebilangan orang yang mengenal tiap-tiap seorang (dari ahli-ahli syurga dan neraka) dengan tanda masing-masing dan mereka pun menyeru ahli syurga: "Salamun 'alaikum". Sedang mereka sendiri belum lagi masuk syurga padahal mereka ingin sangat memasukinya. Dan apabila dialihkan pandangan mereka ke arah ahli neraka, mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami bersama orang-orang yang zalim." [al-A'raaf 7:46-47]

Sebahagian besar ahli tafsir menyebut bahawa orang-orang di atas *al-A'raaf* adalah mereka yang kebbaikannya menyamai kejahatannya. Lalu kebaikan mereka memelihara mereka daripada neraka namun kejahatan mereka menghalang mereka daripada syurga."

"Akhirnya...apakah nasib orang-orang di atas *al-A'raaf* ini?"

"Kita serahkan kepada Allah. Ada beberapa riwayat

yang menyebut mereka akhirnya dimasukkan ke dalam syurga. Namun riwayat-riwayat tersebut memiliki kelemahan di dalamnya sehingga tidak dapat kita jadikan hujah dalam bab aqidah seperti ini” jelas Harris.

Suami Menanggung Dosa Isteri?

“Terdapat pandangan lain yang menyatakan suami menanggung dosa isteri dan anak-anak. Apakah ini benar?” tanya Ibrahim sebagai soalan sampingan. Pandangan ini masyhur disebut oleh sebahagian agamawan.

“Tidak benar. Di antara perkara dasar dalam Islam ialah setiap orang menanggung pahala atau dosa berdasarkan usahanya yang tersendiri. Jika dia berbuat kebaikan, maka dia mendapat pahala untuk dirinya. Jika dia berbuat kejahatan, maka dia mendapat dosa untuk dirinya. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

أَلَّا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ. وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ. وَأَنَّ سَعْيَهُ سَوْفَ يُرَىٰ. ثُمَّ يُجْزَاهُ الْجَزَاءَ الْأَوْفَىٰ. وَأَنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ الْمُتَبَوِّئِينَ.

Sesungguhnya seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain, sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya. Sesungguhnya usahanya itu akan diperlihatkan

(kepadanya, pada Hari Kiamat kelak). Kemudian usahanya itu akan dibalas dengan balasan yang amat sempurna; sesungguhnya kepada hukum Tuhanmu-lah kesudahan (segala perkara). [al-Najm 53:38-42]

Oleh itu dalam sebuah keluarga, apabila isteri sengaja enggan menutup aurat maka dia sahajalah yang akan menanggung dosa mendedahkan aurat. Apabila isteri bergossip berkenaan orang lain, maka dia sahajalah yang akan mengganggu perkataan-perkataan yang disebut atau ditaip olehnya. Dosa isteri tidak berpindah kepada suami atau ayah.

Pun begitu, suami ada satu kewajipan yang jika dia tidak melaksanakannya, dia akan mendapat dosa kerananya. Ia adalah kewajipan mendidik, menasihati dan menegur ahli keluarga agar mereka mentaati perintah dan larangan syari'at Islam. Ini berdasarkan firman Allah dalam ayat keenam surah al-Tahrim yang telah saya kemukakan sebentar tadi.

Kembali kepada contoh di atas, apabila suami tidak mendidik isteri untuk menutup aurat, maka suami mendapat dosa kerana tidak mendidik sementara isteri mendapat dosa kerana tidak menutup aurat. Sebaliknya jika suami telah mendidik isteri untuk menutup aurat namun isteri tetap enggan, maka suami tidak mendapat sebarang dosa sementara isteri mendapat dosa kerana enggan menutup aurat" jelas Harris.

"Contoh lain yang terbaik..." lanjut Harris "ialah kisah Nabi Nuh dan Nabi Lut. Mereka telah berdakwah namun isteri-isteri mereka tetap ingkar. Lalu mereka tidak bertanggungjawab ke atas dosa kekafiran isteri-isteri mereka. Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِلَّذِينَ كَفَرُوا امْرَأةَ نُوحٍ وَامْرَأةَ لُوطٍ كَانَتَا تَحْتَ عَبْدَيْنِ مِنْ عِبَادِنَا صَالِحَيْنِ فَخَانَتَاهُمَا فَلَمْ يُغْنِيَا عَنْهُمَا مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَقِيلَ ادْخُلَا النَّارَ مَعَ الدَّاخِلِينَ.

Allah mengemukakan satu misal perbandingan (yang menyatakan tidak ada manfaatnya) bagi orang-orang kafir (berhubung rapat dengan orang-orang mukmin selagi mereka tidak beriman dengan sebenarnya), iaitu perihal isteri Nabi Nuh dan isteri Nabi Lut; mereka berdua berada di bawah jagaan dua orang hamba yang soleh dari hamba-hamba Kami; dalam pada itu mereka berlaku khianat kepada suami masing-masing. Maka kedua-dua suami mereka (yang berpangkat Nabi itu) tidak dapat memberikan sebarang pertolongan kepada mereka dari (azab) Allah dan (sebaliknya) dikatakan kepada mereka berdua (pada Hari Pembalasan): "Masuklah kamu berdua ke dalam neraka bersama-sama orang-orang yang masuk (ke situ)." [al-Tahrim 66:10]

Isteri Menjadi Ketua Bidadari Di Syurga?

“Bagaimana dengan apa yang dikatakan oleh Yodong, bahawa isteri akan menjadi bidadari dan dilamar oleh lelaki lain di syurga kelak?” tanya Ibrahim lagi.

“Yang demikian berlaku kepada isteri yang suaminya di dunia dahulu telah menjadi kafir. Maka suami tersebut kekal di dalam neraka. Adapun isteri yang suaminya masih beriman namun kejahatannya melebihi kebajikannya, maka mereka akan disatukan semula selepas suaminya selesai menjalani hukuman di dalam neraka.

Namun aku tidak mengetahui apa dalilnya bahawa seorang isteri akan menjadi bidadari di syurga kelak” jelas Harris sambil memandang kepada Yodong, seolah-olah bertanya. Yodong berdiam sahaja. “Setahu aku, manusia di dunia tetap sebagai manusia di syurga kelak. Bidadari pula adalah makhluk istimewa di dalam syurga yang belum pernah disentuh oleh sesiapa sebelum itu sebagaimana firman Allah:

فِيهِنَّ قَاصِرَاتُ الطَّرْفِ لَمْ يَطْمِثْهُنَّ إِنْسٌ قَبْلَهُمْ وَلَا جَانٌّ. فَبَأَيِّ
آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ. كَأَنَّهُنَّ الْيَاقُوتُ وَالْمَرْجَانُ.

Di dalam syurga-syurga itu terdapat bidadari-bidadari yang pandangannya tertumpu (kepada mereka semata-mata), yang tidak pernah disentuh sebelum

mereka oleh manusia dan jin; maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Bidadari-bidadari itu (cantik berseri) seperti permata delima dan marjan. [al-Rahman:56-58]

Isteri-isteri kita telah kita sentuh ketika di dunia ini. Maka mereka bukanlah bidadari-bidadari yang dimaksudkan dalam syurga kelak” jelas Harris.

“Baiklah, isteri-isteri kita bukanlah bidadari di syurga, namun menjadi ketua bidadari?” tanya Ibrahim lagi.

“Aku menahan diri daripada berkata ya atau tidak. Ia adalah satu pandangan yang masyhur tetapi aku tidak mengetahui dalilnya. Paling dekat ialah sebuah riwayat di mana, dikatakan Umm Salamah *radhiallahu 'anha* bertanya kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أُنِسَاءُ الدُّنْيَا أَفْضَلُ أَمْ الْحَوْرُ الْعَيْنُ؟ قَالَ: بَلَى نِسَاءُ الدُّنْيَا أَفْضَلُ مِنَ الْحَوْرِ الْعَيْنِ كَفَضْلِ الظَّهَارَةِ عَلَى الْبِطَانَةِ. قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَبِمَ ذَاكَ؟ قَالَ: بِصَلَاتِهِنَّ وَصِيَامِهِنَّ وَعِبَادَتِهِنَّ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ.

“Ya Rasulullah, apakah wanita dunia lebih utama berbanding bidadari syurga?” Rasulullah menjawab: “Sudah tentu wanita dunia lebih utama berbanding bidadari syurga sebagaimana yang zahir lebih utama berbanding yang batin.” Saya (Umm Salamah) bertanya:

**"Wahai Rasulullah, demikian itu atas sebab apa?"
Rasulullah menjawab: "Atas sebab solat mereka, puasa mereka dan ibadah mereka kepada Allah 'Azza wa Jalla."⁴⁷**

Oleh itu berdasarkan riwayat ini, hendaklah para isteri bersungguh-sungguh beribadah kepada Allah *Subhanahu waTa'ala* ketika di dunia ini agar di Akhirat kelak, mereka bukan sekadar masuk syurga tetapi menjadi lebih utama berbanding bidadari syurga.

Suami Isteri Di Tingkatan Syurga Yang Berbeza

"Baiklah. Bagaimana pula seperti yang dikatakan oleh Yodong, suami dan isteri akan berada di tingkatan syurga yang berbeza? Isteri di tingkatan yang lebih tinggi kerana kesabarannya, suami di tingkatan yang lebih rendah kerana

⁴⁷ **Dha'if:** Dikeluarkan oleh al-Thabarani dalam *al-Mu'jam al-Ausath*, hadis no: 3141 dan *al-Mu'jam al-Kabir*, jld. 23, ms. 367, hadis no: 870; kedua-duanya melalui jalan Sulaiman bin Abu Karimah. Beliau dinilai *dha'if* oleh Abu Hatim, namun dinilai *mungkar* oleh Ibn 'Ady dan al-'Uqaily. al-Hathami mengemukakan riwayat ini dalam *Majma al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*, hadis no: 11396 & 18755 dan beliau menerangkan *kedha'ifan* Sulaiman bin Abu Karimah. al-Albani menilai hadis ini *mungkar* dalam *Dha'if al-Tarhib wa al-Tarhib*, hadis no: 2230.

Sebahagian ilmuan berpendapat dibolehkan menggunakan hadis ini, sebagaimana al-Munziri yang mengemukakannya dalam *al-Tarhib wa al-Tarhib*, hadis no: 5720 sambil mengisyaratkan *kedha'ifannya*. Ibn al-Qayyim mengemukakan hadis ini dalam *Hadi al-Arwah Ila Balad al-Afrah*, ms. 158 sambil menerangkan kelemahannya, juga dalam *Raudhah al-Muhibbin*, ms. 242.

mengikut hawa nafsunya ketika di dunia dahulu?" tanya Ibrahim lagi. Nampaknya dia benar-benar berminat dengan khabar-khabar berkenaan Hari Akhirat kelak.

"Dalam persoalan ini Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلَتْنَاهُمْ مِنْ عَمَلِهِمْ مِنْ شَيْءٍ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ.

Dan orang-orang yang beriman yang dituruti oleh zuriat keturunannya dalam keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam syurga); dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun dari pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya. [al-Thur 52:21]

Kebanyakan ahli tafsir menjelaskan, apabila sebuah keluarga itu ahli-ahlinya kelak berada pada tingkatan syurga yang berbeza, maka Allah *Subhanahu waTa'ala* akan menghubungkan mereka semula dengan cara menaikkan ahli keluarga yang berada di tingkatan bawah bersama ahli keluarga yang berada di tingkatan atas. Ini sebagai anugerah khas bagi ahli keluarga yang berada di tingkatan teratas. Semua ini dengan syarat ahli-ahli keluarga tersebut

merupakan orang-orang yang beriman kepada Allah, bukan orang kafir.

Ayat di atas menyebut orang-orang beriman dan zuriat keturunannya. Moga-moga suami dan isteri termasuk juga dalam anugerah Allah yang istimewa ini. Dalam sebuah ayat lain Allah *Subhanahu waTa'ala* menerangkan doa para malaikat pemikul Arasy agar semua ahli keluarga berada di satu tingkatan syurga, yakni syurga *Adn*:

الَّذِينَ يَحْمِلُونَ الْعَرْشَ وَمَنْ حَوْلَهُ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيُؤْمِنُونَ بِهِ وَيَسْتَغْفِرُونَ لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا وَسِعْتَ كُلَّ شَيْءٍ رَحْمَةً وَعِلْمًا فَاغْفِرْ لِلَّذِينَ تَابُوا وَاتَّبَعُوا سَبِيلَكَ وَقِهِمْ عَذَابَ الْجَحِيمِ. رَبَّنَا وَأَدْخِلْهُمْ جَنَّاتٍ عَدْنٍ الَّتِي وَعَدْتَهُمْ وَمَنْ صَلَحَ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ.

Malaikat yang memikul Arasy dan malaikat yang berada di sekelilingnya, bertasbih memuji Tuhan-Nya dan beriman kepada-Nya; serta mereka memohon ampun bagi orang-orang yang beriman (dengan berdoa): "Wahai Tuhan kami! Rahmat-Mu dan Ilmu-Mu meliputi segala-galanya; maka berilah ampun kepada orang-orang yang bertaubat serta menurut jalan-Mu dan peliharalah mereka dari azab neraka.

Wahai Tuhan kami! Dan masukkanlah mereka ke dalam syurga Adn yang Engkau telah janjikan kepada mereka dan (masukkanlah bersama-sama mereka) orang-orang yang layak di antara ibu bapa mereka dan isteri-isteri mereka serta keturunan mereka. Sesungguhnya Engkaulah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. [al-Ghafir 40:7-8]

Marilah kita mengaminkan doa para malaikat ini" jelas Harris.

"Amin! Satu lagi soalan terakhir..." tanya Ibrahim masih bersemangat "Benarkah pasangan yang sama-sama soleh dan solehah akan dinikahkan lagi di akhirat?"

"Saya tidak mengetahui apa-apa dalil berkenaan hal ini. Mereka akan bersama *insya-Allah*, namun nikah sekali lagi? Saya tidak tahu" jawab Harris sambil memandang Yodong.

"Ehh! Hari dah semakin panas" Yodong menukar bicara sambil membuka kopiah di kepalanya, mengisyaratkan kepanasan yang dirasainya. Padahal dia merasa amat malu lagi tidak layak berpenampilan memakai kopiah kerana telah memberi banyak nasihat yang salah lagi mengelirukan kepada sahabatnya Musa. "Ayuh kita sambung kerja, dah siang ni."

Menyemak Sebab Turun Ayat Poligami

Saya ada soalan mudah kepada para pembaca sekalian. Jika kita hendak mengkaji sebab bagi turunnya sesebuah ayat al-Qur'an, cara apakah yang terbaik bagi membuahkan hasil kajian yang paling tepat? Ada tiga pilihan jawapan:

- A: Mengambil pandangan penulis-penulis buku zaman sekarang.
- B: Mengambil pandangan penulis daripada aliran yang sesat, seperti Syi'ah.
- C: Mengambil pandangan para sahabat Rasulullah, termasuklah para isteri baginda.

Di antara tiga pilihan di atas, tentulah jawapan yang betul ialah C. Ini kerana para sahabat Rasulullah, termasuklah para isteri baginda, adalah manusia yang hidup ketika wahyu al-Qur'an diturunkan. Mereka menyaksikan peristiwa yang berlaku dengan mata sendiri, mendengar apa yang berlaku dengan telinga mereka sendiri dan mengetahui selok beloknya dengan pengetahuan mereka sendiri. Seterusnya mereka menyaksikan bagaimana Allah *Subhanahu waTa'ala* menurunkan wahyu berupa ayat-ayat al-Qur'an yang menjelaskan peristiwa yang mereka lihat, dengar dan ketahui itu. Ini adalah satu kelebihan dan keutamaan para sahabat dan para isteri Rasulullah, *radhiallahu 'anh* yang tidak dimiliki oleh

sesiapa jua sehinggalah ke Hari Akhirat.

Adapun jawapan A, maka ia tidak betul kerana pandangan penulis masa kini tentang sebab turunnya sesebuah ayat al-Qur'an hanyalah merupakan dugaannya semata-mata. Adapun jawapan B, maka ia lebih parah kerana aliran yang sesat akan menyembunyikan fakta yang benar dan mengemukakan pandangan yang hanya menyebelahi pendirian alirannya.

Setelah jelas kepada kita semua cara terbaik bagi mengkaji sebab turun sesebuah ayat al-Qur'an secara tepat, amatlah menghairankan apabila *Sebarkan Cinta-Mu*, ms. 133 menjelaskan:

Ayat poligami diturunkan selepas berakhirnya Perang Uhud yang banyak mengorbankan kaum Muslimin, 70 orang daripada 700 pasukan lelaki, seperti yang dikutip oleh Ashgar Ali Engineer daripada *The Holy Quran*.

Pada waktu itu, ramai Muslimah yang menjadi janda, dan anak-anak perempuan menjadi yatim. Dalam konteks sosial yang berlaku ketika itu, jalan terbaiknya adalah membenarkan poligami dengan janda dan anak-anak perempuan yatim, dengan syarat tidak melebihi empat dan mampu berbuat adil.

Persoalannya, bagaimana pula konteks sosial pada zaman

ini? Adakah pelaksanaan poligami pada zaman ini lebih melihat hikmah bagi membela golongan janda dan anak yatim? Atau pun lebih kepada memberi jalan keluar kepada lelaki-lelaki yang tidak mampu mengawal pergaulan bebas hingga terpaksa kahwin lagi kerana takut zina? Bagaimana pula kesannya terhadap pencabulan syarat mampu berlaku adil dan terabainya wanita dan anak-anak?

Khairanan berlaku kerana:

Pertama:

Dalam kitab-kitab hadis, termasuklah *Shahih al-Bukhari* dan *Shahih Muslim*, terdapat keterangan daripada Aisyah *radhiallahu 'anha* tentang sebab turunnya ayat poligami. Hadis ini akan dikemukakan sejurus nanti, *insya-Allah*. Apa yang menghairankan, hadis ini tidak dikemukakan oleh *Sebarkan Cinta-Mu*.

Kedua:

Sebaliknya yang dikemukakan ialah pendapat Ashgar Ali Engineer. Ashgar Ali Engineer bukanlah seorang sahabat yang hidup ketika wahyu diturunkan, tetapi seorang penulis masa kini yang lahir pada 10 Mac 1939 di Rajasthan, India.

Ketiga:

Ashgar Ali Engineer bukanlah seorang tokoh *Ahlal-Sunnah wa al-Jamaah*, tetapi tokoh aliran *Syi'ah Isma'ili* yang

berpusat di India. Aliran beliau di India digelar sebagai *Dawoodi Bohra*.

Keempat:

Ayat ketiga surah al-Nisa' secara jelas menyebut:

وَإِنْ حِفْتُمْ إِلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَى...

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim... [al-Nisa' 4:03]

al-Qurtubi *rahimahullah* menjelaskan bahawa ayat ini merujuk kepada anak-anak perempuan yatim yang masih belum baligh. Jika sudah baligh, mereka tidak lagi disebut sebagai yatim.⁴⁸ Oleh itu ayat ini tiada kaitan dengan janda-janda kerana kebanyakan janda adalah wanita yang sudah baligh. Meskipun secara teori boleh wujud janda yang belum baligh, namun secara praktikal kemungkinan ia wujud amatlah tipis.

Kelima:

Dalam ilmu usul tafsir dan usul fiqh dijelaskan satu kaedah iaitu: "Yang diambil ialah keumuman lafaz dan bukannya kekhususan sebab". Maksudnya, hukum atau pengajaran yang diambil daripada sesebuah ayat al-Qur'an

⁴⁸ *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, kupusan ketiga bagi ayat ketiga surah al-Nisa'.

bukanlah berdasarkan kekhususan sebab ia diturunkan tetapi berdasar keumuman lafaz yang digunakan.

Justeru amatlah menghairankan apabila *Sebarkan Cinta-Mu* cuba mengikat hikmah poligami kepada membela para janda dan anak yatim, padahal ayat seterusnya telah memberi kebebasan serta keluasan untuk bernikah kepada siapa saja yang diperkenan oleh seorang suami, tanpa terbatas kepada janda atau anak yatim. Perhatikan firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ
النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ.

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim, maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat. [al-Nisa' 4:03]

Keterangan Aisyah Tentang Sebab Turun Ayat Poligami

Baiklah, sepertimana yang dijanjikan, berikut dikemukakan keterangan Aisyah *radhiallahu 'anha*, isteri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, tentang sebab turun ayat poligami.

ابْنُ شَهَابٍ قَالَ أَخْبَرَنِي عُرْوَةُ بْنُ الزُّبَيْرِ أَنَّهُ سَأَلَ عَائِشَةَ عَنْ قَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى: ((وَإِنْ خِفْتُمْ أَنْ لَا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَى)).

فَقَالَتْ: يَا ابْنَ أَخِي هَذِهِ الْيَتِيمَةُ تَكُونُ فِي حَجَرٍ وَلِئِهَا تَشْرِكُهُ فِي مَالِهِ وَيُعْجِبُهُ مَا هَا وَجَمَاهَا فَيُرِيدُ وَلِئِهَا أَنْ يَتَزَوَّجَهَا بَعِيرٍ أَنْ يُقْسِطَ فِي صَدَاقِهَا فَيُعْطِيَهَا مِثْلَ مَا يُعْطِيهَا غَيْرُهُ.

فَنُهِوا عَنْ أَنْ يَنْكِحُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يُقْسِطُوا هُنَّ وَيَبْلُغُوا هُنَّ أَعْلَى سُنَّتِهِنَّ فِي الصَّدَاقِ فَأَمَرُوا أَنْ يَنْكِحُوا مَا طَابَ لَهُمْ مِنَ النِّسَاءِ سِوَاهُنَّ.

Ibn Syihab berkata, 'Urwah bin al-Zubair mengkhabarkan kepadaku bahawa dia bertanya kepada Aisyah mengenai firman Allah Subhanahu waTa'ala: "Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim."

Aisyah menjawab: "Wahai anak saudariku, yang

dimaksud adalah seorang perempuan yatim yang berada di bawah pemeliharaan walinya, (wali itu) membantu dalam menguruskan hartanya. Namun walinya menjadi takjub dengan harta dan kecantikannya sehingga dia ingin menikahnya tanpa bersikap adil dalam maharnya. Dia memberikan mahar sekadar yang diberikan kepada wanita lain (padahal perempuan yatim itu layak menerima lebih disebabkan harta dan kecantikannya)

Maka para wali itu dilarang daripada menikahi perempuan-perempuan yatim tersebut kecuali jika mereka bersikap adil dan memberikan sebaik-baik mahar kepada perempuan-perempuan yatim tersebut, selari dengan kadar yang biasa berlaku bagi wanita (yang banyak harta dan cantik) seperti mereka. Akhirnya para wali itu diperintahkan untuk menikahi wanita yang mereka berkenan selain perempuan-perempuan yatim itu.”⁴⁹

Dalam sebuah riwayat lain, Aisyah *radhiallahu 'anha* menerangkan secara lebih lanjut apa yang sebenarnya berlaku:

⁴⁹ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4208/4574 (*Kitab Tafsir al-Qur'an, Bab firman Allah: "Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim"*)

أَنَّ رَجُلًا كَانَتْ لَهُ يَتِيمَةٌ فَنَكَحَهَا وَكَانَ لَهَا عَذْقٌ وَكَانَ يُمَسِّكُهَا عَلَيْهِ وَلَمْ يَكُنْ لَهَا مِنْ نَفْسِهِ شَيْءٌ فَنَزَلَتْ فِيهِ: ((وَإِنْ حِفْظُكُمْ أَنْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْيَتَامَى)).

Bahawa seorang lelaki memiliki seorang perempuan yatim (di bawah jagaannya). Lalu dia menikahinya kerana perempuan yatim itu memiliki sebuah kebun kurma. (Tujuan dia menikahinya ialah supaya) dia dapat memegang kebun kurma tersebut sementara perempuan yatim itu tidak mendapat apa-apa daripada dirinya (baik mahar mahupun kasih sayang). Maka turunlah ayat: "Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim."⁵⁰

Berdasarkan penjelasan Aisyah *radhiallahu 'anha*, dapat kita fahami bahawa sebab turun ayat poligami ialah tentang para wali yang ingin menikah perempuan-perempuan yatim yang berada di bawah jagaan mereka. Para wali ini ingin bernikah semata-mata kerana harta dan kecantikan perempuan-perempuan yatim tersebut, namun enggan membayar mahar yang selari dengan kadar kekayaan dan kecantikan mereka. Bahkan ada yang enggan membayar apa-

⁵⁰ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4207/4573 (*Kitab Tafsir al-Qur'an, Bab firman Allah: "Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim"*)

apa mahar. Maka para wali ini dilarang daripada menikahi perempuan-perempuan yatim tersebut kecuali apabila diberikan mahar yang adil, selari dengan kadar harta dan kecantikan.

Dalam ilmu usul tafsir, disebut satu kaedah bahawa: "Sebab turun bagi sesebuah ayat al-Qur'an tidak mengikat maksud ayat tetapi membantu memberi kefahaman yang lebih baik bagi ayat tersebut". Justeru berdasarkan hadis-hadis di atas dan lafaz umum ayat poligami, dapat difahami bahawa:

1. Maksud bersikap adil dalam poligami bukanlah semua isteri mendapat hak yang sama, tetapi setiap isteri mendapat apa yang menjadi haknya, selari dengan kedudukannya.
2. Meskipun ayat poligami turun berkenaan bersikap adil kepada perempuan-perempuan yatim, lafaznya yang umum menjadikannya merangkumi semua kes poligami. Oleh itu kita dapati Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat berpoligami meskipun mereka tidak memelihara perempuan-perempuan yatim. Demikian juga, seorang suami yang bimbang tidak dapat berlaku adil tidak dianjurkan berpoligami, baik terhadap perempuan biasa mahupun perempuan yatim.

3. Ayat ketiga surah al-Nisa' bukanlah melarang lelaki berpoligami dengan perempuan yatim mahupun meletakkan perempuan yatim di tangga bawah dalam skala keutamaan poligami. Akan tetapi ia mensyaratkan keadilan bagi semua perempuan, baik yang biasa mahupun yang yatim. Jika seorang suami bersikap adil kepada perempuan yatim, maka boleh saja menikahnya. Poin ketiga ini amat penting kerana *Sebarkan Cinta-Mu* telah membuat kesalahan yang *fatal* ketika menafsirkan ayat poligami ini dan kaitannya dengan perempuan-perempuan yatim. Kesalahan ini akan dijelaskan dalam bab-bab yang akan datang, *insya-Allah*.

Pandangan *Sebarkan Cinta-Mu* Terhadap Pengamal Poligami

Beberapa kali di dalam novel *Sebarkan Cinta-Mu*, orang yang berpoligami dituduh sebagai orang-orang yang sudah berada di jurang perzinaan. Perhatikan tiga daripada tuduhan tersebut:

...lelaki yang terpaksa berkahwin kerana takut zina sebenarnya mendedahkan bahawa hidup sehariannya memang dekat dengan jalan-jalan zina. [SCM 130]

...ataupun lebih kepada memberi jalan keluar kepada lelaki-lelaki yang tidak mampu mengawal pergaulan bebas hingga terpaksa kahwin lagi kerana takut zina? [SCM 133]

...keharusan poligami secara umumnya suatu tanda kasihan Allah kepada orang yang sudah dekat dengan zina. [SCM 171]

Para wanita tidak ketinggalan mendapat tuduhan yang sama:

Maafkan saya sekiranya saya terkasar bahasa bertanya, Adakah mak cik mengambil *rukhsah* (keringanan) untuk hidup berpoligami sebab takut zina?

Biasanya orang yang terpaksa berkahwin sebab takut berzina adalah orang yang hidupnya memang dekat dengan jalan-jalan zina. Sedangkan jalan-jalan zina itu Allah tegah menghampirinya di dalam al-Qur'an. [SCM 233-234]

Ini adalah satu pandangan yang amat sempit. Amatlah tidak wajar ia disampaikan oleh sebuah novel yang ingin menyebarkan ilmu dan kebaikan kepada para pembacanya.

Mentauhidkan Allah Dalam Urusan Cinta (I)⁵¹

Apabila kita membicarakan tauhid dan syirik, ramai yang akan membataskannya kepada urusan sembah sahaja. Sebenarnya ia lebih luas, salah satu daripadanya ialah dalam urusan cinta. Ini berdasarkan firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَتَّخِذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْدَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ
وَالَّذِينَ آمَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ.

Dan di antara manusia ada orang-orang yang mengambil tandingan-tandingan selain Allah; mereka mencintainya sebagaimana mereka mencintai Allah. Adapun orang-orang yang beriman (mereka) bersungguh-sungguh cinta kepada Allah. [al-Baqarah 2:165]

Para imam tafsir menyatakan beberapa tafsiran bagi ayat ini. Ada yang berkata ia merujuk kepada orang-orang kafir yang menyembah berhala dan mencintai berhala tersebut sebagaimana orang-orang Islam mencintai Allah. Ada yang berkata, ayat ini merujuk kepada orang-orang kafir yang

⁵¹ Bab ini asalnya merupakan artikel saya dalam *Majalah i* terbitan Kumpulan Karangraf Sdn. Bhd.

menyembah berhala di samping menyembah Allah, mereka mencintai berhala tersebut bersamaan dengan mencintai Allah. Ada juga yang berkata, ayat ini merujuk kepada orang-orang kafir yang menjadikan pemimpin-pemimpin mereka sebagai tuhan yang ditaati, mereka mencintai pemimpin tersebut sebagaimana orang-orang Islam mencintai Allah.

Pada pandangan saya, memandangkan ayat ini dimulakan secara umum dengan "***Dan di antara manusia...***", bererti ia merujuk kepada semua manusia secara umumnya, termasuklah umat Islam. Ia tidak terhad kepada orang kafir sahaja. Perkataan "***...tandingan-tandingan...***" berasal dari perkataan Arab *al-Naddu* yang bermaksud serupa atau sebanding.

Sementara cinta pula bermaksud keterpautan hati (*clinging of the heart*) kepada sesuatu atau seseorang sehingga semua suka atau benci, gembira atau sedih, lapang atau sempit, izin atau larang, ingat atau lupa, suka atau duka, buat atau tidak, berpaksi kepadanya. Seolah-olah hati memiliki sepasang tangan yang memeluk erat apa yang dicintainya dan gerak hati itu pula berkadar terus dengan keadaan apa yang dipeluknya itu.

Oleh itu "***...tandingan-tandingan selain Allah...***" yang dicintai itu tidak terhad kepada patung berhala, tetapi merangkumi juga apa-apa yang dicintai oleh manusia seperti

suami, isteri, anak-anak, pasukan bola sepak, penyanyi, artis, kereta dan haiwan peliharaan. Biasa saja bagi seorang suami mencintai isterinya sebagaimana dia mencintai Allah. Biasa saja bagi isteri mencintai anak-anaknya sebagaimana dia mencintai Allah. Bahkan ada orang-orang yang mencintai semua itu pada kadar yang lebih daripada cintanya kepada Allah.

Cinta Orang Yang Beriman

Seterusnya Allah *Subhanahu waTa'ala* menceritakan keadaan orang-orang yang benar imannya, iaitu: ***Adapun orang-orang yang beriman (mereka) bersungguh-sungguh cinta kepada Allah.*** Perhatikan bahawa Allah tidak berfirman "lebih mencintai Allah" atau "paling mencintai Allah". Sebaliknya Allah berfirman "*Ashaddu hubba lillah*" yang bermaksud "bersungguh-sungguh dalam mencintai Allah". Ini adalah tahap yang jauh lebih tinggi berbanding "lebih mencintai Allah".

Oleh itu hati orang yang benar imannya sentiasa dipenuhi dengan cinta kepada Allah sahaja. Semua suka atau benci, gembira atau sedih, lapang atau sempit, izin atau larang, ingat atau lupa, suka atau duka, buat atau tidak, berpaksi kepada Allah sahaja.

Apa yang diredai Allah, itulah yang disukai hatinya. Apa

yang dimurkai Allah, itulah yang dibenci hatinya. Apa yang Allah perintah, itulah yang diusahakannya. Apa yang Allah larang, itulah yang dijauhinya. Apa yang Allah halalkan, itulah yang dizinkan bagi dirinya. Apa yang Allah haramkan, itulah yang dilarang ke atas dirinya. Apa yang Allah beri, itulah yang menggembirakannya. Apa yang Allah ambil, itulah yang menyedihkannya. Akan tetapi kesedihan yang meningkatkan cintanya kepada Allah kerana dia tahu Allah menginginkan kebaikan di sebalik pengambilan tersebut.

Hati orang yang benar imannya tidak mencintai sesuatu atau seseorang selain Allah, bersama Allah. Dia tidak memiliki dua hati, yang pertama mencintai Allah, yang kedua mencintai isterinya. Dia tidak memiliki tiga hati atau empat hati, dengan hati yang ketiga mencintai pasukan bola sepak pilihannya dan hati yang keempat mencintai kucing peliharaannya. Ini kerana Allah *Subhanahu waTa'ala* tidak menjadikan dalam rongga dada seseorang itu dua hati, mahupun lebih dari itu. Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِنْ قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ.

Allah sekali-kali tidak menjadikan bagi seseorang dua buah hati dalam rongganya. [al-Ahzab 33:04]

Cinta Kerana Allah

Orang yang benar imannya, mencintai apa yang Allah

berikan kepadanya. Seorang suami yang beriman mencintai isterinya kerana itulah isteri yang Allah berikan kepadanya. Cintanya semakin bertambah apabila isterinya melakukan perkara-perkara yang diperintah serta diredai oleh Allah, merudum jika isterinya melakukan perkara-perkara yang dilarang atau dibenci oleh Allah. Cintanya kepada isteri tidak lain adalah buah dari cintanya kepada Allah.

Demikianlah juga kecintaan seorang isteri kepada suaminya, kecintaan suami-isteri kepada anak-anak mereka, kecintaan anak-anak kepada ibubapa mereka dan kecintaan di antara sesama umat Islam. Semua itu tidak lain adalah hasil dari cinta mereka kepada Allah.

Oleh itu orang-orang yang beriman boleh mencintai sesuatu atau seseorang selain Allah dalam jumlah yang tidak terhad. Akan tetapi cinta itu adalah kerana Allah semata, bertambah atau berkurang kerana Allah dan tidak sekali-kali menandingi cinta mereka kepada Allah.

Mentauhidkan Allah Dalam Urusan Cinta (II)

Novel *Sebarkan Cinta-Mu* memperkenalkan dirinya di muka depan sebagai “Sebuah Novel Tauhid”. Namun di dalamnya terdapat kenyataan yang berbau syirik, iaitu di mukasurat 164:

Lumrah kekasih, cenderung kepada seorang sahaja kekasih di hatinya. Dalam istilah Arab disebut *khalil* atau kesayangan. Tidak hairanlah Rasulullah SAW cenderung kepada isterinya, Aisyah selepas kewafatan Khadijah. Malah nama Aisyah lebih dahulu hadir di hati Baginda melalui mimpi yang benar daripada Allah SWT, sebelum hadirnya Saudah dan isteri-isteri Baginda yang lain.

Marilah kita menilai dan memberi catatan terhadap kenyataan di atas.

Pertama:

Ibn al-Qayyim *rahimahullah* telah memberikan penjelasan yang amat baik berkenaan maksud *Khalil*. Ia seperti berikut:

وأما الخلّة فتوحيد المحبة فالخليل هو الذي توحد حبه لمحبه وهي

رتبة لا تقبل المشاركة. ولهذا اختص بها في العالم الخليلان إبراهيم ومحمد صلوات الله وسلامه عليهما كما قال الله تعالى: واتخذ الله إبراهيم خليلاً. وصح عن النبي أنه قال: إن الله اتخذني خليلاً كما اتخذ إبراهيم خليلاً.

Adapun *al-Khullah*, maka ia bererti penunggalan cinta. Maka *al-Khalil* bererti satu-satunya orang yang dicintai oleh yang mencintainya, cinta yang tidak menerima penyekutuan di dalamnya.

Oleh itu di alam ini hanya ada dua orang yang mendapat kedudukan istimewa sebagai *Khalil*, iaitu Nabi Ibrahim dan Nabi Muhammad, selawat dan salam Allah ke atas mereka berdua. Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu waTa'ala*: ***Dan Allah mengambil Ibrahim menjadi khalil.*** [al-Nisa' 4:125]

Juga sahih daripada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa baginda bersabda: ***Sesungguhnya Allah telah mengambilku menjadi khalil sebagaimana (Allah) telah mengambil Nabi Ibrahim menjadi khalil.***⁵²

⁵² *Raudhah al-Muhibbin*, ms. 47. Hadis yang dikemukakan oleh Ibn al-Qayyim merupakan sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 827/532 (*Kitab al-Masajid wa Mawadhi'i al-Solat, Bab larangan membina masjid di atas perkuburan...*)

Kedua:

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berlepas diri daripada menyekutukan Allah dengan mencintai secara *khalil* mana-mana makhluk di dunia ini, baik Aisyah *radhiallahu 'anha* mahupun sesiapa lain. Baginda menyatakan secara tegas:

إِنِّي أَبْرَأُ إِلَى اللَّهِ أَنْ يَكُونَ لِي مِنْكُمْ خَلِيلٌ فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى قَدْ
اتَّخَذَنِي خَلِيلًا كَمَا اتَّخَذَ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا وَلَوْ كُنْتُ مُتَّخِذًا مِنْ أُمَّتِي خَلِيلًا
لَاتَّخَذْتُ أَبَا بَكْرٍ خَلِيلًا.

Sesungguhnya aku dilarang oleh Allah untuk menjadikan salah seorang daripada kalian sebagai khalil. Ini kerana sesungguhnya Allah Subhanahu waTa'ala telah mengambilku menjadi khalil sebagaimana (Allah) telah mengambil Nabi Ibrahim menjadi khalil. Seandainya aku dibenarkan mengambil seseorang daripada umatku menjadi khalil, nescaya aku mengambil Abu Bakar menjadi khalil.⁵³

Ketiga:

Cinta yang *khalil* tidak digunakan antara sesama manusia, akan tetapi digunakan antara manusia dan Allah

⁵³ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 827/532 (*Kitab al-Masajid wa Mawadhi'i al-Solat, Bab larangan membina masjid di atas perkuburan...*)

Subhanahu waTa'ala. Perhatikan hadis berikut:

وَلَوْ كُنْتُ مُتَّخِذًا خَلِيلًا مِنْ أُمَّتِي لَاتَّخَذْتُ أَبَا بَكْرٍ وَلَكِنْ أُخُوَّةُ
الْإِسْلَامِ وَمَوَدَّتُهُ.

Seandainya aku dibenarkan mengambil seorang khalil dari kalangan umatku, nescaya aku mengambil Abu Bakar. Akan tetapi (yang dibenarkan) ialah hubungan persaudaraan dalam Islam dan cinta (mawaddah) kerana Islam.⁵⁴

Dari sudut bahasa, *khalil* dan *mawaddah* bermaksud cinta. Namun *khalil* bermaksud cinta yang tunggal sementara *mawaddah* bermaksud cinta secara umum. Oleh kerana itulah, dalam hadis di atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak boleh mencintai Abu Bakar secara *khalil* namun boleh mencintai beliau secara *mawaddah*.

Keempat:

Merupakan satu kesalahan dari sudut tauhid apabila *Sebarkan Cinta-Mu* menyandarkan cinta *khalil* kepada sesama manusia. Cinta yang *khalil* bukanlah seorang suami yang mencintai isterinya sahaja atau isteri mencintai suaminya sahaja. Ini bukan cinta yang *khalil* tetapi cinta yang syirik.

⁵⁴ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 446/466 (*Kitab al-Sholat, Bab pintu dan jalan lalu-lalang di masjid*)

Cinta *khalil* ialah apabila orang yang beriman mengambil Allah sebagai satu-satu cintanya. Orang yang beriman mentauhidkan Allah dalam urusan cinta dan tidak menyekutui-Nya dalam cinta tersebut. Orang-orang yang beriman boleh mencintai isteri-isteri, anak-anak dan umat Islam, namun semua itu merupakan buah daripada cintanya yang *khalil* kepada Allah.

Kelima:

Sebarkan Cinta-Mu mengisytarkan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mencintai Aisyah *radhiallahu 'anha* sebagai cinta yang *khalil*. Ini menghampiri tuduhan bahawa baginda melakukan syirik kepada Allah dalam urusan cinta.

Hadis-hadis yang dikemukakan di atas dengan jelas membantah isyarat tersebut.

Benarkah Rasulullah Ingin Menceraikan Saudah?

Dalam mukasurat 164, *Sebarkan Cinta-Mu* membuat kenyataan bahawa:

Baginda pernah berniat menceraikan Saudah kerana berlaku adil bukanlah satu hal yang senang. Baginda takut kepada persoalan Allah yang amat berat di akhirat. Sehingga Saudah sanggup memberikan haknya kepada Aisyah. Maka turunlah ayat al-Quran berkenaan nusyuz.

Ayat al-Qur'an berkenaan nusyuz yang dimaksudkan ialah:

وَإِنْ امْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَأُخْضِرَتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا.

Dan jika seorang isteri bimbang akan timbul daripada suaminya sifat nusyuz atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka berdua (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua; kerana perdamaian itu lebih baik (daripada bercerai). Sedangkan sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi

atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan) dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya akan apa yang kamu lakukan. [al-Nisa' 4:128]

Persoalannya, benarkah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah berniat untuk menceraikan Saudah sehingga diturunkan ayat 128 surah al-Nisa' di atas?

Bagi menjawab persoalan ini, perhatikan riwayat berikut:

القاسم بن أبي بزة قال: بعث النبي صلى الله عليه وسلم إلى سودة بنت زمعة بطلاقها، فلما أن أتتها جلست له على طريق عائشة، فلما رآته قالت له: أنشدك بالذي أنزل عليك كلامه واصطفاك على خلقه لما راجعتني، فإني قد كبرت ولا حاجة لي في الرجال، لكن أريد أن أبعث مع نسائك يوم القيامة. فراجعها فقالت: إني جعلت يومي وليلي لحبة رسول الله صلى الله عليه وسلم.

al-Qasim ibn Abu Barrah berkata, Nabi shallallahu 'alaihi wasallam mengirimkan utusannya kepada Saudah binti Zama'ah dengan tujuan menceraikannya. Ketika Rasulullah datang, Saudah duduk untuk menyambutnya

sebagaimana (posisi duduk) Aisyah. Ketika Saudah melihat baginda, maka dia berkata:

"Demi tuhan yang menurunkan kalam-Nya kepadamu dan Yang telah memilihmu dari semua makhluk-Nya, aku memohon kepadamu, sudilah engkau merujuk diriku. Ini kerana sesungguhnya aku adalah seorang wanita yang kini telah berusia lanjut dan memang aku tidak berhajatkan kepada lelaki lagi. Akan tetapi aku ingin agar kelak pada Hari Kiamat dibangkitkan bersama isteri-isterimu (yang lain)."

Maka Nabi shallallahu 'alaihi wasallam merujuknya. Saudah berkata: "Aku berikan siang dan malam giliranku kepada kekasih Rasulullah (yakni Aisyah).

Riwayat ini dikeluarkan oleh Ibn Sa'ad dalam *al-Thabaqat al-Kubra*, jld. 8, ms. 54 dan Ishaq ibn Rahuyah dalam *Musnadnya*, jld. 4, ms. 266. Sanadnya adalah sahih akan tetapi *mursal*. Semakan beberapa ahli hadis:

- Berkata Ibn Katsir setelah mengemukakan riwayat di atas ketika mentafsirkan ayat 128 surah al-Nisa': "Riwayat ini *gharib* dan *mursal*."
- Berkata 'Abd al-Ghaffur bin 'Abd al-Haq al-Balusyi dalam semakannya ke atas *Musnad Ishaq bin Rahuyah*,

hadis no: 2094: "Para perawinya dipercayai hanya riwayat ini *mursal*."

- Berkata Syu'aib al-Arna'uth dalam semakannya ke atas *Siyar 'Alam al-Nubala*, jld. 2, ms. 267: "Sanadnya sah benar akan tetapi *mursal*. Bahkan yang sah benar sesungguhnya Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak menceraikannya."
- al-Albani dalam *al-Irwa' al-Ghalel*, jld. 7, ms. 147 menerangkan beberapa jalan periwayatan yang ada, akan tetapi semuanya *mursal*.

Para ahli ilmu berbeza pendapat dalam menggunakan hadis *mursal*, yakni hadis yang terputus sanadnya, sebagai dalil agama. Akan tetapi mereka bersepakat bahawa jika dalam bab tersebut terdapat hadis yang sah benar lagi bersambungan sanadnya, maka ia diunggulkan di atas hadis yang *mursal*.

Hadis Sah benar Berkenaan Saudah Dan Ayat 128 Surah al-Nisa'

Urwah menerangkan bahawa Aisyah *radhiallahu 'anha* berkata:

يَا ابْنَ أُخْتِي كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يُفْضَلُ
بَعْضُنَا عَلَى بَعْضٍ فِي الْقَسَمِ مِنْ مَكْنِهِ عِنْدَنَا، وَكَانَ قَلَّ يَوْمٌ إِلَّا وَهُوَ
يَطُوفُ عَلَيْنَا جَمِيعًا فَيَدْنُو مِنْ كُلِّ امْرَأَةٍ مِنْ غَيْرِ مَسِيسٍ حَتَّى يَبْلُغَ إِلَى

الَّتِي هُوَ يَوْمُهَا فَيَبِيتُ عِنْدَهَا.

وَلَقَدْ قَالَتْ سَوْدَةُ بِنْتُ زَمْعَةَ حِينَ أَسَنَّتْ وَفَرِقَتْ أَنْ يُفَارِقَهَا
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ يَوْمِي لِعَائِشَةَ. فَقَبِلَ
ذَلِكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْهَا.

قَالَتْ نَقُولُ فِي ذَلِكَ أَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى وَفِي أَشْبَاهِهَا أَرَاهُ قَالَ:
(وَإِنْ امْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا))

Wahai anak saudariku, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam tidak mengutamakan sebahagian kami atas sebahagian yang lain dalam membahagi waktu tinggalnya bersama kami. Setiap hari beliau mengunjungi kami semua dan mendekat kepada semua isteri tanpa menyentuh sehinggalah sampai kepada rumah isteri yang hari itu merupakan gilirannya, kemudian baginda bermalam bersamanya.

Sesungguhnya Saudah binti Zam'ah ketika telah berusia lanjut dan takut ditinggalkan (diceraikan oleh) Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, berkata: "Wahai Rasulullah, hariku untuk Aisyah." Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menerima hal tersebut.

(Aisyah menambah) kami katakan, mengenai hal

itulah dan orang yang semisalnya, Allah Subhanahu waTa'ala menurunkan ayat: "Dan jika seorang isteri bimbang akan timbul daripada suaminya sifat nusyuz...".

Hadis ini dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 1823 (*Kitab al-Nikah, Bab berkenaan pembahagian hari di antara para isteri*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai hasan sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, no: 2135. Hadis ini disenaraikan oleh Muqbil bin Hadi al-Wadi dalam kitabnya *al-Shahih al-Musnad min Asbab al-Nuzul*, ms. 92-93.

Berdasarkan penjelasan di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak pernah berniat untuk menceraikan Saudah mahupun pernah menceraikan beliau. Apa yang benar lagi sahih, Saudah sendiri yang menghadihkan hari gilirannya kepada Aisyah, semoga Allah meredai mereka berdua.

Dengan ini juga, tertolaklah kenyataan *Sebarkan Cinta-Mu* yang cuba menakut-nakutkan pembacanya dari kehidupan poligami:

Baginda pernah berniat menceraikan Saudah kerana berlaku adil bukanlah satu hal yang senang. Baginda takut kepada persoalan Allah yang amat berat di akhirat. Sehingga Saudah sanggup memberikan haknya kepada Aisyah. Maka turunlah ayat al-Quran berkenaan nusyuz.

Sebab Lain Bagi Penurunan Ayat 128 Surah al-Nisa'

Kadangkala sesebuah ayat boleh memiliki lebih dari satu sebab penurunannya. Bagi ayat 128 surah al-Nisa', selain hadis berkenaan Saudah di atas, terdapat dua lagi hadis sahih yang menerangkan sebab penurunannya.

Hadis Pertama:

Aisyah *radhiallahu 'anha* menerangkan:

الرَّجُلُ تَكُونُ عِنْدَهُ الْمَرْأَةُ لَيْسَ بِمُسْتَكْثَرٍ مِنْهَا يُرِيدُ أَنْ يُفَارِقَهَا
فَتَقُولُ أَجْعَلْكَ مِنْ شَأْنِي فِي حِلٍّ فَنَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ فِي ذَلِكَ.

Seorang suami yang memiliki seorang isteri yang dia tidak diinginkan lagi, lalu dia mahu menceraikannya. Maka isterinya itu berkata: "Aku membebaskan kamu dari semua kewajipanmu terhadap aku." Maka diturunkan ayat (128 surah al-Nisa') berkenaan hal tersebut.⁵⁵

Hadis Kedua:

عَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيجٍ، أَنَّهُ كَانَتْ تَحْتَهُ امْرَأَةٌ قَدْ خَلَا مِنْ سِنِّهَا

⁵⁵ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4235/4601 (*Kitab Tafsir al-Qur'an, Bab firman Allah: "Dan jika seorang isteriimbang akan timbul daripada suaminya sifat nusyuz..."*)

فَتَزَوَّجَ عَلَيْهَا شَابَةً فَأَثَرَ الْبُكَرَ عَلَيْهَا. فَأَبَتْ أَمْرَئُتُهُ الْأُولَى أَنْ تَقَرَّ عَلَى ذَلِكَ، فَطَلَّقَهَا تَطْلِيقَةً حَتَّى إِذَا بَقِيَ مِنْ أَجْلِهَا يَسِيرٌ.

قَالَ: إِنْ شِئْتَ رَاجِعْتُكَ وَصَبَرْتَ عَلَى الْأَثَرِ وَإِنْ شِئْتَ تَرَكْتُكَ حَتَّى يَخْلُوَ أَجْلُكَ.

قَالَتْ: بَلْ رَاجِعْنِي أُصْبِرْ عَلَى الْأَثَرِ. فَرَاغَهَا ثُمَّ أَثَرَ عَلَيْهَا فَلَمْ تَصْبِرْ عَلَى الْأَثَرِ فَطَلَّقَهَا الْأُخْرَى وَأَثَرَ عَلَيْهَا الشَّابَةَ.

قَالَ: فَذَلِكَ الصُّلْحُ الَّذِي بَلَّغْنَا أَنَّ اللَّهَ قَدْ أَنْزَلَ فِيهِ: ((وَإِنْ أَمْرًا خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا)).

Daripada Rafi' bin Khadji, bahawa dia memiliki seorang isteri yang sudah lanjut umurnya lalu dia menikahi seorang gadis sebagai madu ke atas isterinya. Rafi' mengutamakan isteri muda di atas isteri tuanya sehingga isteri tuanya tidak setuju. Maka Rafi' menceraikan isteri tuanya dengan talak satu sehingga apabila hampir habis iddahnyanya, Rafi' menawarkan kepada isteri tuanya:

"Jika kamu mahu aku akan merujukmu dengan syarat kamu bersabar apabila aku mengutamakan isteri

mudaku. Jika tidak aku akan membiarkan kamu sehingga berakhir masa iddahmu."

Isteri tuanya berkata: "Rujuklah aku, aku akan bersabar atas perbuatan kamu itu." Maka Rafi' merujuknya dan terus mengutamakan isteri mudanya atas isteri tuanya. Namun isteri tuanya tidak dapat bersabar lalu Rafi' menceraikannya buat kali kedua dan terus mengutamakan isteri mudanya.

Perawi berkata: Demikianlah perdamaian yang mana telah disampaikan kepada kami bahawa Allah menurunkan ayat tentang kes tersebut: "Dan jika seorang isteri bimbang akan timbul daripada suaminya sifat nusyuz atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka berdua (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua." [al-Nisa' 4:128]⁵⁶

⁵⁶ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, hadis no: 3162/3205 (*Kitab al-Tafsir, Bab tafsir surah al-Nisa'*). Berkata al-Hakim: Hadis ini sahih atas syarat dua syaikh (al-Bukhari dan Muslim), namun mereka tidak mengeluarkannya (dalam kitab masing-masing). Berkata al-Zahabi: Hadis ini sesuai syarat al-Bukhari dan Muslim.

Hadis ini juga dikemukakan oleh Ibn Katsir ketika menafsirkan ayat 128 surah al-Nisa', namun dengan tambahan bahawa isteri tua Rafi' setuju untuk dirujuk sekali lagi selepas talak kedua tersebut dan tidak lagi meminta cerai. Tambahan ini kelihatannya bertentangan dengan lafaz asal yang dikeluarkan oleh al-Hakim di mana isteri tua Rafi' tidak lagi meminta dirinya dirujuk selepas talak kedua. Ibn Hajar al-Asqalani juga mengemukakan riwayat al-Hakim ini tanpa tambahan yang disebut oleh Ibn Katsir. Rujuk *Fath al-Bari*,

syarah bagi hadis no: 4235/4601.

Lafaz Ibn Katsir adalah seperti berikut:

وقد ذكر لي أن رافع بن خديج الأنصاري-وكان من أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم- كانت عنده امرأة حتى إذا كبرت تزوج عليها فتاة شابة، وأثر عليها الشابة.

فناشدته الطلاق فطلقها تطليقة، ثم أمهلها، حتى إذا كادت تحل راجعها، ثم عاد فأثر الشابة عليها. فناشدته الطلاق فطلقها تطليقة أخرى، ثم أمهلها، حتى إذا كادت تحل راجعها، ثم عاد فأثر الشابة عليها، فناشدته الطلاق.

فقال لها: ما شئت، إنما بقيت لك تطليقة واحدة، فإن شئت استقررت على ما تريين من الأثرة، وإن شئت فارقتك.

فقالت: لا بل أستقر على الأثرة. فأمسكها على ذلك، فكان ذلك صلحهما،

ولم ير رافع عليه إنما حين رضيت أن تستقر عنده على الأثرة فيما أثر به عليها.

Diriwayatkan kepadaku bahawa Rafi' bin Khudaij al-Anshari – dan beliau adalah salah seorang sahabat Nabi shallallahu 'alaihi wasallam – memiliki seorang isteri sehingga apabila isteri itu sudah tua, beliau menikahi seorang wanita yang muda dan hatinya terikat kepada isteri muda itu.

Isteri tuanya meminta diceraikan, maka beliau menceraikannya dengan talak satu dan menanggukannya. Apabila masa iddahnyanya akan habis, dia merujuknya. Akan tetapi beliau tetap mengutamakan isteri yang muda di atas yang tua, maka isteri tua meminta cerai lagi. Maka beliau menceraikannya dengan talak satu lagi dan menanggukannya. Apabila masa iddahnyanya akan habis, dia merujuknya. Akan tetapi beliau tetap mengutamakan isteri yang muda di atas yang tua, maka isteri tua meminta cerai sekali lagi.

Maka Rafi' berkata kepada isteri tuanya: “Apa saja yang kamu mahukan. Sesungguhnya baki talak kamu hanyalah satu. Jika kamu mahu tetap menjadi isteriku dengan keadaan yang kamu alami sekarang, kamu boleh tetap menjadi isteriku. Jika kamu lebih suka aku ceraikan, maka kamu akan aku ceraikan.”

Isteri tuanya menjawab: “Tidak. Bahkan aku ingin tetap ingin menjadi isteri kamu dalam keadaan yang aku alami sekarang.”

Berdasarkan hadis kedua ini, seorang isteri boleh meminta cerai daripada suami yang berpoligami, apabila suami tersebut nyata tidak berlaku adil kepadanya setelah dia bernikah lagi. Ia merupakan salah satu bentuk perdamaian yang dimaksudkan oleh ayat 128 surah al-Nisa'.

Maka Rafi' tetap memegangnya sebagai isteri dengan persyaratan tersebut, demikianlah perdamaian yang dilakukan oleh mereka berdua. Rafi' tidak memandang hal ini sebagai dosa kerana pihak isteri rela tetap berstatus isteri meskipun hari gilirannya diberikan kepada isteri muda.

Menyemak Tertib Keutamaan Poligami Dan Monogami

Watak Ibu Dhiya' dalam novel *Sebarkan Cinta-Mu* ditonjolkan sebagai seorang yang matang, berilmu dan mengasihi orang-orang muda bagaikan anak sendiri. Memang, banyak nasihat-nasihat Ibu Dhiya' yang bagus lagi bernilai. Namun apabila masuk bab poligami, ada beberapa nasihat beliau yang perlu diberikan catatan.

Nasihat beliau yang pertama ialah berkenaan tiga jenis pernikahan yang disebut dalam ayat ketiga surah al-Nisa'. Marilah kita baca apa kata Ibu Dhiya' dalam hal ini:

“Dalam al-Qur'an, ada ayat yang mengharuskan poligami berserta syarat yang ketat, iaitu adil. Malah di situ, ada tiga jenis pernikahan yang Allah sebutkan iaitu....” Ibu Dhiya' mengeluarkan buku nota dan mencatat di atasnya supaya nampak jelas.

Pertama: Menikahi anak yatim yang ditakuti akan berbuat zalim padanya.

Kedua: Menikahi 2, 3, 4 isteri.

Ketiga: Menikahi seorang isteri atau hamba.

“Lihat betul-betul susunan ayat Allah ini. Ada susunan fiqh *awlawiyat* (keutamaan) di sini. Daripada menikahi anak yatim, baik berpoligami. Daripada berpoligami, baik menikah satu. Allah menegaskan, menikahi satu atau menikahi hamba itu lebih dekat kepada tidak berbuat aniaya. Menikahi seorang isteri adalah yang terbaik kerana berlaku adil itu sangat sukar dan sangat dekat kepada berbuat zalim.” Lembut bicara Ibu Dhiya’. [SCM 185]

Seperti biasa, banyak kali *Sebarkan Cinta-Mu* cuba menakutkan orang ramai dengan dakwaan kononnya poligami disertakan dengan syarat yang ketat dan sukar, iaitu adil. Padahal sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Harris sebelum ini:

“Allah *Subhanahu waTa’ala* menetapkan syarat adil bagi suami berpoligami, namun Allah tidak menerangkan secara terperinci bagaimana sikap adil tersebut. Ia terpulang kepada setiap keluarga poligami, kes demi kes. Syarat adil ini tidak longgar atau ketat, ia berada di pertengahan antara longgar dan ketat”

Namun apa yang hendak diberi tumpuan dalam bab ini ialah berkenaan tiga jenis pernikahan dan susunan fiqh keutamaannya. Ia merujuk kepada ayat ketiga surah al-Nisa’:

وَإِنْ حِفْظُكُمْ إِلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنْ

النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ
أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَذْنَى أَلَّا تَعُولُوا.

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim, maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman. [al-Nisa' 4:03]

Tiga jenis pernikahan dan susunan fiqh keutamaan yang dimaksudkan oleh Ibu Dhiya' ialah:

- Pernikahan Jenis Pertama Dan Susunan Keutamaan Terbawah:

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim...

- Pernikahan Jenis Kedua Dan Susunan Keutamaan Di Pertengahan:

Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua,

tiga atau empat...

- Pernikahan Jenis Ketiga Dan Susunan Keutamaan Teratas (paling utama):

Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Justeru berdasarkan susunan keutamaan di atas, Ibu Dhiya' menyatakan bahawa: "Daripada menikahi anak yatim, baik berpoligami".

Ini adalah satu kekeliruan yang amat besar.

Ini kerana bahagian pertama ayat di atas merujuk kepada wali-wali yang sengaja ingin berlaku zalim apabila menikahi perempuan-perempuan yatim yang berada di bawah jagaan mereka. Jika wali tersebut atau sesiapa lain yang ingin menikahi perempuan yatim berazam akan berlaku adil kepadanya, maka ia tidak termasuk dalam perbicaraan ayat ini.

Punca kekeliruan Ibu Dhiya' ialah kerana gagal

memahami sebab turun ayat ketiga surah al-Nisa'. Para pembaca diminta mengulangkaji semula bab **Menyemak Sebab Turun Ayat Poligami** dalam buku ini.

Oleh itu bagi suami yang sengaja enggan berlaku adil, maka dia dilarang daripada berpoligami baik kepada perempuan yatim mahupun perempuan biasa. Bagi suami yang berazam untuk berlaku adil, dianjurkan dia berpoligami kepada perempuan yatim dan perempuan biasa, kedua-duanya tahap keutamaan yang sama. Bahkan mungkin saja menikahi perempuan yatim adalah lebih utama berdasarkan keumuman hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا... وَقَالَ بِإِصْبَعِهِ السَّبَّابَةِ
وَالْوُسْطَى.

Aku dan orang yang menanggung anak yatim (di dunia ini, kelak) di syurga adalah seperti ini...baginda mengisyaratkan jari telunjuk dengan jari tengahnya (menandakan hubungan yang amat rapat).⁵⁷

Kekeliruan besar yang seterusnya ialah apabila Ibu Dhiya' mengatakan:

“Daripada berpoligami, baik menikah satu. Allah

⁵⁷ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5546/6005 (*Kitab al-Adab, Bab keutamaan orang yang menjaga anak yatim*).

menegaskan, menikahi satu atau menikahi hamba itu lebih dekat kepada tidak berbuat aniaya. Menikahi seorang isteri adalah yang terbaik kerana berlaku adil itu sangat sukar dan sangat dekat kepada berbuat zalim.”

Kekeliruan berlaku kerana Ibu Dhiya’ memahami penggalan ketiga dan keempat ayat di atas sebagai ayat yang berdiri dengan sendirinya. Padahal penggalan ketiga tersebut adalah ayat yang tergantung. Ia bergantung kepada syarat di permulaan ayat, di mana apabila syarat dipenuhi, maka lanjutan ayat sah diperlakukan (*valid as conditions are met*). Apabila syarat tidak dipenuhi, lanjutan ayat diabaikan (*not valid as conditions are not met*). Penggalan keempat menerangkan hikmah pensyarahan tersebut.

Perhatikan semula penggalan ketiga dan keempat ayat terbabit:

- Syarat yang dimaksudkan ialah: ***Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu)...***
- Lanjutan yang dimaksudkan ialah: ***maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki.***
- Hikmah syarat ialah: ***Yang demikian itu adalah lebih***

dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Oleh itu apabila seorang suami bimbang dia tidak akan berlaku adil jika bernikah lagi, maka cukupkanlah diri dengan seorang isteri sahaja. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Namun apabila seorang suami yakin dia dapat berlaku adil, maka lanjutan ayat tidak jatuh ke atas dirinya. Sebaliknya dia kembali kepada hukum asal ayat: ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat.***

Oleh itu diulangi, penggalan ketiga ayat di atas bukanlah ayat yang berdiri dengan sendirinya. Bahkan ia bukanlah ayat yang hukumnya kekal selama-lamanya. Ini kerana seorang suami pada masa awalnya mungkin bimbang tidak dapat berlaku adil jika bernikah lagi, maka dia mencukupkan diri dengan seorang isteri. Namun apabila pada masa kemudian dia yakin dapat berlaku adil, maka dia dianjurkan bernikah lagi.

Bagi membantu kefahaman para pembaca sekalian, marilah kita menggunakan contoh Ariffin yang dikemukakan di awal buku ini. Ariffin pada masa awalnya menangguhkan diri untuk bernikah lagi kerana pendapatan bersihnya sebanyak

RM6000 sebulan tidak cukup baginya untuk menjaga dua buah keluarga. Ariffin bimbang dia tidak akan berlaku adil jika bernikah lagi, lalu dia mencukupkan diri dengan seorang isteri sahaja supaya tidak melakukan kezaliman.

Akan tetapi dua tahun selepas itu, Ariffin dinaikkan pangkat menggantikan Kamaruddin, ketuanya jabatannya yang lama. Dengan kedudukan baru ini, gaji bersih Ariffin meningkat kepada RM10,000 sebulan. Kini Ariffin tidak lagi bimbang dia tidak akan berlaku adil jika bernikah lagi. Maka Ariffin meneruskan rancangannya untuk menikahi isteri kedua.

Perkara lain yang tidak kurang penting, meskipun penggalan ketiga ayat di atas merujuk kepada mencukupkan diri kepada seorang isteri, pengajaran ayat turut merangkumi suami yang sudah memiliki dua atau tiga isteri.

Marilah kita ambil rakan sepejabat Ariffin yang bernama Taufik sebagai contoh. Taufik sudah berpoligami dengan dua orang isteri sekalipun pendapat bersihnya hanya RM3000 sebulan. Jika Taufik ingin menikahi isteri ketiga, dibimbangi dia tidak akan dapat berlaku adil kepada semua isterinya. Oleh itu Taufik mencukupkan dirinya dengan dua orang isteri sahaja buat masa ini supaya dia tidak melakukan apa-apa kezaliman.

Kesimpulannya, ayat ketiga surah al-Nisa' tidak membicarakan tiga jenis pernikahan dan susunan fiqh

keutamaan yang berbeza. Akan tetapi ayat tersebut terbahagi kepada empat keratan atau bahagian, iaitu:

- Sebab turun ayat yang berbentuk syarat: ***Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim...***
- Jawapan bagi syarat, sekali gus membentuk hukum asal kerana keumuman lafaznya: ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat...***
- Syarat yang mengecualikan keumuman perintah: ***Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki.***
- Hikmah syarat: ***Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.***

Oleh itu bagi suami yang yakin dapat berlaku adil, maka berkahwinlah dengan sesiapa yang dia berkenan, dua, tiga atau empat. Bagi suami yang bimbang tidak dapat berlaku adil, maka cukupkanlah diri dengan isteri atau isteri-isteri yang ada. Setelah itu apabila keyakinan dapat mengatasi kebimbangan untuk berlaku adil, maka dipersilakan berkahwin lagi dengan sesiapa yang dia berkenan.

Nasihat Kepada Suami Yang Ingin Berpoligami

Suami yang ingin berpoligami dinasihatkan agar jangan terburu-buru melaksanakannya kerana dibimbangi berlakunya kezaliman kepada mana-mana pihak, baik isteri sedia ada, bakal isteri dan diri sendiri.

Sebaliknya hendaklah menilai sama ada diri sendiri mampu berlaku adil kepada semua pihak. Maksud adil di sini adalah luas, iaitu memberikan semua pihak hak-haknya berupa hari giliran, tempat tinggal, makanan dan minuman, pakaian, perubatan (jika jatuh sakit) dan pendidikan anak-anak. Jika masih ragu-ragu atau keraguan melebihi keyakinan, maka tangguhlah ia.

Bezakan, bahawa saya bukan menasihati agar membatalkan rancangan berpoligami, akan tetapi menangguhkannya. Ini kerana, sebagaimana yang dijelaskan dalam bab sebelum ini, firman Allah yang bermaksud: ***Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja...*** adalah ayat yang tergantung pada syarat dan ia bersifat sementara.

Jika pada saat ini ragu-ragu atau keraguan melebihi keyakinan, maka cukupkanlah diri dengan seorang isteri. Jika

pada saat kemudian apabila keyakinan benar-benar mengatasi keraguan, maka dipersilakan berpoligami. Berpoligamilah dengan adil bagi meraih kedudukan istimewa yang disebut oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam hadis berikut:

إِنَّ الْمُفْسِطِينَ عِنْدَ اللَّهِ عَلَى مَنَابِرٍ مِنْ نُورٍ عَنْ يَمِينِ الرَّحْمَنِ عَزَّ وَجَلَّ وَكَلَّمَا يَدَيْهِ يَمِينُ الَّذِينَ يَعْدِلُونَ فِي حُكْمِهِمْ وَأَهْلِيهِمْ وَمَا وَلُوا.

Sesungguhnya orang-orang yang adil di sisi Allah berada di atas mimbar-mimbar yang diperbuat daripada cahaya (yang letaknya) di sebelah kanan Allah al-Rahman, Azza wa Jalla. Kedua-dua tangan Allah adalah kanan (yang memberikan sekian banyak anugerah) kepada orang-orang yang berlaku adil dalam keputusannya, ahli keluarganya dan apa yang berada di bawah tanggungannya.⁵⁸

Sebaliknya suami yang sengaja berlaku zalim, maka Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memberi amaran:

مَنْ كَانَتْ لَهُ امْرَأَتَانِ فَمَالَ إِلَى إِحْدَاهُمَا جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَشِقُّهُ مَائِلٌ.

Sesiapa yang memiliki dua isteri kemudian dia

⁵⁸ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 3406/1827 (*Kitab al-Imarah, Bab keutamaan imam yang adil...*).

cenderung kepada salah seorang di antara keduanya, maka dia akan datang pada Hari Kiamat dalam keadaan sebelah badannya miring.⁵⁹

Petua Bagi Suami Yang Ingin Berpoligami

Suami yang ingin berpoligami tetapi menghadapi halangan atau keraguan untuk melaksanakannya dengan berjaya, hendaklah tetap bertaqwa kepada Allah. Janganlah mencemari ketaqwaan tersebut dengan melakukan perkara-perkara yang haram atau diragui hukumnya. Sebaliknya tetaplah bertaqwa kepada Allah *Subhanahu waTa'ala* kerana melalui jalan taqwa inilah Allah akan menjaya dan memudahkan apa yang diinginkan.

Janji Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا. وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ بَالِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا.

Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-

⁵⁹ Sahih: Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 1821 (*Kitab al-Nikah, Bab berkenaan pembahagian di antara isteri*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 2133.

Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya.

Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu. [al-Thalaq 65:2-3]

Jangan pula menjadikan ayat di atas sebagai “Ayat 100 Dinar” yang digantung dengan tulisan khat dalam bingkai gambar yang mahal-mahal. Sebaliknya gantunglah ayat di atas dalam diri sendiri, buktikan dengan pemikiran serta perbuatan harian yang dipenuhi dengan taqwa kepada Allah *Subhanahu waTa'ala*.

Bertaqwalah kepada Allah *Subhanahu waTa'ala* dengan berazam untuk berlaku adil baik sebelum atau selepas berpoligami. Firman Allah:

اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَى وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ.

Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha

Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan. [al-Maidah 5:08]

Bertaqwalah kepada Allah *Subhanahu waTa'ala* apabila menyangkut urusan keluarga baik sebelum atau selepas bernikah lagi. Diriwayatkan bahawa:

إِنَّ اللَّهَ سَائِلٌ كُلَّ رَاعٍ عَمَّا اسْتَزَعَاهُ: أَحْفَظَ أَمْ ضَيَّعَ حَتَّى يَسْأَلَ
الرَّجُلُ عَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ.

Sesungguhnya Allah akan menyoal setiap pemimpin tentang apa yang menjadi tanggungannya, apakah dipeliharanya (dengan baik) atau diabaikannya, sehinggalah ditanya kepada seorang suami berkenaan ahli keluarganya.⁶⁰

Ketahuilah bahawa sekadar mengabaikan ahli keluarga sudah dicatat sebagai dosa, maka bagaimana pula jika

⁶⁰ **Dha'if:** Dikeluarkan oleh Ibn Hibban dalam *Shahih*nya, hadis no: 4493 (*Kitab al-Siyar, Bab berkenaan khalifah dan pemerintah*). Syu'aib al-Arna'uth dalam semakannya ke atas *Shahih Ibn Hibban* menerangkan bahawa riwayat di atas memiliki sanad yang terdiri daripada perawi dua syaikh (al-Bukhari dan Muslim), namun ia *mursal* (yakni terputus pada peringkat sahabat).

Saya berkata, maksud hadis tetap benar berdasarkan sebuah hadis lain yang telah dikemukakan sebelum ini: *Setiap daripada kalian adalah pemimpin dan setiap daripada kalian akan dipersoal akan apa yang dipimpinnya..... seorang lelaki adalah pemimpin ke atas ahli keluarganya.* [Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 4801/5200 (*Kitab al-Nikah, Bab wanita adalah pemimpin ke atas rumah suaminya*)]

dilakukan kezaliman-kezaliman yang lebih besar daripada itu dengan kekerapan yang berulang kali. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memberi amaran:

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُضَيِّعَ مَنْ يَفُوتُ.

Cukuplah bagi seseorang itu berdosa (meskipun sekadar) mengabaikan orang yang berada di bawah tanggungannya.⁶¹

Bertaqwalah kepada Allah *Subhanahu waTa'ala* dengan berlaku jujur, sama ada kepada isteri sedia ada atau bakal isteri. Jangan berdusta kepada isteri sedia ada dengan mengaku masih monogami padahal sudah bernikah lagi di belakangnya. Jangan berdusta kepada bakal isteri dengan mendakwa diri sendiri masih bujang padahal sudah memiliki isteri.

Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang jujur. [al-Taubah 9:119]

⁶¹ Hasan: Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunan*nya, hadis no: 1442 (*Kitab al-Zakat, Bab berkenaan silaturahmi*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 1692.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berpesan:

إِنَّ الصَّدَقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ وَإِنَّ الرَّجُلَ
لَيَصْدُقُ حَتَّى يَكُونَ صَدِيقًا وَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ وَإِنَّ الْفُجُورَ
يَهْدِي إِلَى النَّارِ وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَكْذِبُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَّابًا.

Sesungguhnya kejujuran menunjuk kepada kebaikan dan kebaikan menunjuk kepada syurga. Sesungguhnya (apabila) seseorang itu melazimkan dirinya dengan kejujuran, nescaya dia akan dikenali sebagai orang yang jujur. Manakala kedustaan menunjuk kepada kejahatan dan kejahatan menunjuk kepada neraka. Sesungguhnya seseorang itu melazimkan dirinya dengan berdusta sehinggalah dia dicatat di sisi Allah sebagai seorang pendusta.⁶²

Memang, terdapat hadis yang membolehkan berdusta kepada isteri.

أُمُّ كُلْثُومٍ بِنْتُ عُقْبَةَ قَالَتْ: مَا سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ يُرَخِّصُ فِي شَيْءٍ مِنَ الْكَذِبِ إِلَّا فِي ثَلَاثٍ. كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى

⁶² Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5629/6094 (*Kitab al-Adab, Bab firman Allah: Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang jujur.*)

اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:

لَا أَعُدُّهُ كَاذِبًا الرَّجُلُ يُصْلِحُ بَيْنَ النَّاسِ يَقُولُ الْقَوْلَ وَلَا يُرِيدُ بِهِ إِلَّا الْإِصْلَاحَ وَالرَّجُلُ يَقُولُ فِي الْحَرْبِ وَالرَّجُلُ يُحَدِّثُ امْرَأَتَهُ وَالْمَرْأَةُ تُحَدِّثُ زَوْجَهَا.

Umm Kaltsum binti 'Uqbah radhiallahu 'anha berkata: Tidaklah aku mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam membolehkan berdusta dalam sesuatu apapun kecuali dalam tiga hal. Baginda pernah bersabda:

"Aku tidak menganggap seseorang sebagai pendusta jika dia mendamaikan manusia, dia mengucapkan satu perkataan yang tidak ingin dia ucapkan kecuali dengan tujuan mendamaikan. Seseorang berbicara berkenaan peperangan. Seorang (suami) yang berbicara kepada isterinya dan seorang (isteri) yang berbicara kepada suaminya."⁶³

Namun berdusta yang dimaksudkan dalam hadis di atas hanyalah sebagai satu pilihan terakhir untuk sesuatu yang bersifat sementara lagi tidak melibatkan kezaliman ke atas

⁶³ Sahih: Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 4275 (*Kitab al-Adab, Bab memperbaiki perselisihan*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, no: 4921.

isteri. Pernikahan adalah sesuatu yang bersifat jangka panjang lagi melibatkan hak-hak isteri, maka tidak digalakkan berdusta kepada mana-mana pihak, baik isteri sedia ada mahupun bakal isteri.

Hendaklah terus menerus bertaqwa kepada Allah *Subhanahu waTa'ala* dalam pelbagai urusan lain. Kemudian serahkanlah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.

Benarkah Fatimah Tidak Rela Dimadukan?

Ibu Dhiya menasihatkan:

Sudah tentu Islam memahami. Isteri memang wajib taatkan suami sebagai hukum asal. Setiap kewajipan ada *rukhsah*-nya atau keringanan. Sekiranya ada yang berpandangan isteri dipaksakan Islam untuk dimadu, itu hanya pendapatnya, bukan wahyu. Islam agama yang adil, agama fitrah, agama yang paling memahami hati dan perasaan manusia. Isteri berhak menjaga agamanya daripada rosak kerana cemburu,” jawab Ibu Dhiya’.

“Ada dalilnya?” pinta Sarra.

“Sudah tentu. Ada kisah menarik dalam hadis sahih Bukhari Muslim. Sayyidina Ali pernah menyatakan hasratnya menikahi Puteri Abu Jahal. Fatimah az-Zahra dengan fitrah wanitanya tidak rela bermadu. Apabila hal itu diadukan kepada Rasulullah, Rasulullah tidak pernah mempersoalkan iman Fatimah dan tidak mendesak puterinya supaya taat. Rasulullah malah memahami kecemburuan puterinya,” cerita Ibu Dhiya’.

“Bagaimana?” Sarra berminat mahu tahu.

“Sebagai bapa berwibawa, baginda sendiri menyatakan bantahannya kepada Ali dan meminta puterinya diceraikan

sekiranya Ali tetap dengan niatnya itu. Ali itu bukan calang-calang orang. Dia lelaki bertaqwa dan sentiasa adil dalam tindakannya. Apatah lagi Ali tidak pernah melakukan kekerasan kepada isterinya. Namun, Islam tetap meraikan suara hati isteri dalam hal ini. Sekiranya isteri tidak merelakan, maka dia berhak minta diceraikan,” terang Ibu Dhiya’. [SCM 185-186]

Nasihat atau hujah seperti ini diulangi beberapa kali dalam *Sebarkan Cinta-Mu*, di antaranya:

“Ingatlah, hadis berkenaan Fatimah az-Zahra yang bangkit menyatakan haknya tidak rela bersedu itu adalah hadis sahih yang dilaporkan Bukhari Muslim. [SCM 416]

Adakah Fatimah az-Zahra sedang mementingkan diri sendiri dan mementingkan kepentingan sesaat ketika enggan diduakan oleh suaminya? [SCM 417]

Marilah kita menyemak sejauh mana kebenarannya.

Pertama:

Fatimah *radhiallahu 'anha* tidak pernah menyatakan bahawa dirinya tidak rela dimadukan dan tidak pernah mengadu tentang hasrat Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh* untuk bernikah dengan puteri Abu Jahal kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Apa yang diadukan oleh Fatimah ialah berkenaan sikap orang ramai yang ketika itu memperkatakan bahawa kononnya Rasulullah tidak ambil peduli berkenaan hal ehwal puterinya. Marilah kita merujuk kepada hadis yang dimaksudkan dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim:

al-Miswar bin Makhramah *radhiallahu 'anh* menerangkan:

أَنَّ عَلِيَّ بْنَ أَبِي طَالِبٍ خَطَبَ بِنْتَ أَبِي جَهْلٍ وَعِنْدَهُ فَاطِمَةُ
بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا سَمِعَتْ بِذَلِكَ فَاطِمَةُ أَتَتْ
النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ لَهُ: إِنَّ قَوْمَكَ يَتَحَدَّثُونَ أَنَّكَ لَا
تَغْضَبُ لِبَنَاتِكَ وَهَذَا عَلِيٌّ نَاكِحًا ابْنَةَ أَبِي جَهْلٍ.

قَالَ الْمُسَوِّرُ: فَقَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَمِعْتُهُ حِينَ
تَشْهَدُ ثُمَّ قَالَ: أَمَّا بَعْدُ فَإِنِّي أَنْكَحْتُ أَبَا الْعَاصِ بْنَ الرَّبِيعِ فَحَدَّثَنِي
فَصَدَقَنِي وَإِنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ مُضْغَةً مِنِّي وَإِنَّمَا أَكْرَهُ أَنْ يَفْتِنُوهَا وَإِنَّهَا
وَاللَّهِ لَا تَجْتَمِعُ بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ وَبِنْتُ عَدُوِّ اللَّهِ عِنْدَ رَجُلٍ وَاحِدٍ أَبَدًا.
قَالَ: فَتَرَكَ عَلِيٌّ الْخُطْبَةَ.

Ali bin Abu Thalib pernah melamar puteri Abu Jahal ketika dia beristerikan Fatimah binti Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Ketika berita tersebut

didengar oleh Fatimah, beliau mendatangi Nabi seraya berkata: "Sesungguhnya kaummu berbicara bahwa kamu tidak marah demi puteri-puteri kamu. (Sekarang) ini Ali akan menikahi puteri Abu Jahal."

Miswar melanjutkan: Kemudian Nabi berdiri dan saya mendengar baginda membaca syahadah. Setelah itu baginda bersabda: "Sesungguhnya aku telah menikahkan Abu al-'Ash bin al-Rabi' (dengan Zainab binti Muhammad), (apabila) dia berbicara denganku, dia berkata benar (jujur) kepadaku. Sesungguhnya Fatimah binti Muhammad adalah darah dagingku. Oleh karena itu, aku tidak suka apabila orang-orang memfitnahnya. Demi Allah, sungguh tidak boleh dihimpun (dimadu) antara puteri Rasulullah dengan puteri musuh Allah oleh seorang suami untuk selama-lamanya." Miswar berkata: Akhirnya Ali membatalkan lamarannya.⁶⁴

Perhatikan bahawa yang diadu oleh Fatimah ialah:
"Sesungguhnya kaummu berbicara bahwa kamu tidak marah demi puteri kamu. Sekarang ini Ali akan menikahi

⁶⁴ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4485/2449 (*Kitab Fadha'il al-Shahabah, Bab keutamaan Fatimah binti Nabi*). Juga dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 3450/3729 (*Kitab al-Manaqib, Bab kerabat Nabi shallallahu 'alaihi wasallam melalui pernikahan, di antara mereka: Abu al-'Ash bin al-Rabi'*). Di atas adalah lafaz milik Muslim. Lafaz al-Bukhari akan dikemukakan dalam bab Benarkah Rasulullah Melarang Semua Puterinya Dimadukan?

puteri Abu Jahal.” Fatimah tidak mengadu, umpama: “Ali akan memadukan aku dan aku tidak rela dimadukan.”

Kedua:

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak pernah menyatakan bantahannya kepada Ali bin Thalib. Dustalah Ibu Dhiya' yang berkata: “Sebagai bapa berwibawa, baginda sendiri menyatakan bantahannya kepada Ali...”

Sebaliknya yang baginda lakukan ialah menegur sikap orang ramai kerana menyakiti dan memfitnah Fatimah. Perhatikan semula hadis di atas: ***Kemudian Nabi berdiri dan saya mendengar baginda membaca syahadah. Setelah itu baginda bersabda: ".....Sesungguhnya Fatimah binti Muhammad adalah darah dagingku. Oleh karena itu, aku tidak suka apabila orang-orang memfitnahnya."***

Amat jelas teguran Rasulullah ditujukan kepada orang ramai. Oleh itulah baginda bangun menyampaikan teguran tersebut kepada orang ramai dan tidak secara peribadi kepada Ali bin Abi Thalib. Seandainya yang diadukan oleh Fatimah ialah kesakitan dan fitnah Ali yang hendak bernikah lagi dan Rasulullah ingin membantah hajat Ali tersebut, nescaya baginda akan menegur Ali sahaja.

Ketiga:

Benar bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*: “...meminta puterinya diceraikan sekiranya Ali tetap dengan niatnya itu.” Akan tetapi sebab larangan kepada Ali bin Abi Thalib daripada berpoligami bukanlah ketidak-relaan Fatimah, akan tetapi sebagaimana yang baginda jelaskan sendiri dalam hadis di atas:

Demi Allah, sungguh tidak boleh dihimpun (dimadu) antara puteri Rasulullah dengan puteri musuh Allah oleh seorang suami untuk selama-lamanya.

Justeru ini adalah kes khusus di antara puteri Rasul Allah dan puteri musuh Allah di mana syari’at telah menetapkan bahawa mereka tidak boleh hidup bersama. Kenapakah berlakunya pengkhususan ini, kita tidak tahu. Sikap kita ialah sebagaimana sikap Ali bin Abi Thalib, iaitu dengar dan taat. Inilah sikap orang yang benar imannya lagi bakal beroleh kejayaan:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَنْ يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ.

Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak ke pada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, supaya menjadi

hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: Kami dengar dan kami taat: dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan. [al-Nur 24:51]

Kita tidak akan mencari-cari alasan bagi menakwilkan hukum Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana yang cuba dilakukan oleh Ibu Dhiya':

“Rasulullah itu paling faham agama. Baginda tidak akan menghukum anak Abu Jahal kerana dosa ayahnya.” [SCM 187]

Kesimpulannya, jika Ali bin Abi Thalib hendak menikahi puteri Abu Jahal, beliau hendaklah terlebih dahulu menceraikan Fatimah. Sebabnya bukanlah kerana Fatimah tidak rela hidup bermadu tetapi kerana syari'at Islam tidak membenarkan Fatimah hidup bersama puteri musuh Allah.

Sekali lagi ditekankan bahawa penjelasan Rasulullah: ***Demi Allah, sungguh tidak boleh dihimpun (dimadu) antara puteri Rasulullah dengan puteri musuh Allah oleh seorang suami untuk selama-lamanya*** merupakan bukti yang tidak diragukan lagi bahawa ini adalah kes khusus bagi di antara puteri Rasul Allah dan puteri musuh Allah. Maka tertolaklah dakwaan *Sebarkan Cinta-Mu* yang menyatakan:

Tiada dalil kuat yang mengatakan hadis ini khusus hanya untuk Fatimah. [SCM 218]

Keempat:

Apabila diminta dalil, Ibu Dhiya' dengan begitu yakin menjawab: "Sudah tentu. Ada kisah menarik dalam hadis sahih Bukhari Muslim." Anehnya, Ibu Dhiya' tidak mengemukakan hadis tersebut dengan lafaznya yang penuh. Bahkan apabila dirujuk hadis yang sebenar, ternyata Ibu Dhiya' berdusta.

Justeru kita tertanya-tanya, apabila Ibu Dhiya' berkata: "Sekiranya isteri tidak merelakan, maka dia berhak minta diceraikan", siapakah yang sebenarnya berkata-kata berdasarkan: "...itu hanya pendapatnya, bukan wahyu."

Kelima:

Dengan terbuktinya kekeliruan dan pendustaan Ibu Dhiya', maka batallah hujahnya bahawa: "Isteri memang wajib taatkan suami sebagai hukum asal. Setiap kewajipan ada *rukhsah*-nya atau keringanan."

Ertinya rukhsah atau keringanan yang diperhujahkan oleh Ibu Dhiya' sudah terbatal melalui penjelasan di atas. Maka setiap isteri yang beriman kepada Allah *Subhanahu waTa'ala* dan inginkan syurga-Nya hendaklah tetap taat kepada suami berdasarkan firman Allah:

فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ.

Maka isteri-isteri yang soleh itu ialah yang taat dan yang memelihara (ketaatan tersebut) ketika suami tidak hadir bersama, dengan apa yang Allah pelihara.

[al-Nisa' 4:34]

Catatan Tambahan: Ali Pernah Memadukan Fatimah.

Terdapat bukti bahawa larangan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada Ali untuk tidak memadukan Fatimah ialah kes khusus yang melibatkan penghimpunan di antara puteri rasul Allah dan puteri musuh Allah. Jemputlah menyemak hadis berikut daripada Buraidah *radhiallahu 'anh*:

أَبْغَضْتُ عَلِيًّا بُغْضًا لَمْ أَبْغِضْهُ أَحَدًا قَطُّ. قَالَ: وَأَحْبَبْتُ رَجُلًا
مِنْ قُرَيْشٍ لَمْ أُحِبَّهُ إِلَّا عَلَى بُغْضِهِ عَلِيًّا. قَالَ: فَبِعِثْ ذَاكَ الرَّجُلَ عَلَى
خَيْلٍ فَصَحْبُهُ مَا أَصْحَبُهُ إِلَّا عَلَى بُغْضِهِ عَلِيًّا.

Aku (pernah) membenci Ali dengan kebencian yang belum pernah dilakukan oleh seorang pun. Dan aku mencintai seorang lelaki Quraisy, tidaklah aku mencintainya melainkan kerana orang (Quraisy itu) membenci Ali. Maka orang itu diutus dengan menaiki kuda (ke medan perang) lalu aku menemaninya. Tidaklah aku menemaninya melainkan kerana kebenciannya terhadap Ali.

قَالَ: فَأَصَبْنَا سَبِيًّا. قَالَ: فَكَتَبَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ابْعَثْ إِلَيْنَا مَنْ يُحْمِسُهُ. قَالَ: فَبَعَثَ إِلَيْنَا عَلِيًّا، وَفِي السَّبْيِ وَصِيفَةٌ هِيَ مِنْ أَفْضَلِ السَّبْيِ.

Kamipun menawan sejumlah tawanan lalu menulis surat kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam supaya mengirim orang kepada kami untuk membahagikannya kepada lima bahagian (satu bahagian untuk ahli bait Rasulullah, empat bahagian kepada para pejuang). Maka (Rasulullah) mengutus Ali kepada kami dan di antara tawanan tersebut ada seorang pembantu wanita yang merupakan sebaik-baik tawanan.

فَخَمَسَ وَقَسَمَ، فَخَرَجَ رَأْسُهُ يَقْطُرُ فُقْلُنَا: يَا أَبَا الْحَسَنِ مَا هَذَا؟ قَالَ: أَلَمْ تَرَوْا إِلَى الْوَصِيفَةِ الَّتِي كَانَتْ فِي السَّبْيِ، فَإِنِّي قَسَمْتُ وَخَمَسْتُ فَصَارَتْ فِي الْخُمْسِ، ثُمَّ صَارَتْ فِي أَهْلِ بَيْتِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، ثُمَّ صَارَتْ فِي آلِ عَلِيٍّ وَوَقَعَتْ بِهَا.

Maka Ali membahagikannya kepada lima bahagian, lalu dia keluar (daripada khemah) dengan kepala yang basah (kesan dari mandi wajib). Kami berkata: "Wahai Abu al-Hasan (nama gelaran bagi Ali)! Apa ini?" Ali berkata: Apa kalian tidak lihat (kecantikan)

pembantu wanita yang ada dalam tawanan itu? Maka aku telah membahagikannya menjadi lima bahagian dan dia telah menjadi seperlima bahagianku, kemudian telah menjadi Ahlul Bait Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, kemudian telah menjadi keluarga Ali dan aku telah menggaulinya.

قَالَ: فَكَتَبَ الرَّجُلُ إِلَى نَبِيِّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ:
ابْعَثْنِي فَبَعَثَنِي مُصَدِّقًا. قَالَ: فَجَعَلْتُ أَقْرَأُ الْكِتَابَ وَأَقُولُ: صَدَقَ.

(Buraidah melanjutkan): Kemudian lelaki (yang Buraidah ikut menemaninya) mengutus surat kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, lalu aku berkata: "Utuskanlah aku." Maka beliau mengutusku sebagai (saksi yang akan) membenarkan (isi kandungan surat tersebut). (Setelah sampai di hadapan Rasulullah, baginda) membuatku membaca surat itu (dan setelah membacanya) aku berkata: "Benar (apa yang ditulis dalam surat itu tentang perbuatan Ali)."

قَالَ: فَأَمْسَكَ يَدَيَّ وَالْكِتَابَ وَقَالَ: أَتُبَغِضُ عَلِيًّا؟ قَالَ: قُلْتُ:
نَعَمْ. قَالَ: فَلَا تَبْغِضْهُ، وَإِنْ كُنْتَ تُحِبُّهُ فَارْزُدْ لَهُ حُبًّا، فَوَالَّذِي نَفْسُ
مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَنَصِيبُ آلِ عَلِيٍّ فِي الْخُمْسِ أَفْضَلُ مِنْ وَصِيْفَةٍ.

Maka baginda memegang tanganku dan surat itu

lalu bersabda: "Apakah kamu membenci Ali?" Aku (Buraidah) menjawab: "Ya." Rasulullah bersabda: "Jangan benci kepadanya, jika kamu mencintainya maka tambahilah cintamu kepadanya. Demi Zat yang jiwa Muhammad berada di tangan-Nya, sungguh bahagian keluarga Ali dalam seperlima itu lebih baik berbanding pembantu wanita tersebut."

قَالَ: فَمَا كَانَ مِنَ النَّاسِ أَحَدٌ بَعْدَ قَوْلِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَبَّ إِلَيَّ مِنْ عَلِيٍّ.

Buraidah berkata: Setelah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda seperti itu, tidak ada seorang pun dari kalangan manusia yang lebih aku cintai melainkan Ali.⁶⁵

Hadis ini secara ringkas terdapat dalam *Shahih al-Bukhari*:

⁶⁵ Sahih: Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnad*nya, hadis no: 21889. Berkata al-Haitsami dalam *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*, hadis no: 14731: Riwayat Ahmad, para perawinya merupakan perawi kitab sahih kecuali 'Abdul Jalil bin 'Athiyah, dia seorang yang dipercayai dan jelas mendengar (hadis) namun padanya ada kelonggaran.

Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakannya dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 22967 berkata: Hadis sahih, namun sanad ini hasan disebabkan oleh 'Abdul Jalil, beliau ialah Ibn 'Athiyah al-Qaysiy. Beliau seorang yang jujur, hadisnya bertaraf hasan, namun tetap perlu diperhatikan. Sementara baki para perawi sanad ini adalah dipercayai, termasuk para perawi dua syaikh (al-Bukhari dan Muslim).

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: بَعَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلِيًّا إِلَى خَالِدٍ لِيَقْبِضَ الْخُمْسَ وَكُنْتُ أَبْغِضُ عَلِيًّا وَقَدْ اغْتَسَلَ فَقُلْتُ لِحَالِدٍ: أَلَا تَرَى إِلَى هَذَا؟ فَلَمَّا قَدِمْنَا عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرْتُ ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ: يَا بُرَيْدَةُ أَتُبْغِضُ عَلِيًّا؟ فَقُلْتُ: نَعَمْ. قَالَ: لَا تُبْغِضْهُ فَإِنَّ لَهُ فِي الْخُمْسِ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ.

Daripada Abdullah bin Buraidah, daripada ayahnya radhiallahu 'anh, dia berkata: Nabi shallallahu 'alaihi wassalam mengutus Ali kepada Khalid (bin al-Walid) untuk mengambil seperlima harta rampasan perang. Aku adalah orang yang membenci Ali. Dia pada waktu itu baru selesai mandi (wajib kerana melakukan hubungan seks dengan seorang wanita tawanan perang).

Lalu aku berkata kepada Khalid: "Apakah kamu tidak melihat apa yang dilakukannya?" Tatkala aku menemui Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, aku sebutkan peristiwa itu kepada baginda. Maka baginda bersabda: ***"Wahai Buraidah! Apakah kamu membenci Ali?"*** Aku (Buraidah) menjawab: ***"Ya."*** Rasulullah bersabda: ***"Jangan membencinya kerana sesungguhnya bahagian Ali dalam seperlima harta rampasan itu ada***

lebih banyak berbanding pembantu wanita itu.”⁶⁶

Hadis di atas berlaku pada masa kehidupan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Kehadiran Khalid bin al-Walid *radhiallahu 'anh* menunjukkan ia berlaku selepas Perang Uhud kerana beliau hanya memeluk Islam selepas perang tersebut. Sementara Ali bin Abi Thalib telah menikahi Fatimah binti Rasulullah *radhiallahu 'anhuma* selepas Perang Badar yang berlaku sebelum Perang Uhud. Semua ini menunjukkan hadis di atas berlaku tatkala Ali sudah menikahi Fatimah.

Hadis ini menunjukkan bahawa Ali telah memadukan Fatimah dengan seorang wanita dari tawanan perang. Ali telah menjadikan wanita tersebut sebagai ahli keluarganya dengan berkata: ***... dia telah menjadi seperlima bahagianku, kemudian telah menjadi Ahlul Bait Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, kemudian telah menjadi keluarga Ali...*** Artinya keluarga Ali kini terdiri daripada dirinya, Fatimah, wanita tersebut dan anak-anaknya yang dilahirkan oleh Fatimah.

Apabila perkara ini sampai ke pengetahuan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, baginda tidak mengingkarinya.

⁶⁶ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4003/4350 (*Kitab al-Maghazi, Bab pengutusan Ali bin Abi Thalib 'alahissalam dan Khalid bin al-Walid radhiallahu 'anh ke Yaman sebelum Haji Wida*).

Nasihat Kepada Isteri Yang Tidak Rela Dimadukan

Di sini timbul persoalan, apakah pilihan yang ada bagi seorang isteri apabila dia mendapati dirinya benar-benar tidak mampu untuk hidup di alam poligami?

Jawapannya, jangan bersikap angkuh atau tinggi diri (ego). Jangan mencabar suami dengan menuntut cerai. Jangan berdusta di atas nama Allah dan Rasul-Nya dengan memutarbelitkan dalil-dalil agama. Jangan berdalih kononnya ingin memelihara agama daripada cemburu. Jangan membuat muslihat kononnya poligami menyelisihi fitrah wanita. Jangan memilih sikap yang *confrontational*. Semua itu hanya akan memburukkan suasana, dunia dan akhirat.

Sebaliknya rendahkan diri anda dan mengakuilah bahawa diri anda tidak mampu hidup di alam poligami. Taat kepada suami ialah satu bentuk ketaqwaan kepada Allah. Namun ketaqwaan kepada Allah adalah berdasarkan kemampuan setiap individu berdasarkan firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ...

***Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah sedaya
supaya kamu...*** [al-Taghabun 64:16]

Rendahkan diri kepada suami, agar dia memahami cabaran yang anda hadapi sebagai isteri. Moga dengan itu dia menangguk rancangan poligaminya atau membatalkan sama sekali. Gunakanlah keistimewaan diri anda sebagai seorang wanita untuk memujuk dan jangan cepat berputus asa sehingga beralih ke sikap yang *confrontational*.

Selain itu berusaha untuk "reset diri" ke arah Allah dan syari'at-Nya yang merupakan fitrah setiap manusia. Ikutilah soal-jawab berikut yang rapat berkaitan dengan tajuk bab ini.

Soalan: Berat Untuk Terima Poligami⁶⁷

Satu perkara yang sering bermain di fikiran saya ialah poligami. Meskipun suami saya tidak pernah bertanya berkenaan hal ini, saya bimbang jika pada satu hari kelak dia akan bertanya dan menyatakan hajatnya untuk berkahwin lagi.

Jika ini berlaku saya terfikir jika suami memiliki hak untuk berpoligami, apakah pula hak isteri jika dia enggan untuk terima poligami? Bagaimana jika saya tidak mahu diri saya dimadukan dan memilih untuk bercerai jika suami tetap mahu berkahwin lagi, demi menjaga akhirat saya? Ini kerana saya merasakan poligami amat bertentangan dengan fitrah diri

⁶⁷ Soal-jawab ini asalnya dari kolum saya dalam majalah *Pengantin & Pesona* terbitan Kumpulan Karangraf Sdn. Bhd.

saya sebagai wanita dan isteri.

Jawapan:

Poligami memang sesuatu yang berat bagi kebanyakan wanita dan isteri masa kini. Moga penjelasan saya berikut ini dari prespektif yang berbeza dapat meringankan bebanan dan melapangkan fikiran puan. Apabila berfikir atau berbicara berkenaan poligami, hendaklah melihatnya dari aspek tauhid dan iman.

Dari aspek tauhid, hendaklah kita sedar bahawa kehidupan ini hendaklah seluruhnya kerana Allah sahaja. Apa yang kita suka atau benci, buat atau tidak buat, adalah kerana Allah. Ini berdasarkan firman Allah *Subhanahu waTa'ala* yang juga merupakan sebahagian dari doa *iftitah* yang lazim kita baca di permulaan solat:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ.

Katakanlah: Sesungguhnya solatku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan dan aku adalah orang Islam yang awal (berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintah-

Nya). [al-An'aam 6:162-163]

Oleh itu – sebagai contoh – kerana Allah seorang isteri membenci perjudian dan membenci suaminya yang mahu berjudi. Jika telah dinasihatkan berulang kali dan suami tetap mahu berjudi, isteri boleh meminta cerai. Ini kerana Allah tidak pernah mengeluarkan hukum membolehkan suami untuk berjudi dan kerana Allah, seorang isteri tidak akan reda untuk hidup bersama seorang penjudi.

Contoh lain, seorang isteri kerana Allah membenci arak dan membenci suaminya yang minum arak. Jika telah ditegur berulang kali dan suami tetap mahu minum arak, isteri boleh meminta cerai. Ini kerana Allah tidak pernah mengeluarkan hukum membolehkan suami untuk minum arak dan kerana Allah, seorang isteri tidak sanggup hidup bersama seorang peminum arak.

Berbeza pula dengan poligami, Allah *Subhanahu waTa'ala* telah membolehkan suami untuk berpoligami. Maka kerana Allah, isteri hendaklah menerima andai suaminya hendak berkahwin lagi. Isteri usah membenci poligami atas alasan cinta yang satu telah dikhianati atau cemburu, kerana beralasan demikian bererti isteri telah menyekutukan Allah dengan menjadikan cinta dan cemburu sebagai tuhan di samping Allah. Inilah yang dimaksudkan dalam ayat di atas: ***Tiada sekutu bagi-Nya dan dengan yang demikian sahaja***

aku diperintahkan...

Oleh itu jika benar puan sebagai isteri ingin menjaga akhirat, maka hendaklah puan menjaga nilai-nilai tauhid kepada Allah. Sayang atau benci, setia atau dikhianati, bersama atau bercerai dinilai dan diputuskan kerana Allah dan bukannya kerana pilihan hati sendiri. Justeru jika puan benci, rasa dikhianati dan ingin bercerai terhadap suami yang degil berjudi misalnya, maka ia adalah alasan yang benar, dunia dan akhirat.

Kenyataan di atas mungkin menyebabkan seorang isteri terasa bahawa dirinya telah dinafikan haknya. Di sini hendaklah disedari bahawa hak-hak tersebut berkaitan dengan peraturan hidup dan daripada siapakah kita mahu menerima peraturan itu? Apakah daripada para cendekiawan yang menjadikan nafsu dan fikiran mereka sebagai tuhan atau daripada Allah, ***Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam*** ? Oleh itulah Allah *Subhanahu waTa'ala* bertanya setelah ayat 162-163 surah al-An'aam di atas:

قُلْ أَغَيَّرَ اللَّهُ أَبْغِي رَبًّا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ.

Katakanlah: Patutkah aku mencari Tuhan selain Allah, padahal Dialah Tuhan bagi tiap-tiap sesuatu? [al-An'aam 6:164]

Dari aspek keimanan, hendaklah kita beriman bahawa

apa sahaja yang dihalalkan oleh Allah *Subhanahu waTa'ala* pasti memiliki kebaikan meskipun kita membencinya. Kita juga beriman bahawa apa sahaja yang diharamkan oleh Allah pasti memiliki keburukan meskipun kita menyukainya. Apabila Allah menghalalkan poligami, pasti ia memiliki kebaikan di dalamnya baik untuk suami, isteri sedia ada dan isteri yang baru. Allah *Subhanahu waTa'ala* mengingatkan:

وَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ.

Boleh jadi kamu membenci sesuatu padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui. [al-Baqarah 2:216]

Dari aspek keimanan juga, hendaklah juga kita beriman bahawa syari'at Islam ini selari dengan fitrah manusia. Ini kerana kedua-duanya dicipta oleh Allah dan mustahil Allah mencipta syari'at yang bertentangan dengan fitrah manusia atau mencipta fitrah manusia yang bertentangan dengan syari'at-Nya.

Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَةَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا
تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ.

Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Allah); fitrah Allah yang (dengannya Allah) telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. [al-Rum 30:30]

Dalam ayat di atas, Allah menerangkan bahawa agama atau syari'at yang diciptakan-Nya ini adalah satu fitrah yang selari dengan fitrah manusia. Seandainya berlaku konflik antara fitrah manusia dengan fitrah Allah (yakni syari'at Islam), maka hendaklah manusia mengubah-suai fitrahnya agar kembali selari dengan fitrah Allah. Ini kerana fitrah Allah tidak akan mengalami perubahan sementara fitrah manusialah yang berubah-ubah setelah pada asalnya selari dengan fitrah Allah.

Memang, perceraian adalah juga sebahagian daripada syari'at Islam. Islam memahami bahawa fitrah manusia kadang-kala tidak dapat hidup bersama, lalu perceraian menjadi solusinya. Justeru jika suami berpoligami lalu kemudian menzalimi mana-mana isterinya, maka perceraian boleh menjadi salah satu jalan keluar. Namun jika suami belum

diberi peluang membuktikan kemampuannya sementara isteri sudah mencabar dengan meminta cerai, maka isterilah yang menzalimi suami dan ini bukanlah perceraian yang selari dengan syari'at Islam.

Penting untuk diyakini dan diimani bahawa seandainya poligami bertentangan dengan fitrah kebanyakan wanita serta memudaratkan kebanyakan mereka sehingga perceraian menjadi penyelesaian yang utama, nescaya Allah *Subhanahu waTa'ala* sejak awal akan mengharamkannya sebagaimana Allah mengharamkan arak, judi, zina, riba, nikah mut'ah, poligami melebihi empat isteri dan poligami tanpa keadilan kepada isteri-isteri. Semua itu wujud sebelum Islam dan diharamkan dengan kedatangan Islam disebabkan oleh kemudaratannya adalah lebih besar dan lebih meluas berbanding kemaslahatannya.

Oleh itu tidak benar jika dikatakan poligami bertentangan dengan fitrah seorang wanita dan isteri. Apa yang berlaku ialah fitrah sebahagian wanita masa kini telah dicemari dengan celupan nafsu, kecemburuan dan kesamaan hak lelaki-wanita sehingga ia tidak lagi selari dengan fitrah Allah. Maka apa yang patut dilakukan ialah membersihkan diri dari celupan-celupan asing tersebut dan kembali mewarnai diri dengan celupan Allah agar selari semula dengan fitrah Allah. Berkenaan celupan ini, Allah *Subhanahu waTa'ala* bertanya:

صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً؟

Celupan (shibghah) Allah dan siapakah yang lebih baik celupannya daripada Allah? [al-Baqarah 2:138]

Moga subjek poligami di bawah suluhan tauhid dan iman dapat membantu puan agar lebih terbuka terhadapnya. Cara lain agar lebih terbuka kepada poligami ialah menuntut ilmu mengenainya kerana sering kali kejahilan seseorang berkenaan satu perkara menyebabkan dia memusuhinya. Oleh itu kajilah buku-buku yang positif lagi benar berkenaan poligami, antara yang dicadangkan ialah buku saya 202 *Pelajaran Berkenaan Poligami*. Selain itu bergaullah dengan orang yang hidup di alam poligami agar dapat mengikuti kebaikan mereka dan belajar dari kekurangan mereka.

Terakhir dan paling penting, berdoakan kepada Allah *Subhanahu waTa'ala* agar diberi ilmu, kefahaman, kekuatan dan kematangan dalam subjek poligami. Ini kerana meskipun suami puan tidak bertanya berkenaan poligami, amatlah penting bagi setiap muslim untuk berbaik sangka kepada Allah dan seluruh syari'at-Nya.

Menyemak Latarbelakang Kes Tsabit Bin Qais

Ibu Dhiya' menasihati lagi:

“Begitu juga dalam kes ini. Isteri wajib taat kepada suami secara prinsip asal. Tetapi, isteri ada *rukhsah* meminta cerai sekiranya suami melakukan sesuatu yang dapat menjejaskan akhiratnya. Keputusan ini bukan orang lain yang putuskan tetapi fatwa hatinya sendiri.”

“Ada dalil lain selain kisah Fatimah tadi?” pinta Sarra.

“Dalil yang jelas adalah kisah isteri Thabit bin Qais yang mengadu kepada Rasulullah supaya dia diceraikan oleh Thabit. Dia bukannya dianiaya suami kerana Thabit itu sangatlah soleh, juru hujah Nabi dan dijanjikan syurga oleh Nabi secara tidak langsung. Dia cuma bimbangkan keperluan akhiratnya. Kita tidak tahu masalah sebenar mereka. Kisah ini hanya di permukaan sahaja. Ada kitab tafsir yang melaporkan bahawa dia tidak sukakan fizikal Thabit yang hitam dan rendah. Ada juga fakta mengatakan Thabit berpoligami,” terang Ibu Dhiya’.

“Bukankah isteri yang meminta cerai itu dikira tidak mencium bau syurga?” soal Sarra.

“Fahami betul-betul hadis berkenaan hal itu. Ia untuk isteri yang meminta cerai tanpa sebab. Pantang bergaduh kecil-kecilan, pasti meminta cerai. Untuk isteri yang meminta cerai dengan sebab yang kukuh, itu *rukhsah* baginya,” jelas Ibu Dhiya’.

“Semua orang boleh mengaku dirinya ada sebab,” sampuk Sarra.

“Apabila menyebut berkenaan sebab yang membolehkan isteri meminta cerai secara baik, ada pihak yang menyempitkan tafsirannya kepada situasi, adanya keganasan dalam rumah tangga sahaja. Sedangkan tiada keganasan berlaku dalam rumah tangga Thabit bin Qais dan Fatimah az-Zahra,” kata Ibu Dhiya’. [SCM 187-189]

Marilah kita menyemak nasihat Ibu Dhiya’ di atas.

Pertama:

Ibu Dhiya’ berkata: “Ada kitab tafsir yang melaporkan bahawa dia tidak sukakan fizikal Thabit yang hitam dan rendah.”

Perkara ini benar, namun ia bukanlah sekadar laporan kitab tafsir akan tetapi hadis yang lengkap dengan sanadnya. Hadis ini kemudiannya dikemukakan oleh kitab-kitab tafsir, didahului oleh al-Tabari *rahimahullah* dalam kitab tafsirnya *Jamii’ al-Bayan an al-Takwil ay al-Qur’an*. Marilah kita

menyemak riwayat tersebut:

كان ابن عباس يقول: إن أول خلع كان في الإسلام، أخت
عبد الله بن أبي، أنها أتت رسول الله صلى الله عليه وسلم فقالت:
يا رسول الله لا يجمع رأسي ورأسه شيء أبدا! إني رفعت جانب
الخباء، فرأيتُه أقبِل في عدة، فإذا هو أشدهم سوادا، وأقصرهم قامة،
وأقبحهم وجها!

قال زوجها: يا رسول الله، إني أعطيتها أفضل مالي! حديقة،
فإن ردت على حديقتي!

قال: ما تقولين؟

قالت: نعم، وإن شاء زدتها!

قال: ففرق بينهما.

Abdullah ibn 'Abbas menerangkan: (Kes) khuluq yang pertama berlaku dalam Islam melibatkan saudara perempuan 'Abd Allah bin Ubay. Bahawasanya dia datang kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan berkata:

"Wahai Rasulullah! Tidak akan berkumpul kepala

aku dengan kepalanya (Tsabit bin Qais) selama-lamanya. Sungguh aku (selepas saja bernikah) menyingkap tepi khemah dan aku melihat dia datang bersama beberapa orang. Ternyata dia orang yang paling hitam di antara mereka, paling pendek di antara mereka dan paling buruk wajah di antara mereka."

Maka suaminya (Tsabit bin Qais) berkata: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku telah memberikan kepadanya sebaik-baik harta, yakni kebun kurma. Maka kini aku menuntut balik kebun kurma tersebut!"

Rasulullah bertanya (kepada isterinya): "Apa kata kamu?"

Dia (isteri) menjawab: "Ya (aku akan kembalikan) dan jika dia mahu aku akan menambahinya."

Maka baginda menceraikan di antara mereka berdua.⁶⁸

Berdasarkan hadis di atas, benarliah bahawa Tsabit bin Qais memiliki warna kulit yang amat hitam, bertubuh kerdil dan berwajah buruk. Berdasarkan hadis di atas juga, dapat kita pelajari bahawa isteri Tsabit – Jamilah binti 'Abd Allah bin

⁶⁸ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Tabari dalam *Jami' al-Bayan an al-Takwil ay al-Qur'an*, riwayat no: 4807 (*tafsir kepada ayat 229 surah al-Baqarah*) dan sanadnya nilai sahih oleh Ahmad Muhammad Syakir dalam semakannya ke atas kitab tersebut.

Ubay – dinikahkan dengan Tsabit tanpa beliau (Jamilah) terlebih dahulu melihatnya. Jamilah hanya melihat Tsabit buat pertama kali selepas bernikah, ketika dia menyelak khemah dan terkejut melihat rupa fizikalnya.

Sekadar catatan tambahan, hadis berikut menerangkan nama suami dan isteri yang dimaksudkan dalam riwayat di atas:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ: أَنَّ جَمِيلَةَ بِنْتَ سُلُولَ أَتَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: وَاللَّهِ مَا أَعْتَبْتُ عَلَى ثَابِتٍ فِي دِينٍ وَلَا خُلُقٍ وَلَكِنِّي أَكْرَهُ الْكُفْرَ فِي الْإِسْلَامِ لَا أُطِيقُهُ بُعْضًا.

فَقَالَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَتُرَدِّينَ عَلَيْهِ حَدِيثَهُ؟
قَالَتْ: نَعَمْ.

فَأَمَرَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَأْخُذَ مِنْهَا حَدِيثَهُ وَلَا يَزْدَادَ.

حديثه ولا يزداد

Daripada Ibn 'Abbas, dia berkata: Jamilah binti ('Abd Allah bin 'Ubay bin) Salul datang kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dan berkata: "Aku tidak mencela Tsabit dalam masalah agama dan akhlaknya,

akan tetapi aku benci kekafiran di dalam Islam, aku tidak tahan dengan sebahagian (sifatnya)."

Lalu Nabi shallallahu 'alaihi wasallam pun bersabda kepadanya: "Apakah kamu bersedia mengembalikan kebun miliknya kepadanya?"

Dia menjawab: "Ya."

Maka baginda memerintahkan Tsabit mengambil kebun miliknya dan tidak sebarang tambahan.⁶⁹

al-Bukhari juga mengemukakan secara bersناد bahawa nama isteri Tsabit tersebut ialah Jamilah.⁷⁰

Kedua:

Ibu Dhiya' mengatakan bahawa: "Dia bukannya dianiaya suami..."

Ibu Dhiya' menekankan sekali lagi: "Sedangkan tiada keganasan berlaku dalam rumah tangga Thabit bin Qais..."

Hadis berikut membetulkan kenyataan Ibu Dhiya':

⁶⁹ Sahih: Dikeluarkan oleh Ibn Majah dalam *Sunan*nya, hadis no: 2046 (*Kitab al-Thalaq, Bab wanita yang dikhuluq boleh mengambil apa yang telah diberikan kepadanya*). Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Ibn Majah*, hadis no: 2056.

⁷⁰ Rujuk *Shahih al-Bukhari*, di penghujung bagi hadis no: 4869/5276-5277. (*Kitab al-Thalaq, Bab berkenaan khuluq dan bagaimana berlaku perceraian melaluinya*).

أَنَّ الرُّبَيْعَ بِنْتَ مُعَوِّذِ بْنِ عَفْرَاءَ أَخْبَرْتُهُ: أَنَّ ثَابِتَ بْنَ قَيْسِ بْنِ
 شِمَّاسٍ ضَرَبَ امْرَأَتَهُ فَكَسَرَ يَدَهَا وَهِيَ جَمِيلَةٌ بِنْتُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي.
 فَأَتَى أَخُوَهَا يَشْتَكِيهِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.
 فَأَرْسَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى ثَابِتٍ فَقَالَ لَهُ: خُذِ الَّذِي
 هَا عَلَيْكَ وَخَلِّ سَبِيلَهَا.
 قَالَ نَعَمْ.

فَأَمَرَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تَتَرَبَّصَ حَيْضَةً
 وَاحِدَةً فَتَلْحَقَ بِأَهْلِهَا.

***al-Rubayi' binti Mu'awwidz mengkhabarkan
 bahawa Tsabit bin Qais bin Syammas memukul isterinya
 hingga tangannya patah. Isterinya itu (bernama)
 Jamilah binti Abdullah bin Ubay.***

***Kemudian datanglah saudara lelaki (Jamilah)
 kepada Rasulullah mengadu berkenaan sikap suami
 tersebut (Tsabit). Maka Rasulullah mengutus seseorang
 kepada Tsabit dan berkata kepadanya: "Ambillah apa
 yang menjadi haknya atas dirimu dan lepaskanlah dia!"
 Tsabit berkata: "Baiklah."***

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam lantas

menyuruh Jamilah untuk menunggu (iddah) selama satu kali haid sebelum kembali kepada keluarganya.⁷¹

Ketiga:

Apabila Ibu Dhiya' mengatakan:

“Dalil yang jelas adalah kisah isteri Thabit bin Qais yang mengadu kepada Rasulullah supaya dia diceraikan oleh Thabit. Dia bukannya dianiaya suami kerana Thabit itu sangatlah soleh, juru hujah Nabi dan dijanjikan syurga oleh Nabi secara tidak langsung. Dia cuma bimbangkan keperluan akhiratnya. Kita tidak tahu masalah sebenar mereka. Kisah ini hanya di permukaan sahaja.”

Nampaknya Ibu Dhiya' hanya merujuk kepada zahir sebuah hadis, iaitu keterangan Ibn 'Abbas *radhiallahu 'anh*:

أَنَّ امْرَأَةً ثَابِتِ بْنِ قَيْسٍ أَتَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ ثَابِتُ بْنُ قَيْسٍ مَا أَعْتَبُ عَلَيْهِ فِي خُلُقٍ وَلَا دِينٍ
وَلَكِنِّي أَكْرَهُ الْكُفْرَ فِي الْإِسْلَامِ.

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَتُرَدِّينَ عَلَيْهِ حَدِيثَهُ؟

⁷¹ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Nasa'e dalam *Sunannya*, hadis no: 3440 (*Kitab al-Thalaq, iddah bagi wanita yang khuluq*) dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Nasa'e*, hadis no: 3497.

قَالَتْ: نَعَمْ.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اقْبَلِ الْحَدِيثَ وَطَلِّقْهَا
تَطْلِيقًا.

Bahawasanya isteri Tsabit bin Qais datang kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dan berkata: "Wahai Rasulullah! Tsabit bin Qais tidak aku cela dalam akhlak dan agamanya, akan tetapi aku tidak menyukai kekufuran di dalam Islam."

Rasulullah bertanya: "Apakah engkau (sudi) mengembalikan kebunnya?"

Isteri Tsabit menjawab: "Ya."

Rasulullah bersabda (kepada Tsabit): "Terimalah kebun itu dan talaklah dia dengan talak satu."⁷²

Dalam hadis di atas, isteri Tsabit bin Qais cuba untuk menutupi aib suaminya dengan menyembunyikan apa yang berlaku. Akan tetapi Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam sudah mengetahui apa yang berlaku, sebab itulah baginda tanpa apa-apa soal siasat terus membenarkan perceraian tersebut.

⁷² Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4867/5273 (*Kitab al-Thalaq, Bab berkenaan khuluq dan bagaimana berlaku perceraian melaluinya*).

Keempat:

Merupakan suatu yang baku dalam ilmu Islam bahawa apabila seseorang itu ingin memperoleh kefahaman yang betul berkenaan sesebuah hadis, hendaklah dia mencari semua hadis yang berkaitan dan menghubungkannya antara satu sama lain, dengan syarat semua hadis tersebut adalah sahih. Ini kerana sebagaimana ayat-ayat al-Qur'an saling menjelaskan di antara satu sama lain, hadis-hadis juga saling menjelaskan di antara satu sama lain.

Kesalahan Ibu Dhiya' ialah dia terburu-buru memberikan nasihat berdasarkan satu hadis semata-mata, padahal seandainya dia membuka kitab-kitab tafsir bagi ayat 229 surah al-Baqarah atau kitab-kitab yang mensyarahkan kes khuluq isteri Tsabit bin Qais, nescaya dia akan memperolehi keterangan sebagaimana di atas.

Kelima:

Berdasarkan semua hadis-hadis di atas yang saling menjelaskan di antara satu sama lain, meskipun dengan lafaz yang berbeza-beza, dapat kita senaraikan tertib peristiwa yang berlaku:

1. Jamilah binti 'Abd Allah bin Ubay menikahi Tsabit bin Qais tanpa terlebih dahulu melihatnya.
2. Setelah bernikah, barulah Jamilah mengetahui rupa fizik

Tsabit yang buruk bagi citarasanya.

3. Sekalipun Tsabit bin Qais ialah seorang salah sahabat Rasulullah yang utama, beliau memiliki satu kekurangan, iaitu kasar terhadap isterinya.
4. Jamilah tidak tahan untuk hidup bersama Tsabit yang buruk rupa fizikalnya, Tsabit tidak sabar dengan Jamilah yang enggan mendekatinya disebabkan oleh rupa fizikalnya. Maka berlakulah pergaduhan sehingga Tsabit memukul Jamilah dan mematahkan tangannya.
5. Konflik-konflik ini sampai ke pengetahuan Rasulullah.
6. Maka Rasulullah menyuruh Jamilah menebus dirinya (*khuluq*) dengan mengembalikan kebun kurma yang pernah diberikan oleh Tsabit kepadanya.
7. Ini merupakan kes *khuluq* kerana kesalahan berada di pihak Jamilah yang sejak awal tidak menyiasat rupa fizikal Tsabit dan akhlaknya ketika di dalam rumah.⁷³

Keenam:

Sekali lagi, dalil yang digunakan oleh Ibu Dhiya' bagi menghalalkan isteri menuntut cerai terbukti batil. Sebelum ini

⁷³ Maklumat tambahan, pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak ada kes *fasakh*. *Fasakh* adalah ijtihad sebahagian ulama' masa kini atas dasar kemaslahatan suami isteri dan ia diamalkan di sebahagian negara Islam termasuklah Malaysia.

kita telah mengkaji kebatilan dalil yang Ibu Dhiya' kemukakan, konon Fatimah *radhiallahu 'anha* menuntut cerai apabila mendapat tahu Ali bin Abi Thalib ingin berpoligami. Dalam bab ini pula, kita telah mengkaji kebatilan dalil Ibu Dhiya' bahawa kononnya seorang isteri boleh menuntut cerai atas alasan ingin memelihara akhiratnya.

Catatan Tambahan I: Beberapa Nama Isteri Tsabit bin Qais

Terdapat beberapa riwayat lain yang menerangkan nama isteri Tsabit bin Qais yang menuntut *khuluq* daripadanya. Selain Jamilah binti 'Abd Allah bin Ubay bin Salul, ada juga riwayat yang mengatakan nama isteri tersebut ialah Habibah binti Sahl al-Anshari. Riwayat yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

عَنْ عَمْرَةَ بِنْتِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَنَّهَا أَخْبَرَتْهُ عَنْ حَبِيبَةَ بِنْتِ سَهْلٍ
الْأَنْصَارِيِّ أَنَّهَا كَانَتْ تَحْتَ ثَابِتِ بْنِ قَيْسِ بْنِ شَمَّاسٍ وَأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ إِلَى الصُّبْحِ فَوَجَدَ حَبِيبَةَ بِنْتَ سَهْلٍ عِنْدَ أَبِيهِ
فِي الْعَلَسِ.

فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ هَذِهِ؟ فَقَالَتْ:
أَنَا حَبِيبَةُ بِنْتِ سَهْلٍ يَا رَسُولَ اللَّهِ. قَالَ: مَا شَأْنُكِ؟ قَالَتْ: لَا أَنَا وَلَا

ثَابِتُ بْنُ قَيْسٍ لِرَوْحِهَا.

فَلَمَّا جَاءَ زَوْجُهَا ثَابِتُ بْنُ قَيْسٍ قَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هَذِهِ حَبِيبَةُ بِنْتُ سَهْلٍ قَدْ ذَكَرْتُ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَذْكُرَ. فَقَالَتْ حَبِيبَةُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ كُلُّ مَا أَعْطَانِي عِنْدِي. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِثَابِتِ بْنِ قَيْسٍ: خُذْ مِنْهَا. فَأَخَذَ مِنْهَا وَجَلَسَتْ فِي بَيْتِ أَهْلِهَا.

'Amrah binti Abdurrahman mengkhabarkan daripada Habibah binti Sahl al-Anshari, bahawasanya dia adalah isteri Tsabit bin Qais bin Syammas. Suatu kali Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam keluar rumah hendak menunaikan solat subuh, lalu baginda mendapati Habibah binti Sahl berada di sisi pintu rumah baginda, sedangkan saat itu hari masih gelap.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bertanya kepadanya: "Siapa ini?" Habibah menjawab: "Wahai Rasulullah, saya Habibah binti Sahl." Baginda bertanya lagi: "Apa hajatmu?" Habibah menjawab: "Bukan salahku juga bukan salah Tsabit bin Qais (suaminya)."

Saat Tsabit bin Qais datang, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam lantas bertanya kepadanya: "Ini

Habibah binti Sahl telah mengadukan permasalahannya, sesuai kehendak Allah apa yang dia sebutkan."

Habibah lalu berkata: "Wahai Rasulullah, semua yang diberikan (oleh Tsabit) kepadaku masih ada padaku." Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam kemudian bersabda kepada Tsabit bin Qais: "Ambillah darinya." Maka Tsabit bin Qais mengambil darinya, sehingga hari itu Habibah binti Sahl tinggal bersama keluarganya (kerana telah bercerai dengan Tsabit).⁷⁴

Dalam hadis di atas, Habibah *radhiallahu 'anha* telah menerangkan apa yang berlaku kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Inilah yang diisyaratkan oleh baginda sebagai: **... sesuai kehendak Allah apa yang dia sebutkan."** Kita dapat mengetahui apakah yang berlaku itu dengan merujuk kepada sebuah hadis lain:

عَنْ عَمْرَةَ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ حَبِيبَةَ بِنْتَ سَهْلٍ كَانَتْ عِنْدَ ثَابِتِ بْنِ قَيْسِ بْنِ شَمَّاسٍ فَضَرَبَهَا فَكَسَرَ بَعْضَهَا فَأَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ الصُّبْحِ فَاشْتَكَتْهُ إِلَيْهِ.

⁷⁴ Sahih: Dikeluarkan oleh Malik dalam *al-Muwattha'*nya, hadis no: 1032 (*Kitab al-Thalaq, Bab apa yang berkenaan khuluq*). Juga dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 1900 (*Kitab al-Thalaq, Bab berkenaan khuluq*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 2227. Di atas adalah dengan lafaz Malik.

Daripada 'Amrah, daripada Aisyah bahawa Habibah binti Sahl pernah berada di di sisi Tsabit bin Qais bin Syammas (sebagai isterinya), kemudian dia memukulnya (Habibah) dan mencederakan sebahagian tubuhnya. Lalu Habibah datang kepada Rasulullah setelah shalat Subuh dan mengadu kepadanya.⁷⁵

Dalam sebuah riwayat lain, disebut bahawa nama isteri Tsabit bin Qais ialah Maryam al-Mughaliyyah. Beliau juga turut menuntut cerai (*khuluq*) daripada Tsabit.⁷⁶

Terhadap riwayat-riwayat yang memberi tiga nama isteri Tsabit bin Qais, wujud kemungkinan bahawa:

1. Para perawi keliru, yang benar hanya seorang isteri dan namanya tidak dapat dipastikan secara muktamad.
2. Tsabit bin Qais pernah ada tiga isteri, seorang demi seorang. Namun disebabkan rupa fizikal yang buruk dan kekasarannya, mereka semua menuntut cerai secara *khuluq*.
3. Tsabit bin Qais memiliki tiga isteri serentak (poligami). Namun disebabkan rupa fizikal yang buruk dan

⁷⁵ Sahih: Dikeluarkan Abu Daud dalam *Sunamya*, hadis no: 1901 (*Kitab al-Thalaq, Bab berkenaan khuluq*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 2228.

⁷⁶ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Nasa'e dalam *Sunamya*, hadis no: 3441 (*Kitab al-Thalaq, Bab iddah bagi wanita yang khuluq*) dan ia dinilai hasan sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Nasa'e*, hadis no: 3498.

kekasarannya, mereka semua menuntut cerai secara *khuluq*.

Tidak dapat dipastikan kemungkinan manakah yang lebih tepat. Namun apa yang pasti, mereka semua menuntut cerai secara *khuluq* disebabkan rupa fizikalnya yang buruk dan kekasarannya di dalam rumah.

Catatan Tambahan II: Di Antara Kebaikan Dan Keburukan

Jika diperhatikan kisah sahih Jamilah dan Habibah, kita dapati Tsabit bin Qais telah memukul mereka sehingga mencederakan mereka. Tindakan Tsabit menyebabkan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* setuju apabila para isterinya meminta cerai secara *khuluq*.

Namun perhatikan bahawa Rasulullah tidak menegur walau sepatah ke atas sikap Tsabit yang mengasari isteri-isterinya, bahkan sehingga mencederakan mereka. Ini kerana merupakan satu kelaziman Rasulullah untuk menegur sesuatu kesalahan tanpa lengah atau menunda-nundakannya. Justeru mengapakah Rasulullah tidak menegur Tsabit?

Jawapannya, Tsabit bin Qais *radhiallahu 'anh* memiliki jasa yang sangat besar kepada Islam dan umatnya pada zaman itu. Jika kita membaca sejarahnya dalam kitab-kitab biografi para sahabat, akan ditemui pebagai kelebihan dan

kebaikannya. Di sebalik pbagai kelebihan dan kebaikannya itu, Tsabit memiliki satu kekurangan iaitu bersikap kasar kepada isteri-isterinya.

Kekurangan tersebut tidak mengurangi pbagai kelebihan dan kebaikannya, bahkan menutupi dan menghapuskannya sebagaimana firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبْنَ السَّيِّئَاتِ ذَلِكَ ذِكْرَى لِلذَّاكِرِينَ.

Sesungguhnya amal-amal kebajikan menghapuskan kejahatan. Perintah-perintah Allah yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang-orang yang mahu beringat. [Hud 11:114]

Atas dasar inilah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak menegurnya, kerana seseorang itu dinilai berdasarkan sikap lazimnya dan bukan sikap sekali-sekalanya. Lebih dari itu Rasulullah mengetahui bahawa itu adalah kekurangan peribadi Tsabit yang tidak dapat diubahnya.

Di sini saya bukanlah hendak menghalalkan bagi para suami memukul dan mencederakan isteri masing-masing. Akan tetapi apa yang hendak dibetulkan ialah sikap kebanyakan masyarakat yang apabila mendapati seseorang itu melakukan satu keburukan rumahtangga, maka keburukan itulah yang dibesar-besarkan sehingga menenggelamkan semua kebaikan yang biasa dilakukan oleh orang terbabit.

Nasihat Kepada Isteri Yang Ingin Menuntut Cerai

Ibu Dhiya' menasihatkan:

“Tetapi, isteri ada *rukhsah* meminta cerai sekiranya suami melakukan sesuatu yang dapat menjejaskan akhiratnya. Keputusan ini bukan orang lain yang putuskan tetapi fatwa hatinya sendiri.”

[SCM 187]

Saya menasihatkan, bahawa keputusan untuk bercerai bukanlah fatwa hati sendiri tetapi ia sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah *Subhanahu waTa'ala* dalam ayat berikut:

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا.

Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah seorang hakaman (orang tengah untuk memperbaiki mereka, iaitu), seorang dari keluarga suami dan seorang dari keluarga isteri. Jika kedua-dua hakaman itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak memperbaiki (mereka suami isteri), nescaya Allah akan memberi taufiq kepada mereka berdua (suami isteri itu). Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuan-

Nya. [al-Nisa' 4:35]

Dalam ayat di atas, Allah *Subhanahu waTa'ala* menerangkan jika dibimbangi akan berlaku perpecahan atau perceraian di antara suami isteri, hendaklah dilantik seorang *hakaman*. Secara lebih mendalam, *hakaman* ini hendaklah terdiri daripada:

1. Ahli keluarga, yakni daripada kalangan ahli keluarga pihak suami dan ahli keluarga pihak isteri.
2. Seorang saja bagi pihak suami dan seorang saja bagi pihak isteri. Jumlah seorang adalah terbaik kerana bilangan *hakaman* yang ramai hanya akan meruih-rendahkan suasana dan meninggikan kemungkinan aib-aib suami isteri yang sedang bertelingkah itu tersebar.
3. Merupakan seorang yang berilmu, matang dan adil, seumpama seorang hakim mahkamah. Sebab itulah beliau digelar sebagai *hakaman* yang bererti "seorang hakim".
4. Benar-benar ingin memperbaiki masalah yang dihadapi oleh suami isteri, agar mereka dapat meneruskan kehidupan bersama. Seorang *hakaman* tidak boleh bersikap "batu api", melaga-lagakan antara suami isteri tersebut, memprovokasi atau berat sebelah sehingga hanya membela ahli keluarganya.

5. Tidak menyebarkan aib-aib suami isteri yang sedang bertelingkah. Para *hakaman* tentunya akan bertanya dan mendengar aib, kelemahan dan kesalahan masing-masing suami dan isteri, seterusnya memberi nasihat, teguran dan saranan pembaikan. Amat penting bagi para *hakaman* untuk merahsiakan aib, kelemahan dan kesalahan tersebut. Menyebar-nyebarkannya hanya akan menyukarkan proses pembaikan suami isteri tersebut.
6. Jika tidak ada *hakaman* yang terdiri daripada ahli keluarga terdekat, boleh melantik *hakaman* lain yang mendekati ciri-ciri mulia di atas.

Jika seorang *hakaman* memiliki ciri dan tujuan seperti mana di atas, ***nescaya Allah akan memberi taufiq kepada mereka berdua (suami isteri itu)*** ke arah kehidupan bersama yang lebih baik berbanding sebelum itu. Seandainya kedua-dua *hakaman* berpendapat perceraian adalah pilihan terbaik, barulah pihak isteri meneruskan dengan perancangannya untuk meminta cerai.

Dalam erti kata lain, perceraian bukanlah di atas fatwa hati isteri mahupun suami, akan tetapi selepas usaha sepertimana yang dinyatakan oleh Allah *Subhanahu waTa'ala* dalam ayat 35 surah al-Nisa' di atas.

Maisarah Menasihati Zaitun Tentang Poligami⁷⁷

"Ahah!" tiba-tiba Maisarah datang menyapa Zaitun di mejanya.

"Kenapa bersemangat sangat ni Mai?" tanya Zaitun yang sedang makan roti *sandwich* di mejanya. Ketika itu waktu rehat tengahari di pejabat. Zaitun dan Maisarah kadangkala tidak makan di luar, sebaliknya membawa bekal dari rumah.

"Saya sudah faham mengapa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berpoligami. Segala kemusykilan saya sebelum ini sudah terjawab" jelas Maisarah riang sambil menunjukkan novel berkulit hijau yang berjudul *Sebarkan Cinta-Mu* kepada Zaitun.

"Kak Tun dah baca novel ni? Bahagian yang paling saya minati bermula di mukasurat 189 di mana dikemukakan dalam bentuk jadual yang kemas nama-nama isteri Rasulullah, sebab pernikahan dan hikmahnya" lanjut Maisarah sambil membuka mukasurat yang dimaksudkannya itu dan menunjukkannya kepada Zaitun. Zaitun mengangguk-angguk perlahan, padahal dia bukan sahaja sudah membaca novel tersebut tetapi

⁷⁷ Maisarah dan Zaitun ialah dua watak baru dalam buku ini. Mereka berdua telah membaca novel *Sebarkan Cinta-Mu* dan bersembang serta berbincang mengenainya.

mengkaji dan menyemaknya.

Umur Isteri-Isteri Rasulullah

"Kak Tun tahu tak, semua isteri Rasulullah adalah janda kecuali Aisyah binti Abu Bakar, Mariyah al-Qibtiyah dan Raihanah binti Zaid. Rasulullah menikahi mereka demi menafkahi dan melindungi janda-janda tersebut. Ini berbeza dengan kebanyakan lelaki zaman kita ni yang berpoligami dengan gadis-gadis sahaja. Gatal!" Maisarah meluahkan perasaannya.

"Ya, Kak Tun tahu tentang itu. Mai rasa isteri-isteri Rasulullah yang janda tu, semoga Allah meredai mereka semua, berapa umur mereka?" Zaitun bertanya. Roti *sandwich* yang sedang dimakannya itu ditolak ke tepi, ingin memberi perhatian kepada topik menarik yang dibawa oleh Maisarah.

"Err... tak pasti pula. Akan tetapi kalau janda mestilah dah tua. Umur 40 ke atas."

"Cuba tengok dalam buku itu, berapa umur Hafshah binti 'Umar al-Khaththab ketika beliau menjadi janda."

"Ooo, Kak Tun dah baca ya novel ni?" tanya Maisarah sambil mencari maklumat yang disebut oleh Zaitun.

"Sudah tentu. Bukankah Kak Tun akan dimadu tak lama lagi? Mestilah membuat persediaan dengan membaca serta

mengkaji buku-buku berkenaan poligami.”

“Mai masih tak dapat nak ubah pendirian Kak Tun ke?”

“Belum” jawab Zaitun tersenyum. “Akan tetapi Kak Tun sentiasa terbuka kepada apa-apa pandangan dan nasihat Mai serta rakan-rakan kerja yang lain” tambah Zaitun. Hakikat dirinya yang akan dimadu tidak lama lagi tidak disembunyikan. Zaitun menceritakannya kepada ibubapa, saudara-mara, jiran-jiran dan rakan-rakan kerja. Ada yang setuju, ada yang tidak setuju, ada yang terdiam. Nasihat orang yang setuju dimanfaatkan sementara teguran orang yang tidak setuju diambil iktibar.

Poligami adalah satu perkara yang besar lagi berat yang tentu tidak dapat diharungi berseorangan. Justeru sambil berdoa dan bertawakal kepada Allah, Zaitun berkongsi situasinya bersama orang lain. Zaitun tidak segan atau merasa rendah diri kerana apa yang akan dilakukan oleh suaminya adalah satu sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang halal di sisi Islam lagi dianjurkan, asalkan dipenuhi syarat-syaratnya. Berbeza jika suaminya melakukan sesuatu yang haram di sisi Islam, nescaya Zaitun akan merasa malu dan rendah diri untuk menceritakannya kepada siapa jua.

“Dah jumpa...Wah! 18 tahun! Hafshah menjadi janda pada umur 18 tahun. Ini bukan sekadar janda muda tetapi

janda yang amat muda!” jawab Maisarah terkejut. Maisarah termasuk rakan kerja yang tidak bersetuju dan dia tidak putus-putus cuba menasihati Zaitun agar mengubah pandangannya.

“Ya, betul. Dalam bab ini ada dua riwayat. Ada yang mengatakan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menikahi Hafshah pada umur 18 tahun, ada yang mengatakan pada umur 20 tahun” jelas Zaitun.⁷⁸

“Hmm...jika begitu bagaimana dengan umur isteri-isteri Rasulullah yang lain? Umur Aisyah tak kira sebab beliau seorang gadis bila dinikahi oleh Rasulullah” minta Maisarah. Mukanya mula berkerut-kerut sementara dirinya cuba menerima fakta yang baru ini.

“Nah tengok sini...” Zaitun membuka sebuah fail di komputer ribanya. Beliau telah membuat kajian dan menyimpan hasil kajiannya di sana. Maisarah memanjangkan lehernya ke arah skrin dan membacanya dengan kuat:

“Hafshah binti ‘Umar al-Khatthab dinikahi oleh Rasulullah pada umur 20 tahun.

⁷⁸ Rujuk *Silsilah Ummahat al-Mukminin wa al-Da'wah Ilallah* oleh Khalid bin Muhammad (edisi terjemahan oleh Muhiburrahman atas judul *Fiqih Dakwah Ummahatul Mukminin*, Pustaka Imam Asy-Syafi'i, Jakarta, 2011), jld. 1, ms. 455.

Dalam bukunya di atas, Khalid bin Muhammad menggunakan rujukan dari pelbagai kitab-kitab biografi yang dikarang oleh para imam sejak zaman awal Islam. Rujukan ini seterusnya akan disebut sebagai *Silsilah Ummahat al-Mukminin* sahaja.

Saudah binti Zam'ah berumur 36 tahun ketika Rasulullah wafat.⁷⁹

Zainab binti Khuzaimah dinikahi oleh Rasulullah pada umur 30 tahun.⁸⁰

Umm Salamah berumur 34 tahun apabila Rasulullah wafat.⁸¹

Zainab binti Jahsy berumur 43 tahun apabila Rasulullah wafat.⁸²

Juwairiyah binti al-Harits berumur 25 tahun apabila Rasulullah wafat.⁸³

Shafiyah binti Huyay dinikahi oleh Rasulullah pada umur 17 tahun.⁸⁴

Umm Habibah binti Abu Sufyan dinikahi oleh Rasulullah pada umur 30an.⁸⁵

Maimunah binti al-Harits – belum ditemui umurnya.

Wah! Kebanyakannya muda-muda. Ada yang sangat

⁷⁹ Muhammad bin Yusuf al-Dimasyqi – *Azwaji al-Nabi shallallahu 'alaihi wasallam* (edisi terjemahan oleh Fadhli Bahri atas judul *Isteri-Isteri Para Nabi*, Darul Falah, Jakarta, 1422H), ms. 435.

⁸⁰ *Silsilah Ummahat al-Mukminin*, jld. 2, ms. 21.

⁸¹ *Silsilah Ummahat al-Mukminin*, jld. 2, ms. 73.

⁸² *Silsilah Ummahat al-Mukminin*, jld. 2, ms. 223.

⁸³ *Silsilah Ummahat al-Mukminin*, jld. 2, ms. 278.

⁸⁴ *Silsilah Ummahat al-Mukminin*, jld. 2, ms. 308.

⁸⁵ *Silsilah Ummahat al-Mukminin*, jld. 2, ms. 352.

muda seperti Shafiyyah dan Juwairiyah” Maisarah sekali lagi melahirkan kejutannya.

“Akan tetapi, betulkah umur Saudah binti Zam’ah 36 tahun ketika Rasulullah wafat? Bukankah ada hadis sahih yang menceritakan bahawa ketika Saudah sudah berusia lanjut dan bimbang dirinya diceraikan oleh Rasulullah, beliau memberikan hari-hari gilirannya kepada Aisyah?”

“Ya hadis itu sahih. Umur 36 memang masih muda akan tetapi apabila dibandingkan dengan umur isteri-isteri Rasulullah yang lain, ia dikira sebagai sudah ‘berusia lanjut’. Sebab itulah beliau memberikan hari-hari gilirannya kepada Aisyah” jawab Zaitun.

“Sahihkah umur-umur yang Kak Tun kaji ni?”

“Ia merupakan riwayat-riwayat yang dikemukakan dalam kitab-kitab sejarah. Umur-umur yang muda ini bukan satu keanehan kerana budaya masyarakat ketika itu ialah menikahkan anak-anak perempuan mereka pada umur amat muda. Maka apabila suami mereka meninggal dunia atau bercerai, menjadilah mereka janda-janda yang berumur belasan tahun atau awal dua puluhan” jelas Zaitun apabila melihat air muka Maisarah yang masih sukar menerima umur-umur tersebut.

Isteri-Isteri Rasulullah Dari Kalangan Hamba

“Bagaimana dengan Mariyah dan Raihanah?”

“Ya, mereka berdua ialah wanita hamba yang dinikahi oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Mariyah ialah seorang gadis sementara Raihanah diperselisihkan sama ada seorang gadis atau janda. Dalam sebahagian riwayat dikatakan baginda ada empat orang isteri dari kalangan hamba, namun perkara ini juga diperselisihi di kalangan ahli ilmu.⁸⁶ Sebab itu jika kita mengkaji berkenaan jumlah isteri Rasulullah apabila baginda meninggal dunia, ada yang sebut sembilan orang, ada yang sebut sebelas orang dan ada yang sebut tiga belas orang.

Apabila yang disebut ialah sembilan orang, ia merujuk kepada Aisyah, Saudah, Umm Salamah, Zainab binti Jahsy, Juwairiyah, Shafiyyah, Umm Habibah dan Maimunah. Zainab binti Khuzaimah meninggal dunia sebelum Rasulullah.

Apabila yang disebut ialah sebelas orang, maka ia terdiri daripada sembilan isteri di atas, ditambah dengan Mariyah dan Raihanah. Apabila yang disebut ialah tiga belas orang, maka ia terdiri daripada sebelas isteri di atas ditambah dengan dua lagi isteri dari kalangan hamba yang tidak diketahui nama mereka” terang Zaitun panjang lebar.

“Irrk....saya susahlah nak terima perkara-perkara

⁸⁶

Azwaji al-Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, ms. 485-489.

macam ini. Rasulullah ada tambahan isteri dari kalangan hamba ya?" Maisarah semakin kehairanan.

"Benar. Kita mesti beriman dan terima perkara seperti ini kerana ia merupakan sesuatu yang dihalalkan oleh Allah *Subhanahu waTa'ala* kepada Rasul-Nya. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَحْلَلْنَا لَكَ أَزْوَاجَ اللَّاتِي آتَيْتَ أَجُورَهُنَّ وَمَا
مَلَكَتْ يَمِينُكَ مِمَّا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَيْكَ.

Wahai Nabi, sesungguhnya Kami telah menghalalkan bagimu isteri- isterimu yang telah kamu berikan mas kawinnya dan hamba sahaya yang kamu miliki yang termasuk apa yang kamu perolehi dalam peperangan yang dikaruniakan Allah untukmu. [al-Ahzab 33:50]"

Wanita Daripada Bangsa al-Ghifar

"Baiklah..." Maisarah menjawab perlahan sambil tunduk membalik-balik mukasurat dalam novel *Sebarkan Cinta-Mu*. "Bagaimana pula di mukasurat 205 ini, berkenaan isteri baginda yang disebut sebagai Wanita daripada bangsa al-Ghifar? Kesiannya, baginda hanya menikahnya selama satu malam!"

"Riwayat itu *dha'if* dan tidak dapat dijadikan hujah. Nah, akak tunjuk riwayat tersebut secara lengkap..." jelas

Zaitun sambil membuka perisian *Ensiklopedi Hadits* yang terdapat dalam komputer ribanya:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَزَوَّجَ امْرَأَةً مِنْ بَنِي غِفَارٍ
فَلَمَّا دَخَلَ عَلَيْهَا وَضَعَ ثَوْبَهُ وَقَعَدَ عَلَى الْفِرَاشِ أَبْصَرَ بِكَشْحِهَا بَيَاضًا
فَانْحَاذَ عَنِ الْفِرَاشِ ثُمَّ قَالَ: خُذِي عَلَيْكِ ثِيَابَكَ, وَلَمْ يَأْخُذْ مِمَّا أَتَاهَا شَيْئًا.

بني غفار ثوبه

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menikahi seorang wanita daripada Bani Ghiffar. Tatkala baginda masuk menemuinya dan meletakkan bajunya serta duduk di atas tempat tidur, baginda melihat bahagian belakang badan wanita tersebut ada berwarna putih (kerana sesuatu penyakit), maka baginda bangkit dari tempat tidur dan berkata: "Ambillah bajumu." Baginda tidak mengambil apapun dari yang telah beliau berikan kepadanya.⁸⁷

⁸⁷ **Dha'if:** Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadh*nya, hadis no: 15455. al-Haithami mengemukakannya dalam *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*, hadis no: 7606 dan beliau berkata: Riwayat Ahmad dan Jamil (bin Zaid, yakni salah seorang perawi hadis tersebut) *dha'if*. Ibn 'Abd al-Hadi telah menerangkan kelemahan Jamil bin Zaid dan hadis ini dalam *Tanqih Tahqiq Ahadits al-Ta'liq*, hadis no: 1827. al-Albani menyatakan bahawa bahawa Jamil bin Zaid amat lemah dan menilai hadis ini *dha'if jiddan*. Rujuk *Irwa' al-Ghalel*, jld. 6, ms. 326-327. Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakannya dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 16032 turut menghukum hadis ini

Hadis ini dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnadnya*, hadis no: 15455. Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakannya dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 16032 telah menerangkan kelemahan hadis ini. Hadis ini memang masyhur, namun kemasyhuran sesuatu hadis bukanlah hujah kesahihannya" jelas Zaitun sambil membuka perisian *al-Maktabah al-Syamilah* bagi menunjukkan *Musnad Ahmad* yang disemak oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakannya bagi mengetahui darjat hadis tersebut.

"Memang tak patut riwayat yang lemah dijadikan hujah dalam novel ini" marah Maisarah. "Bahkan dijadikan pula hujah berlakunya konflik dalam rumahtangga Rasulullah. Kononnya... Ketika malam pertama, apabila wanita itu membuka baju, Rasulullah mendapatinya seorang yang berpenyakit kulit (seperti kusta). Rasulullah lalu menyuruhnya menyalurkan kembali bajunya lalu Rasulullah menceraikannya. [SCM 206] Padahal jika sahih sekalipun, di manakah yang dapat disebut sebagai konflik rumahtangga Rasulullah?"

Sunnah Berpoligami Dengan Gadis Dan Janda

"Akan tetapi..." Maisarah berhujah lagi sambil menutup novel *Sebarkan Cinta-Mu* dan meletakkannya di atas meja Zaitun "... satu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah, semua

dha'if.

isteri Rasulullah ialah janda kecuali Aisyah binti Abu Bakar. Ini berbeza dengan suami sekarang yang nak ikut sunnah poligami kononnya, tetapi bernikah lagi dengan yang gadis-gadis saja."

"Nanti dulu Mai..." Zaitun membetulkan Maisarah "Bukankah isteri pertama Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, yakni Khadijah, ialah seorang janda?"

"Ya, betul."

"Namun apabila seorang sahabat yang bernama Jabir bin Abdullah bernikah buat pertama kali, Rasulullah bertanya:

فَبِكْرٌ أَمْ نَيْبٌ؟ قَالَ قُلْتُ: بَلْ نَيْبٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ. قَالَ: فَهَلَّا جَارِيَةً ثَلَاثِهَا وَثَلَاثِهَا؟ أَوْ قَالَ: تُضَاحِكُهَا وَتُضَاحِكُكَ؟
قَالَ قُلْتُ لَهُ: إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ هَلَكَ وَتَرَكَ تِسْعَ بَنَاتٍ أَوْ سَبْعَ وَإِنِّي كَرِهْتُ أَنْ آتِيَهُنَّ أَوْ أَجِيَهُنَّ بِمِثْلِهِنَّ فَأَحْبَبْتُ أَنْ أَجِيءَ بِامْرَأَةٍ تَقُومُ عَلَيْهِنَّ وَتُصْلِحُهُنَّ.

قَالَ: فَبَارَكَ اللَّهُ لَكَ أَوْ قَالَ لِي: خَيْرًا.

"Dengan seorang gadis atau janda?" Dia (Jabir) berkata, saya menjawab: "Dengan seorang janda, wahai Rasulullah!" Baginda bertanya: "Kenapa tidak dengan seorang gadis, agar kamu dapat bermain-main

***dengannya dan dia dapat bermain-main denganmu?”
(Atau beliau bersabda): Agar kamu dapat bersenda gurau dengannya dan dia dapat bersenda gurau denganmu?”***

Dia (Jabir) berkata, saya berkata: Sesungguhnya Abdullah (ayah Jabir) telah meninggal dunia dengan meninggalkan sembilan anak perempuan (atau tujuh anak perempuan) dan saya tidak suka jika saya menikah dengan orang yang sepadan dengan mereka, namun saya lebih suka menikah dengan wanita yang dapat mengurus mereka dan membuat mereka menjadi baik.

Maka Rasulullah bersabda: "Semoga Allah memberkatimu." (atau baginda berkata kepadaku: "Baiklah").⁸⁸

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bernikah untuk kali pertama dengan seorang janda, maka itu adalah sunnah. Pada waktu yang sama baginda menganjurkan kepada seorang sahabatnya untuk bernikah dengan seorang gadis, menunjukkan itu adalah sunnah juga.”

Maisarah mengangguk-angguk faham.

⁸⁸ Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2664/715 (*Kitab al-Ridha', Bab dianjurkan bernikah dengan gadis*).

"Selain itu perhatikan pula hadis berikut..." jelas Zaitun sambil mencari hadis terbabit dalam perisian *Ensiklopedi Hadits* dalam komputer ribanya.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ، قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرَأَيْتَ لَوْ نَزَلَتْ وَادِيًا وَفِيهِ شَجَرَةٌ قَدْ أُكِلَ مِنْهَا وَوَجَدْتَ شَجَرًا لَمْ يُؤْكَلْ مِنْهَا فِي أَيِّهَا كُنْتَ تُرْتَعُ بَعِيرُكَ؟ قَالَ: فِي الَّذِي لَمْ يُرْتَعِ مِنْهَا.

Daripada Aisyah radhiallahu 'anha, dia berkata:
Aku pernah bertanya: "Wahai Rasulullah, bagaimanakah sekiranya anda singgah di satu lembah. Di lembah itu terdapat pohon yang buahnya sudah dimakan dan anda juga mendapati pohon yang buahnya belum di makan, maka di pohon manakah anda akan memberikan untamu makan?" Rasulullah menjawab: "Di pohon yang belum dimakan."⁸⁹

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab *Shahihnya* dan beliau menjelaskan bahawa maksudnya ialah, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak pernah menikahi seorang gadis melainkan Aisyah. Akan tetapi jika kita perhatikan hadis yang berbentuk kiasan ini dengan lebih mendalam, tidak salah untuk dikatakan bahawa Rasulullah

⁸⁹ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4687/5077 (*Kitab al-Nikah, Bab menikahi gadis*).

lebih suka menikahi gadis berbanding janda.

Oleh itu sesiapa yang ingin bernikah, baik monogami atau poligami, baik dengan seorang gadis atau janda, maka dipersilakan. Kedua-duanya adalah sunnah. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memang menikahi ramai janda, namun baginda lebih suka nikah dengan gadis dan menganjurkan sahabat nikah dengan gadis.

Jika hendak dipersoalkan kenapa lelaki masa kini hanya suka berpoligami dengan gadis, perlu juga disoal kenapa lelaki masa kini juga hanya suka bermonogami dengan gadis?" Zaitun membuat perbandingan.

Monogami Dan Poligami: Yang Manakah Sunnah?

"Ooo...kedua-duanya sunnah, seperti juga monogami dan poligami, kedua-duanya sunnah sebab Rasulullah pernah mengamalkan kedua-duanya?"

"Ya, betul. Seandainya Rasulullah monogami sahaja, kita tidak ada contoh bagaimana melaksanakan poligami dengan baik. Seandainya Rasulullah poligami sahaja, kita tidak ada contoh bahawa monogami adalah juga sunnah. Sebab itu ada hikmahnya Allah mentaqdirkan baginda monogami sehingga Khadijah wafat, kemudian poligami pula. Jadi ada tempoh penuh monogami dan poligami."

"Kebanyakan orang lelaki hanya menonjolkan sunnah

poligami!”

“Kebanyakan orang perempuan juga hanya menonjolkan sunnah monogami” balas Zaitun. Yang benar kedua-duanya adalah sunnah yang mulia. Kesalahan berada di pihak yang hanya menonjolkan satu sunnah dan merendahkan sunnah yang lain.”

Maisarah mengangguk-angguk setuju. Dia tahu Zaitun secara tidak langsung sedang merujuk kepada novel *Sebarkan Cinta-Mu* yang berulang-kali menonjolkan sunnah monogami Rasulullah dan merendahkan sunnah poligami baginda.

Mana Lebih Utama: Gadis Atau Janda?

“Hmm...bagi suami yang hendak nikah lagi, mana lebih utama, gadis atau janda?” Maisarah bertanya lagi, inginkan kepuasan.

“Mari kita rujuk ayat berikut:

عَسَىٰ رَبُّهُ إِن طَلَّقَكُنَّ أَن يُبَدِّلَهُ أَزْوَاجًا خَيْرًا مِّنْكَ مِّنْكَ مُسْلِمَاتٍ
مُّؤْمِنَاتٍ قَانِتَاتٍ تَائِبَاتٍ عَابِدَاتٍ سَائِحَاتٍ ثَيِّبَاتٍ وَأَبْكَارًا.

Jika Nabi menceraikan kamu, boleh jadi Tuhannya akan memberi ganti kepadanya dengan isteri-isteri yang lebih baik daripada kamu, yang patuh, yang beriman, yang taat, yang bertaubat, yang mengerjakan ibadat,

yang berpuasa, yang janda dan yang gadis. [al-Tahrim 66:05]

Ayat ini menerangkan jika Allah *Subhanahu waTa'ala* hendak memberi ganti kepada Rasulullah isteri-isteri yang baru, isteri-isteri tersebut akan memiliki beberapa sifat tertentu. Sifat-sifat itu Allah susun tertib keutamaannya. Apa yang utama didahulukan, iaitu kepatuhan, keimanan, ketaatan, taubat dan ibadah isteri tersebut kepada Allah dan suaminya. Setelah itu barulah disebut janda dan gadis. Janda didahulukan daripada gadis, menunjukkan janda lebih utama. Ringkasnya, nilai-nilai agama adalah lebih penting berbanding status gadis atau janda.

Maka yang sepatutnya kita berpesan kepada kaum lelaki yang hendak bernikah, baik monogami atau poligami, ialah memerhatikan nilai-nilai agama calon isterinya. Bukan faktor gadis atau janda. Ini sebagaimana pesan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*

تُنْكَحُ الْمَرْأَةُ لِأَرْبَعٍ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرْ بِذَاتِ
الدِّينِ تَرِبَتْ يَدَاكَ.

**Seorang wanita dinikahi kerana empat perkara:
hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya,
maka pilihlah kerana agamanya nescaya kamu**

beruntung.”⁹⁰

“Jadi janda lebih utama...kan?” Maisarah masih inginkan kepastian.

“Ya. Pada pendapat Kak Tun, secara umumnya yang lebih utama ialah dengan janda. Ini kerana dalam sunnah poligami Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, baginda menikahi janda lebih ramai berbanding gadis.

Selain itu menikahi janda bererti membantunya dan ini termasuk dalam hadis baginda:

السَّاعِي عَلَى الْأَرْمَلَةِ وَالْمِسْكِينِ كَالْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ
كَالَّذِي يَصُومُ النَّهَارَ وَيَقُومُ اللَّيْلَ.

***Orang yang membantu para janda dan orang-orang miskin seperti orang yang berjihad di jalan Allah atau seperti orang yang selalu berpuasa siang harinya dan selalu solat malam pada malam harinya.*⁹¹**

“Ya, berdasarkan hadis ini Mai berpendapat yang lebih utama ialah berpoligami dengan janda” Maisarah terus menyampaikan pandangannya. “Jika tidak, siapakah yang akan

⁹⁰ Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2661/1466 (*Kitab al-Ridha', Bab dianjurkan bernikah kerana agama*).

⁹¹ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5547/6006 (*Kitab al-Adab, Bab orang yang membantu para janda*).

membela para janda?”

“Betul tu, akan tetapi kita mesti ingat bahawa para gadis juga memerlukan pembelaan. Baik janda atau gadis, kedua-duanya boleh meneruskan kehidupan tanpa suami. Akan tetapi kehidupan bersama suami sudah tentu lebih baik dan bererti, baik kepada janda mahupun gadis.

Selain itu kita mesti ingat bahawa membantu janda – sebagaimana dalam hadis tersebut – tidak semestinya dengan cara menikahnya. Jiran Kak Tun sendiri seorang janda dengan tiga orang anak. Apabila berlaku sesuatu kerosakan di rumahnya, dia akan menalifon Kak Tun. Bila kesenangan Kak Tun dan suami pergi ke rumahnya, Kak Tun sembang-sembang dengannya sementara suami membetulkan kerosakan tersebut.”

Maisarah mengangguk-angguk setuju. Salah seorang penghuni setingkat di pangsapurnya adalah juga seorang janda dengan dua orang anak. Disebabkan anak yang bongsu masih bayi, janda tersebut sering meminta tolongnya membeli barang-barang dapur di pasaraya *Giant* berdekatan. Kadangkala jumlah harga barangan yang dipesan melebihi duit yang dihulurkan, khasnya apabila perlu membeli susu formula untuk bayi. Maisarah membayar lebihan itu sambil menyembunyikan resit jumlah belian.

"Pun begitu Kak Tun meraikan pilihan setiap suami yang berpoligami, termasuklah suami Kak Tun. Jika dia menginginkan seorang gadis agar dapat bermain-main dan bersenda gurau dengannya, maka dipersilakan kerana dia memiliki dalil daripada hadis Jabir bin Abdullah dan Aisyah *radhiallahu 'anhuma* yang kita baca sebentar tadi. Jika dia menginginkan seorang janda, maka dipersilakan kerana dia juga memiliki dalil daripada kebanyakan pernikahan Rasulullah dan hadis Jabir bin Abdullah. Bukankah apabila Jabir menikahi janda, Rasulullah mengisytiharkan persetujuannya dengan doa: ***Semoga Allah memberkatimu?***"

"Suami Kak Tun tak nak nikah dengan jiran tu ke?"

"Tak pula..." Zaitun tersenyum "... dan ini tidak salah kerana selain nilai agama, suami juga hendaklah memilih calon yang dia berkenan kepadanya. Bukankah Allah berfirman:

فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ.

Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat. [al-Nisa' 4:03]

Sikap Isteri Kepada Suami Yang Ingin Berpoligami

"Ish! Jadi Kak Tun biarkan sajalah suami memilih calon isteri keduanya?"

"Ya, betul. Itu pilihan dia dan dia yang akan hidup dengan isteri kedua itu. Adapun hubungan Kak Tun dengan isteri kedua itu, jika baik *alhamdulillah*. Jika tak baik pun *alhamdulillah*. Allah beri peluang untuk Kak Tun mencari ruang menghubungkan silaturahim dengannya. Semua usaha ke arah kebaikan akan Allah berikan ganjarannya tanpa mengira berjaya atau tidak. Berkenaan usaha menghubungkan silaturahim ini, ganjarannya sebagaimana janji Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ وَأَنْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ رَحْمَهُ.

Sesiapa ingin dilapangkan rezeki baginya dan dipanjangkan umurnya, hendaklah dia menghubungkan silaturahim.⁹²

"Kak Tun ni, lagi Mai tanya tentang poligami lagi positif habis jadinya. Kak Tun tak nak bantah ke hajat suami nak nikah lagi tu?"

"*Alhamdulillah*, syukur kepada Allah yang memberi kekuatan kepada Kak Tun. Sebenarnya Kak Tun bukanlah kuat sangat, bukanlah positif sangat. Akan tetapi menguatkan dan mempositifkan diri. Perkara ini memang sangat berat kepada

⁹² Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 5526/5985 (*Kitab al-Adab, Bab orang yang dilapangkan rezekinya kerana menghubungkan silaturahim*).

Kak Tun dan mana-mana isteri yang bakal dimadukan.”

“Berat macam mana ya...boleh digambarkan?”

“Apabila suami Kak Tun mula-mula bercerita bahawa dia berhajat untuk berpoligami satu hari kelak, ia sudah cukup berat. Terasa seperti ada batu di atas bahu Kak Tun. Apabila akhirnya suami menerangkan dia akan melaksanakan hajatnya itu dalam tahun ini, Kak Tun rasa seperti dihempap gunung. Walaupun masih dapat berdiri, Kak Tun rasa macam nak rebah ke lantai!”

“Dahsyatnya!”

“Berat macam mana pun, Kak Tun tidak mahu mengalah kepada emosi dan bisikan syaitan. Kadangkala Kak Tun positif, kadangkala *down*, kadangkala biasa-biasa saja. Macam ombak jadinya. Apapun, Kak Tun tidak berputus asa daripada rahmat dan petunjuk Allah” Zaitun meluahkan perasaannya.

“Bantah?” Zaitun melanjutkan. “Kak Tun sebenarnya bersyukur suami Kak Tun bersikap jujur dan menyuarakan terus hajatnya kepada Kak Tun. Ia jauh lebih baik berbanding dia nikah senyap-senyap dan Kak Tun dapat tahu secara tiba-tiba.

Pada pandangan Kak Tun, jika suami hendak nikah lagi maka isteri jangan bantah atau buat macam-macam alasan

agar dia tidak berpoligami. Hasilnya lebih buruk dari yang diharapkan.

Jika diperhatikan sekian banyak kes suami yang nikah senyap-senyap, pada asalnya suami telahpun mengkhabarkan hajatnya untuk nikah lagi. Namun hajat tersebut disambut secara negatif lagi panas oleh isteri. Inilah yang akhirnya menyebabkan suami nikah secara senyap-senyap.”

“Ish! Mai tak *respect*lah suami yang nikah senyap-senyap!”

“Kenapa pula begitu? Bukankah Allah *Subhanahu waTa’ala* telah menghalalkan bagi suami bernikah sehingga empat isteri dan kehalalan ini tidak bersyarat kepada izin mahupun pengetahuan isteri sedia ada? Jika suami mengkhabarkan dan berbincang dengan isteri sedia ada, itu satu kelebihan baginya.

Apa yang lebih patut kita tanya ialah faktor-faktor yang menyebabkan suami bernikah senyap-senyap di belakang pengetahuan isteri sedia ada. Jika isteri itu asalnya orang yang baik imannya kepada Allah dan Hari Akhirat, mengetahui betapa besarnya kedudukan suami ke atas dirinya, positif tentang semua syari’at Allah termasuklah poligami dan mudah dibawa berbincang, sudah tentu suami tidak akan nikah senyap-senyap.”

"Alaa, kita saja sebagai isteri yang mesti memiliki sikap-sikap mulia di atas. Suami pula suka hati dia saja!"

"Apabila kita bersikap mulia seperti di atas, kita mengharapkan ganjaran terbaik daripada Allah, bukan suami. Selain itu, bersikap mulia seperti itu sebenarnya akan menarik hati suami ke arah kita untuk menceritakan dan berbincang berkenaan hajatnya untuk nikah lagi. Di sini kita ada peluang..."

"Untuk halang dia bernikah lagi?" Maisarah terus memotong.

"Bukan, tetapi untuk menasihati dan mengingatkan agar melaksanakan hajatnya itu dengan cara yang halal lagi diredai Allah" sambung Zaitun sambil tersenyum dengan gelagat Maisarah.

"Sebenarnya dalam poligami, ada suami yang salah, ada isteri yang salah. Ada suami yang salah kerana memaksa isteri menerima poligami tanpa memberikan persiapan dan didikan awal, salah kerana berpoligami padahal memang tidak mampu, salah kerana tidak adil setelah berpoligami."

"Ya, setuju sangat!"

"Pada waktu yang sama, ada isteri yang salah. Salah kerana suami memang mampu tetapi dibesar-besarkan kelemahan yang kecil agar suami nampak seolah-olah tidak

mampu. Salah kerana terus menuntut cerai tanpa memberikan peluang kepada suami membuktikan kemampuannya bersikap adil kepada dua keluarga.”

“Hm...”

“Apabila kita menemui keluarga poligami yang gagal, kesalahannya berada pada semua pihak: suami dan isteri-isteri. Apabila kita menemui keluarga poligami yang harmonis, kejayaan berada pada semua pihak: suami dan isteri-isteri. Poligami adalah satu pasukan yang melibatkan semua ahli keluarga.”

“Pertama kali Mai mendengar poligami adalah satu pasukan. Lazimnya Mai hanya memandang serong kepada suami apabila mendengar tentang keluarga poligami yang gagal.”

“Apabila kita para isteri berbincang tentang poligami, kita kena adil. Ini sebagaimana suami yang berpoligami, dia juga kena adil” ulas Zaitun sambil tersenyum.

Maisarah menarik nafas panjang. “Jadi Kak Tun dah minta rumah, kereta dan barang-barang dalam rumah ditukar atas nama Kak Tun? Dan meminta sejumlah wang sebagai jaminan dalam akaun bank Kak Tun...hm...katakan lima puluh ribu ringgit?”

“Ehh! Kenapa perlu buat semua itu?”

"Ini seorang peguam rakan Mai yang cadangkan, supaya jika suami dibawa lari oleh isteri kedua, isteri pertama serta anak-anak masih ada rumah, kereta dan wang untuk meneruskan kehidupan."

"Oh, jika begitu semua isteri di kehidupan monogami juga perlu meminta yang seumpama daripada suami mereka."

"Kenapa pula begitu?"

"Sebabnya, semua suami akan dibawa lari oleh Malaikat Maut. Kemungkinan dibawa lari oleh Malaikat Maut adalah jauh lebih tinggi berbanding dibawa lari oleh isteri kedua. Bahkan ia akan terjadi pada saat yang tidak disangka-sangka. Sudahlah suami dibawa lari oleh Malaikat Maut, rumah dan kereta pula dibawa lari oleh pihak bank" jawab Zaitun sambil tersenyum sinis.

Maisarah mengubah silang kakinya, memikirkan kebenaran yang baru saja disampaikan oleh Zaitun. "Kak Tun yakin sungguh ya, suami akan terus menyayangi Kak Tun dan anak-anak, memainkan peranan sebagai seorang suami dan ayah seperti sebelum ini apabila sudah bernikah lagi kelak?"

"Keyakinan Kak Tun bukan kepada suami tetapi kepada Allah *Subhanahu waTa'ala*. Allah jualah yang menjadikan rasa kasih sayang dalam hati seorang suami kepada isteri dan anak-anaknya. Allah jualah yang memberi rezeki dan pelbagai

kurnia lain melalui jalan suami. Suami hanya sebagai sarana. Seandainya suami kita tiada, Kak Tun yakin Allah tetap menyayangi kita dan memberikan rezeki serta kurnia-Nya melalui jalan-jalan yang lain.”

“Bagaimana dengan anak-anak? Kesian mereka membesar tanpa seorang ayah sepenuh masa.”

“Cuba perhatikan kehidupan awal Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sejak dari zaman bayi. Perhatikan bagaimana Allah menyiapkan baginda menjadi manusia terhebat di dunia dan Rasul pembawa agama yang terakhir. Apakah Allah memanjakannya dengan kehadiran seorang ayah sepenuh masa? Tidak.

Baginda dilahirkan tanpa seorang ayah, kemudian dipisahkan dari ibu kandung kepada ibu susuan. Selepas itu ibunya pula meninggal dunia, lalu dipelihara oleh datuknya. Selepas itu datuknya pula meninggal dunia, lalu dipelihara oleh paksiknya.

Dalam suasana yang serba kekurangan lagi mencabar inilah, Muhammad membesar menjadi seorang yang berakhlak lagi beramanah sehingga akhirnya di angkat menjadi Rasul. Baginda bukan sahaja tidak ada ayah tetapi juga tidak ada ibu.

Seorang ayah yang hadir sepenuh masa akan menyebabkan anak menjadi manja, lambat matang dan tidak

pandai berdikari. Poligami membetulkan semua ini dengan memberi peluang kepada anak-anak meningkatkan keyakinan diri, matang dan berdikari.”

Maisarah terdiam kerana kehabisan nasihat. Bahkan jawapan-jawapan Zaitun menjadi satu ilmu dan nasihat yang baru bagi dirinya sendiri. Meskipun Zaitun hanya dua tahun lebih tua daripadanya, ilmu dan kematangan Zaitun jauh melebihi dirinya. Demikianlah, ilmu dan kematangan tidak dikira berdasarkan umur.

“Mai, cuba kamu lihat di pejabat kita ni. Semuanya ada 60 staf, 42 daripadanya adalah wanita, 12 sudah berkahwin termasuk kita berdua. Maka ada 30 orang yang masih belum berkahwin. Ada yang berumur di awal dua puluhan, ada yang di lewat tiga puluhan.

Mereka juga inginkan seorang suami sebagaimana kita. Mereka inginkan kehidupan yang penuh bererti bersama suami dan anak-anak. Mereka inginkan belaian seorang suami, pelukannya dan sentuhannya. Mereka ingin mendodoi bayi sambil mendengar tangisan kecilnya. *Alhamdulillah* kita sudah bersuami dan mendapat semuanya. Apakah dengan itu kita tidak mempedulikan nasib saudara-saudara seiman dengan kita ini?” tanya Zaitun apabila melihat Maisarah terdiam saja.

Zaitun meneruskan: “Apakah kita lupa kepada hadis

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

Tidaklah (sempurna) iman seseorang kalian sehingga dia mencintai untuk saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya.⁹³

Apabila kita membantu mereka, baik yang di pejabat kita ini atau yang di luar sana, untuk berkongsi suami dengan kita, maka ia adalah sebesar-besar bantuan yang dapat diberikan oleh seorang muslimah kepada muslimah yang lain. Ia adalah satu usaha yang tidak akan dipandang ringan oleh Allah *Subhanahu waTa'ala*, baik di dunia mahupun akhirat. Yakinlah, Allah akan membalas dengan ganjaran yang sebaik-baiknya."

Maisarah mengangguk-angguk sambil merendahkan pandangannya. Dia mengakui kebenaran yang disampaikan oleh Zaitun. Di kalangan rakan-rakan usrahnya sendiri yang terdiri daripada enam orang, hanya dia seorang yang sudah bernikah. Maisarah amat rapat dengan rakan-rakan usrahnya dan ingin sangat agar mereka juga dapat merasai kegembiraan, kebahagiaan dan kehidupan yang penuh erti

⁹³ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 12/13 (*Kitab al-Iman, Bab termasuk sifat iman orang yang mencintai bagi saudaranya apa yang dicintai untuk dirinya*).

bersama seorang insan bernama suami.

Maisarah teringat ketika dia baru bernikah kira-kira setahun lebih yang lepas, dia menulis dalam blognya secara panjang lebar keindahan hidup bersama suami. Tanpa disedarinya, penulisannya itu menyebabkan rakan-rakan usrahnya menjadi sedih. Dia hanya menyedari kesedihan mereka dua minggu selepas itu dan bersungguh-sungguh meminta maaf kepada mereka.

Maisarah tidak pernah memandang positif berkenaan poligami sehinggalah baru-baru ini apabila Zaitun mengkhabarkan tentang dirinya yang akan dimadu tidak lama lagi. Khabar tersebut menyebabkan dia mula mengkaji tentang poligami dengan tujuan dapat menasihati Zaitun. Sebaliknya, dirinya sendiri yang mula mendapat nafas baru tentang poligami dan bersikap positif ke arahnya.

Semua ini menyebabkan Maisarah mula terfikir untuk mencadangkan agar suaminya mengambil salah seorang daripada rakan usrahnya sebagai isteri kedua. Akan tetapi hatinya masih belum cukup kuat untuk menyuarakan hal itu kepada suaminya.

Benarkah Rasulullah Berpoligami Kerana Dakwah?

“Seperkara lagi tentang poligami Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, baginda melakukannya atas sebab-sebab

dakwah. Contoh..." Maisarah membuka semula novel *Sebarkan Cinta-Mu* "...di mukasurat 199, diterangkan sebab pernikahan dengan Juwairiyah binti al-Harits ialah strategi politik bagi kepentingan agama. Demikian juga bagi Shafiyyah binti Huyay dan Maimunah binti al-Harits. Ini jauh berbeza dengan suami sekarang yang berpoligami, tiada kaitan dengan dakwah kepada Islam" jelas Maisarah. Dia sendiri tidak pasti, apakah hendak menasihati Zaitun atau inginkan tahu apa pula penjelasan Zaitun tentang hal ini.

"Mai, bukankah Rasulullah itu seorang pendakwah? Baginda seorang pendakwah baik berkahwin atau tidak, baik monogami atau poligami. Justeru kita perlu bezakan, apakah baginda berdakwah dengan cara berpoligami atau baginda berpoligami lalu ia membawa manfaat kepada dakwah?"

"Hmm...ada bezakah di antara dua itu?"

"Ya, tentu. Pertama sekali, sebagai seorang lelaki yang sihat fitrahnya, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyukai wanita. Baginda tidak segan-segan untuk menyatakan bahawa:

حُبِّ إِلَيَّ مِنَ الدُّنْيَا النِّسَاءِ وَالطَّيِّبُ وَجُعِلَتْ قُرَّةُ عَيْنِي فِي الصَّلَاةِ.

Dari hal duniawi, aku dijadikan menyukai wanita

dan wangi-wangian, dan yang menyejukkan mataku ialah solat.⁹⁴

"Bahaya hadis ini kalau diketahui oleh para suami. Semuanya akan tiba-tiba menggatal dengan alasan kami ikut sunnah Nabi dalam menyukai wanita!"

"Kita jawab balik, kalau nak ikut sunnah kenalah ikut semuanya. Jadi jangan sekadar menyukai wanita tetapi hendaklah menghayati solat sepenuhnya serta lazim mendirikannya sehingga ia menjadi penyejuk di mata, yakni penenang jiwa" senyum Zaitun.

"Betul!"

"Selain itu..." Zaitun menambah "...Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bukan sekadar menyukai mana-mana wanita tetapi hanya wanita yang solehah. Baginda pernah menyatakan hal ini:

الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ.

Dunia ini adalah perhiasan dan sebaik-baik perhiasan dunia ialah wanita yang solehah.⁹⁵

⁹⁴ Hasan: Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnad*nya, hadis no: 13526 dan ia dinilai hasan oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 12293.

⁹⁵ Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 2668/1467 (*Kitab al-Ridha', Bab sebaik-baik*

Jadi suami yang mengikuti sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak akan berfoya-foya dengan wanita gedik. Andai suami tersebut hendak menikahi lagi, dia akan mencari calon solehah yang tahu menghormati keluarganya yang sedia ada. Semua proses dari pengenalan sehingga pernikahan dilakukan sesuai dengan syara'. Ini barulah dinamakan suami berpoligami berdasarkan sunnah."

"Mai dengar hadis-hadis ini...macam mengisyaratkan bahawa fitrah kaum lelaki memang suka kepada wanita. Betul ke?"

"Ya, betul. Fitrah lelaki yang sihat memang cenderung kepada wanita meskipun sudah bernikah. Maka kita sebagai isteri jangan mengongkong fitrah ini mahupun membiarkannya bebas. Jika dikongkong, suami akan meronta keluar. Jika dibiarkan, suami akan melanggar batas-batas syara'. Apa yang patut kita lakukan ialah menerimanya dan membimbing suami agar tetap berada dalam lingkungan syara'."

"Seperti menerima apabila suami hendak nikah lagi?"

"Pandai Mai tu!"

Rasulullah Sehebat 30 Orang Lelaki

"Kita sambung tentang sebab Rasulullah berpoligami..."

perhiasan dunia ialah wanita solehah).

Zaitun meneruskan "... baginda bukan sahaja menyukai wanita tetapi memiliki kekuatan seks yang menyamai tiga puluh orang lelaki!"

"Biar benar Kak Tun ni!"

"Benar sekali. Ni Kak Tun tunjukkan hadisnya..." jawab Zaitun sambil mencari hadis tersebut dalam perisian *Ensiklopedi Hadits* di komputer ribanya. "Ahaa, ni hadisnya. Anas bin Malik *radhiallahu 'anh* menerangkan:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدُورُ عَلَى نِسَائِهِ فِي السَّاعَةِ الْوَاحِدَةِ مِنَ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَهِنَّ إِحْدَى عَشْرَةَ. قَالَ: قُلْتُ لِأَنْسٍ: أَوَكَانَ يُطِيقُهُ؟ قَالَ: كُنَّا نَتَحَدَّثُ أَنَّهُ أُعْطِيَ قُوَّةَ ثَلَاثِينَ.

"Kebiasaannya Nabi shallallahu 'alaihi wasallam mendatangi isteri-isterinya pada satu waktu yang sama, pada malam hari atau siang hari. Saat itu jumlah isteri-isteri baginda ialah sebelas orang."

Perawi berkata, aku bertanya kepada Anas:
"Apakah baginda mampu?"

Anas menjawab: "Kami (para sahabat) biasa berkata bahawa baginda diberikan kekuatan tiga puluh"

orang lelaki.”⁹⁶

“Irrk....Mai memang susahlah nak terima perkara-perkara macam ini. Mengganggu ketenteraman fikiran! Hm...seolah-olah baginda gila seks!”

“Bertenang dulu. Kuat seks tidak bererti gila seks. Contohnya, orang yang terlibat dalam sukan bina badan, mereka memiliki kekuatan otot-otot yang sebegitu menonjol. Akan tetapi tidak bererti mereka itu suka buli dan kaki pukul orang lain” Zaitun membuat perumpamaan.

“Selain itu...” Zaitun menambah apabila melihat air muka Maisarah semakin bertenang “...Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah seorang yang amat kuat mengawal nafsu seksnya. Baginda lazim menyibukkan dirinya dengan *qiamullail*, puasa sunat dan beriktikaf pada 10 malam terakhir bulan Ramadhan.”

“Ya tak ya juga” balas Maisarah. “Akan tetapi Mai rasa hadis sahih seperti itu baik disembunyikan saja. Masyarakat kita memandang perkara seks sebagai sesuatu yang *taboo*. Bimbang ia memberi gambaran buruk kepada Rasulullah yang kita sayangi ini.”

⁹⁶ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 260/268 (*Kitab al-Ghusl, Bab orang yang menggauli isterinya kemudian mengulanginya dan orang yang mendatangi isteri-isterinya dengan sekali mandi*).

“Kak Tun pula berpandangan, hadis seperti ini tidak perlu disembunyikan, bahkan kita patut berbangga dengannya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* seorang pendakwah yang hebat, pemimpin yang hebat, panglima perang yang hebat, sahabat yang hebat, suami yang hebat, ayah yang hebat. Kita tambah, bahawa baginda juga seorang lelaki yang hebat.

Hadis ini juga menjadi dalil seorang suami boleh membuat hubungan seks dengan isteri yang bukan dalam giliran pada hari tersebut.”

“Dalam berpoligami, bolehkan buat hubungan seks dengan semua isteri serentak?”

“Setahu Kak Tun tidak boleh. Sefaham Kak Tun, apa yang dimaksudkan dalam hadis Anas bin Malik ini ialah baginda melakukannya dalam satu malam, namun satu isteri selepas satu isteri. Rumah isteri-isteri baginda saling bersebelahan, maka mudah sahaja baginda bergerak dari satu rumah ke rumah yang lain. Baginda tidak malu-malu dilihat oleh para sahabatnya, sehingga merekapun bercakap-cakap bahawa baginda diberi kekuatan seks umpama tiga puluh orang lelaki.”

“Jadi kesimpulannya, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berpoligami kerana memang sukakan wanita dan memiliki kekuatan seks yang tinggi?”

"Ya betul. Kesukaan dan kekuatan tersebut baginda salurkan melalui saluran yang halal, yakni pernikahan."

"Hm...ini sesuatu yang baru bagi Mai."

Faktor Berkenan Dalam Berpoligami

"Ada lagi, selain kerana sukakan wanita dan memiliki kekuatan seks yang tinggi, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga berpoligami kerana berkenan dengan calon-calon isterinya itu. Ini selari dengan firman Allah tentang poligami: ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat.*** [al-Nisa' 4:03]"

"Ya ke...ada buktinya?"

"Ada. Kejap, Kak Tun tunjukkan."

"Kak Tun macam dah siapkan semua rujukan ya?" tanya Maisarah sambil melihat ke nota Kak Tun dalam komputer ribanya. Ia merangkumi beberapa catatan ringkas diikuti dengan nombor-nombor hadisnya.

"Ya, Kak Tun sudah mengkaji dan hampir menyiapkannya. Bila siap *insya-Allah* Kak Tun akan tulis artikel khas dalam blog. Ahaa, ini hadisnya:

عَبْدَ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يُحَدِّثُ أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ

حِينَ تَأَيَّمْتُ حَفْصَةَ بِنْتُ عُمَرَ مِنْ خُنَيْسِ بْنِ خُذَافَةَ السَّهْمِيِّ وَكَانَ مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ شَهِدَ بَدْرًا تُؤَيِّي بِالْمَدِينَةِ قَالَ عُمَرُ:

فَلَقِيتُ عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ فَعَرَضْتُ عَلَيْهِ حَفْصَةَ فَقُلْتُ: إِنْ شِئْتَ أَنْكَحْتُكَ حَفْصَةَ بِنْتَ عُمَرَ؟ قَالَ: سَأَنْظُرُ فِي أَمْرِي. فَلَبِثْتُ لَيْالِي فَقَالَ: قَدْ بَدَأَ لِي أَنْ لَا أَتَزَوَّجَ يَوْمِي هَذَا.

قَالَ عُمَرُ فَلَقِيتُ أَبَا بَكْرٍ فَقُلْتُ: إِنْ شِئْتَ أَنْكَحْتُكَ حَفْصَةَ بِنْتَ عُمَرَ؟ فَصَمَتَ أَبُو بَكْرٍ فَلَمْ يَرْجِعْ إِلَيَّ شَيْئًا فَكُنْتُ عَلَيْهِ أَوْجَدَ مِنِّي عَلَى عُثْمَانَ.

فَلَبِثْتُ لَيْالِي ثُمَّ حَطَبَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَنْكَحْتُهَا إِيَّاهُ.

فَلَقِيتُني أَبُو بَكْرٍ فَقَالَ: لَعَلَّكَ وَجَدْتَ عَلِيَّ حِينَ عَرَضْتَ عَلَيَّ حَفْصَةَ فَلَمْ أَرْجِعْ إِلَيْكَ. قُلْتُ: نَعَمْ. قَالَ: فَإِنَّهُ لَمْ يَمْنَعْنِي أَنْ أَرْجِعَ إِلَيْكَ فِيمَا عَرَضْتَ إِلَّا أَنِّي قَدْ عَلِمْتُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ ذَكَرَهَا فَلَمْ أَكُنْ لِأُفْشِيَ سِرَّ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَوْ تَرَكَهَا

لَقَبْتُهَا.

Abdullah bin 'Umar menerangkan bahawa (ayahnya) 'Umar bin al-Khaththab berkata ketika Hafshah binti 'Umar menjanda daripada Khunais bin Hudzafah al-Sahmi – beliau termasuk sahabat Rasulullah yang ikut serta dalam perang Badar dan meninggal dunia di Madinah – 'Umar berkata:

Aku datangi 'Utsman bin 'Affan dan aku tawarkan Hafshah kepadanya. Aku berkata: "Jika engkau mahu, maka aku akan nikahkan engkau dengan Hafshah binti 'Umar." 'Utsman hanya memberi jawapan: "Aku akan mempertimbangkan perkaraku terlebih dahulu." Aku lalu menunggu beberapa malam, kemudian dia menemuiku dan berkata: "Nampaknya aku tidak akan menikah pada saat ini."

Umar berkata: Kemudian aku menemui Abu Bakar, aku katakan kepadanya: "Jika engkau mahu, maka aku akan nikahkan engkau dengan Hafshah binti 'Umar." Abu Bakar hanya terdiam dan tidak memberi jawapan sedikitpun kepadaku. Dan kemarahanku kepadanya jauh lebih memuncak berbanding (kemarahanku) kepada 'Utsman.

Lalu aku menunggu beberapa malam, ternyata

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam datang meminangnya. Maka aku menikahnya dengan baginda.

Kemudian Abu Bakar menemuiku dan berkata: "Mungkin engkau marah kepadaku ketika engkau menawarkan Hafshah kepadaku dan aku tidak memberi jawaban sedikitpun?" Aku menjawab: "Ya." Abu Bakar berkata: "Sebenarnya tidak ada yang menghalangiku untuk memberi jawaban kepadamu mengenai apa yang engkau tawarkan kepadaku, melainkan aku mengetahui bahwa Rasulullah telah menyebut-nyebutnya (Hafshah), dan tidak mungkin aku akan menyebarkan rahsia Rasulullah. Kalaupun baginda meninggalkannya, tentu aku akan menerima tawaranmu (untuk menikahi Hafshah)."⁹⁷

Perhatikan dalam hadis di atas Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam telah menyebut-nyebut nama Hafshah sejak suaminya meninggal dunia. Ini menunjukkan bahawa baginda telah berkenan kepada Hafshah dan menunggu masa yang sesuai untuk menemui 'Umar dan melamarnya."

"Oh ya ke? Hm...mungkin Rasulullah sebut-sebut kerana

⁹⁷ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 3704/4005 (*Kitab al-Maghazi, Bab keikutsertaan para malaikat dalam Perang Badar*).

hendak membela Hafshah yang baru menjadi janda saat itu?"

"Mungkin juga. Baiklah, tadi Mai sebut antara isteri yang dinikahi kerana dakwah ialah Juwairiyah binti al-Harits dan Shafiyyah binti Huyay *radhiallahu 'anhuma*. Perhatikan hadis berikut daripada Aisyah *radhiallahu 'anha* tentang Juwairiyah:

لَمَّا قَسَمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبَايَا بَنِي الْمُصْطَلِقِ
وَقَعَتْ جُوَيْرِيَةُ بِنْتُ الْحَارِثِ فِي السَّهْمِ لِثَابِتِ بْنِ قَيْسِ بْنِ شِمَاسٍ أَوْ
لِابْنِ عَمٍّ لَهُ.

وَكَاتَبَتْهُ عَلَى نَفْسِهَا وَكَانَتْ امْرَأَةً حُلْوَةً مُلَاحَةً لَا يَرَاهَا أَحَدٌ إِلَّا
أَخَذَتْ بِنَفْسِهِ.

فَأَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَسْتَعِينُهُ فِي كِتَابَتِهَا.
قَالَتْ: فَوَاللَّهِ مَا هُوَ إِلَّا أَنْ رَأَيْتُهَا عَلَى بَابِ حُجْرَتِي فَكَرِهْتُهَا وَعَرَفْتُ
أَنَّهُ سَيَرَى مِنْهَا مَا رَأَيْتُ.

فَدَخَلْتُ عَلَيْهِ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنَا جُوَيْرِيَةُ بِنْتُ الْحَارِثِ...

Ketika Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam membahagi tawanan-tawanan perempuan dari Bani Mushthaliq, Juwairiyah binti al-Harits jatuh ke bahagian

Tsabit bin Qais bin Syimas atau pada anak pakciknya.

Juwairiyah ingin menebus (membebaskan) dirinya. Adalah beliau seorang wanita yang manis dan cantik, tidaklah seseorang melihatnya kecuali akan mengambilnya untuk dirinya sendiri.

Maka Juwairiyah mendatangi Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan meminta tolong untuk menebus dirinya. (Aisyah menambah): "Demi Allah, aku tidak melihatnya kecuali dari pintu kamarku namun aku membencinya (kerana kecantikannya yang amat sangat) dan aku mengetahui bahawa baginda akan melihat (kecantikan)nya seperti yang aku lihat."

Kemudian beliau menemui baginda dan berkata: "Wahai Rasulullah! Aku Juwairiyah binti al-Harits..."⁹⁸
sehinggalah baginda pun membebaskan beliau dan menikah dengannya.

Betul atau tidak jika Kak Tun katakan bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah berkenan dengan Juwairiyah lalu menikahinya?" Zaitun bertanya.

"Ya..." Maisarah mengaku kali ini "...perhatikan

⁹⁸ Hasan: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnad*nya, hadis no: 25161 (*Musnad al-Nisa'*, *Musnad al-Shiddiqah Aisyah binti al-Shiddiq*). Sanadnya dinilai hasan oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 26365.

pengamatan Aisyah: **Adalah beliau seorang wanita yang manis dan cantik, tidaklah seseorang melihatnya kecuali akan mengambilnya untuk dirinya sendiri...**" Mai mengakui.

Zaitun melanjutkan: "Perhatikan pula hadis berikut tentang Shafiyyah binti Huyay *radhiallahu 'anha*. Anas bin Malik *radhiallahu 'anh* menerangkan:

قَدِمْنَا حَيَّيْرَ فَلَمَّا فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْحِصْنَ ذُكِرَ لَهُ جَمَالُ صَفِيَّةَ بِنْتِ
حُيَّيِّ بْنِ أَخْطَبٍ وَقَدْ قُتِلَ زَوْجُهَا وَكَانَتْ عَرُوسًا فَاصْطَفَاهَا النَّبِيُّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِنَفْسِهِ...

Kami menyerbu Khaibar dan tatkala Allah membuka benteng Khaibar untuk kemenangan baginda, diceritakan kepada baginda tentang kecantikan Shafiyyah binti Huyay bin Akhthab yang suaminya terbunuh, sedangkan dia (Shafiyyah) baru saja menjadi pengantin. Maka Nabi shallallahu 'alaihi wasallam memilihnya untuk diri baginda (sebagai isteri)...⁹⁹

"Kalau dah tiga hadis, nampaknya benarlah bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berkenan dengan calon-

⁹⁹ Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 3889/4211 (*Kitab al-Maghazi, Bab peperangan Khaibar*).

calon isterinya, lalu menikahi mereka” Maisarah akhirnya mengakui.

“Ya, sebagai seorang manusia dan lelaki, baginda juga akan memilih siapa wanita yang baginda berkenan dan menjadikannya sebagai isteri” Zaitun menambah.

“Jadi jawapannya, Rasulullah berpoligami kerana menyukai wanita, memiliki kekuatan seks yang tinggi dan berkenan kepada beberapa wanita yang menepati citarasanya.”

“Ya betul. Baginda berpoligami lalu ia membawa manfaat kepada dakwah. Baginda bukan berdakwah dengan cara berpoligami. Bukankah ada banyak kabilah Arab dan kelompok masyarakat yang baginda sampaikan dakwah kepada mereka tanpa baginda menikahi mana-mana wanita mereka?”

Kritikan Terhadap Poligami

“Jadi tidak tepatlah dakwaan novel ini bahawa Rasulullah berpoligami kerana strategi politik bagi kepentingan agama” tanya Maisarah sambil sekali lagi meletakkan novel *Sebarkan Cinta-Mu* di atas meja Zaitun.

“Sebenarnya bukan novel ini sahaja tetapi ramai juga yang mendakwa sedemikian. Ia mereka jadikan jawapan terhadap kritikan yang dilemparkan ke atas amalan poligami

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Demikian juga, apabila gerakan-gerakan membela wanita mengkritik amalan poligami yang masih dihalalkan sehingga hari ini, sebahagian orang cuba membela poligami dengan menyatakan ia hanya untuk keluarga yang isterinya mandul atau cacat."

"Jadi Kak Tun tidak setujulah dengan jawapan dan pembelaan tersebut?"

"Ya, Kak Tun tidak setuju. Bagi Kak Tun, kita patut berbangga dengan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, termasuklah sunnah poligami. Jika baginda menyukai wanita, memiliki kekuatan seks yang tinggi dan memilih yang tercantik, tidak ada apa-apa yang salah dalam semua itu. Bahkan ia sesuatu yang biasa bagi seorang lelaki sejati."

"Ya, setuju."

"Adapun amalan poligami yang masih dihalalkan sehingga hari ini, ia akan terus halal sehingga Hari Kiamat. Jika ada masalah, maka ia terletak pada para pengamal poligami dan bukannya pensyari'atannya. Maka kita perlu lebih mendidik umat cara mengamalkan poligami yang benar."

"Ya, setuju."

"al-Qur'an dan al-Sunnah tidak pernah meletakkan syarat atau penjelasan bahawa poligami adalah untuk keluarga yang isterinya mandul atau cacat. Apabila Allah dan Rasul-Nya menghalalkan poligami, telah digariskan syarat-syaratnya seperti mampu memimpin semua ahli keluarga, mampu memelihara mereka daripada api neraka, mampu memberi nafkah, tidak terjatuh ke dalam fitnah isteri-isteri dan anak-anak serta mampu berlaku adil. Kita tidak perlu menambah syarat itu dan ini."

Tips Untuk Suami Yang Ingin Berpoligami

"Oo, patutlah Mai tengok Kak Tun boleh izinkan apabila suami nak nikah lagi. Mai asalnya tertanya-tanya, kenapa nak izinkan padahal Kak Tun sihat dan mampu melahirkan zuriat. Masih nampak muda dan seksi meskipun dah melahirkan dua orang anak."

"Bukan izinkan poligami, tetapi boleh menerima apabila suami hendak berpoligami" Zaitun membetulkan perkataan Maisarah. "Kak Tun boleh terima sebab selama ini suami Kak Tun seorang yang baik lagi bertanggungjawab terhadap Kak Tun dan anak-anak. Jadi Kak Tun yakin apabila dia nikah lagi, dia akan terus bersikap demikian kepada kedua-dua keluarganya. Seandainya suami Kak Tun lazim mengabaikan kami dan asyik pergi memancing misalnya, nescaya Kak Tun susah nak terima."

"Oo, begitu ya? Jadi bagi suami-suami yang hendak nikah lagi, hendaklah mereka terlebih dahulu membuktikan bahawa mereka seorang suami dan ayah yang terbaik terhadap keluarga yang sedia ada?"

"Betul. Jika keluarga sedia ada tidak terurus, bagaimana pula hendak mengurus keluarga kedua?"

"Setuju sangat!"

"Seperkara lagi, kemampuan suami untuk berlaku adil apabila berpoligami dapat diukur sejak dia bermonogami."

"Ya ke? Macam mana caranya?"

"Jika suami yang bermonogami masanya dihabiskan di pejabat dan kopitiam, duitnya dihabiskan dengan menukar *sport rim* kereta, hari cutinya dihabiskan memancing atau menonton bola, maka dia seorang suami yang tidak adil. Tidak adil dalam membahagikan masa, tenaga dan wang ringgit antara kesukaan dirinya dan kesukaan keluarga. Suami seperti ini jika nikah lagi, nescaya tidak mampu atau tidak tahu berlaku adil di antara kedua-dua keluarganya."

"Wah! Suami yang bermonogami juga perlu adil ya? Mai sangkakan hanya suami poligami yang mesti adil."

"Ya, banyak orang hanya menekankan keadilan dalam poligami. Itu betul tetapi apakah dengan itu tidak perlu ada

keadilan dalam monogami? Tentu mesti ada juga” Zaitun menekankan. “Oleh itu apabila suami telah menunjukkan sikap adil yang bagus ketika bermonogami, nescaya ia akan meringankan bagi isteri seandainya dia hendak nikah lagi. Isteri lebih yakin suaminya akan bersikap adil ketika berpoligami kelak, *insya-Allah*.”

“Mai setuju. Kebanyakan suami hanya salahkan isteri, apabila isteri mereka tidak dapat terima perancangan mereka untuk nikah lagi. Padahal diri sendiri tu...”

“Nanti dulu. Kedua-dua pihak mesti memainkan peranan yang positif. Jika suami sudah melakukan yang terbaik, namun isteri pula jenis yang tidak tahu berterima kasih dan asyik merungut nak lebih, macam mana pula?”

Bimbang Suami Tidak Berlaku Adil

“Ya tak ya juga...” Maisarah mengaku. “Akan tetapi Mai rasa, hukuman yang diberikan kepada suami yang tidak adil amatlah ringan. Tidak menakutkan pun. Sekadar bahu yang miring pada Hari Kiamat kelak...bimbang suami ambil mudah perkara ini.”

“Oh, hadis ini yang Mai maksudkan?”

مَنْ كَانَتْ لَهُ امْرَأَتَانِ فَمَالَ إِلَىٰ إِحْدَاهُمَا جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَشِقُّهُ

مائيل.

Sesiapa yang memiliki dua isteri kemudian dia cenderung kepada salah seorang di antara keduanya, maka dia akan datang pada Hari Kiamat dalam keadaan sebelah badannya miring.¹⁰⁰

"Ya, betul."

"Hadis ini sebenarnya memberi ancaman yang lebih hebat. Ini kerana suami yang tidak adil, sejak awal lagi apabila dibangkitkan dari kubur dan beratur di Padang Masyhar sudah menerima padahnya. Apatah lagi apabila dihukum di hadapan Allah sesudah itu, sudah tentu lebih berat azabnya."

"Oh, begitu maksudnya. *Alhamdulillah*, terjawab kemusykilan yang selama ini bermain-main di hati Mai. Hm...Kak Tun tidak bimbangkah seandainya suami tidak mampu berlaku adil?" Maisarah bertanya lagi. "Cuba perhatikan kenyataan dalam novel *Sebarkan Cinta-Mu* ini tentang kemampuan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berlaku adil ketika berpoligami..." Maisarah mengambil kembali novel tersebut dan membuka ke mukasurat 191-192:

¹⁰⁰ Sahih: Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 1821 (*Kitab al-Nikah, Bab berkenaan pembahagian di antara isteri*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 2133.

Rasulullah SAW sangat insaf pada keterbatasan manusia bagi berlaku adil sehinggakan apabila Baginda sudah berpoligami, Baginda tidak jemu-jemu merayu taubat dan mengadu kepada Allah tentang keterbatasan itu. Aisyah. berkata, “Rasulullah selalu membahagi giliran sesama isterinya dengan adil. Dan baginda pernah berdoa, ‘Ya Allah! Ini bahagianku yang dapat kukerjakan. Kerana itu, janganlah Engkau mencelaku tentang apa yang Engkau kuasai sedang aku tidak menguasainya.’” Lelaki bertakwa nyata takut mengambil mudah dalam poligami.

“Mai rasa kenyataan ini satu kebenaran atau fitnah semata-mata?” tanya Zaitun. “Cuba perhatikan bahawa *Sebarkan Cinta-Mu* meletakkan kenyataan tersebut ketika menjelaskan tentang penikahan baginda dengan Saudah. Ketika itu baginda baru berpoligami dengan dua orang isteri, Saudah dan Aisyah *radhiallahu 'anhuma*.

Seandainya benar Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* merayu-rayu taubat dan mengadu keterbatasannya ketika baru berpoligami dengan dua orang isteri, kenapakah baginda terus menikah lagi dan menikah lagi? Di manakah hadis sahih sebagai bukti bahawa baginda merayu-rayu taubat dan mengadu keterbatasannya?”

“Ya tak ya, betul juga” Maisarah mengaku. “Mungkinkah

novel ini menjadikan kenyataan Aisyah tentang doa Rasulullah sebagai bukti?"

"Pertama sekali, riwayat tersebut adalah *dha'if*. Mari kita rujuk hadisnya. Diriwayatkan daripada Aisyah bahawa:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُقَسِّمُ بَيْنَ نِسَائِهِ فَيَعْدِلُ وَيَقُولُ: اللَّهُمَّ هَذِهِ قِسْمَتِي فِيمَا أَمْلِكُ فَلَا تُلْمَنِي فِيمَا تَمْلِكُ وَلَا أَمْلِكُ.

Bahawa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam lazimnya membuat pembahagian yang adil di antara isteri-isterinya dan baginda berdoa: "Ya Allah, inilah pembahagianku yang aku mampu, maka janganlah Engkau mencela aku pada sesuatu yang Engkau mampu sedangkan aku tidak mampu."¹⁰¹

"Ish! Sekali lagi hadis *dha'if* dijadikan sumber

¹⁰¹ **Dha'if:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunan*nya, hadis no: 1059 (*Kitab al-Nikah, Bab adil dalam menggauli isteri-isteri*). al-Tirmizi seterusnya menerangkan bahawa hadis ini adalah *mursal*. al-Zayla'e dalam *Nasb al-Rayah li Ahadits al-Dirayah*, jld. 3, ms. 215 juga telah menerangkan status hadis ini yang *mursal* dengan menukil keterangan para imam hadis seperti al-Tirmizi, al-Daraquthni dan Ibn Abi Hatim. Ibn Hajar al-Asqalani mengemukakan hadis ini dalam *al-Talkhish al-Habir fi Takhrij Ahadits al-Rafi'e al-Kabir*, hadis no: 1466 dan berkata: "(Dikeluarkan oleh) Ahmad, al-Darimi, para pemilik *Sunan*, Ibn Hibban dan al-Hakim daripada Aisyah. al-Nasa'e, al-Tirmizi dan al-Daraquthi menjelaskan kecacatannya bahawa ia *mursal*. Oleh kerana kemursalan ini, al-Albani menilainya *dha'if* dalam *Dha'if Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 1140. Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan turut menjelaskan kemursalannya dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 25111

memfitnah rumahtangga Rasulullah!” Maisarah menjadi marah sambil teringatkan hadis berkenaan wanita dari Bani Ghifar yang sebelum ini turut dikemukakan oleh *Sebarkan Cinta-Mu* padahal ia *dha’if*. Maisarah tahu bahawa para ilmuwan Islam memang membenarkan penggunaan hadis *dha’if* bagi kes tertentu, namun menggunakannya bagi memfitnah rumahtangga Rasulullah? Tentu tidak boleh.

“Kedua...” Zaitun melanjutkan “...apabila Rasulullah berdoa... ***maka janganlah Engkau mencela aku pada sesuatu yang Engkau mampu sedangkan aku tidak mampu***, ...maksudnya adalah dalam masalah hati dan kasih sayang.”

“Siapakah yang mentafsirkan seperti itu?”

“Imam al-Tirmizi sendiri. Para imam hadis bukanlah meriwayatkan hadis tanpa memahami maksudnya. Mereka sangat faham maksudnya dan mereka menjelaskannya dalam bab-bab di permulaan hadis, susunan tertib hadis atau dengan menjelaskannya sesudah hadis tersebut. Merujuk kepada doa di atas, Imam al-Tirmizi *rahimahullah* menjelaskan sesudah itu:

وَمَعْنَى قَوْلِهِ: لَا تَلْمِني فِيْمَا تَمْلِكُ وَلَا أَمْلِكُ، إِنَّمَا يَعْنِي بِهِ الْحُبَّ
وَالْمَوَدَّةَ. كَذَا فَسَّرَهُ بَعْضُ أَهْلِ الْعِلْمِ.

Makna doa baginda: "Maka janganlah Engkau mencela aku pada sesuatu yang Engkau mampu sedangkan aku tidak mampu", sesungguhnya ia tidak lain ialah dalam masalah kasih sayang dan kecintaan. Demikianlah yang dijelaskan oleh sebahagian ahli ilmu.

Demikian juga Imam Abu Daud *rahimahullah*. Setelah mengemukakan doa ini dalam kitab *Sunannya*, beliau berkata: Yakni dalam masalah hati.¹⁰²

"Bukankah dalam masalah hati dan kasih sayang, Allah *Subhanahu waTa'ala* telah memberikan kelonggaran dan kemaafan?" tanya Maisarah sambil merujuk kepada firman Allah:

وَلَنْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ الْمِيلِ فَتَدْرُوهَا كَالْمُعَلَّقَةِ وَإِنْ تُصْلِحُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا.

Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya); oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau (kepada sebahagian isteri) sehingga kamu biarkan (sebahagian) isteri yang lain seperti benda yang tergantung; dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu) dan

¹⁰² *Sunan Abu Daud*, hadis no: 1822 (*Kitab al-Nikah, Bab berkenaan pembahagian di antara isteri-isteri*).

memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. [al-Nisa' 4:129]

"Ya betul. Berdoa tidak semestinya kerana menghadapi masalah, tetapi kerana merendah diri kepada Allah yang Maha Besar lagi Maha Berkuasa. Justeru meskipun Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengetahui – berdasarkan ayat 129 surah al-Nisa' – bahawa masalah hati dan kasih sayang adalah sesuatu yang manusia memang tidak dapat berlaku adil, baginda tetap berdoa atas dasar rendah diri dan takut kepada Allah *Subhanahu waTa'ala*."

"Akan tetapi sikap rendah diri dan takut Rasulullah ditafsirkan pula sebagai: tidak jemu-jemu merayu taubat dan mengadu kepada Allah tentang keterbatasan itu."

"Ya, ini satu sikap *Sebarkan Cinta-Mu* yang amat dikesali."

"Bukan sekadar dikesali tetapi patut dimarahi. Sudahlah guna hadis *dha'if* sebagai hujah, penafsiran hadis itupun salah!" Maisarah melepaskan geramnya. "Tak silap Mai..." Maisarah melanjutkan "...di antara isteri-isteri Rasulullah, baginda paling mencintai Aisyah, betul ke?"

"Ya betul. Baginda paling mencintai Aisyah sebagai kesan daripada kecintaan baginda yang amat tinggi kepada

ayahnya, Abu Bakar al-Shiddiq *radhiallahu 'anh*. Abu Bakarlah yang telah menemani perjuangan dakwah Rasulullah daripada awal, merasai susah dan senangnya, pahit dan manisnya, kalah dan menangnya.”

“Ooo, begitu.”

“Dalam erti kata lain, cinta Rasulullah hanyalah kepada Allah. Baginda turut mencintai yang lain kerana Allah, sebagai hasil dan kesan cintanya kepada Allah. Rasulullah paling mencintai Abu Bakar kerana Allah, disebabkan banyaknya jasa Abu Bakar kepada agama Allah. Rasulullah paling mencintai Aisyah kerana Allah, disebabkan banyaknya jasa ayah Aisyah kepada agama Allah.”

“Owh, mendalam sungguh. Tetapi Mai faham.”

“Inilah maksud sebenar penunggalan cinta. Cinta kita hanya satu, iaitu kepada Allah. Adapun cinta kerana Allah, maka boleh saja berbilang jumlahnya. Semua yang berbilang itu merupakan hasil dan kesan daripada cinta kita kepada Allah” Zaitun menekankan sekali lagi bagi memastikan Maisarah memahaminya dengan baik.

“Akan tetapi Rasulullah juga mencintai isteri-isteri baginda yang lainkan?”

“Ya, tentu cinta. Namun yang paling dicintai ialah Aisyah.”

"Jadi macam mana dengan soalan Mai tadi... Kak Tun tidak bimbangkah seandainya suami tidak mampu berlaku adil?"

"Tentu saja ia bermain-main di hati Kak Tun. Kadang agak memberatkan juga. Namun dalam suasana sebegini, Kak Tun tidak berharap kepada suami. Akan tetapi berharap kepada Allah. Sesungguhnya Allah *Subhanahu waTa'ala* membalik-balikkan hati para hamba-Nya di antara jari-jari-Nya. Jadi Kak Tun berdoa agar Allah membalikkan hati suami kepada bersikap adil kepada isteri-isterinya bila sudah bernikah nanti."

"Owh..." Maisarah terdiam sebentar. Insaf.

Menjelaskan Konflik Poligami Rasulullah (I)

"Bagaimana pula dengan contoh-contoh konflik dalam kehidupan poligami Rasulullah yang dikemukakan dalam novel ini? Mai dah kira...melebihi tiga puluh semuanya!"

Zaitun menjeling ke jam tangannya, sudah pukul satu suku tengah hari. Di surau pejabat hari ini ada kuliah Zohor akan tetapi Zaitun dan beberapa rakan yang lain tidak menghadirinya kerana penceramah tersebut sudah dikenali menyampaikan hadis tanpa rujukannya. Penceramah atau penulis yang tidak berdisiplin dalam mengemukakan sumber hadis atau ajarannya memang tidak patut diberi perhatian.

Mereka menunggu hingga pukul satu lima puluh tengah hari untuk solat Zohor, apabila kuliah selesai.

"Cuba Mai perhatikan contoh-contoh yang diberikan, hampir semuanya tidak ada rujukan. Apakah kita hendak membuang masa dengan perkara seperti itu?"

"Hm...betul juga. Akan tetapi ada beberapa contoh yang disertakan rujukan hadisnya."

"Ya, ada enam contoh."

"Wah! Kak Tun dah kira ya?"

"Dah kira dan semak. Sebagai orang yang beriman kepada Rasulullah dan mencintai baginda serta ahli keluarganya semua, Kak Tun tidak akan membiarkan tuduhan-tuduhan konflik itu begitu saja. Tentu akan disemak satu persatu."

"Apa hasil semakan Kak Tun?"

"Mai pilih contoh konflik, Kak Tun tunjukkan hadis sebenar. Mai pilih nak faham secara positif atau negatif. Setuju?"

"Setuju. Mai mulakan dengan contoh konflik dalam mukasurat 193 ini" sambil membacanya:

Anas menceritakan, Aisyah dan Zainab bertengkar sehingga bersuara tinggi, padahal sudah terdengar azan solat. Abu Bakar

melintasi dan terdengar suara pertengkaran mereka. Maka dia berkata, “Keluarlah wahai Rasulullah, dan taburkan tanah ke dalam mulut mereka”. Aisyah berkata, “Sekarang Nabi sedang solat.” Abu Bakar datang dan melakukan sesuatu terhadap Aisyah seraya mengecam dengan keras, “Kenapa kamu buat begini?”(Direkodkan oleh Muslim).

“Oh, jika contoh itu, bacakan juga contoh konflik seterusnya”

“Baiklah” jawab Maisarah.

Pada suatu malam, Zainab datang ke rumah Aisyah. Pada masa itu, rumah-rumah belum diterangi lampu. Kemudian Nabi masuk lalu menghulurkan tangannya kepada Zainab tanpa sengaja. Aisyah terus berkata, “Itu Zainab!” Nabi segera menarik tangannya.

“Baiklah. Berikut hadis penuhnya” jawab Zaitun sambil menunjukkan hadis tersebut di komputer ribanya.

عَنْ أَنَسٍ قَالَ، كَانَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تِسْعُ نِسْوَةٍ فَكَانَ إِذَا قَسَمَ بَيْنَهُنَّ لَا يَنْتَهِي إِلَى الْمَرْأَةِ الْأُولَى إِلَّا فِي تِسْعٍ.
فَكُنَّ يَجْتَمِعْنَ كُلَّ لَيْلَةٍ فِي بَيْتِ الْتِي يَأْتِيهَا فَكَانَ فِي بَيْتِ عَائِشَةَ

فَجَاءَتْ زَيْنَبُ فَمَدَّ يَدَهُ إِلَيْهَا فَقَالَتْ: هَذِهِ زَيْنَبُ! فَكَفَّ النَّبِيُّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ.

فَتَقَاوَلْنَا حَتَّى اسْتَحَبَبْنَا وَأُقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَمَرَّ أَبُو بَكْرٍ عَلَى ذَلِكَ
فَسَمِعَ أَصْوَاتَهُمَا فَقَالَ: اخْرُجْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِلَى الصَّلَاةِ وَاحْثٌ فِي
أَفْوَاهِهِنَّ التُّرَابَ.

فَخَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ عَائِشَةُ: الْآنَ يَقْضِي
النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاتَهُ فَيَجِيءُ أَبُو بَكْرٍ فَيَفْعَلُ بِي وَيَفْعَلُ.
فَلَمَّا قَضَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاتَهُ أَتَاهَا أَبُو بَكْرٍ فَقَالَ لَهَا
قَوْلًا شَدِيدًا وَقَالَ: أَتَصْنَعِينَ هَذَا؟

Daripada Anas dia berkata, Nabi shallallahu 'alaihi wasallam memiliki sembilan orang isteri. Jika baginda menggilir mereka, baginda tidak akan kembali ke isteri pertama kecuali setelah hari yang ke sembilan.

Biasanya mereka (isteri-isteri Nabi) berkumpul setiap malam di rumah isteri yang baginda datangi (kerana hari itu ialah gilirannya). Ketika baginda di rumah Aisyah, Zainab datang lalu baginda mengulurkan tangan kepadanya, lantas Aisyah berkata: "Ini Zainab!" Maka Nabi shallallahu 'alaihi wasallam menarik

tangannya.

Maka terjadilah adu mulut di antara keduanya (Aisyah dan Zainab) sehingga suara mereka berdua meninggi, padahal iqamat telah dikumandangkan. Kebetulan Abu Bakar melintas (di luar rumah) dan mendengar suara keduanya (sedang adu mulut), dia berkata: "Wahai Rasulullah, keluarlah (untuk solat) dan tutuplah mulut mereka dengan tanah!"

Maka Nabi shallallahu 'alaihi wasallam keluar (ke masjid) dan Aisyah berkata: "Sekarang, setelah Nabi shallallahu 'alaihi wasallam selesai mengerjakan shalat, tentu Abu Bakar akan datang dan memarahiku." (Betul saja), tatkala Nabi shallallahu 'alaihi wasallam selesai mengerjakan solat, Abu Bakar mendatangi (Aisyah) dan berkata kepadanya dengan nada yang keras: "Beginilah perbuatanmu?"¹⁰³

"Oh! Dua contoh konflik yang Mai bacakan tadi sebenarnya merujuk kepada satu kes yang sama? Sungguh tak patut novel ini!" Maisarah tidak dapat menahan lagi kemarahannya.

"Ya, betul. Kemudian perhatikan bahawa pada setiap

¹⁰³ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2656/1462 (*Kitab al-Ridha'*, Bab pembahagian giliran di antara isteri-isteri dan yang sunnah ialah bagi setiap orang sehari).

malam apabila Rasulullah berada di Madinah, para isteri baginda akan berhimpun di rumah isteri yang mendapat giliran pada malam itu. Seandainya Rasulullah dan para isterinya hidup dalam konflik, sudah tentu perhimpunan seperti itu tidak akan berlaku.”

“Ya, Mai setuju. Berhimpun setiap malam, hanya pada satu malam disebabkan Rasulullah tersalah menghulurkan tangan, Aisyah dan Zainab bertengkar mulut.”

“Jadi setelah membaca hadis yang penuh ini, bagaimana kefahaman Mai, positif atau negatif?”

“Positif. Mai lihat Rasulullah dan isteri-isteri baginda hidup harmonis sehingga boleh berhimpun setiap malam bersama-sama. Hanya sekali sekala berlaku perselisihan dan ini tentu saja satu perkara yang biasa dalam kehidupan ini.”

Menjelaskan Konflik Poligami Rasulullah (II)

“Contoh konflik kedua yang ada rujukannya?” Zaitun bertanya, ingin menjelaskan semuanya sebelum mereka pergi solat Zohor. Maisarah membaca *Sebarkan Cinta-Mu* di mukasurat 194:

Aisyah menceritakan, “Suatu ketika Rasulullah SAW berkata kepadaku, ‘Sesungguhnya kanda tahu bila dinda sedang senang kepada kanda dan bila dinda sedang marah.’ Aku bertanya,

‘Bagaimana kanda tahu?’ Baginda menjawab, ‘Jika dinda sedang senang kepada kanda, maka dinda akan mengatakan, demi Tuhan Muhammad! Tetapi jika dinda sedang marah, dinda akan mengatakan, tidak, demi Tuhan Ibrahim! Aisyah berkata, ‘Itu benar. Demi Allah! Dinda hanya mampu menjauhi namamu.’”
(*Muttafaqun Alaih*)

Zaitun kemudian menunjukkan hadis yang dimaksudkan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنِّي لَأَعْلَمُ إِذَا كُنْتُ عَنِّي رَاضِيَةً وَإِذَا كُنْتُ عَلَيَّ غَضَبِي. قَالَتْ فَقُلْتُ: مِنْ أَيْنَ تَعْرِفُ ذَلِكَ؟

فَقَالَ: أَمَّا إِذَا كُنْتُ عَنِّي رَاضِيَةً فَإِنَّكَ تَقُولِينَ لَا وَرَبِّ مُحَمَّدٍ وَإِذَا كُنْتُ عَلَيَّ غَضَبِي قُلْتَ لَا وَرَبِّ إِبْرَاهِيمَ.

قَالَتْ قُلْتُ: أَجَلُ وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا أَهْجُرُ إِلَّا اسْمَكَ.

Daripada Aisyah radhiallahu 'anha, dia berkata: Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam pernah berkata kepadaku: "Sesungguhnya aku benar-benar tahu saat kamu reda padaku dan saat kamu marah padaku." Aisyah berkata, aku bertanya: "Dari mana anda

mengetahui hal itu?"

Maka baginda menjawab: "Adapun jika kamu reda padaku maka kamu berkata "Demi Rabb Muhammad", namun jika marah padaku maka kamu berkata "Demi Rabb Ibrahim."

Aisyah berkata, akupun berkata: "Benar! Demi Allah wahai Rasulullah, aku tidak dapat meninggalkanmu (ketika marah) melainkan sekadar namamu."¹⁰⁴

"Bagaimana Mai memahami hadis ini?" tanya Zaitun setelah melihat Maisarah selesai membacanya.

"Positif. Reda dan marah termasuk pasang surut kehidupan berumahtangga, baik monogami atau poligami. Kemarahan isteri kepada suami boleh timbul kerana beberapa sebab dan tidak semestinya kerana konflik poligami. Mai hairan kenapa hadis ini dijadikan contoh konflik poligami Rasulullah."

Zaitun tersenyum melihat Maisarah yang turut positif terhadap hadis-hadis yang melibatkan rumahtangga Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Demikian itu tanda orang yang benar lagi lurus imannya.

¹⁰⁴ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4827/5228 (*Kitab al-Nikah, Bab kecemburuan wanita dan kemarahan mereka*). Juga dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4469/2439.

“Bahkan, Mai dapat belajar bahawa bila marah kepada suami, jangan merajuk dengan meninggalkannya. Apatah lagi untuk meninggikan suara terhadapnya. Sebaliknya tetap berkomunikasi bersama suami sambil mengisyaratkan secara halus bahawa kita marah. Nescaya suami akan mengesannya dan berusaha memperbaiki suasana.”

Menjelaskan Konflik Poligami Rasulullah (III)

“Contoh konflik ketiga yang ada rujukannya?” Zaitun bertanya pantas.

“Wah! *Steady*-lah Kak Tun ni!”

“Orang yang membuat fitnah ke atas rumahtangga Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memang tidak boleh diberi muka. Sebelum ini hanya *Syi'ah* yang lazim membuat fitnah sedemikian. Kini golongan pembela hak wanita juga sudah berani berbuat yang seumpama.”

“Baiklah, contoh konflik poligami ketiga yang ada rujukannya terdapat di mukasurat 199 tentang Zainab binti Jahsy” jelas Maisarah sambil membacanya:

Dia sering dicemburui. Aisyah berkata, “Dia (Zainab) adalah isteri Nabi SAW yang nyaris setara denganku dibandingkan dengan isteri-isteri yang lain” (Direkodkan oleh al-Bukhari).

“Setahu Kak Tun ada dua hadis sahih yang memiliki

kata-kata Aisyah seumpama yang dinukil oleh *Sebarkan Cinta-Mu*. Hadis pertama merujuk kepada Peristiwa *al-Ifk* atau lebih disebut juga sebagai *Hadits al-Ifk*. Ia merujuk kepada fitnah yang dikenakan kepada Aisyah *radhiallahu 'anha* ketika beliau tertinggal di belakang rombongan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Hadis tersebut amat panjang. Setelah berlaku peristiwa fitnah itu, Rasulullah bertanya kepada beberapa sahabat berkenaan Aisyah. Salah seorang yang baginda tanya ialah isterinya sendiri Zainab binti Jahsy *radhiallahu 'anha*. Mari kita rujuk bahagian akhir hadis yang panjang ini” jelas Zaitun sambil menunjukkan ke bahagian akhir hadis tersebut:

قَالَتْ عَائِشَةُ: وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْأَلُ
زَيْنَبَ ابْنَةَ جَحْشٍ عَنْ أَمْرِي فَقَالَ: يَا زَيْنَبُ مَاذَا عَلِمْتَ أَوْ رَأَيْتِ؟
فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَحْمِي سَمْعِي وَبَصَرِي مَا عَلِمْتُ إِلَّا خَيْرًا.
قَالَتْ, وَهِيَ الَّتِي كَانَتْ تُسَامِينِي مِنْ أَزْوَاجِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَصَمَهَا اللَّهُ بِالْوَرَعِ.

Aisyah berkata, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bertanya kepada Zainab binti Jahsy tentang hal aku (ini): "Wahai Zainab, apakah yang kamu tahu atau yang kamu lihat?"

Jainab menjawab: "Wahai Rasulullah, aku memelihara pendengaran dan penglihatanku (daripada gossip-gossip fitnah ini), tidaklah aku mengetahui (tentang Aisyah) melainkan kebaikan."

Aisyah berkata, padahal beliau (Zainab) setanding dengan aku berbanding isteri-isteri Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam yang lain, hanya Allah telah memeliharanya dengan sikap wara'.¹⁰⁵

"Oh, mereka sebenarnya saling memuji di antara satu sama lain ya?" ulas Maisarah selepas membaca hadis tersebut.

"Ya. Betul."

"Hadis ini Mai faham secara positif. Persaingan yang sihat di antara isteri-isteri Rasulullah adalah sesuatu yang positif, sepertimana juga persaingan di antara sesama muslim dalam membaca al-Qur'an dan bersedekah" ulas Maisarah, merujuk kepada hadis berikut:

لَا حَسَدَ إِلَّا فِي اثْنَتَيْنِ: رَجُلٌ عَلَّمَهُ اللَّهُ الْقُرْآنَ فَهُوَ يَتْلُوهُ آتَاءَ

¹⁰⁵ Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4381/4750 (*Kitab Tafsir al-Qur'an, Bab firman Allah: Sepatutnya semasa kamu mendengar tuduhan itu, orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, menaruh baik sangka kepada diri (orang-orang) mereka sendiri dan berkata: Ini ialah tuduhan dusta yang nyata. [al-Nur 24:12]*).

الَّيْلِ وَأَنَاءَ النَّهَارِ فَسَمِعَهُ جَارٌ لَهُ فَقَالَ: لَيْتَنِي أُوتِيتُ مِثْلَ مَا أُوتِيَ فُلَانٌ
فَعَمِلْتُ مِثْلَ مَا يَعْمَلُ. وَرَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَهُوَ يُهْلِكُهُ فِي الْحَقِّ فَقَالَ
رَجُلٌ: لَيْتَنِي أُوتِيتُ مِثْلَ مَا أُوتِيَ فُلَانٌ فَعَمِلْتُ مِثْلَ مَا يَعْمَلُ.

Tidak diperbolehkan hasad kecuali pada dua perkara, iaitu seorang yang Allah telah mengajarnya al-Qur'an lalu dia membacanya sepanjang malam dan sepanjang siang sehingga jiran yang mendengarnya berkata: "Alangkah baiknya jika aku diberikan sebagaimana apa yang diberikan kepada orang itu, nescaya aku akan melakukan apa yang dia lakukan."

Kemudian seorang yang Allah kurniakan harta lalu dia membelanjakannya pada yang benar (bersedekah), maka orang pun berkata: "Alangkah baiknya jika aku diberi kurnia sebagaimana yang dikurniakan kepada orang itu, nescaya aku akan melakukan sebagaimana yang dia lakukan."¹⁰⁶

"Di mana hadis kedua yang Kak Tun maksudkan?"
Maisarah bertanya, sangat ingin untuk tahu. Zaitun menunjukkan hadis tersebut:

¹⁰⁶ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4638/5026 (*Kitab Fadhail al-Qur'an, Bab kegembiraan pembaca al-Qur'an*).

أَنَّ عَائِشَةَ زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ: أَرْسَلَ أَزْوَاجُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاطِمَةَ بِنْتَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَأْذَنْتَ عَلَيْهِ وَهُوَ مُضْطَجِعٌ مَعِيَ فِي مِرْطِي. فَأَذِنَ لَهَا فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أَزْوَاجَكَ أَرْسَلَنِي إِلَيْكَ يَسْأَلُكَ الْعَدْلَ فِي ابْنَةِ أَبِي قُحَافَةَ.

Bahawa Aisyah isteri Nabi shallallahu 'alaihi wasallam berkata: Para isteri Nabi shallallahu 'alaihi wasallam mengutus Fatimah binti Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam untuk menghadap Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Lalu Fatimah meminta izin kepada Rasulullah yang ketika itu sedang berbaring bersamaku dalam selimutku. Baginda mengizinkan Fatimah masuk, lalu Fatimah berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya para isterimu telah mengutusku kepadamu untuk menuntut keadilan tentang puteri Abu Quhafah.¹⁰⁷

وَأَنَا سَاكِتَةٌ. قَالَتْ: فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّ بَنِيئِهِ أَلَسْتَ تُحِبِّينَ مَا أُحِبُّ؟ فَقَالَتْ: بَلَى! قَالَ: فَأَجِئِي هَذِهِ!

¹⁰⁷ Abu Quhafah ialah gelaran bagi Abu Bakar al-Shiddiq *radhiallahu 'anh*, anak Abu Quhafah merujuk kepada Aisyah bin Abu Bakar *radhiallahu 'anha*.

قَالَتْ: فَقَامَتْ فَاطِمَةُ حِينَ سَمِعَتْ ذَلِكَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَجَعَتْ إِلَى أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخْبَرْتُهُنَّ بِالَّذِي قَالَتْ وَبِالَّذِي قَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Aku (Aisyah) terdiam tidak berkata apa-apa. (Aisyah melanjutkan), Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bertanya kepada Fatimah: "Wahai puteriku, tidakkah kamu mencintai apa yang aku cintai?" Fatimah menjawab: "Sudah tentu!" Rasulullah lalu berkata: "Kalau begitu, maka cintailah wanita ini." Aisyah berkata: Setelah mendengar jawaban Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, Fatimah langsung berdiri dan kembali kepada isteri-isteri Nabi shallallahu 'alaihi wasallam (yang mengutusnyanya) serta mengkhabarkan apa yang dia katakan dan apa yang dikatakan oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam kepadanya.

فَقُلْنَ لَهَا: مَا نُرَاكِ أَغْنَيْتِ عَنَّا مِنْ شَيْءٍ فَارْجِعِي إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُولِي لَهُ إِنَّ أَزْوَاجَكَ يَنْشُدُنَكَ الْعَدَلَ فِي ابْنَةِ أَبِي قُحَافَةَ. فَقَالَتْ فَاطِمَةُ: وَاللَّهِ لَا أَكَلِّمُهُ فِيهَا أَبَدًا.

Para isteri Rasulullah berkata kembali kepadanya: "Kelihatannya kami mengutusmu kepada baginda tadi itu tidak memberikan apa-apa keuntungan kepada kami.

Oleh itu kembalilah kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan katakan kepadanya bahawa sesungguhnya para isteri kamu menuntut keadilan tentang puteri Abu Quhafah." Fatimah berkata: "Demi Allah, aku tidak akan mengatakan lagi berkenaan hal ini kepadanya selama-lamanya."

قَالَتْ عَائِشَةُ: فَأَرْسَلَ أَزْوَاجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَيْنَبُ بِنْتُ جَحْشٍ زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَهِيَ الَّتِي كَانَتْ تُسَامِينِي مِنْهُنَّ فِي الْمَنْزِلَةِ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَلَمْ أَرِ امْرَأَةً قَطُّ خَيْرًا فِي الدِّينِ مِنْ زَيْنَبَ وَأَتَمَّى لِلَّهِ وَأَصْدَقَ حَدِيثًا وَأَوْصَلَ لِلرَّحِمِ وَأَعْظَمَ صَدَقَةً وَأَشَدَّ ابْتِدَالًا لِنَفْسِهَا فِي الْعَمَلِ الَّذِي تَصَدَّقُ بِهِ وَتَقَرَّبُ بِهِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى مَا عَدَا سَوْرَةَ مِنْ حِدَةٍ كَانَتْ فِيهَا تُسْرِعُ مِنْهَا الْفَيْئَةُ.

Aisyah berkata: "Kemudian para isteri Nabi shallallahu 'alaihi wasallam mengutus Zainab binti Jahsy, salah seorang isteri Nabi shallallahu 'alaihi wasallam.

Beliau adalah isteri yang kedudukannya setanding denganku berbanding isteri-isteri yang lain di sisi Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam.

Dan tidaklah aku melihat seorang wanita yang lebih baik agamanya, paling bertaqwa kepada Allah,

lebih benar perkataannya, paling suka menghubungkan silaturahmi, paling besar sedekahnya, paling hebat pengorbanan dirinya dalam melakukan sesuatu amal agar dia dapat bersedekah dengannya dan menghampirkan diri kepada Allah dengannya, melainkan Zainab.

Hanya dia cepat marah kerana wataknya yang keras, namun dia juga cepat sejuk dari kemarahannya itu.”

قَالَتْ: فَاسْتَأْذَنْتُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَسُولُ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَعَ عَائِشَةَ فِي مِرْطِهَا عَلَى الْحَالَةِ الَّتِي دَخَلْتُ
فَاطِمَةَ عَلَيْهَا وَهُوَ بِهَا. فَأَذِنَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أَرْوَاجَكَ أَرْسَلَنِي إِلَيْكَ يَسْأَلُكَ الْعَدْلَ فِي ابْنَةِ
أَبِي قُحَافَةَ.

(Aisyah melanjutkan): Lalu beliau (Zainab) meminta izin kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam (untuk masuk) sedangkan pada ketika itu Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam sedang bersamaku dalam selimutku, sebagaimana keadaannya ketika Fatimah masuk untuk menemui baginda sebelum itu. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam mengizinkan

Zainab masuk, lalu Zainab berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya para isterimu telah mengutusku kepadamu untuk menuntut keadilan tentang puteri Abu Quhafah.

قَالَتْ: ثُمَّ وَقَعْتُ بِي فَاسْتَطَالَتْ عَلَيَّ وَأَنَا أَرْقُبُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَرْقُبُ طَرَفَهُ هَلْ يَأْذُنُ لِي فِيهَا. قَالَتْ: فَلَمْ تَبْرَحِ زَيْنَبُ حَتَّى عَرَفْتُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَكْرَهُ أَنْ أَنْتَصِرَ. قَالَتْ: فَلَمَّا وَقَعْتُ بِهَا لَمْ أَنْشَبْهَا حَتَّى أُنْحِثُ عَلَيْهَا. قَالَتْ: فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَبَسَّمَ: إِنَّهَا ابْنَةُ أَبِي بَكْرٍ.

(Aisyah melanjutkan): Kemudian Zainab mencelaku dan bersikap lancang terhadap diriku. Saat itu aku hanya memandang Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan mengawasi isyarat baginda, apakah baginda mengizinkan aku untuk membela diriku. (Aisyah melanjutkan): Zainab terus menyerangku sehingga aku tahu bahawa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam tidak akan membenci jika aku membela diri. Maka tatkala aku mula membela diriku, tidaklah aku meninggalkan apa-apa melainkan semuanya aku jawab dan bantah. Maka Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam berkata sambil tersenyum: "Sesungguhnya dia memang

puteri Abu Bakar.¹⁰⁸

"Allahu Akbar!" Maisarah hampir terjerit. "Perhatikan kata-kata sebenar Aisyah tentang Zainab binti Jahsy: **Beliau adalah isteri yang kedudukannya setanding denganku berbanding isteri-isteri yang lain di sisi Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam.**

Dan tidaklah aku melihat seorang wanita yang lebih baik agamanya, paling bertaqwa kepada Allah, lebih benar perkataannya, paling suka menghubungkan silaturahmi, paling besar sedekahnya, paling hebat pengorbanan dirinya dalam melakukan sesuatu amal agar dia dapat bersedekah dengannya dan menghampirkan diri kepada Allah dengannya, melainkan Zainab.

Hanya dia cepat marah kerana wataknya yang keras, namun dia juga cepat sejuk dari kemarahannya itu."

Sungguh tidak adil novel ini yang hanya menukil rangkap pertama kata-kata Aisyah: Dia (Zainab) adalah isteri

¹⁰⁸ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahih*nya, hadis no: 4472/2442 (*Kitab Fadha'il al-Shahabah, Bab keutamaan Aisyah*). Hadis ini juga dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 2393/2581 akan tetapi ia tidak mengandungi kata-kata Aisyah kepada Zainab sebagaimana yang disebut oleh *Sebarkan Cinta-Mu*.

Nabi SAW yang nyaris setara denganku dibandingkan dengan isteri-isteri yang lain.”

“Ya, demikianlah hakikat sebenarnya tentang novel *Sebarkan Cinta-Mu* ini.”

“Selain itu berdasarkan keseluruhan hadis, apakah Mai memahaminya secara positif atau negatif?”

“Hm...satu perkara yang Mai perhatikan, isteri Rasulullah diizinkan masuk menemui baginda meskipun baginda ketika itu sedang berbaring satu selimut bersama isteri yang lain. Ia menunjukkan hubungan yang baik di antara mereka semua. Seandainya kehidupan poligami Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dipenuhi dengan konflik, bukan saja tidak boleh masuk rumah, jumpa di luar rumah pun tak boleh!”

“Ya, betul.”

“Hanya Zainab yang sikapnya cepat marah telah menyerang Aisyah. Akan tetapi Rasulullah bertenang saja melihat apa yang berlaku dan Aisyah telah membalas balik dengan jayanya.”

“Ya, betul.”

“Fakta tambahan yang menarik, sekalipun Zainab menyerang Aisyah, Aisyah tetap memuji-muji Zainab dengan

pujian yang amat baik” tambah Maisarah.

“Benar, menunjukkan bahawa hubungan mereka pada asalnya baik dan harmonis. Hanya sekali-sekala berlaku perselisihan namun perselisihan itu tidaklah menenggelamkan hubungan mereka yang baik lagi harmonis itu” tegas Zaitun.

“Positif. Mai memahami hadis ini secara positif. Bahkan bertambah suka membaca hadis-hadis seperti ini kerana dapat belajar kehidupan sebenar rumahtangga poligami Rasulullah. Sangat jauh berbeza daripada hadis sepotong-sepotong dengan niat negatif yang dilakukan oleh *Sebarkan Cinta-Mu*.”

“*Alhamdulillah*” balas Zaitun sambil tersenyum.

Menjelaskan Konflik Poligami Rasulullah (IV & V)

“Konflik seterusnya di mukasurat 200 tentang Juwairiyah binti al-Haris...” Maisarah terus membaca tanpa diminta oleh Zaitun, menggambarkan semangatnya untuk ingin tahu kebenaran:

Aisyah berkata, “Demi Allah. Aku sangat membencinya saat aku melihatnya dari pintu rumah.” (Rujuk lebih lanjut dalam Sahih Muslim, hadis Urwah dari Aisyah). Lumrah isteri yang mencintai akan mencemburui.

“Oh, jika begitu bacakan sekali contoh konflik kedua yang dikemukakan tentang Juwairiyah binti al-Harits” minta

Zaitun.

Menyedari suaminya menikah lagi kerana kepentingan agama bukan kerana kepentingan nafsu, Aisyah meredai. Katanya, “Maka dibebaskan 100 orang keluarga Bani Mushthaliq kerana pernikahan Juwairiyah. Saya tidak pernah lihat ada wanita yang lebih besar berkatnya bagi kaumnya daripada dia.” (Diriwayatkan daripada Abu Daud dan Ahmad).

“Contoh konflik yang pertama tentang Juwairiyah saya tahu penjelasannya kerana sebentar tadi Kak Tun sudah menunjukkan hadisnya yang sebenar” jawab Maisarah.

“Tidak sekadar itu, kedua-dua contoh konflik yang dikemukakan oleh *Sebarkan Cinta-Mu* tentang Juwairiyah yang disandarkan kepada rujukan hadis yang berbeza-beza, sebenarnya merujuk kepada satu hadis yang sama riwayat Imam Ahmad dalam *Musnadnya*” ulas Zaitun sambil mencari semula hadis tersebut dalam komputer ribanya. Maisarah hanya mampu menggeleng-gelengkan kepalanya.

Daripada Aisyah *radhiallahu 'anha*:

لَمَّا قَسَمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبَايَا بَنِي الْمُصْطَلِقِ
وَقَعَتْ جُوَيْرِيَّةُ بِنْتُ الْحَارِثِ فِي السَّهْمِ لِثَابِتِ بْنِ قَيْسِ بْنِ شِمَاسٍ أَوْ

لَاِبْنِ عَمِّ لَهُ. وَكَاتَبَتْهُ عَلَى نَفْسِهَا وَكَانَتْ امْرَأَةً حُلُوَّةً مُلَاحَةً لَا يَرَاهَا أَحَدٌ إِلَّا أَخَذَتْ بِنَفْسِهِ.

Ketika Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam membahagi tawanan-tawanan perempuan dari Bani Mushthaliq, Juwairiyah binti al-Harits jatuh ke bahagian Tsabit bin Qais bin Syimas atau pada anak pakciknya.

Juwairiyah ingin menebus (membebaskan) dirinya. Adalah beliau seorang wanita yang manis dan cantik, tidaklah seseorang melihatnya kecuali akan mengambilnya untuk dirinya sendiri.

فَأَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَسْتَعِينُهُ فِي كِتَابَتِهَا. قَالَتْ: فَوَاللَّهِ مَا هُوَ إِلَّا أَنْ رَأَيْتُهَا عَلَى بَابِ حُجْرَتِي فَكَرِهْتُهَا وَعَرَفْتُ أَنَّهُ سَيَرَى مِنْهَا مَا رَأَيْتُ.

Maka Juwairiyah mendatangi Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan meminta tolong untuk menebus dirinya. (Aisyah menambah): "Demi Allah, aku tidak melihatnya kecuali dari pintu kamarku namun aku membencinya (kerana kecantikannya yang amat sangat) dan aku mengetahui bahawa baginda akan melihat (kecantikan)nya seperti yang aku lihat."

فَدَخَلَتْ عَلَيْهِ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنَا جُوَيْرِيَّةُ بِنْتُ الْحَارِثِ بْنِ أَبِي ضِرَارٍ سَيِّدِ قَوْمِهِ وَقَدْ أَصَابَنِي مِنَ الْبَلَاءِ مَا لَمْ يَخَفْ عَلَيْكَ فَوَقَعْتُ فِي السَّهْمِ لِثَابِتِ بْنِ قَيْسِ بْنِ الشَّمَّاسِ أَوْ لِابْنِ عَمٍّ لَهُ فَكَاتَبْتُهُ عَلَى نَفْسِي فَجِئْتُكَ أَسْتَعِينُكَ عَلَى كِتَابَتِي.

Kemudian beliau menemui baginda dan berkata:
"Wahai Rasulullah! Aku Juwairiyah binti al-Harits bin Abi Dhirar, pemimpin kaumnya dan sungguh aku terkena musibah yang pasti tidak terselindung lagi daripadamu. Aku menjadi tawanan Tsabit bin Qais bin Syimas atau pada anak pakciknya. Aku ingin menebus diriku dan aku mendatangimu untuk meminta pertolonganmu bagi menebuskan diriku."

قَالَ: فَهَلْ لَكَ فِي خَيْرٍ مِنْ ذَلِكَ؟ قَالَتْ: وَمَا هُوَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟
قَالَ: أَقْضِي كِتَابَتَكَ وَأَتَزَوَّجُكَ. قَالَتْ: نَعَمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ. قَالَ: قَدْ فَعَلْتُ.

Rasulullah berkata: "Apakah kamu mahukan sesuatu yang lebih baik daripada itu?" Juwairiyah menjawab: "Apakah itu wahai Rasulullah?" Rasulullah berkata: "Aku selesaikan penebusanmu dan aku menikahimu." Juwairiyah menjawab: "Baik ya

Rasulullah.” Rasulullah berkata: “Sungguh aku telah melakukannya.”

قَالَتْ: وَخَرَجَ الْحَبْرُ إِلَى النَّاسِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَزَوَّجَ جُوَيْرِيَةَ بِنْتَ الْحَارِثِ. فَقَالَ النَّاسُ: أَصْهَارُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَرْسَلُوا مَا بِأَيْدِيهِمْ. قَالَتْ: فَلَقَدْ أَعْتَقَ بِتَزْوِجِهِ إِيَّاهَا مِائَةَ أَهْلِ بَيْتٍ مِنْ بَنِي الْمُصْطَلِقِ فَمَا أَعْلَمُ امْرَأَةً كَانَتْ أَعْظَمَ بَرَكََةً عَلَى قَوْمِهَا مِنْهَا.

Aisyah berkata, maka tersebarlah khabar kepada orang ramai bahawa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam telah menikahi Juwairiyah binti al-Harits. Orang-orang pun berkata: “Kerabat Rasulullah shallaallahu 'alaihi wa sallam mengirim apa yang mereka miliki (sebagai hadiah pernikahan).” Aisyah melanjutkan, pernikahan ini telah menyebabkan seratus orang ahli keluarga Bani Mushthaliq yang tertawan dibebaskan. Aku tidak mengetahui seorang wanita yang lebih besar keberkatan kepada kaumnya kecuali dia (Juwairiyah).¹⁰⁹

¹⁰⁹ Hasan: Dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Musnad*nya, hadis no: 25161 (*Musnad al-Nisa'*, *Musnad al-Shiddiqah Aisyah binti al-Shiddiq*). Sanadnya dinilai hasan oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 26365.

"Ya, berdasarkan keseluruhan hadis, dapat kita fahami bahawa Aisyah *radhiallahu 'anha* bukan membenci Juwairiyah atau membenci perkahwinan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dengan Juwairiyah. Akan tetapi yang dibenci ialah kecantikan Juwairiyah yang amat sangat. Ini lumrah seorang wanita."

"Meskipun benci, Aisyah tetap mengakui dan menerangkan kecantikan Juwairiyah." Zaitun menguatkan ulasan Maisarah. "Ini menunjukkan kejujuran dan kemuliaan Aisyah serta hubungannya yang baik dengan Juwairiyah. Seandainya hubungan tersebut penuh konflik dan kebencian, nescaya Aisyah tidak akan menerangkan kecantikan Juwairiyah kepada sesiapa jua sehingga tidak tercatat dalam kitab hadis."

"Jika kita sekadar membaca potongan: "Demi Allah. Aku sangat membencinya saat aku melihatnya dari pintu rumah", tentu akan muncul salah faham Aisyah membenci Juwairiyah sepenuhnya" ulas Maisarah sambil melihat semula ke mukasurat 200 novel *Sebarkan Cinta-Mu*.

"Juga..." Maisarah menambah lagi "...Aisyah tidak mengalami perubahan daripada kebencian kepada keredaan dalam kes pernikahan Juwairiyah ini. Ini kerana sejak awal, Aisyah tidak pernah membenci Juwairiyah!"

"Bagaimana pula dengan pembebasan 100 orang

tawanan Bani Mushthaliq?" Zaitun bertanya, seolah-olah ingin menguji ketajaman Maisarah.

"Rasulullah berpoligami dan bersamaan dengan itu, ia memberi manfaat kepada dakwah baginda. Ketika hendak menikahi Juwairiyah, baginda tidak berjanji akan membebaskan 100 orang tawanan Bani Mushthaliq, tetapi sekadar berjanji untuk membebaskan Juwairiyah. Pembebasan 100 orang tawanan itu adalah hasil daripada poligami Rasulullah, bukan tujuan poligami Rasulullah."

"Jadi Rasulullah berpoligami kerana kepentingan agama atau kepentingan nafsu?"

"Nafsu ada yang tercela dan ada yang terpuji. Nafsu menjadi tercela ialah apabila ia dipuaskan dengan cara yang haram lagi buruk, menjadi terpuji apabila ia dipuaskan dengan cara yang halal lagi baik. Haram atau halal, buruk atau baik, diukur berdasarkan keseluruhan syari'at Islam.

Bagi Mai, Rasulullah berpoligami kerana nafsu yang terpuji. Tidak ada apa-apa kesalahan untuk kita mengatakan hal ini kerana ia adalah nafsu yang terpuji, yang baginda lakukan melalui cara yang halal lagi baik. Halal melalui pernikahan, baik melalui pembebasan Juwairiyah sebagai mahar. Adapun kerana kepentingan agama, semua yang Rasulullah lakukan adalah kerana kepentingan agama. Dengan

izin Allah, boleh saja Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyuruh para sahabat-Nya membebaskan semua tawanan tanpa baginda perlu menikahi Juwairiyah.”

“Pandai Mai tu...” Zaitun memujinya lagi “...akan tetapi kita kena berhati-hati dalam menyampaikan perkara ini kerana kebanyakan orang menganggap nafsu seluruhnya adalah tercela. Padahal yang benar ia boleh jadi tercela atau terpuji.”

Menjelaskan Konflik Poligami Rasulullah (VI)

“Contoh konflik terakhir yang ada rujukannya...” Maisarah terus membaca tanpa lengah di mukasurat 202 novel *Sebarkan Cinta-Mu*:

Ketika Rasulullah membawa Shafiyah ke Madinah daripada Perang Khaibar, unta Rasulullah terpeleset, sehingga mereka berdua terjatuh. Wanita-wanita Madinah menunjukkan rasa tidak suka kepada Shafiyah, mereka berkata, “Semoga Allah menjauhi wanita Yahudi ini.” (HR Muslim)

“Ya, kisah tersebut ada dalam *Shahih Muslim*. Ia sebuah hadis yang panjang, menghabarkan tentang Pembukaan Khaibar dan proses Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menikahi Shafiyah binti Huyay *radhiallahu 'anha*. Dalam perjalanan kembali ke Madinah bersama Shafiyah yang baru dinikahinya itu, Anas bin Malik *radhiallahu 'anh* menerangkan:

فَلَمَّا دَنَوْا مِنَ الْمَدِينَةِ دَفَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَدَفَعْنَا قَالَ فَعَثَرَتْ النَّاقَةُ الْعُضْبَاءُ وَنَدَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَنَدَرَتْ فَقَامَ فَسَتَرَهَا وَقَدْ أَشْرَفَتِ النِّسَاءُ فَقُلْنَ: أَبْعَدَ اللَّهُ الْيَهُودِيَّةَ!

Ketika mendekati Madinah, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam mempercepatkan (langkah untanya) dan kami pun ikut mempercepatkan (langkah tunggangan) kami. Anas melanjutkan, tiba-tiba unta baginda yang bernama al-'Adhba' tergelincir, sehingga Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam terjatuh dan Shafiyyah pun terjatuh.

Lalu baginda bangun dan menutupi Shafiyyah (kerana hijabnya tersingkap). Para wanita yang menyaksikan peristiwa itu berkata: "Semoga Allah menjauhkan wanita Yahudi ini."¹¹⁰

"Wah! Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam memang suami terbaik. Apabila melihat hijab isterinya tersingkap akibat jatuh, baginda terus membetulkannya. So sweet!" ulas Maisarah.

"Cuba Mai perhatikan hadis ini. Ia berlaku dalam

¹¹⁰ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2564/1365 (*Kitab al-Nikah, Bab keutamaan membebaskan hamba wanita, kemudian menikahnya*)

Madinah atau di luar Madinah?"

"Hm...di luar Madinah kerana di permulaan hadis, Anas bin Malik berkata: ***Ketika mendekati Madinah...***"

"Ya, betul. Perhatikan pula nukilan dalam *Sebarkan Cinta-Mu...*"

"Oh, dikatakan ...Wanita-wanita Madinah menunjukkan rasa tidak suka kepada Shafiyah..."

"Ya, betul. Terdapat perbezaan kerana wanita-wanita Madinah adalah mereka yang telah dididik dengan nilai-nilai Islam yang baik oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sebahagian mereka pula adalah isteri para sahabat *radhiallahu 'anhum*."

"Wanita di luar Madinah pula kita tidak tahu siapa dan apa agama mereka" Maisarah cepat menangkap maksud yang cuba di sampaikan oleh Zaitun. "Jadi berlaku tokok tambah dalam nukilan dikemukakan oleh *Sebarkan Cinta-Mu*."

"Juga pengurangan, seperti disembunyikan tindakan Rasulullah yang segera membetulkan hijab Shafiyah setelah terjatuh" Zaitun menambah. "Berdasarkan hadis ini, apa kefahaman Mai, positif atau negatif?"

"Positif. Ia menunjukkan bahawa yang penting bukanlah apa yang orang lain kata tetapi apa yang Allah dan Rasul-Nya

kata. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* melakukan perkara yang halal lagi mulia, yakni menikahi Shafyyah. Justeru baginda tidak kisah apabila ada beberapa wanita di luar Madinah yang tidak menyukai Shafiyyah.”

Zaitun mengangguk-angguk setuju, bahkan amat setuju. Sikapnya untuk menerima hakikat bahawa suaminya akan bernikah lagi dikritik secara negatif oleh sebahagian ahli keluarga, sanak-saudara dan rakan-rakan. Zaitun tidak mempedulikan kritikan negatif itu kerana baginya, apa yang penting ialah suaminya melakukan sesuatu yang halal dengan cara yang halal di sisi Allah dan Rasul-Nya. Malah hadis di atas, tentang Shafiyyah dikritik oleh beberapa wanita luar Madinah, menjadi sumber motivasi yang istimewa bagi dirinya dalam menghadapi kritikan negatif tersebut.

Pengurusan Cemburu

“*Alhamdulillah*, Mai amat gembira lagi puas hati dengan perbincangan kita hari ini. Walaupun pada awalnya Mai datang atas hajat ingin menasihati Kak Tun berdasarkan novel *Sebarkan Cinta-Mu* ini, akhirnya Mai yang dapat banyak ilmu baru.”

“*Masya Allah! La quwwata illa biLah*, sama-samalah kita berkongsi ilmu.”

“Bagaimana pula dengan sekian banyak contoh-contoh

konflik poligami Rasulullah tanpa rujukan yang dikemukakan dalam novel ini?"

"Jika yang ada rujukan pun banyak salahnya, bagaimana pula yang tiada rujukan?" tanya Zaitun. "Sebenarnya Kak Tun dah semak. Sebahagiannya sahih, sebahagiannya lemah dan ada yang lebih lemah dari itu. Yang sahih sekalipun, penafsirannya terpulang kepada diri masing-masing, nak faham secara positif atau negatif."

"Mai rasa sungguh tak patut novel ini bersikap demikian, kemudian menghidangkannya kepada sekian ramai pembaca awam yang tidak tahu membezakan antara yang betul dan salah. Kita sepatutnya bertanggungjawab menyebarkan kisah-kisah yang sahih, benar lagi lengkap supaya orang ramai dapat mencintai lagi berpandangan positif terhadap Rasulullah dan ahli keluarganya."

"Ya, betul. Kita tidak menafikan wujud kecemburuan di antara isteri-isteri Rasulullah, *radhiallahu 'anhum*. Ia adalah lumrah mana-mana wanita yang mencintai suami mereka, kerana perasaan cemburu adalah hasil daripada kecintaan yang tinggi kepada suami. Apatah lagi bagi wanita yang memiliki suami sehebat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, tentu bertambah cemburu. Namun apa yang dikesali ialah sikap *Sebarkan Cinta-Mu* yang menonjolkan kecemburuan isteri-isteri Rasulullah dengan cara yang tidak amanah lagi

berburuk sangka” ulas Zaitun sambil mencari-cari sebuah hadis berkenaan kecemburuan Aisyah kepada Rasulullah untuk ditunjuk kepada Maisarah.

Hadis tersebut daripada Aisyah *radhiallahu 'anha*:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ مِنْ عِنْدِهَا لَيْلًا قَالَتْ
فَعَزْتُ عَلَيْهِ فَجَاءَ فَرَأَى مَا أَصْنَعُ فَقَالَ: مَا لَكَ يَا عَائِشَةُ أُعْزِتِ؟

فَقُلْتُ: وَمَا لِي لَا يَغَارُ مِنِّي عَلَى مِثْلِكَ؟

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَقَدْ جَاءَكَ شَيْطَانُكَ؟

قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوْ مَعِيَ شَيْطَانٌ؟

قَالَ نَعَمْ.

قُلْتُ: وَمَعَ كُلِّ إِنْسَانٍ؟

قَالَ: نَعَمْ.

قُلْتُ: وَمَعَكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟

قَالَ: نَعَمْ وَلَكِنْ رَبِّي أَعَانَنِي عَلَيْهِ حَتَّى أَسْلَمَ.

Pada satu malam Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam keluar dari rumahnya dan ini menyebabkan

dia merasa cemburu. Kemudian Rasulullah kembali ke rumah dan mendapati dia sedang dalam keadaan yang cemburu. Lalu baginda bertanya:

"Apa jadi kepada kamu wahai Aisyah? Adakah kamu cemburu?"

"Takkanlah aku tidak cemburu kepada orang sepertimu?"

Kemudian Rasulullah melanjutkan: "Apakah telah datang kepadamu syaitan kamu?"

"Wahai Rasulullah! Apakah bersama aku ada syaitan?"

"Ya."

"Dan (apakah syaitan itu ada) pada setiap manusia?"

"Ya."

(Apakah syaitan juga) bersama kamu wahai Rasulullah?"

"Ya, akan tetapi Tuhanku telah menolongku daripadanya sehingga aku selamat dari gangguannya."¹¹¹

¹¹¹ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no:

"Apa pandangan Kak Tun tentang dakwaan kecemburuan seorang isteri akan mengganggu ketenteraman suami? Gangguan ini akan menjadi sumber dosa bagi isteri dan ini akan merosakkan akhirat isteri terbabit?"

"Kecemburuan bukan sekadar lumrah seorang isteri, akan tetapi merupakan hak seorang isteri. Baik monogami atau poligami, seorang suami hendaklah meraikan hak isteri untuk melahirkan rasa cemburunya. Oleh kerana itu Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak melarang para isterinya daripada melahirkan perasaan cemburu mereka mahupun memerintahkan mereka untuk memendamkannya. Apa yang baginda nasihatkan ialah untuk mengurusinya agar tidak berlebih-lebihan sehingga dimanfaatkan oleh syaitan."

"Ya, setuju. Orang lelaki kalau nak kahwin, baik monogami atau poligami, kena terima pakej kami sepenuhnya. Termasuk dalam pakej kami ialah perasaan cemburu!" ulas Maisarah sambil tersenyum, sedikit berjenaka.

"Kecemburuan seorang isteri tidak akan menjana dosa bagi dirinya. Ini kerana seandainya kecemburuan menjana dosa, bererti ia sesuatu yang haram. Jika haram, nescaya Rasulullah akan segera menegur dan melarang isteri-isterinya

5035/2815 (*Kitab Shifat al-Qiyamah wa al-Jannah wa al-Nar, Bab bisikan syaitan, pengutusan tenteranya bagi memfitnah manusia dan bahawasanya bagi setiap manusia ada qarinnya*)

apabila mereka melahirkan rasa cemburu mereka.

Sebagai seorang Rasul Allah yang diutus kepada manusia, baginda akan menegur serta membetulkan secara serta-merta seandainya sesuatu yang haram atau salah berlaku di hadapan baginda. Atas dasar inilah, apabila para sahabat melakukan sesuatu di hadapan baginda lalu baginda mendiamkannya, bererti hukumnya harus dan ini disebut sebagai *Sunnah Taqririyyah*.

Para isteri Rasulullah pernah melahirkan rasa cemburu mereka di hadapan baginda dan baginda tidak menegur, membetulkan atau melarang mereka. Ini menunjukkan kecemburuan bukanlah suatu perkara haram atau kesalahan yang menjana dosa, apatah lagi merosakkan akhirat seorang isteri. Berbeza jika kecemburuan itu melibatkan hak orang lain, maka hak tersebut mesti diganti semula ketika di dunia ini."

"Setuju juga. Bagi Mai, tersasar jauh apabila seorang isteri itu berkata, 'Disebabkan cemburu, saya ingin bercerai demi memelihara akhirat saya'. Padahal sekadar cemburu, ia tidak merosakkan akhiratnya."

"Kecemburuan tidak boleh disifarkan kerana ia adalah tindak-balas emosi seorang isteri hasil dari cintanya kepada suaminya. Lebih tinggi cinta kepada suami, lebih besar kecemburuan seorang isteri. Kecemburuan juga tidak boleh

dibiarkan begitu sahaja kerana ia akan dimanfaatkan oleh syaitan. Ini sebagaimana hadis kecemburuan Aisyah yang Kak Tun tunjuk sebenar tadi. Syaitan akan menghasut isteri yang cemburu ke arah melakukan perkara-perkara yang haram seperti menyebarkan fitnah atau berbuat zalim kepada isteri lain.

Oleh itu cemburu hendaklah diuruskan agar di pertengahan di antara sifar dan dibiarkan begitu sahaja. Perasaan cemburu adalah salah satu emosi seorang wanita. Ia akan sentiasa naik dan turun seperti mana gembira dan sedih, ceria dan marah. Jangan dibiarkan cemburu turun sehingga sifar, jangan dibiarkan naik sehingga memuncak. Sebaliknya uruskan agar di pertengahan. Ini yang Kak Tun sebut sebagai Pengurusan Cemburu.”

”Ya, betul. Pada awalnya mungkin susah namun jika kita berusaha dan berdoa kepada Allah, nescaya kita akan berjaya menguruskan perasaan cemburu ini” ulas Maisarah seolah-olah menasihati dirinya sendiri.

”Ehh! Dah satu empat lima, jom kita pergi solat Zohor!”

”Ayuh!” jawab Maisarah sambil matanya menjeling ke arah empat tong berwarna yang terdapat di penjuru pejabat itu. Di atasnya tertulis: Lain-Lain, Kaca, Aluminium, Kertas.

Pandangan Sebarkan Cinta-Mu Terhadap Poligami Rasulullah

Pandangan *Sebarkan Cinta-Mu* terhadap kehidupan poligami Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dapat diambil melalui tiga kenyataan berikut:

Di mukasurat 191:

Rasulullah SAW sangat insaf pada keterbatasan manusia bagi berlaku adil sehinggakan apabila Baginda sudah berpoligami, Baginda tidak jemu-jemu merayu taubat dan mengadu kepada Allah tentang keterbatasan itu.

Di mukasurat 662:

“Tidak ada yang pelik. Rasulullah pun berpoligami. Baginda masak benar dengan kesusahannya. Sebab itu baginda tidak mahu semua puterinya dimadukan,” kata ayah.

Di mukasurat 843:

Bakal menantuku,

Ku ingin menjadi ayah sewibawa Rasulullah,

Tidak rela puterinya dimadukan,

Baginda telah melalui kepayahannya,

Tidak mahu menantunya turut kelelahan,

Kerana ia bukan keistimewaan,

Tetapi tanggungjawab yang membeban.

Pandangan-pandangan ini saya serahkan kepada para pembaca sekalian untuk menilainya.

Katakan: Poligami Itu Sunnah

Sebarkan Cinta-Mu dalam mukasurat 215-216 menyatakan:

KEKELIRUAN FAHAM DI SEBALIK AYAT ‘POLIGAMI ITU SUNNAH’

Segelintir orang gemar menggunakan ayat ‘Poligami itu sunnah,’ hingga membekaskan kefahaman kepada sebahagian masyarakat bahawa, poligami itu digalakkan dalam Islam, mulia dan perlu dilakukan oleh sebahagian orang.

Mungkin orang yang mengungkapkan ayat ini bermaksud mengatakan ia sunnah secara umum, iaitu sunnah yang meliputi semua perbuatan Nabi. Namun, ayat ini selalu difahami oleh masyarakat daripada sudut pengertian fiqh, bukannya daripada pengertian para ahli hadis dan para ahli usul.

Sunnah di sisi Fiqh adalah sesuatu perbuatan yang sekiranya dibuat mendapat pahala, sekiranya ditinggalkan tidak berdosa, atau pendek kata ia digalakkan.

Sunnah di sisi ahli hadis lebih luas maksudnya meliputi kata-kata Nabi, perbuatan Nabi, persetujuan Nabi (*taqrir*) dan sifat Nabi daripada sudut fizikal dan akhlak.

Sunnah di sisi para ahli usul pula dihadkan kepada kata-kata Nabi, perbuatan Nabi dan persetujuan Nabi (*Taqrir*) kerana ia mempunyai kesan hukum.

Hukum asal yang tepat bagi poligami ialah harus, bukannya sunnah. Ia mempunyai dalil-dalil yang kuat oleh jumhur ulama bagi meletakkan hukum asal ini.

Wajarkah menggunakan perkataan sunnah dalam konteks ini dengan takrif ahli hadis dan ahli usul, sekiranya nanti masyarakat memahaminya sebagaimana takrif fiqh?

Maka pada hemat penulis, ayat ‘Poligami itu sunnah,’ wajar ditinggalkan sebagaimana kita meninggalkan ayat ‘Penghambaan itu sunnah,’ ‘Pemerdagangan orang itu sunnah,’ ‘Perceraian itu sunnah.’ Supaya masyarakat tidak keliru dan memahaminya sebagai suatu galakan, meskipun Nabi memang melakukan hal-hal di atas ini.

Ada sesetengah golongan yang menyebut begini, “Poligami itu sunnah tetapi hukumnya bukan sunat dan bukan digalakkan.” Namun, perlu diingat bahawa Rasulullah bermonogami selama 25 tahun dan berpoligami selama 10 tahun sahaja pada akhir usia baginda, maka sunnah bermonogami lebih mendominasi daripada sunnah berpoligami. Maka, boleh juga

menyebut monogami itu sunah.

Bagi lebih memendekkan perkataan, tinggalkan sahaja ayat “Poligami itu sunnah” dan bertukar kepada ayat, “Poligami Cuma harus.”

Kenyataan di atas membahas takrif atau maksud sunnah di sisi masyarakat, ahli fiqh, ahli hadis dan ahli usul. Kita tertanya-tanya, di manakah takrif sunnah di sisi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*? Bagi mengetahui lebih lanjut, jemputlah mengkaji artikel saya berikut ini:

Gigitlah Dengan Gigi Geraham...¹¹²

Terdapat beberapa hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang merupakan wasiat baginda kepada umatnya sehingga akhir zaman. Salah satu di antaranya yang masyhur ialah hadis berikut:

أُوصِيكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ عَبْدًا حَبِشِيًّا.
فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ بَعْدِي فَسِيرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي
وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الْمَهْدِيِّينَ الرَّاشِدِينَ تَمَسَّكُوا بِهَا وَعَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ.

¹¹² Artikel ini secara ringkasnya telah disiarkan dalam majalah *Dewan Tamadun Islam* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

وَأَيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٍ وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ.

Aku wasiatkan kepada kalian untuk bertakwa kepada Allah, senantiasa taat dan dengar meskipun yang memerintah adalah seorang budak Habsyi.

Sesungguhnya orang-orang yang hidup setelahku akan melihat perselisihan yang banyak. Maka hendaklah kalian berpegang dengan sunnahku dan sunnah para khalifah yang lurus dan mendapat petunjuk, berpegang teguhlah dengannya dan gigitlah dengan gigi geraham.

Jauhilah oleh kalian perkara-perkara baru (dalam urusan agama), kerana setiap perkara yang baru adalah bid'ah dan setiap bid'ah adalah sesat."

Hadis ini merupakan sebahagian daripada *Hadis 40 Imam al-Nawawi*, no: 28. Secara lengkap ia dikeluarkan oleh Imam Abu Daud dalam kitab *Sunannya*. Sila rujuk *Shahih Sunan Abu Daud*, no: 3991/4607 (*Kitab al-Sunnah, Bab melazimkan diri berpegang pada sunnah*).

Apa yang ingin saya ajak para pembaca fokuskan pada ruangan ini ialah wasiat baginda: **Sesungguhnya orang-orang yang hidup setelahku akan melihat perselisihan yang banyak. Maka hendaklah kalian berpegang dengan sunnahku dan sunnah para khalifah yang lurus dan**

mendapat petunjuk, berpegang teguhlah dengannya dan gigitlah dengan gigi geraham.

Ramalan Masa Hadapan

Di antara kemukjizatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ialah baginda – berdasarkan petunjuk wahyu – dapat meramalkan sesuatu yang akan datang. Rasulullah sebagai seorang manusia tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib. Apa yang baginda khabarkan berkenaan perkara ghaib, seperti ramalan di atas, adalah berdasarkan petunjuk wahyu yang Allah *Subhanahu waTa'ala* berikan kepada baginda. Allah *Subhanahu waTa'ala* menyatakan hakikat ini:

عَالِمُ الْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَى غَيْبِهِ أَحَدًا. إِلَّا مَنِ ارْتَضَى مِنْ رَسُولٍ.

Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Dia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahui-Nya itu kepada sesiapa pun; melainkan kepada mana-mana Rasul yang diredai-Nya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya). [al-Jin 72:26-27]

Jika direnungi ramalan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam hadis di atas, ternyata ia amat benar. Sepeninggalan baginda, berlaku banyak perselisihan pendapat

di kalangan umatnya sehinggalah ke hari ini. Bahkan dijangka perselisihan ini akan terus bertambah sehinggalah ke Hari Kiamat kelak. Ini kerana semakin bertambah ilmu dan daya fikir manusia, semakin bertambah mereka yang mengemukakan pendapat-pendapat yang menyelisihi petunjuk Allah dan Rasul-Nya.

Kesilapan bukanlah kerana bertambahnya ilmu dan daya fikir, tetapi kerana tidak tahu meletakkan ilmu dan daya fikir tersebut di tempat yang betul. Di kalangan orang-orang yang menyelisihi petunjuk Allah dan Rasul-Nya adalah mereka yang solat lima kali sehari. Namun sayang sekali apabila mereka rukuk dan sujud, hanya anggota fizikal yang rukuk dan sujud sementara hati dan pemikiran mereka tidak ikut serta rukuk dan sujud kepada Allah.

Berbeza dengan orang yang meletakkan ilmu dan daya fikir di tempat yang betul. Mereka beriman bahawa tidak ada yang lebih bijak dan pintar daripada petunjuk Allah dan Rasul-Nya. Lalu mereka menggunakan ilmu dan daya fikir mereka untuk beriman dan memahami nas-nas al-Qur'an dan hadis, kemudian berusaha untuk menerapkannya dalam kehidupan masa kini. Mereka inilah yang sebenar-benarnya rukuk dan sujud kepada Allah.

Wasiat Tatkala Menghadapi Perselisihan Yang Banyak

Apakah wasiat atau jalan penyelesaian yang dikhabarkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tatkala melihat perselisihan yang banyak ini? Baginda berpesan: ***Maka hendaklah kalian berpegang dengan sunnahku...***

Sunnah bermaksud semua jalan hidup, pemikiran, amalan dan tunjuk ajar seseorang. Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bermaksud semua jalan hidup, pemikiran, amalan dan tunjuk ajar baginda sejak dilahirkan hinggalah wafat.

Dalam suasana banyaknya perselisihan di kalangan umat Islam, hendaklah kita tetap menjadikan jalan hidup, pemikiran, amalan dan tunjuk ajar Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebagai pegangan. Jangan berpegang kepada pandangan si fulan, jangan terpengaruh dengan pemikiran si fulan, jangan mengikuti amalan si fulan. Sebaliknya peganglah kepada pandangan, pemikiran dan amalan Rasulullah.

Bercakap tentang sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, ia tidak terhad kepada amal ibadah sahaja. Akan tetapi ia meliputi juga soal politik sebagaimana pesan baginda:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ
بِمَعْصِيَةٍ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ.

Diwajibkan mendengar dan taat (kepada pemerintah) ke atas setiap muslim sama ada dalam hal yang dia suka atau benci selagi mana dia tidak diperintah untuk melakukan maksiat. Jika dia diperintah melakukan maksiat maka tiada wajib mendengar dan tidak wajib taat.¹¹³

Tidak wajib dengar dan taat bukanlah bererti menarik kesetiaan kepada pemerintah tersebut dan membuat jamaah baru dengan pemimpin yang baru. Dalam hadis yang lain baginda berpesan:

مَنْ رَأَى مِنْ أَمِيرِهِ شَيْئًا فَكَرِهَهُ فَلْيَصْبِرْ فَإِنَّهُ لَيْسَ أَحَدٌ يُفَارِقُ
الْجَمَاعَةَ شَبْرًا فَيَمُوتُ إِلَّا مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً.

Sesiapa yang melihat pada pemerintahnya sesuatu yang tidak disukainya, hendaklah dia bersabar kerana tidaklah seseorang itu meninggalkan jamaah walau sejengkal lantas dia meninggal dunia, melainkan dia mati dalam keadaan jahiliyah.¹¹⁴

Sunnah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam juga merangkumi urusan keluarga. Para suami misalnya, hendaklah

¹¹³ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 6611/7144 (*Kitab al-Ahkam, Bab dengar dan taat kepada imam ...*).

¹¹⁴ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 6610/7143 (*Kitab al-Ahkam, Bab dengar dan taat kepada imam ...*).

berpegang teguh dan mengamalkan sunnah berikut:

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَخَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِنِسَائِهِمْ خُلُقًا.

Orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya. Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik akhlaknya terhadap para isterinya.¹¹⁵

Sementara bagi para isteri pula, sunnah berikut patut menjadi pegangan:

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَا تُؤَدِّي الْمَرْأَةُ حَقَّ رَبِّهَا حَتَّى تُؤَدِّيَ حَقَّ زَوْجِهَا.

Demi Allah yang jiwa Muhammad berada di tangan-Nya, seorang wanita tidak akan memenuhi hak Rabb-Nya (Allah) sehinggalah dia memenuhi hak suaminya.¹¹⁶

¹¹⁵ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunan*, hadis no: 1082 (*Kitab al-Radha', Bab berkenaan hak wanita ke atas suaminya*). Berkata al-Tirmizi, hadis ini hasan sahih. al-Albani menilainya hasan sahih dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 1162.

¹¹⁶ Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Ibn Majah dalam *Sunan*, hadis no: 1843 (*Kitab al-Nikah, Bab hak suami atas isterinya*) dan ia dinilai hasan sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Ibn Majah*, hadis no: 1853.

Berpegang teguh kepada sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memiliki satu manfaat khusus. Sama-sama kita ketahui dan alami bahawa dalam beragama, adakalanya bersemangat dan adakalanya lemah semangat, adakalanya bermotivasi dan adakalanya terasa malas. Maka beruntunglah seseorang itu apabila dia dalam keadaan lemah semangat dan malas, sedikit-sedikit yang diamalkannya adalah berasaskan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan bukannya apa-apa amal bid'ah yang lain. Manfaat ini dikhabarkan oleh Rasulullah dalam hadis berikut:

لِكُلِّ عَمَلٍ شَرَّةٌ وَلِكُلِّ شَرَّةٍ فِتْرَةٌ فَمَنْ كَانَتْ فِتْرَتُهُ إِلَى سُنَّتِي فَقَدْ اهْتَدَى وَمَنْ كَانَتْ فِتْرَتُهُ إِلَى غَيْرِ ذَلِكَ فَقَدْ هَلَكَ.

Setiap amal memiliki masa-masa semangat dan setiap semangat memiliki masa-masa kelemahan (futura). Maka sesiapa yang masa-masa kelemahannya diarahkan kepada sunnahku, maka dia telah mendapat petunjuk. Sebaliknya sesiapa yang masa-masa kelemahannya diarahkan kepada selain itu maka dia telah binasa.¹¹⁷

¹¹⁷ Sahih: Dikeluarkan oleh Ibn Abi 'Ashim dan Ibn Hibban, dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Targhib wa al-Tarhib*, hadis no: 56 (*Kitab al-Sunnah, Bab ancaman kepada orang yang meninggalkan sunnah...*). Ia juga dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dalam semakannya ke atas *Shahih Ibn Hibban*, hadis no: 11 (*al-Muqaddimah, Bab berpegang kepada sunnah...*).

Oleh itu amat penting bagi kita mengetahui semua sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* agar di masa-masa kelemahan dan kemalasan, kita tetap dapat beramal dengan sunnah baginda yang kecil-kecilan, atau dalam jumlah yang sedikit.

Sunnah Dan Perlaksanaannya

Diulangi bahawa sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ialah semua jalan hidup, pemikiran, amalan dan tunjuk ajar baginda sejak dilahirkan hinggalah wafat. Sunnah ini dari aspek perlaksanaannya terbahagi kepada lima hukum fiqh yang lazim iaitu wajib, sunat, harus (mubah), makruh dan haram.

Contoh sunnah yang wajib ialah setia kepada pemerintah dan tidak berpisah menjadi jamaah-jamaah yang berbilang. Contoh sunnah yang sunat ialah suami yang berakhlak baik kepada isteri dan isteri yang menghormati suami. Contoh sunnah yang harus (mubah) ialah cara berpakaian, makan, minum dan tidur Rasulullah. Pun begitu, di sisi orang-orang yang mengharapkan reda Allah, keselamatan di Hari Akhirat dan banyak mengingati Allah, sunnah-sunnah yang harus (mubah) hukumnya tetap utama untuk diteladani. Ini berdasarkan keumuman firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

Beliau berkata: Sanadnya sahih atas syarat mereka berdua (al-Bukhari dan Muslim).

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ
وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا.

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) Hari Akhirat serta dia pula mengingat Allah banyak-banyak. [al-Ahzab 33:21]

Di sini timbul persoalan, wujudkah sunnah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam yang makruh dan haram untuk kita ikuti atau laksanakan? Jawabannya ya, ada. Contoh sunnah yang makruh ialah menceraikan isteri atau menjatuhkan talak. 'Umar bin al-Khattab menerangkan bahawa ***Rasulullah pernah mentalak Hafsa lalu merujukinya kembali.***¹¹⁸

Ini adalah satu sunnah Rasulullah yang makruh hukumnya untuk kita laksanakan kerana perceraian bukanlah sesuatu yang disukai dalam Islam. Diriwayatkan bahawa:

مَا أَحَلَّ اللَّهُ شَيْئًا أَبْغَضَ إِلَيْهِ مِنَ الطَّلَاقِ.

Tidaklah Allah menghalalkan sesuatu yang lebih

¹¹⁸ Sahih: Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 1943 (*Kitab al-Thalaq, Bab berkenaan rujuk*) dan beliau mendiamkannya. al-Albani menilainya sahih dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 2283.

Dia benci daripada perceraian.¹¹⁹

Diriwayatkan juga:

أَبْغَضُ الْحَلَالِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى الطَّلَاقُ.

Perkara halal yang paling Allah benci adalah perceraian.¹²⁰

Kedua-dua hadis ini memiliki kelemahan yang ringan, sehingga tidak mengapa dikemukakan dalam bab anjuran dan tegahan (*al-Tarhib wa al-Tarhib*).

Sunnah yang makruh ini hanya boleh diikuti dalam suasana terpencil, yakni suami ingin memberi kesedaran dan keinsafan kepada isteri yang lazim menyebabkan dirinya marah setelah pelbagai nasihat dan teguran tidak memberi apa-apa manfaat. Dikhabarkan bahawa Hafshah binti 'Umar al-Khattab adalah seorang isteri Rasulullah yang sering berbantahan dengan baginda sehingga menyebabkan baginda

¹¹⁹ **Dha'if:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 1862 (*Kitab al-Thalaq, Bab dibencinya talak*) dan beliau mendiamkannya. Hadis ini mursal sebagaimana terang al-Sakhawi dalam *al-Maqashid al-Hasanat*, jld. 1, ms. 7. al-Albani menilainya dha'if dalam *Dha'if Sunan Abu Daud*, hadis no: 2177.

¹²⁰ **Dha'if:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunannya*, hadis no: 1863 (*Kitab al-Thalaq, Bab dibencinya talak*) dan beliau mendiamkannya. Hadis ini cacat kerana mursal, demikian terang Ibn Hajar al-'Asqalani dalam *Fath al-Bari*, sebelum mensyarahkan hadis no: 4852/5254. al-Albani menilainya dha'if dalam *Dha'if Sunan Abu Daud*, hadis no: 2178.

marah sepanjang hari.¹²¹ Kemungkinan inilah salah satu sebab baginda menceraikannya dengan talak satu.

Contoh sunnah lain yang makruh hukumnya ialah memiliki hamba. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah memiliki hamba. Pun begitu, baginda menganjurkan pembebasan hamba dan memerdekakan mereka. Salah satu hadis yang dimaksudkan ialah seperti berikut:

مَنْ أَعْتَقَ رَقَبَةً أَعْتَقَ اللَّهُ بِكُلِّ عَضْوٍ مِنْهَا عَضْوًا مِنْ أَعْضَائِهِ مِنَ
النَّارِ حَتَّى فَرَجَهُ بِفَرَجِهِ.

Sesiapa yang memerdekakan hamba, maka Allah akan membebaskan setiap anggota badannya dari api neraka dengan setiap anggota badan hamba yang dimerdekakan, sehinggalah kemaluannya dengan kemaluan (hamba yang dimerdekakan).¹²²

Islam juga membuka jalan dan peluang untuk memerdekakan hamba, seperti melalui *kaffarat* penembus sumpah, nazar dan seks pada siang Ramadhan. Semua ini menunjukkan memiliki hamba bukanlah sesuatu yang disukai sehingga dapat dikategorikan sebagai sunnah yang makruh

¹²¹ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4532/4913 (*Kitab Tafsir al-Qur'an, Bab mencari keredaan isterimu*).

¹²² Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2776/1509 (*Kitab al-'Itq, Bab keutamaan membebaskan budak*).

hukumnya.

Contoh sunnah yang haram hukumnya ialah berpoligami melebihi empat orang isteri. Ini adalah sunnah yang khusus bagi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sahaja sebagaimana firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَحْلَلْنَا لَكَ أَزْوَاجَ اللَّاتِي أَتَيْتَ أَجُورَهُنَّ وَمَا
مَلَكَتْ يَمِينُكَ... خَالِصَةً لَكَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ.

Wahai Nabi, sesungguhnya Kami telah halalkan bagimu isteri-isterimu yang engkau berikan mas kahwinnya dan hamba-hamba perempuan yang engkau miliki..... yang demikian adalah khas bagimu semata-mata, bukan bagi orang-orang yang beriman umumnya.
[al-Ahzab 33:50 secara berpisah]

Adapun bagi umat baginda, maka setiap suami hanya dibolehkan sehingga empat isteri, dengan syarat suami tersebut menepati syarat-syarat poligami yang lain. Syarat-syarat tersebut boleh dirujuk dalam buku saya *202 Pelajaran Berkenaan Poligami* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

Berdasarkan penjelasan di atas, wasiat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk bersungguh-sungguh berpegang kepada sunnahnya hanyalah merujuk kepada sunnah yang hukumnya wajib, sunat dan harus. Ia tidak

merujuk kepada sunnah yang hukumnya makruh dan haram. Justeru tidak wujud di kalangan ilmuan Islam dari dulu hingga kini sebutan “Sunnah menceraikan” atau “Sunnah penghambaan”.

Katakan: Poligami Itu Sunnah

Pada masa kini ada yang berkata: “Usah disebut poligami itu sunnah. Akan tetapi sebutlah poligami itu cuma harus.” Dalam perkataan di atas terdapat kekeliruan yang jelas. Ini kerana meskipun para ilmuan berbeza pendapat sama ada hukum asal poligami adalah sunat atau harus, kedua-duanya (sunat dan harus) masih duduk di dalam kategori sunnah yang patut dipegang dan diikuti. Seandainya dicenderunggi bahawa hukum asal poligami ialah harus, keharusan ini tetap masuk dalam firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ
وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا.

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaaan) Allah dan (balasan baik) Hari Akhirat serta dia pula mengingat Allah banyak-banyak. [al-Ahzab 33:21]

Oleh itu baik sunat atau harus, kita tetap mengatakan "Poligami itu sunnah".

Berpegang Teguhlah Dengannya Dan Gigitlah Dengan Gigi Geraham

Wasiat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk berpegang kepada sunnahnya diikuti dengan pesanan ***berpegang teguhlah dengannya dan gigitlah dengan gigi geraham***. Pesanan ini menunjukkan bahawa berpegang kepada sunnah baginda di akhir zaman dalam suasana banyaknya perselisihan, adalah sesuatu yang sukar lagi mencabar. Orang yang berpegang kepada sunnah baginda akan diremehkan, dianggap kebelakangan, digelar "literalis", asing dan tidak faham keadaan semasa.

Atas dasar inilah baginda menggunakan kiasan gigitlah dengan gigi geraham, menandakan pegangan yang kukuh lagi mantap. Jangan sekadar digigit dengan gigi kacip kerana ia akan mudah terlepas. Oleh itu ayuh, marilah kita berpegang sungguh-sungguh kepada sunnah Rasulullah di akhir zaman ini. Tentu saja sunnah yang dimaksudkan ialah semua jalan hidup, pemikiran, amalan dan tunjuk ajar Rasulullah tanpa difokuskan kepada poligami sahaja.

Mak Cik Membalas Catatan Remaja

Sebarkan Cinta-Mu dari mukasurat 232 hingga 240 mengemukakan sebuah catatan yang ditulis oleh seorang remaja kepada bakal isteri kedua ayahnya. Catatan itu berjudul “Luahan Remaja Buat Kekasih Ayah”. Catatan tersebut agak panjang untuk disalin ke dalam buku ini. Memadai dikemukakan catatan balas Mak Cik terbabit kerana daripada catatan balas ini, para pembaca sekalian akan mendapat gambaran kandungan catatan tersebut. Ia seperti berikut:

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamu'alaikum,

Adik yang prihatin,

Mak cik telah membaca dengan mendalam catatan yang diberikan. Mak cik tidak dapat mengucapkan terima kasih kerana di dalamnya tidak terdapat kebaikan yang sepatutnya ditulis oleh seorang muslimat kepada muslimat yang lain.

Wahai adik,

Bertaqwalah kepada Allah. Adik bertanya sama ada “mak cik mengambil rukhsah (keringanan) untuk

hidup berpoligami sebab takut berzina?” Meskipun ia dalam bentuk pertanyaan, Mak cik tertanya-tanya kenapakah adik memiliki pemikiran yang sempit lagi berburuk sangka hingga bertanya sedemikian?

Apakah anda - wahai adik yang memuji diri sendiri menulis ikhlas kerana Allah SWT - tidak membaca firman Allah Subhanahu waTa'ala:

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ آمَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ.

Sesungguhnya orang-orang yang suka terhebah tuduhan-tuduhan yang buruk di kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian). [al-Nur 24:19]

Wahai adik,

Mungkin disebabkan oleh diri adik yang masih belum matang, adik tidak faham kenapa Mak cik dan ayah adik akan bernikah lagi dan hidup di alam

poligami bersama ibu adik.

Hidup memiliki suami, anak dan keluarga adalah hak semua wanita. Ia adalah hak yang Allah Subhanahu waTa'ala berikan kepada semua wanita, yang dihalalkan-Nya dalam syari'at-Nya. Maka Mak cik tidak lain hanyalah memenuhi hak Mak cik .

Janganlah pula adik, terikut-ikut dengan para pembela hak wanita masa kini. Mereka kononnya hendak membela hak wanita, tetapi mereka sebenarnya membela hak yang mereka pilih sendiri, sesuai dengan kehendak nafsu sendiri.

Dalam bab poligami misalnya, mereka mendakwa konon hendak membela hak wanita sebagai isteri pertama. Akan tetapi mereka lupa kepada hak wanita sebagai isteri kedua, ketiga dan keempat. Seolah-olah isteri-isteri kedua, ketiga atau keempat bukanlah wanita. Kepada Allah sahajalah kami mengadu dan mengharapkan pembelaan sebenar.

Wahai adik,

Janganlah pula adik berkata di luar sana masih

ada banyak lelaki yang belum berkahwin atau yang duda. Ini kerana yang diambil kira bukan kuantiti lelaki tetapi kualitinya. Meskipun adik - semoga Allah mengampuni adik - melihat banyak kekurangan pada ayah adik, namun bagi Mak cik di sebalik kekurangan itu tetap ada banyak kebaikan. Tidak ada lelaki yang sempurna sebagaimana diri kita sendiri bukanlah wanita yang sempurna.

Lelaki masa kini, amat sedikit yang memiliki kualiti, apatah lagi kualiti yang baik. Perhatikan diri adik sendiri. Apabila adik sudah bersedia untuk mendirikan rumahtangga kelak, apakah adik yakin mudah untuk mencari calon suami yang berkualiti? Lelaki yang berkualiti memang ada tetapi lazimnya sudah berpunya.

Adik memiliki tiga pilihan. Pertama, menikahi lelaki yang tidak berkualiti. Kedua, mendidik lelaki supaya menjadi berkualiti kemudian menikahnya. Ketiga, berkongsi suami yang berkualiti kemudian bersama-sama dengan madu untuk terus meningkatkan kualiti dari baik kepada terbaik. Mak

cik memilih yang ketiga. Adik memilih yang mana?

Wahai adik,

Mak cik perhatikan dalam catatan yang diberikan, hampir dua per tiga daripadanya dipenuhi dengan kata-kata ulama' berkenaan poligami. Mak cik tertanya-tanya, apakah adik bersyahadah dengan menyebut nama-nama ulama' tersebut? Ini kerana Mak cik bersyahadah dengan menyebut nama Allah dan Rasul-Nya, lalu Mak cik menjadikan Allah dan Rasul-Nya sebagai paksi kehidupan Mak cik.

Jangan salah faham bahawa Mak cik memandang rendah para ulama' tersebut. Akan tetapi sebagai seorang muslimat, kita perlu memiliki manhaj atau metodologi yang betul dalam beragama. Rujukan, pegangan dan penghujahan kita ialah al-Qur'an dan hadis-hadis yang diketahui darjatnya. Kemudian barulah diikuti dengan penjelasannya oleh para ulama', semoga Allah merahmati mereka. Terima atau tolak penjelasan para ulama' bergantung selari atau tidak dengan nas-nas al-Qur'an dan hadis.

Bersama catatan ini, Mak cik lampirkan sebuah

artikel yang diambil dari *Majalah* terbitan Kumpulan Karangkrak. Mak cik berharap adik menyemaknya dengan baik kerana sikap kita terhadap para ulama' boleh jadi pembeza antara tauhid dan syirik.

Wahai adik,

Mak cik akhiri catatan ini dengan harapan agar adik menasihati diri sendiri sebelum menasihati orang lain. Di dunia ini ada banyak celupan, hanya ada satu celupan yang akan membawa adik kepada Allah, Rahmat-Nya dan Syurga-Nya. Cairkanlah diri adik ke dalam celupan Allah. Celupan yang Mak cik maksudkan ialah firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً؟

Celupan (shibghah) Allah dan siapakah yang lebih baik celupannya daripada Allah? [al-Baqarah 2:138]

Sekian, daripada seorang wanita kepada seorang wanita, daripada seorang muslimat kepada seorang muslimat, daripada seorang mukminat kepada seorang mukminat,

Mak cik.

Ulama': Antara Tauhid Dan Syirik

Majalah i (Mac 2013)

Setiap bidang memiliki orang yang menjadi pakar di dalamnya dan untuk bidang agama, para pakarnya disebut sebagai ulama'. Ulama' ialah kata jamak (*plural*) dari kata tunggalnya (*singular*) – orang alim. Para ulama' Islam dari dulu sehingga kini menjadi rujukan kita semua, bahkan dihormati dan dikasihi. Kitab-kitab mereka menjadi khazanah yang amat berharga dan menjadi koleksi istimewa di perpustakaan awam mahupun peribadi.

Dalam rangka kita merujuk, menghormati dan mengasihi para ulama', ada satu perkara yang ingin saya bawa ke perhatian para pembaca sekalian. Perkara itu ialah, sikap kita terhadap para ulama' merupakan urusan tauhid dan aqidah. Dalam erti kata lain, jika kita tidak memiliki sikap yang betul dalam berinteraksi dengan para ulama', ia boleh membawa kepada syirik dan kerosakan aqidah. Ini akan dapat difahami dengan lebih mendalam melalui ayat al-Qur'an berikut ini dan hadis yang menyusulnya.

Belajar Dari Kesalahan Ahli Kitab

Al-Qur'an seluruhnya adalah untuk kita umat Islam. Apabila di dalamnya Allah *Subhanahu waTa'ala* mengkhabarkan berkenaan Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) dan

golongan musyrik, ia bertujuan agar kita belajar dari kesalahan mereka dan tidak mengulangnya atau menjadikannya sebahagian daripada sikap kita. Antara kesalahan Ahli Kitab yang Allah tonjolkan di dalam al-Qur'an ialah pada ayat berikut:

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهَبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ.

Mereka menjadikan orang-orang alim mereka dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan selain Allah. [al-Taubah 9:31]

Dalam ayat di atas, Allah menerangkan kesalahan golongan Ahli Kitab yang menjadikan orang-orang alim mereka dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan selain Allah. Bagaimanakah cara Ahli Kitab menjadikan orang alim dan rahib tersebut sebagai tuhan? Adakah dengan cara sujud kepada mereka? Adakah dengan cara berdoa kepada mereka? Adakah dengan cara bertawakkal kepada mereka?

Hadis berikut menjelaskan persoalan di atas.

عَنْ عَدِيِّ بْنِ حَاتِمٍ قَالَ: أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَفِي عُنُقِي صَلِيبٌ مِنْ ذَهَبٍ فَقَالَ: يَا عَدِيُّ اطْرَحْ عَنْكَ هَذَا الْوَثْنَ. وَسَمِعْتُهُ يَقْرَأُ فِي سُورَةِ بَرَاءةٍ: ((اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهَبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ)).

قَالَ: أَمَّا إِنَّهُمْ لَمْ يَكُونُوا يَعْبُدُونَهُمْ وَلَكِنَّهُمْ كَانُوا إِذَا أَحْلُوا لَهُمْ شَيْئًا اسْتَحْلَوْهُ وَإِذَا حَرَّمُوا عَلَيْهِمْ شَيْئًا حَرَّمُوهُ.

Daripada 'Adiy bin Hatim, dia berkata: Aku mendatangi Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dan di leherku ada salib emas. Baginda bersabda: "Wahai 'Adiy, buanglah patung ini darimu." Lalu aku mendengar baginda membaca (sebuah ayat) dalam surat al-Bara'ah (nama lain bagi surah al-Taubah): "Mereka menjadikan orang-orang alim mereka dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan selain Allah."

Baginda bersabda: "Ingatlah, sesungguhnya mereka tidak menyembah orang-orang alim dan rahib-rahib tersebut. Akan tetapi mereka, apabila orang-orang alim dan rahib-rahib tersebut menghalalkan sesuatu mereka turut menghalalkannya dan apabila orang-orang alim dan rahib-rahib tersebut mengharamkan sesuatu mereka turut mengharamkannya."¹²³

Berdasarkan hadis di atas, jelaslah kepada kita bentuk sembahsan yang dilakukan oleh Ahli Kitab. Sikap mereka yang

¹²³ Hasan: Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam kitab *Sunan*nya, hadis no: 3020 (*Kitab Tafsir al-Qur'an 'an Rasulallah, Bab daripada surah al-Taubah*) dan beliau menyatakan ia *gharib*. al-Albani menilainya hasan dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 3095. Penjelasan lanjut berkenaan kedudukan hadis ini boleh dirujuk dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah*, hadis no: 3293.

mengikuti secara buta tuli apa yang dihalalkan dan diharamkan oleh para ulama' mereka menyebabkan mereka dinyatakan oleh Allah sebagai menjadikan para ulama' tersebut tuhan selain Allah.

Meski pun ayat dan hadis di atas merujuk kitab sikap Ahli Kitab, pengajaran adalah untuk kita umat Islam. Oleh kerana itulah jika kita mengkaji perkara-perkara yang membatalkan tauhid, salah satu daripadanya ialah mengikuti para ulama' secara membuta tuli dengan membelakangkan al-Qur'an dan al-Sunnah.

Jalan Pertengahan

Umat Islam dalam berinteraksi dengan para ulama' terbahagi kepada tiga kelompok. **Pertama** ialah kelompok yang meremehkan para ulama', mengabaikan pendapat-pendapat mereka dan bahkan menghina mereka. **Kedua** ialah kelompok yang mempertuhankan para ulama' sehingga mengikuti apa saja pendapat atau hukum yang disampaikan oleh ulama'-ulama' tersebut dengan membelakangkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Bahkan ada yang mencukupkan diri dengan perkataan para ulama' dengan tidak membaca langsung ayat-ayat al-Qur'an atau hadis-hadis yang terbabit.

Ketiga ialah kelompok yang di pertengahan. Mereka menjadikan para ulama' sebagai penjelas kepada al-Qur'an dan

al-Sunnah. Mereka selalu mengkaji dan membanding antara petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah, dan pendapat para ulama'. Jika ada pendapat atau hukum para ulama' yang nampaknya tidak selari, maka yang dijadikan pegangan ialah al-Qur'an dan al-Sunnah sementara pendapat para ulama' tersebut diketepikan. Ini dilakukan tanpa menghina atau meremehkan ulama' tersebut.

Marilah kita sama-sama menjadi dari kelompok yang ketiga.

Benarkah Rasulullah Melarang Semua Puterinya Dimadukan?

Ibu Dhiya' terus menerus menasihati orang ramai dalam hal ehwal agama, khususnya pelajar yang bernama Sarra. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, nasihat-nasihat beliau adalah baik, kecuali apabila masuk dalam bab poligami. Dalam bab poligami beliau sering keliru, bahkan ada yang lebih dahsyat dari itu.

Dalam novel *Sebarkan Cinta-Mu*, Ibu Dhiya' menggunakan nama "Ummu Qasdi" ketika berbicara (*chat*) melalui internet. Beliau menyatakan:

Bukan hanya Fatimah, Rasulullah SAW melarang semua puterinya diduakan. (Rujuk hadis Sahih Bukhari dan Muslim). Ini menjadi dalil kita kepada golongan orientalis berkenaan kedudukan sebenar poligami dalam Islam. Islam hanya mengharuskan poligami dalam masalah-masalah tertentu, bukan menggalakkannya. Ada hak-hak wanita yang perlu diraikan. [SCM 246]

Sarra yang sering berbincang dan menadah ilmu daripada Ibu Dhiya' pula menyatakan:

Bukan Fatimah sahaja bahkan semua puteri-puteri

Rasulullah yang lain juga, Rasulullah tidak membenarkan mereka semua dimadukan. Boleh rujuk sendiri syarah Ibnu Hajar berkaitan hadis sahih Bukhari dan Muslim. Jelas ia adalah hak individu. Tiada paksaan. [SCM 349]

Kedua-dua kenyataan di atas diulangi beberapa kali dalam novel *Sebarkan Cinta-Mu*. Contohnya dalam mukasurat 420, dinyatakan bahawa:

Rasulullah melarang semua menantu memadukan puteri-puterinya, sebagaimana hadis Bukhari Muslim. Ia menjadi bukti kuat yang suara wanita diraikan dan dihormati dalam urusan ini, seperti meletakkan syarat *ta'liq* dan haknya untuk minta dibebaskan sekiranya takut agamanya rosak kerana cemburu.

Dalam mukasurat 418 dinyatakan bahawa:

Mengapa selain Fatimah, Rasulullah juga melarang semua puterinya diduakan oleh suami? (Rujuk hadis sahih Bukhari Muslim semasa Rasulullah membanding-bandingkan menantunya dengan Ali).

Kenyataan terakhir ini memberi isyarat bahawa hadis yang dimaksudkan ialah seperti berikut:

أَنَّ الْمِسْوَرَ بْنَ مَخْرَمَةَ قَالَ: إِنَّ عَلِيًّا خَطَبَ بِنْتَ أَبِي جَهْلٍ

فَسَمِعَتْ بِذَلِكَ فَاطِمَةُ فَأَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ:
يَرْغُمُ قَوْمُكَ أَنَّكَ لَا تَغْضَبُ لِبَنَاتِكَ وَهَذَا عَلَيَّ نَاحِحُ بِنْتِ أَبِي جَهْلٍ.

Bahawa al-Miswar bin Makhramah berkata: Ali pernah meminang puteri Abu Jahal lalu hal itu didengar oleh Fathimah. Maka Fathimah menemui Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan berkata: "Kaummu berkata bahwa kamu tidak marah demi puteri-puteri kamu. (Sekarang) ini Ali akan menikahi puteri Abu Jahal."

فَقَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَمِعَتْهُ حِينَ تَشْهَدُ
يَقُولُ: أَمَّا بَعْدُ أَنْكَحْتُ أَبَا الْعَاصِ بْنِ الرَّبِيعِ فَحَدَّثَنِي وَصَدَّقَنِي وَإِنَّ
فَاطِمَةَ بَضْعَةً مِنِّي وَإِنِّي أَكْرَهُ أَنْ يَسُوءَهَا. وَاللَّهِ لَا يَجْتَمِعُ بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبِنْتُ عَدُوِّ اللَّهِ عِنْدَ رَجُلٍ وَاحِدٍ. فَتَرَكَ عَلِيٌّ
الْخُطْبَةَ.

Maka Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam berdiri dan aku mendengar baginda berkata ketika (sesudah) baginda membaca tasyahud: "Adapun setelah itu, aku telah menikahkan (puteriku Zainab) dengan Abu al-'Ash bin al-Rabi', (apabila) dia berbicara denganku, dia berkata benar (jujur) kepadaku.

Dan sesungguhnya Fathimah adalah bahagian daripada diriku dan sungguh aku tidak suka apa yang menyakitinya. Demi Allah, tidak akan berkumpul puteri Rasulullah dan puteri musuh Allah bersama satu orang laki-laki.” (al-Miswar melanjutkan): Maka Ali membatalkan pinangannya.

وَزَادَ مُحَمَّدُ بْنُ عَمْرٍو بْنُ حَلْحَلَةَ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عَلِيِّ بْنِ الْحُسَيْنِ عَنْ مِسْوَرٍ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَذَكَرَ صَهْرًا لَهُ مِنْ بَنِي عَبْدِ شَمْسٍ فَأَتْنِي عَلَيْهِ فِي مُصَاهَرَتِهِ إِيَّاهُ فَأَحْسَنَ قَالَ: حَدَّثَنِي فَصَدَقَنِي وَوَعَدَنِي فَوَفَى لِي.

Muhammad bin Amr bin Halhalah menambah, daripada Ibn Syihab, daripada 'Ali bin al-Husain, daripada Miswar: Aku mendengar Nabi shallallahu 'alaihi wasallam menyebut menantunya daripada Bani 'Abd Syams (yakni Abu al-'Ash bin al-Rabi'), maka baginda memujinya atas hubungan kekerabatan (antara ayah mertua dan menantunya) yang baik. Baginda bersabda: (Apabila) dia berbicara denganku, dia berkata benar (jujur) kepadaku dan apabila dia berjanji kepadaku dan menepati janjinya kepadaku.¹²⁴

¹²⁴

Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no:

Apabila dikatakan: Rujuk hadis sahih Bukhari Muslim semasa Rasulullah membanding-bandingkan menantunya dengan Ali, maka yang dimaksudkan ialah bahagian berikut daripada hadis di atas:

Aku mendengar Nabi shallallahu 'alaihi wasallam menyebut menantunya daripada Bani 'Abd Syams (yakni Abu al-'Ash bin al-Rabi'), maka baginda memujinya atas hubungan kekerabatan (antara ayah mertua dan menantunya) yang baik. Baginda bersabda:

(Apabila) dia berbicara denganku, dia berkata benar (jujur) kepadaku dan apabila dia berjanji kepadaku dan menepati janjinya kepadaku.

Terhadap hadis ini, *Sebarkan Cinta-Mu* berhujah:

Difahami daripada konteks kisah ini Rasulullah telah mensyaratkan kepada Ali supaya tidak memadukan Fatimah kerana Rasulullah SAW menyebut menantunya yang lain telah menunaikan janji, dan jelas bahawa menantu yang lain memenuhi satu syarat iaitu tidak memadukan puteri Rasulullah, sebagaimana Rasulullah SAW berkata, “Dia berkata kepadaku, dia jujur

3450/3729 (*Kitab al-Manaqib, Bab kerabat Nabi shallallahu 'alaihi wasallam melalui pernikahan, di antara mereka: Abu al-'Ash bin al-Rabi'*). Hadis ini juga dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* dan telah dikemukakan dalam buku ini, dalam bab: Benarkah Fatimah Tidak Rela Dimadukan?

kepadaku, dia berjanji kepadaku maka dia memenuhi janjinya.” Berkata al-Hafiz Ibnu Hajar, “Dia berkata kepadaku, dia jujur kepadaku.” Ia seperti syarat ke atas dirinya supaya tidak memadukan Zainab. Begitu juga Ali, jika dia tidak berbuat begitu juga (memenuhi syarat itu) ia mungkin lupa pada syarat itu, maka didatangkanlah dalam khutbah. Ataupun tidak berlaku pun syarat jika tidak dijelaskan bahawa itu syarat, tetapi menjadi kemestian ke atasnya meraikan ketetapan ini. Oleh sebab itulah berlakunya cercaan (ke atas kesalahannya supaya dibetulkan). [SCM 486]

Marilah kita menganalisa dan memberikan beberapa catatan ke atas hujah *Sebarkan Cinta-Mu* ini:

Catatan Pertama:

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:
(Apabila) dia berbicara denganku, dia berkata benar (jujur) kepadaku dan apabila dia berjanji kepadaku dan menepati janjinya kepadaku.

Sabda ini adalah terlalu umum untuk dikatakan secara mukhtamad bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah melarang semua menantunya daripada memadukan semua puterinya. Paling dekat ialah satu kemungkinan dan inilah yang sebenarnya dikatakan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah*.

Catatan Kedua:

Marilah kita semak kata-kata sebenar Ibn Hajar al-'Asqalani:

...قوله ((حدثني فصدقني)) لعله كان شرط على نفسه ان لا يتزوج على زينب وكذلك علي فان لم يكن كذلك فهو محمول على ان عليا نسي ذلك الشرط فلذلك اقدم على الخطبة أو لم يقع عليه شرط إذ لم يصرح بالشرط. لكن كان ينبغي له أن يراعي هذا القدر فلذلك وقعت المعاتبة. وكان النبي صلى الله عليه وسلم قل أن يواجه أحدا بما يعاب به، ولعله إنما جهر بمعاتبة علي مبالغة في رضا فاطمة عليها السلام.

Sabda Rasulullah "*(Apabila) dia berbicara denganku, dia berkata benar (jujur) kepadaku*": Mungkin Abu al-'Ash telah mensyaratkan ke atas dirinya sendiri bahawa dia tidak akan memadukan Zainab. Demikianlah juga Ali, namun kemungkinan Ali telah terlupa lalu dia mengajukan pinangan (kepada puteri Abu Jahal). Atau sememangnya tidak ada (apa-apa) persyaratan kerana tidak ada bukti jelas berkenaan wujudnya syarat tersebut. Pun begitu, menjadi kemestian kepadanya (Ali) untuk meraikan ketentuan ini (bahawa *tidak akan berkumpul puteri Rasulullah dan puteri musuh Allah*

bersama satu orang laki-laki).

Maka atas sebab inilah berlaku kritikan (ke atas Ali oleh Rasulullah di hadapan orang ramai). Lazimnya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* jarang-jarang mengkritik seseorang dengan cara demikian. Mungkin, kritikan itu dilakukan ke atas 'Ali dengan kuat (di hadapan orang ramai) tidak lain demi memberikan ketenangan kepada Fatimah, salam sejahtera ke atasnya.¹²⁵

Cuba semak kata-kata sebenar Ibn Hajar al-'Asqalani dengan kenyataan *Sebarkan Cinta-Mu*. Perhatikan bahawa:

- Wujud kemungkinan Abu al-'Ash dan Ali bin Abi Thalib telah berjanji untuk tidak memadukan Zainab dan Fatimah.
- Kemungkinan yang disebut oleh Ibn Hajar al-'Asqalani telah diterjemahan oleh *Sebarkan Cinta-Mu* sebagai: Ia seperti syarat ke atas dirinya...
- Akan tetapi bezakan bahawa bukan Rasulullah yang mensyaratkan kepada Abu al-'Ash dan Ali, sebaliknya mereka berdua yang mensyaratkannya ke atas diri sendiri untuk tidak memadukan Zainab dan Fatimah.

¹²⁵ *Fath al-Bari*, syarah kepada hadis no: 3450/3729. Tulisan dalam kurungan adalah tambahan saya sendiri bagi membantu kefahaman para pembaca.

- Pun begitu, wujud juga kemungkinan tidak ada syarat-syarat sedemikian kerana tidak ada bukti jelas mengenainya.
- Ibn Hajar al-'Asqalani hanya membicarakan kemungkinan ini terhadap dua menantu Rasulullah dan bukannya semua.

Catatan Ketiga:

Di sebalik kemungkinan-kemungkinan di atas, terdapat kata-kata lain Ibn Hajar al-'Asqalani yang bersifat kepastian, yang tidak dikemukakan oleh *Sebarkan Cinta-Mu*. Ibn Hajar al-'Asqalani telah menjelaskannya terlebih awal dan ia seperti berikut:

... وتزوج زينب بنت رسول الله صلى الله عليه وسلم قبل البعثة وهي أكبر بنات النبي صلى الله عليه وسلم. وقد أسر أبو العاص ببدر مع المشركين وفدته زينب فشرط عليه النبي صلى الله عليه وسلم ان يرسلها إليه فوفى له بذلك. فهذا معنى قوله في اخر الحديث ووعدي فوفى لي.

(Abu al-'Ash bin al-Rabi') menikahi Zainab binti Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sebelum baginda diutus menjadi Rasul. Beliau (Zainab) adalah puteri sulung Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Abu al-'Ash telah tertawan dalam Perang Badar bersama orang-orang musyrikin. Lalu Zainab telah menebusnya (Abu al-'Ash), maka Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* memberi syarat kepada Abu al-'Ash agar mengiriskan Zainab kepadanya (Zainab ketika itu masih di Mekah kerana Abu al-'Ash tidak membenarkannya ikut hijrah ke Madinah). Abu al-'Ash menepati janji ini. Maka inilah maksud sabda Rasulullah pada akhir hadis: *Dia berjanji kepadaku dan menepati janjinya kepadaku.*¹²⁶

Catatan Keempat:

Terdapat beberapa ulama' lain yang turut berpendapat, mungkin ada perjanjian atau syarat *ta'liq* bahawa Ali bin Abi Thalib tidak boleh memadukan Fatimah, *radhiallahu 'anhuma*. Syarat itu jika tidak wujud dalam bentuk lisan atau bertulis, mungkin wujud dalam bentuk kebiasaan masyarakat atau adat istiadat (*al-Uruf*).

Merujuk kepada kemungkinan ini, hendaklah diketahui bahawa syarat *ta'liq* perkahwinan, baik dalam bentuk lisan, bertulis atau kebiasaan masyarakat, tidak boleh bersifat menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal.

¹²⁶ *Fath al-Bari*, syarah kepada *Kitab al-Manaqib*, Bab kerabat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* melalui pernikahan, di antara mereka: Abu al-'Ash bin al-Rabi'. Tulisan dalam kurungan adalah tambahan saya sendiri bagi membantu kefahaman para pembaca.

'Amr bin 'Auf al-Muzani *radhiallahu 'anh* menerangkan:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ
الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا وَالْمُسْلِمُونَ عَلَى
شُرُوطِهِمْ إِلَّا شَرْطًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا.

Bahawasanya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Perdamaian dibolehkan di antara kaum muslimin kecuali perdamaian yang mengharamkan apa yang halal atau menghalalkan apa yang haram.

Dan kaum muslimin berada di atas syarat-syarat (yang dipersetujui di antara mereka) kecuali syarat yang mengharamkan apa yang halal atau menghalalkan apa yang haram.¹²⁷

Merujuk kepada poligami, sekalipun terdapat perbezaan pendapat sama ada hukum asalnya adalah harus atau sunat, ia tetap duduk dalam kategori halal. Ini jelas terbukti dalam sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menyentuh isu halal dan haram ketika merujuk kepada perancangan Ali yang hendak memadukan Fatimah:

¹²⁷ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 1272 (*Kitab al-Ahkam 'an Rasulullah, Bab apa yang disebut daripada Rasulullah berkenaan perdamaian di antara manusia*). Berkata al-Tirmizi: Hadis ini hasan sahih. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 1352.

وَإِنِّي لَسْتُ أُحَرِّمُ حَلَالًا وَلَا أُحِلُّ حَرَامًا وَلَكِنَّ وَاللَّهِ لَا يَجْتَمِعُ
بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبِنْتُ عَدُوِّ اللَّهِ مَكَانًا وَاحِدًا
أَبَدًا.

Dan sesungguhnya aku bukan mengharamkan sesuatu yang halal dan tidak pula menghalalkan sesuatu yang haram. Akan tetapi Demi Allah, tidak akan berkumpul puteri Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dengan puteri musuh Allah di satu tempat selama-lamanya.¹²⁸

Oleh itu yang lebih tepat, poligami adalah perkara halal yang tidak boleh diharamkan atau dilarang dengan syarat *ta'liq* perkahwinan.¹²⁹ Kita juga tidak ada bukti muktamad bahawa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam telah membuat syarat *ta'liq* bagi puterinya sementara syarat itu bertentangan dengan sabda baginda sendiri: ***Dan kaum muslimin berada di atas syarat-syarat (yang dipersetujui di antara mereka) kecuali syarat yang mengharamkan apa yang halal atau***

¹²⁸ Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4484/2449 (*Kitab Fadha'il al-Shahabah, Bab keutamaan Fatimah binti Nabi*). Lafaz yang lebih lengkap akan dikemukakan dalam bab Menyemak Kata-Kata Sebenar Imam Al-Nawawi

¹²⁹ Secara lebih mendalam, terdapat perbezaan pendapat di kalangan para ulama' tentang hal ini. Oleh itulah saya menyebut "...yang lebih tepat...". Pendapat-pendapat ini akan dikemukakan dalam bab Menyemak Kata-Kata Sebenar Wahbah Al-Zuhaili

menghalalkan apa yang haram.

Catatan Kelima:

Seandainya benar wujud perjanjian *ta'liq* di antara Ali dan Fatimah, nescaya Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* akan melarang Ali menikah lagi berdasarkan perjanjian tersebut. Akan tetapi hakikatnya, baginda tidak menyentuh tentang apa-apa perjanjian *ta'liq* antara Ali dan Fatimah, sebaliknya melarang Ali bernikah lagi atas dasar: ***"...Demi Allah, tidak akan berkumpul puteri Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dengan puteri musuh Allah di satu tempat selama-lamanya."***

Akhir kata, merujuk kepada soalan **Benarkah Rasulullah Melarang Semua Puterinya Dimadukan?**, jawabannya ialah tidak benar.

Benarkah Fatimah Lebih Rela Diceraikan Daripada Dimadukan?

Ummu Qasdi berhujah lagi bahawa:

Rujuk hadis sahih laporan Bukhari dan Muslim tentang Fatimah az-Zahra yang lebih rela diceraikan daripada dipoligami. Itu haknya yang patut dihormati demi kepentingan akhiratnya. [SCM 250]

Timbul persoalan, benarkah Fatimah lebih rela diceraikan daripada dimadukan? Jawapannya, tidak benar kerana tidak ada bukti kukuh dalam dakwaan ini. Apa yang benar ialah Rasulullah sendiri yang mengancam Ali bin Abi Thalib dengan perceraian. Perhatikan hadis berikut:

أَنَّ الْمِسْوَرَ بْنَ مَخْرَمَةَ حَدَّثَهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمَنْبَرِ وَهُوَ يَقُولُ:

إِنَّ بَنِي هِشَامِ بْنِ الْمُغِيرَةِ اسْتَأْذَنُونِي أَنْ يُنْكَحُوا ابْنَتَهُمْ عَلِيَّ بْنَ أَبِي طَالِبٍ. فَلَا آذَنْ لَهُمْ ثُمَّ لَا آذَنْ لَهُمْ ثُمَّ لَا آذَنْ لَهُمْ إِلَّا أَنْ يُحِبَّ ابْنُ أَبِي طَالِبٍ أَنْ يُطَلَّقَ ابْنَتِي وَيُنْكَحَ ابْنَتَهُمْ. فَإِنَّمَا ابْنَتِي بَضْعَةٌ مِنِّي يَرِيْبُنِي مَا رَابَهَا وَيُؤْذِنِي مَا آذَاهَا.

al-Miswar bin Makhramah menerangkan bahawa

dia mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam berkhotbah di atas mimbar:

"Sesungguhnya Bani Hisyam bin al-Mughirah meminta izin kepadaku untuk menikahkan anak mereka (puteri Abu Jahal) dengan Ali bin Abu Thalib, maka aku tidak mengizinkan mereka, kemudian (mereka minta izin lagi namun) aku tetap tidak mengizinkan mereka, kemudian (mereka meminta izin lagi namun) aku tetap tidak izinkan mereka melainkan (Ali) Ibn Abi Thalib menceraikan puteriku (Fatimah) kemudian menikahi anak mereka.

Ini kerana sesungguhnya puteriku tidak lain adalah bahagian daripadaku. Membimbangkan aku apa yang membimbangkannya dan menyakiti aku apa yang menyakitinya.¹³⁰

Dalam hadis di atas jelas bahawa bukan Fatimah yang meminta cerai daripada Ali tetapi Rasulullah sendiri yang mengancam Ali dengan perceraian.

¹³⁰ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4482/2449 (*Kitab Fadha'il al-Shahabah, Bab keutamaan Fatimah binti Nabi*). Bani Hisyam bin al-Mughirah merujuk kepada kelompok keluarga Abu Jahal. Nama sebenar Abu Jahal ialah Abu al-Hakam Amr bin Hisyam bin al-Mughirah. Selain itu terdapat perbincangan cara sebutan yang tepat, sama ada "Hisyam" atau "Hasyim". Lebih lanjut, rujuk *Fath al-Bari*, syarah kepada hadis no: 4829/5230.

Timbul persoalan lanjut, mengapakah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam mengancam Ali untuk bercerai dengan Fatimah jika dia hendak menikahi puteri Abu Jahal? Mungkinkah kerana tindakan Ali itu membimbangkan dan menyakiti Fatimah sebagaimana sabda Rasulullah di akhir hadis: ***Ini kerana sesungguhnya puteriku tidak lain adalah bahagian daripadaku. Membimbangkan aku apa yang membimbangkannya dan menyakiti aku apa yang menyakitinya.***

Jawapannya dapat dilihat dalam hadis yang lain. Hadis-hadis ini saling melengkapi dan menjelaskan di antara satu sama lain sehingga dapat kita jadikan sebagai rujukan:

أَنَّ الْمِسْوَرَ بْنَ مَخْرَمَةَ قَالَ: إِنَّ عَلِيًّا خَطَبَ بِنْتَ أَبِي جَهْلٍ
فَسَمِعَتْ بِذَلِكَ فَاطِمَةُ فَأَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ:
يَزْعُمُ قَوْمُكَ أَنَّكَ لَا تَغْضَبُ لِبَنَاتِكَ وَهَذَا عَلِيٌّ نَاكِحٌ بِنْتَ أَبِي جَهْلٍ.

Bahawa al-Miswar bin Makhramah berkata: Ali pernah meminang puteri Abu Jahal lalu hal itu didengar oleh Fathimah. Maka Fathimah menemui Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan berkata: "Kaummu berkata bahwa kamu tidak marah demi puteri-puteri kamu. (Sekarang) ini Ali akan menikahi puteri Abu Jahal."

فَقَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَمِعْتُهُ حِينَ تَشْهَدُ
يَقُولُ: أَمَّا بَعْدُ أَنْكَحْتُ أَبَا الْعَاصِ بْنِ الرَّبِيعِ فَحَدَّثَنِي وَصَدَّقَنِي وَإِنَّ
فَاطِمَةَ بَضْعَةً مِنِّي وَإِنِّي أَكْرَهُ أَنْ يَسُوءَهَا. وَاللَّهِ لَا يَجْتَمِعُ بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبِنْتُ عَدُوِّ اللَّهِ عِنْدَ رَجُلٍ وَاحِدٍ. فَتَرَكَ عَلِيٌّ
الْخُطْبَةَ.

Maka Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam berdiri dan aku mendengar baginda berkata ketika (sesudah) baginda membaca tasyahud: "Adapun setelah itu, aku telah menikahkan (puteriku Zainab) dengan Abu al-'Ash bin al-Rabi', (apabila) dia berbicara denganku, dia berkata benar (jujur) kepadaku.

Dan sesungguhnya Fathimah adalah bahagian daripada diriku dan sungguh aku tidak suka apa yang menyakitinya. Demi Allah, tidak akan berkumpul puteri Rasulullah dan puteri musuh Allah bersama satu orang laki-laki." (al-Miswar melanjutkan): Maka Ali membatalkan pinangannya.¹³¹

Berdasarkan hadis kedua ini, dapat difahami bahawa:

¹³¹ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 3450/3729 (*Kitab al-Manaqib, Bab kerabat Nabi shallallahu 'alaihi wasallam melalui pernikahan, di antara mereka: Abu al-'Ash bin al-Rabi'*).

- Sebab Rasulullah mengancam Ali dengan perceraian ialah kerana puteri Rasul Allah (yakni Fatimah) tidak boleh dimadukan dengan puteri musuh Allah. Baginda bersabda: ***Demi Allah, tidak akan berkumpul puteri Rasulullah dan puteri musuh Allah bersama satu orang laki-laki.*** Jika Ali tetap hendak menikahi puteri Abu Jahal, hendaklah dia terlebih dahulu menceraikan Fatimah.
- Kebimbangan dan kesakitan yang dihadapi oleh Fatimah bukanlah disebabkan tindakan Ali yang ingin nikah lagi, tetapi disebabkan oleh tindakan orang ramai. Perhatikan aduan Fatimah: ***"Kaummu berkata bahwa kamu tidak marah demi puteri-puteri kamu. (Sekarang) ini Ali akan menikahi puteri Abu Jahal."*** Maka Rasulullah bersabda kepada orang ramai: ***"Dan sesungguhnya Fathimah adalah bahagian daripada diriku dan sungguh aku tidak suka apa yang menyakitinya."***

Bagi mencapai kefahaman yang lebih baik, sila ulangkaji bab **Benarkah Fatimah Tidak Rela Dimadukan?**

Menyemak Kata-Kata Sebenar Imam Al-Nawawi

Ummu Qasdi – yakni Ibu Dhiya’ - menyatakan:

Dalam syarah Imam Nawawi, perkahwinan Ali dengan puteri Abu Jahal adalah harus tetapi Rasulullah SAW menegahnya kerana baginda takut agama Fatimah rosak akibat cemburu. [SCM 245-246]

Pendapat yang disandarkan kepada al-Nawawi ini diulang beberapa kali dalam novel *Sebarkan Cinta-Mu*. Antaranya:

Rasulullah SAW sendiri melarang semua puteri-puterinya daripada dimadu menurut hadis sahih Bukhari dan Muslim kerana takut agama mereka rosak lantaran cemburu, syarah Imam Nawawi. [SCM 237]

Rasulullah SAW sendiri melarang Sayyidina Ali memadukan puterinya kerana takut hal-hal yang buruk berlaku ke atas calon penghulu bidadari syurga itu akibat kecemburuannya, begitu syarah Imam Nawawi terhadap satu hadis sahih. [SCM 373]

Berkaitan hak Fatimah az-Zahra dan hak wanita Muslimah

dalam soal poligami.

Adakah Fatimah az-Zahra sedang mementingkan diri sendiri dan mementingkan sesaat ketika enggan diduakan oleh suaminya?

Adakah Fatimah az-Zahra sanggup meminggirkan kepentingan ramai?

Adakah Islam sebenarnya tidak memberikan hak kepadanya membuat pilihan?

Adakah dia tidak sanggup berkorban ketika itu?

Fatimah az-Zahra adalah ketua bidadari syurga, wanita terbaik di dunia. Sudah tentu juga akhlaknya adalah akhlak wanita yang terbaik. Imam Nawawi menjelaskan ia untuk kepentingan akhiratnya, iaitu supaya agamanya tidak rosak kerana cemburu. [SCM 417]

Dalam mukasurat 531, perkara ini diberikan penjelasan yang lebih terperinci:

Kelukaan Hati Fatimah Bermakna Kelukaan Hati Rasulullah

Imam Nawawi berkata, daripada hadis di bawah ini para ulama mengambil kesimpulan, “Tidak boleh menyakiti Rasulullah SAW

walaupun pada perkara yang harus. Seperti keadaan Fatimah, perkahwinan puteri Abu Jahal dengan Ali sebenarnya harus dilakukan tetapi Rasulullah SAW melarangnya dengan dua alasan:

1. Pernikahan itu akan menyakiti Fatimah, dan itu menyakiti Rasulullah.
2. Khawatir terjadi hal-hal yang tidak baik kepada Fatimah yang timbul daripada rasa cemburu.” (Rujuk *Syarhun Nawawi*: 16/4)

Berikut adalah hadis yang dimaksudkan: Suatu hari Sayyidina Ali RA dipinang oleh Abu Jahal untuk puterinya. Hal itu amat menyakitkan Fatimah. Apabila diadukan kepada ayahandanya, ternyata Rasulullah SAW juga berasa disakiti dengan apa yang menyakitkan puterinya.

Mishwar bin Makhramah pernah mendengar Rasulullah SAW berkata di atas mimbar, “Bani Hasyim bin Mughirah memintaku merestui pernikahan puteri mereka dengan Ali bin Abi Thalib. Aku tidak izinkan dan aku tidak izinkan. Kecuali jika Ali menceraikan puteriku dan menikahi puteri mereka. Puteriku adalah bahagian daripadaku. Apa yang membuatnya gelisah juga membuatku gelisah, dan apa yang menyakitkannya juga menyakitiku.” (Rujuk Hadis yang direkod oleh Muslim, 2449).

Maka Ali RA menolak pinangan Abu Jahal.

Marilah kita semak kata-kata sebenar al-Nawawi *rahimahullah*. Beliau dalam rangka mensyarahkan hadis-hadis tentang keutamaan Fatimah binti Muhammad *radhiallahu 'anha*. Hadis-hadis tersebut adalah seperti berikut:

Hadis Pertama:

أَنَّ الْمِسْوَرَ بْنَ مَخْرَمَةَ حَدَّثَهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمِنْبَرِ وَهُوَ يَقُولُ:

إِنَّ بَنِي هِشَامِ بْنِ الْمُغِيرَةِ اسْتَأْذَنُونِي أَنْ يُنْكَحُوا ابْنَتَهُمْ عَلِيَّ بْنَ أَبِي طَالِبٍ. فَلَا آذُنَ لَهُمْ ثُمَّ لَا آذُنَ لَهُمْ ثُمَّ لَا آذُنَ لَهُمْ إِلَّا أَنْ يُحِبَّ ابْنُ أَبِي طَالِبٍ أَنْ يُطَلَّقَ ابْنَتِي وَيُنْكَحَ ابْنَتَهُمْ.

فَإِنَّمَا ابْنَتِي بَضْعَةٌ مِنِّي يَرِيْبُنِي مَا رَابَهَا وَيُؤْذِنُنِي مَا آذَاهَا.

al-Miswar bin Makhramah menerangkan bahawa dia mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam berkhotbah di atas mimbar:

"Sesungguhnya Bani Hisyam bin al-Mughirah meminta izin kepadaku untuk menikahkan anak mereka (puteri Abu Jahal) dengan Ali bin Abu Thalib, maka aku tidak mengizinkan mereka, kemudian (mereka minta izin

lagi namun) aku tetap tidak mengizinkan mereka, kemudian (mereka meminta izin lagi namun) aku tetap tidak izinkan mereka melainkan (Ali) Ibn Abi Thalib menceraikan puteriku (Fatimah) kemudian menikahi anak mereka.

Ini kerana sesungguhnya puteriku tidak lain adalah bahagian daripadaku. Membimbangkan aku apa yang membimbangkannya dan menyakiti aku apa yang menyakitinya.”¹³²

Hadis Kedua:

al-Miswar bin Makhramah *radhiallahu 'anh* berkata:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّمَا فَاطِمَةُ بَضْعَةٌ مِنِّي
يُؤْذِينِي مَا آذَاهَا.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Fatimah tidak lain adalah bahagian daripadaku. Menyakiti aku apa yang menyakitinya.”¹³³

Hadis Ketiga:

al-Miswar bin Makhramah *radhiallahu 'anh* berkata:

¹³² Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4482/2449 (*Kitab Fadhail al-Shahabah, Bab keutamaan Fatimah binti Nabi*).

¹³³ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4483/2449 (*Kitab Fadhail al-Shahabah, Bab keutamaan Fatimah binti Nabi*).

إِنَّ عَلِيَّ بْنَ أَبِي طَالِبٍ خَطَبَ بِنْتَ أَبِي جَهْلٍ عَلَى فَاطِمَةَ.
فَسَمِعَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَخْطُبُ النَّاسَ فِي ذَلِكَ
عَلَى مِنْبَرِهِ هَذَا وَأَنَا يَوْمَئِذٍ مُحْتَلِمٌ. فَقَالَ: إِنَّ فَاطِمَةَ مِنِّي وَإِنِّي أَتَخَوَّفُ أَنْ
تُفَنَّنَ فِي دِينِهَا.

قَالَ: ثُمَّ ذَكَرَ صَهْرًا لَهُ مِنْ بَنِي عَبْدِ شَمْسٍ فَأَتَتْهُ عَلَيْهِ فِي مُصَاهَرَتِهِ
إِيَّاهُ فَأَحْسَنَ. قَالَ: حَدَّثَنِي فَصَدَقَنِي وَوَعَدَنِي فَأَوْفَى لِي.

وَإِنِّي لَسْتُ أُحَرِّمُ حَالًا وَلَا أُحِلُّ حَرَامًا وَلَكِنْ وَاللَّهِ لَا يَجْتَمِعُ
بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبِنْتُ عَدُوِّ اللَّهِ مَكَانًا وَاحِدًا
أَبَدًا.

Sesungguhnya Ali bin Abu Thalib pernah meminang puteri Abu Jahal dengan memadukan Fatimah. Lalu aku mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam berkhotbah di atas mimbar ini mengenai hal itu, yang pada waktu itu aku sudah pun baligh. Baginda berkhotbah: "Sesungguhnya Fatimah adalah bahagian daripadaku, sesungguhnya aku bimbang terjadi fitnah pada agamanya."

Kemudian baginda menyebutkan kekerabatan baginda dengan Bani Abd Syams (di mana puteranya

Abu al-'Ash bin al-Rabi' telah menikahi Zainah puteri Nabi), memujinya atas kedekatan baginda dengannya dan menyebut-nyebut kebbaikannya. Baginda bersabda: "(Apabila) dia berbicara denganku, dia berkata benar (jujur) kepadaku. (Apabila) dia berjanji denganku, dia menepati janjinya kepadaku."

(Seterusnya baginda kembali kepada hal pinangan Ali bin Abi Thalib kepada puteri Abu Jahal dengan bersabda): "Dan sesungguhnya aku bukan mengharamkan sesuatu yang halal dan tidak pula menghalalkan sesuatu yang haram. Akan tetapi Demi Allah, tidak akan berkumpul puteri Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dengan puteri musuh Allah di satu tempat selama-lamanya."¹³⁴

Hadis Keempat:

al-Miswar bin Makhramah *radhiallahu 'anh* berkata:

أَنَّ عَلِيَّ بْنَ أَبِي طَالِبٍ خَطَبَ بِنْتَ أَبِي جَهْلٍ وَعِنْدَهُ فَاطِمَةُ
بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا سَمِعَتْ بِذَلِكَ فَاطِمَةُ أَتَتْ
النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ لَهُ: إِنَّ قَوْمَكَ يَتَحَدَّثُونَ أَنَّكَ لَا

¹³⁴ Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4484/2449 (*Kitab Fadha'il al-Shahabah, Bab keutamaan Fatimah binti Nabi*).

تَعْضَبُ لِبَنَاتِكَ وَهَذَا عَلِيٌّ نَاكِحًا ابْنَةَ أَبِي جَهْلٍ.

قَالَ الْمَسُورُ: فَقَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَمِعْتُهُ حِينَ تَشْهَدُ ثُمَّ قَالَ: أَمَّا بَعْدُ فَإِنِّي أَنْكَحْتُ أَبَا الْعَاصِ بْنَ الرَّيْعِ فَحَدَّثَنِي فَصَدَقَنِي وَإِنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ مُضَعَّةٌ مِنِّي وَإِنَّمَا أَكْرَهُ أَنْ يَفْتِنُوهَا وَإِنَّهَا وَاللَّهِ لَا تَجْتَمِعُ بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ وَبِنْتُ عَدُوِّ اللَّهِ عِنْدَ رَجُلٍ وَاحِدٍ أَبَدًا.

قَالَ: فَتَرَكَ عَلِيٌّ الْخُطْبَةَ.

Ali bin Abu Thalib pernah melamar puteri Abu Jahal ketika dia beristerikan Fatimah binti Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Ketika berita tersebut didengar oleh Fatimah, beliau mendatangi Nabi seraya berkata: "Sesungguhnya kaummu berbicara bahwa kamu tidak marah demi puteri-puteri kamu. (Sekarang) ini Ali akan menikahi puteri Abu Jahal."

Miswar melanjutkan: Kemudian Nabi berdiri dan saya mendengar baginda membaca syahadah. Setelah itu baginda bersabda: "Sesungguhnya aku telah menikahkan Abu al-'Ash bin al-Rabi' (dengan Zainab binti Muhammad), (apabila) dia berbicara denganku, dia berkata benar (jujur) kepadaku. Sesungguhnya Fatimah binti Muhammad adalah darah dagingku. Oleh karena itu, aku tidak suka apabila orang-orang memfitnahnya.

Demi Allah, sungguh tidak boleh dihimpun (dimadu) antara puteri Rasulullah dengan puteri musuh Allah oleh seorang suami untuk selama-lamanya.”

Miswar berkata: Akhirnya Ali membatalkan lamarannya.¹³⁵

Merujuk kepada hadis-hadis di atas, al-Nawawi *rahimahullah* berkata:

قال العلماء: في هذا الحديث تحريم ائداء النبي صلى الله عليه وسلم بكل حال وعلى كل وجه. وإن تولد ذلك الإيذاء مما كان أصله مباحا. وهو حي وهذا بخلاف غيره.

قالوا: وقد أعلم صلى الله عليه وسلم بإباحة نكاح بنت أبي جهل لعلي بقوله صلى الله عليه وسلم ((لست أحرم حلالا)) ولكن نهي عن الجمع بينهما لعلتين منصوصتين:

إحدهما أن ذلك يؤدي إلى أذى فاطمة فيتأذى حينئذ النبي

¹³⁵ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4485/2449 (*Kitab Fadha'il al-Shahabah, Bab keutamaan Fatimah binti Nabi*). Juga dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 3450/3729 (*Kitab al-Manaqib, Bab kerabat Nabi shallallahu 'alaihi wasallam melalui pernikahan, di antara mereka: Abu al-'Ash bin al-Rabi*). Di atas adalah lafaz milik Muslim. Lafaz al-Bukhari akan dikemukakan dalam bab Benarkah Rasulullah Melarang Semua Puterinya Dimadukan?

صلى الله عليه وسلم. فيهلك من أذاه. فنهى عن ذلك لكمال شفقتة
على علي وعلى فاطمة.

والثانية: خوف الفتنة عليها بسبب الغيرة.

Para ulama' berkata, dalam hadis ini terdapat pengharaman menyakiti Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam setiap urusan, dalam setiap bentuk, meskipun perbuatan menyakiti itu muncul daripada sesuatu yang asalnya mubah. (Pengharaman ini disepakati hukumnya) ketika baginda masih hidup, namun diperselisih setelah (baginda wafat).

Mereka berkata, Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sedia mengetahui keharusan hukum pernikahan puteri Abu Jahal dengan Ali berdasarkan sabda baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*: **Aku bukan mengharamkan sesuatu yang halal**. Akan tetapi baginda melarang pengumpulan di antara mereka berdua disebabkan faktor.

Pertama: Sesungguhnya yang sedemikian akan menimbulkan kesakitan kepada Fatimah yang dengan itu akan menyakiti Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* juga. Celakalah sesiapa yang menyakiti baginda. Maka baginda melarang (perkahwinan) demikian disebabkan kesempurnaan belas kasihan baginda ke atas Ali dan ke atas Fatimah.

Kedua: Bimbang berlakunya fitnah ke atasnya (Fatimah) disebabkan cemburu.

وقيل: ليس المراد به النهي عن جمعهما بل معناه أعلم من فضل الله أنهما لا تجتمعان: كما قال أنس بن النضر: والله لا تكسر ثنية الربيع.

Dikatakan juga, yang dimaksudkan dengan itu bukanlah pelarangan daripada menghimpunkan mereka berdua, akan tetapi maknanya adalah memberitahu bahawa di antara keutamaan yang Allah (berikan kepada Fatimah) adalah mereka berdua (Fatimah dan puteri Abu Jahal) tidak boleh dihimpunkan bersama. Ini sebagaimana yang dikatakan oleh Anas bin al-Nadhir: Demi Allah, tidak boleh dicabut gigi kacip al-Rubayyi'.¹³⁶

ويحتمل أن المراد تحريم جمعهما. ويكون معنى ((لا أحرم حلالا))

¹³⁶ Ini merujuk kepada sebuah kes qishas di mana seseorang telah mencederakan gigi orang lain. Maka pihak yang cedera giginya menuntut hukum qishas sementara pihak yang mencederakan bersumpah agar tidak dijatuhkan hukum qishas, sebaliknya dimaafkan atau diganti dengan denda (diyat). Akhirnya pihak yang cedera bersetuju dengan bayaran denda. Maka Rasulullah memuji pihak yang bersumpah bahawa Allah telah memberikan keutamaan kepadanya.

Lebih lanjut, rujuk *Shahih Muslim*, hadis no: 3174/1675 (*Kitab al-Qasamah, wa al-Muharibin, wa al-Qishah wa al-Diyat, Bab menetapkan hukum qishah pada gigi dan yang seumpamanya*).

أي لا أقول شيئاً يخالف حكم الله. فإذا أحل شيئاً لم أحرمه وإذا حرمه لم أحلله ولم أسكت عن تحريمه لأن سكوتي تحليل له. ويكون من جملة محرمات النكاح الجمع بين بنت نبي الله وبنت عدو الله.

Mungkin juga, bahawa yang dimaksudkan ialah mengharamkan perhimpunan mereka berdua (Fatimah dan puteri Abu Jalah). Ini kerana makna (sabda Rasulullah) *Aku tidak mengharamkan apa yang halal* ialah aku tidak mengatakan sesuatu yang menyelisihi hukum Allah. Maka apabila Allah menghalalkan sesuatu, aku tidak akan mengharamkannya. Dan apabila Allah mengharamkannya, aku tidak akan menghalalkannya. Aku juga tidak akan mendiamkan pengharamannya kerana jika aku diam, ia akan membawa erti aku menghalalkannya. Oleh itu di antara bentuk pernikahan yang diharamkan ialah penghimpunan (dalam satu keluarga poligami) di antara puteri Nabi Allah dan puteri musuh Allah.¹³⁷

Perhatikanlah wahai pembaca yang dikasihi sekalian. al-Nawawi *rahimahullah* sebenarnya mengemukakan tiga pendapat ulama' tentang mengapakah Rasulullah melarang Ali

¹³⁷ *al-Minhaj Syarh Shahih Muslim bin al-Hajjaj*, juga dikenali sebagai *Syarh al-Nawawi 'ala Shahih Muslim*, syarah kepada hadis-hadis dalam bab *Kitab Fadhail al-Shahabah, Bab keutamaan Fatimah binti Nabi*. Tulisan dalam kurungan adalah tambahan saya sendiri bagi membantu kefahaman para pembaca.

memadukan Fatimah dengan puteri Abu Jahal. Ia dapat diringkaskan seperti berikut:

1. Ia menyakiti Fatimah dan dibimbangi berlaku fitnah kecemburuan ke atas Fatimah.
2. Ia adalah keutamaan yang Allah kurniakan kepada Fatimah, sehingga dengan itu beliau tidak layak dihimpunkan dalam satu keluarga poligami bersama puteri musuh Allah.
3. Ia adalah hukum Allah di mana haram menghimpunkan dalam satu keluarga poligami seorang puteri Rasul Allah dan seorang puteri musuh Allah.

Apabila kita berhadapan dengan perbezaan pendapat di kalangan para ulama' *rahimahumullah*, kaedah yang Allah *Subhanahu waTa'ala* gariskan ialah memilih pendapat yang menepati atau mendekati al-Qur'an dan hadis. Perhatikan firman Allah ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ
فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا.

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan

kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang memegang urusan kamu) dari kalangan kamu.

Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul-Nya (hadis) jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat.

Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya. [al-Nisa' 4:59]

Oleh itu meskipun pendapat yang ketiga al-Nawawi mulakan dengan perkataan "mungkin", ia adalah yang paling tepat kerana menepati sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

وَإِنِّي لَسْتُ أُحَرِّمُ حَلَالًا وَلَا أُحِلُّ حَرَامًا وَلَكِنْ وَاللَّهِ لَا يَجْتَمِعُ
بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبِنْتُ عَدُوِّ اللَّهِ مَكَانًا وَاحِدًا
أَبَدًا.

Dan sesungguhnya aku bukan mengharamkan sesuatu yang halal dan tidak pula menghalalkan sesuatu yang haram. Akan tetapi Demi Allah, tidak akan berkumpul puteri Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dengan puteri musuh Allah di satu tempat selama-

lamanya.¹³⁸

Adapun pendapat pertama yang mengatakan ia menyakiti dan memfitnah Fatimah, maka telah dijelaskan sebelum ini bahawa kesakitan dan fitnah yang Fatimah maksudkan ialah dari perkataan orang ramai dan bukannya tindakan Ali hendak menikah lagi. Sila rujuk semula bab **Benarkah Fatimah Tidak Rela Dimadukan?** dan bab **Benarkah Fatimah Lebih Rela Diceraikan Daripada Dimadukan?**

¹³⁸ Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4484/2449 (*Kitab Fadha'il al-Shahabah, Bab keutamaan Fatimah binti Nabi*). Teks penuh hadis telah dikemukakan di awal bab ini.

Dua Kata-Kata Emas Untuk Dihafal

Di kalangan pembaca mungkin ada yang mengalami kesukaran untuk mengingat dan menghafal semua hadis-hadis berkenaan kes poligami Ali bin Thalib *radhiallahu 'anh*. Mengingat hadis untuk kefahaman diri sendiri dan menghafal untuk membetulkan salah faham orang lain.

Sebenarnya di antara semua hadis-hadis tersebut, yang terpenting untuk dihafal hanyalah dua potongan. Ia seperti berikut:

Pertama: Sebab Larangan Ali Berpoligami:

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

وَإِنِّي لَسْتُ أُحَرِّمُ حَلَالًا وَلَا أُحِلُّ حَرَامًا وَلَكِنْ وَاللَّهِ لَا يَجْتَمِعُ
بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبِنْتُ عَدُوِّ اللَّهِ مَكَانًا وَاحِدًا
أَبَدًا.

Dan sesungguhnya aku bukan mengharamkan sesuatu yang halal dan tidak pula menghalalkan sesuatu yang haram. Akan tetapi Demi Allah, tidak akan berkumpul puteri Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dengan puteri musuh Allah di satu tempat selama-lamanya. [Shahih Muslim]

Kedua: Aduan Fatimah Tentang Fitnah Poligami:

Aduan Fatimah *radhiallahu 'anha* sebenarnya merujuk kepada sikap orang ramai:

إِنَّ قَوْمَكَ يَتَحَدَّثُونَ أَنَّكَ لَا تَغْضَبُ لِبَنَاتِكَ وَهَذَا عَلَيَّ نَكِيحًا
ابْنَةُ أَبِي جَهْلٍ.

"Sesungguhnya kaummu berbicara bahwa kamu tidak marah demi puteri-puteri kamu. (Sekarang) ini Ali akan menikahi puteri Abu Jahal."

Maka Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menegur orang ramai:

وَإِنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ مُضْغَةٌ مِنِّي وَإِنَّمَا أَكْرَهُ أَنْ يَفْتِنُوهَا.

"Sesungguhnya Fatimah binti Muhammad adalah darah dagingku. Oleh karena itu, aku tidak suka apabila orang-orang memfitnahnya." [Shahih Muslim]

Katakan:
Poligami Itu Sunnah Dan Sunat

Sesiapa yang membaca novel *Sebarkan Cinta-Mu* dari awal hingga akhir pasti akan menemui kenyataan yang berulang kali menekankan bahawa hukum asal poligami ialah harus dan bukannya sunat.

Agaknya apakah *qarinah-qarinah* (bukti-bukti atau petunjuk-petunjuk) yang dijadikan dasar oleh *Sebarkan Cinta-Mu* bagi menyatakan hukum asal poligami ialah harus?

Kebetulan di mukasurat 244 dan seterusnya, Sarra telah bertanya kepada Ummu Qasdi (Ibu Dhiya') berkenaan hal ini. Marilah kita lihat apakah bukti-bukti yang dikemukakan oleh Ummu Qasdi dan seterusnya menganalisa kewajarannya.

Sarra: Apakah *qarinah* yang mengatakan poligami bukan sunnah?

Ummu Qasdi: Banyak *qarinah*nya. Antaranya adalah:

***Qarinah* Pertama:**

Dalam ayat 3, surah *an-Nisaak*, Allah menyebut berkenaan tiga jenis perkahwinan, iaitu: mengahwini anak yatim, berpoligami dan berkahwin satu. Kemudian dari segi fiqh keutamaan, Allah menyusun keutamaan yang berkahwin satu lebih dekat kepada

tidak berbuat aniaya, maka semoga kamu bertaqwa. Ini tafsiran yang disokong oleh jumhur ulama sedunia. [SCM 244-245]

Analisa Qarinah Pertama:

Qarinah ini adalah tidak tepat sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab **Menyemak Semula Tertib Keutamaan Poligami Dan Monogami**. Berkahwin satu bukanlah keutamaan yang tertinggi kerana ia hanya bagi orang yang bimbang tidak dapat berlaku adil jika dia berpoligami. Perhatikan maksud keseluruhan ayat:

Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki.

Adapun dakwaan tafsiran terbabit disokong oleh jumhur ulama sedunia, maka ia tidak memiliki apa-apa nilai. Ini kerana *Sebarkan Cinta-Mu* bukanlah sumber yang dapat dipercayai apabila menukil dan menterjemah daripada para ulama' sebagaimana yang telah dibuktikan dalam bab **Benarkah Rasulullah Melarang Semua Puterinya Dimadukan?** dan bab **Menyemak Kata-Kata Sebenar Imam Al-Nawawi**. Perkara ini berulang beberapa kali sebagaimana yang akan dibuktikan dalam bab-bab yang akan datang insya-Allah.

Qarinah Kedua:

Syarat yang ketat diletakkan dalam urusan poligami iaitu mampu berlaku adil sehinggakan ada ulama mengatakan ia adalah ancaman bukan galakan. Dengan syarat ini, poligami dalam Islam adalah sesuatu yang amat ketat dan payah aturannya, bukannya dengan cara mengambil mudah. [SCM 245]

Analisa Qarinah Kedua:

Keadilan memang syarat poligami, namun ia bukanlah sesuatu yang ketat mahupun longgar. Allah *Subhanahu waTa'ala* mensyaratkan keadilan namun Allah tidak menetapkan bagaimana sifat adil itu. Ini bererti keadilan itu adalah subjektif, berubah-ubah antara individu, masa dan keadaan.

Keadilan dalam poligami bukanlah kesamaan hak bagi semua isteri, tetapi masing-masing isteri mendapat hak yang layak baginya. Hak-hak ini tentu berbeza-beza mengikut individu, masa dan keadaan. Lawan bagi keadilan ialah kezaliman, seperti ada isteri yang tidak mendapat hak glilirannya, nafkah dan tempat tinggal.

Sesuatu yang subjektif tidak dapat dijadikan *qarinah* bagi menetapkan sesuatu hukum asal agama.

Qarinah Ketiga:

Ayat 129, surah *an-Nisaak* menjelaskan lagi, poligami tidak digalakkan apabila Allah mengatakan tiada seorang pun antara kamu mampu berlaku adil, walaupun kamu sangat menginginkannya. Malah, Allah mengingatkan tentang risiko kecenderungan cinta suami kepada seorang isterinya boleh mengakibatkan dia berlaku aniaya kepada isteri yang lain. [SCM 245]

Analisa Qarinah Ketiga:

Ayat 129 surah al-Nisa' yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

وَلَوْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ الْمِيلِ فَتَدْرُوهَا كَالْمُعَلَّقَةِ وَإِنْ تُصْلِحُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا.

Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya); oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau (kepada sebahagian isteri) sehingga kamu biarkan (sebahagian) isteri yang lain seperti benda yang tergantung; dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu) dan memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka

sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. [al-Nisa' 4:129]

Ketidak-mampuan yang dimaksudkan dalam ayat di atas adalah dalam urusan batin seperti cinta, perhatian dan kenikmatan hubungan seks. Ini kerana urusan batin bukanlah sesuatu yang dapat diukur sehingga dapat diagihkan secara adil. Lebih dari itu, tidaklah dinamakan hati melainkan perasaan dan gerakan di dalamnya kerap berubah-ubah sehingga manusia tidak akan mampu bersikap adil pada kadar yang sama secara berterusan terhadap orang-orang yang dikasihinya, meskipun dalam keluarga monogami. Inilah antara lain yang cuba dinyatakan oleh ayat 129 surah al-Nisa'. al-Qurtubi *rahimahullah* turut menerangkan:

قوله تعالى: ((وَلَنْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ الْمِيلِ)) أخبر تعالى بنفي الاستطاعة في العدل بين النساء، وذلك في ميل الطبع بالمحبة والجماع والحظ من القلب. فوصف الله تعالى حالة البشر وأنهم بحكم الخلقة لا يملكون ميل قلوبهم إلى بعض دون بعض.

Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*: ***Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya); oleh itu janganlah***

kamu cenderung dengan melampau (kepada sebahagian isteri):

Allah *Subhanahu waTa'ala* mengkhabarkan ketidak-mampuan berbuat adil di antara isteri-isteri. Demikian itu dalam kecenderungan fitrah untuk mencintai, hubungan seks dan pembahagian hati. Maka Allah *Subhanahu waTa'ala* menerangkan sifat dan keadaan manusia bahawa mereka dicipta dengan ciri tidak memiliki kemampuan mengawal kecenderungan hati mereka terhadap sebahagian isteri di atas sebahagian yang lain.¹³⁹

Apabila ayat 129 ini dibaca bersama ayat ketiga surah al-Nisa', dapat difahami bahawa keadilan dituntut dalam hal-hal zahir, tetapi diberi kelonggaran dalam hal-hal batin. Ayat 129 tidak membatalkan atau bertentangan dengan ayat ketiga surah al-Nisa', dan tidak juga ia memainkan apa-apa peranan sebagai *qarinah* hukum asal poligami.

Menarik untuk diperhatikan bahawa apabila pendapat ulama' tidak selari dengan pendapat *Sebarkan Cinta-Mu*, ia didiamkan sahaja.

¹³⁹ *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, tafsir kepada ayat 129 surah al-Nisa'.

Qarinah Keempat:

Dalam hadis sahih Laporan Bukhari Muslim, Rasulullah sendiri menyuruh Sayyidina Ali menceraikan Fatimah sekiranya mahu menduakannya. Dalam syarah Imam Nawawi, perkahwinan Ali dengan puteri Abu Jahal adalah harus tetapi Rasulullah SAW menegahinya kerana baginda takut agama Fatimah rosak akibat cemburu. Ada ulama mentafsirkan bahawa tegahan Rasul itu bagi meraikan hak Fatimah (yang merasakan poligami itu menyakitkannya). (Rujuk *Fathul Bari*, penjelasan ke-3). [SCM 245-246]

Analisa Qarinah Keempat:

Qarinah ini adalah tidak benar sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab **Menyemak Kata-Kata Sebenar Imam Al-Nawawi** dan bab **Benarkah Fatimah Lebih Rela Diceraikan Daripada Dimadukan?**

Qarinah Kelima:

Bukan hanya Fatimah, Rasulullah SAW melarang semua puterinya diduakan. (Rujuk hadis Sahih Bukhari Muslim). Ini menjadi dalil kita kepada golongan orientalis berkenaan kedudukan sebenar poligami dalam Islam. Islam hanya

mengharuskan poligami dalam masalah-masalah tertentu, bukan menggalakkannya. Ada hak-hak wanita yang perlu diraikan. [SCM 246]

Analisa *Qarinah* Kelima:

Qarinah ini hanyalah satu kemungkinan sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab **Benarkah Rasulullah Melarang Semua Puterinya Dimadukan?** Adapun meraikan hak-hak wanita, jemput semak semula bab **Mak Cik Membalas Catatan Remaja.**

***Qarinah* Keenam:**

Rasulullah SAW berpoligami menyusuli hikmah perang kerana zaman itu adalah zaman perang. Sistem poligami yang dilaksanakan amat bijaksana dalam menghadapi suasana itu kerana Islam kehilangan sekian banyak lelaki-lelakinya. Masalahnya, ramai masyarakat pada hari ini berpoligami kerana sudah dekat dengan zina. Mampukah orang yang kurang beragama itu berlaku adil? [SCM 246]

Analisa *Qarinah* Keenam:

Hikmah yang ditafsir oleh sebahagian manusia bukanlah *qarinah* yang dapat dijadikan sumber penetapan hukum asal

syari'at Islam. Malah hikmah itu sendiri bersifat subjektif, manusia yang berlainan akan menafsirkan hikmah yang berlainan. Sesuatu yang bersifat subjektif tidak dapat dijadikan *qarinah* bagi menetapkan hukum asal agama.

***Qarinah* Ketujuh:**

Masyarakat jahiliah ketika itu berlebih-lebihan dalam meramaikan isteri, maka Islam secara bersederhana menghadkan sampai empat sahaja. Ia suatu anjuran supaya mengurangkan, bukan menambah. Malah, berbanding agama lain, hanya Islam secara terang-terangan mempunyai ayat yang berbunyi. “Maka (berkahwinlah) dengan satu saja.” (surah *an-Nisaak* ayat 3). Jelas, Islam lebih menganjurkan berkahwin satu berbanding agama yang lain. [SCM 247]

Analisa *Qarinah* Ketujuh

Qarinah ini adalah lemah kerana Allah tidak berfirman umpama: *Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): empat, tiga atau dua...yakni dalam bentuk angka yang berkurang*. Sebaliknya Allah berfirman dalam bentuk angka yang bertambah:

فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ.

Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat. [al-Nisa' 4:03]

Firman Allah ini memainkan tiga peranan:

1. Memberi pilihan lain kepada orang yang enggan berbuat adil dalam menikahi anak perempuan yatim. Ia merupakan jawapan kepada syarat keadilan menikahi anak perempuan yatim.
2. Menganjurkan pernikahan poligami dengan syarat yakin dapat berbuat adil.
3. Mengehadkan poligami kepada jumlah maksimum empat isteri.

Adapun ayat: “Maka (berkahwinlah) dengan satu saja.”, maka ia hanya ditujukan kepada mereka yang bimbang tidak dapat berlaku adil seandainya berpoligami. Maka ia bukan ayat yang berdiri sendiri tetapi merupakan jawab kepada syarat kebimbangan tidak dapat berlaku adil. Perhatikan ayat sepenuhnya:

Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki.

Kenapakah bahagian awal ayat ini dibuang?

Qarinah Kelapan:

Ayat “*fankihu ma tooba lakum..*” (Ayat 3, surah *an-Nisaak*. Bermaksud, “Nikahlah mana yang baik bagimu dua, tiga, empat...”) hingga akhir ayat adalah ayat yang bergantung kepada ayat sebelum dan selepasnya. Ia suatu jawab syarat, bukannya ayat perintah. Kita tidak mengambil hukum wajib ataupun sunnah daripadanya walaupun ia seolah-olah dalam nada perintah. Ada syarat yang ketat dan ada *qarinah* (dalil utama yang lain) yang diperhatikan sebelum para ulama mengambil hukum. [SCM 247]

Analisa Qarinah Kelapan

Qarinah kelapan ini berlawanan dengan *qarinah* ketujuh. Ini kerana dalam *qarinah* ketujuh, dikatakan bahawa ayat: ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat.*** [al-Nisa’ 4:03] berperanan mengehadkan jumlah isteri sehingga empat.

Namun dalam *qarinah* kelapan ini, dikatakan pula bahawa ayat: ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat.*** [al-Nisa’ 4:03] merupakan jawab kepada syarat: ***Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim...*** [al-Nisa’ 4:03].

Apa yang benar, ayat: ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat.*** [al-Nisa' 4:03] memiliki tiga peranan, seperti yang telah dijelaskan sebelum ini:

1. Memberi pilihan lain kepada orang yang enggan berbuat adil dalam menikahi anak perempuan yatim. Ia merupakan jawapan kepada syarat keadilan menikah anak perempuan yatim.
2. Menganjurkan pernikahan poligami dengan syarat yakin dapat berbuat adil.
3. Mengehadkan poligami kepada jumlah maksimum empat isteri.

Oleh itu *qarinah* kelapan ini adalah tertolak.

Hasil daripada analisa kita mendapati *Sebarkan Cinta-Mu* gagal mengemukakan *qarinah* yang bersifat padu lagi muktamad bagi menetapkan hukum asal poligami sebagai harus. Bahkan seolah-olah berlaku *takalluf* – yakni memaksamaksa hujah – dalam *qarinah-qarinah* tersebut. Seandainya *qarinah-qarinah* itu dikemukakan dalam kes mahkamah misalnya, nescaya ia akan ditolak oleh hakim atau pihak lawan. Maka yang benar, hukum asal poligami adalah sunnah.

Sunnah kerana ia adalah jalan hidup Rasulullah

shallallahu 'alaihi wasallam ketika Allah menyempurnakan agama ini dan meredainya.

Sunat kerana Allah *Subhanahu waTa'ala* telah menganjurkannya dalam firman-Nya: ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat.*** [al-Nisa' 4:03]

Sunat dengan maksud: Apabila ia dilaksanakan secara betul, pelakunya mendapat pahala. Apabila ia tidak dilaksanakan, pelakunya tidak dihukum apa-apa. Apabila ia dilaksanakan secara salah, pelakunya mendapat dosa.

Ada satu tambahan penting. Jika seorang suami teringin untuk berpoligami atau suka untuk mengikuti sunnah Rasulullah dalam berpoligami, namun dia menahan diri daripada berpoligami kerana belum mampu berlaku adil, maka dia tetap mendapat pahala dan keutamaan. Dia mendapatnya kerana mentaati firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ
أَلَّا تَعُولُوا.

Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman. [al-Nisa' 4:03]

Mentauhidkan Allah Dalam Urusan Cinta (III)

Di antara hujah yang membentuk dasar novel *Sebarkan Cinta-Mu* ialah konsep penunggalan cinta. Ia dikemukakan beberapa kali, di antaranya:

SCM 122:

“Sekiranya hati itu mampu mencintai ramai pasangan dengan sama dan adil, Allah pasti menuntut lelaki berlaku adil dalam soal cinta. Tetapi ia tidak mungkin terjadi, dan ramai lelaki akan terhumban ke neraka. Mujurlah Allah mengiktiraf lumrah ini. Keadilan hanya mampu ditegakkan dalam perkara zahir sahaja, bukan soal cinta. Semua insan tidak kira lelaki dan wanita lumrahnya hanya mencintai seorang sahaja kekasih,” terang Yodong.

SCM 161:

“Anakku, soal cinta kasih adalah soal hati. Apakah daya, hati memang cenderung untuk lebih mencintai seorang sahaja.

SCM 229:

“Saya yakin Islam agama yang paling memahami hati dan perasaan wanita. Islam agama fitrah. Apabila Allah menciptakan

sesuatu fitrah, sudah tentu Dia amat adil terhadap fitrah itu. Fitrah cinta mengharapka penunggalan cinta daripada kekasihnya.

SCM 249-250:

Ibnul Qayyim berkata dalam bukunya *Raudhatul Muhibbin*, lumrah cinta mengharapka penunggalan cinta daripada kekasihnya. Sebanyak mana pun kita mencintai, kita tidak mampu menafikan bahawa, ada satu cinta yang paling kita cenderung kepadanya. Dalam cinta teragung, ia menuntut kita mengesakan cinta Allah. Dalam cinta sesama makhluk pula, soal cinta tidak dapat lari daripada kecenderungan kepada seorang sahaja. Ia sering disebut kesayangan.

SCM 383-384:

“Lumrah cinta, tidak mungkin hati menduakan kekasih. Sekiranya ada dua cinta, satu daripadanya pasti menjadi keutamaan kurang dan yang lain hanyalah cabang. Ruang hati terlalu sempit untuk mencintai lebih daripada seorang kekasih. Begitu juga madah Ibnul Qayyim al-Jauziyah dalam bukunya yang terkenal, *Raudhatul Muhibbin wa Nuzhatul Musytaqin*.”

SCM 424:

Berkata Ibnul Qayyim dalam bukunya *Raudhatul*

Muhibbin, lumrah cinta mengharapkan penunggalan cinta.

SCM 832:

Di dalam buku *Raudhatul Muhibbin wa Nuzhah al-Musytaqin*, Ibnu Qayyim al-Jauziyah selaku seorang ahli hukum dan psikologi yang pakar berkenaan cinta berkata, antara hukum cinta yang sejati ialah cinta menuntut penunggalan kekasih tanpa memadunya dengan yang lain. Bak kata pepatah Arab, “Di dalam hati tidak ada ramai kekasih dan di langit tidak ada ramai sembah.”

Sekiranya cinta diagih ke beberapa tempat, tentu sahaja kekuatan cinta itu akan melemah. Dinukil sebuah syair,

Dusta orang yang mengaku memiliki dua cinta

Laksana kedustaan al-Manawiyah dalam dasar agama

Tidak ada tempat bagi dua kekasih dalam satu hati

Satu urusan tidak boleh dituntun dari dua sisi

Allah SWT sendiri berkata, Allah tidak menjadikan bagi seseorang dua buah hati dalam rongganya. (Surah *al-Ahzab*:4).

Berdasarkan kenyataan-kenyataan *Sebarkan Cinta-Mu* di atas, konsep yang cuba disampaikan ialah hati manusia hanya mampu mencintai seorang kekasih. Seorang suami hanya mampu mencintai seorang isteri dan seorang isteri

mengharapkan cinta yang tidak berbelah bahagi daripada suaminya. Apabila seorang suami berpoligami, nescaya dia hanya akan mampu mencintai seorang isteri sehingga menjadilah isteri yang lain tergantung-gantung.

Konsep penunggalan cinta yang difahami serta dikemukakan oleh *Sebarkan Cinta-Mu* memiliki kesalahan yang berat kerana melibatkan tauhid dan syirik. Penjelasannya seperti berikut.

Memang, hati manusia hanya mampu mencintai satu dan cinta itu sendiri hanya dapat ditujukan kepada satu. Maka penunggalan cinta ialah seorang muslim itu menunjukan cintanya sepenuh hati kepada Allah sahaja. Cinta itu satu kepada Allah yang satu, tidak berbelah bahagi kepada Allah dan kepada makhluk-makhluk-Nya.

Ini tidaklah bererti seorang muslim tidak mencintai yang lain seperti Rasulullah, para sahabat Rasulullah, para ulama', ibubapa, adik beradik, saudara-mara, suami, isteri, isteri-isteri, anak-anak dan sesama muslim. Seorang muslim mencintai semua itu yang berbilang jumlahnya kerana Allah. Seorang muslim mencintai sesama makhluk dalam jumlah yang tidak terhad sebagai hasil, kesan dan buah cintanya kepada Allah.

Dalam konteks poligami, seorang suami menunggalkan

cintanya kepada Allah sahaja. Hasil daripada cintanya kepada Allah, dia mencintai isteri-isterinya. Cinta kepada isteri-isterinya semakin bertambah apabila keyakinan dan amalan mereka menepati *deen* Allah, yakni jalan hidup yang diredai oleh Allah. Cinta kepada isteri-isterinya semakin berkurang apabila keyakinan dan amalan mereka menyelisihi *deen* Allah. Kadar cinta kepada isteri-isterinya juga mungkin berbeza di antara satu sama lain, bergantung kepada kadar setiap isteri dalam mengikuti *deen* Allah. Semua ini tidak lain merupakan kesan daripada cinta suami kepada Allah.

Jika seorang suami berpoligami sementara dirinya tidak menepati syarat-syarat poligami, atau berpoligami lalu mencintai seorang isteri dan membiarkan tergantung-gantung isteri yang lain, maka dia sebenarnya mencintai nafsunya. Dia mensyirikkan Allah kerana menunggalkan cinta kepada nafsunya.

Demikianlah juga bagi seorang isteri, dia menunggalkan cintanya kepada Allah sahaja. Hasil daripada cintanya kepada Allah, dia mencintai suaminya. Cinta kepada suami semakin bertambah apabila keyakinan dan amalan suami menepati *deen* Allah, semakin berkurang apabila keyakinan dan amalan suami menyelisihi *deen* Allah. Semua ini tidak lain merupakan kesan daripada cinta isteri kepada Allah.

Jika suaminya ingin melakukan sesuatu yang selari

dengan *deen* Allah seperti berpoligami dan isterinya melarang, mencabar dengan perceraian, membesar-besarkan kelemahan suami bagi membuktikan dirinya tidak layak atau konon ingin menjaga akhirat sendiri, maka isteri tersebut sebenarnya mencintai nafsunya. Dia mensyirikkan Allah kerana menunggalkan cinta kepada nafsunya.

Secara lebih terperinci, cinta itu terbahagi kepada tiga jenis:

- **Pertama:** Cinta kepada Allah. Seorang muslim mentauhidkan Allah, mengesakan Allah dengan menunggalkan cintanya kepada Allah sahaja.
- **Kedua:** Cinta kerana Allah. Sebagai buah, hasil dan kesan cinta kepada Allah, seorang muslim akan mencintai apa yang dicintai oleh Allah, mencintai apa yang diberikan Allah kepadanya dan mencintai apa yang akan dapat meningkatkan kecintaannya kepada Allah. Cinta kerana Allah tentu berbilang jumlahnya, seperti cinta kepada Rasulullah, ibubapa, adik beradik, suami, isteri, isteri-isteri, anak-anak dan sesama muslim.
- **Ketiga:** Cinta menyekutui Allah. Cinta ini seterusnya terbahagi kepada dua. **Pertama:** Cinta kepada makhluk dengan tidak mencintai Allah. **Kedua:** Cinta kepada makhluk bersama cinta kepada Allah. Artinya seseorang

itu mencintai Allah dan bersama dengan itu mencintai makhluk, meskipun dengan kadar yang berbeza-beza.

Misalnya apabila seorang suami berkata: "Isteriku adalah cintaku selepas Allah dan Rasulullah", dia telah menyekutukan Allah kerana mencintai Allah, Rasulullah dan isterinya secara bersama, meskipun dengan kadar atau keutamaan yang berbeza.

Akan tetapi jika seorang suami berkata: "Aku mencintai Allah, lalu mencintai Rasulullah dan isteriku kerana Allah", maka dia telah mentauhidkan Allah dalam urusan cinta.

Apabila *Sebarkan Cinta-Mu* menyatakan hati hanya cenderung mencintai satu, maka ia benar. Apabila *Sebarkan Cinta-Mu* menyatakan lumrah cinta menuntut penunggalan, maka ia benar. Namun apabila kecenderungan dan penunggalan itu ditujukan kepada sesama manusia, maka ia salah. Bahkan ia merupakan syirik kepada Allah kerana cinta yang sepatutnya ditujukan kepada Allah telah ditujukan kepada makhluk.

Berlaku juga syirik kepada Allah apabila *Sebarkan Cinta-Mu* di mukasurat 249-250 mencintai makhluk bersama mencintai Allah. Perhatikan semula kata-kata yang dimaksudkan:

Sebanyak mana pun kita mencintai, kita tidak mampu menafikan bahawa, ada satu cinta yang paling kita cenderung kepadanya. Dalam cinta teragung, ia menuntut kita mengesakan cinta Allah. Dalam cinta sesama makhluk pula, soal cinta tidak dapat lari daripada kecenderungan kepada seorang sahaja.

Dalam kenyataan di atas, cinta yang satu telah dibahagi kepada dua. Pertama: cinta teragung, iaitu mengesakan cinta Allah. Kedua: cinta sesama makhluk, ia akan cenderung kepada seorang sahaja. Ini jelas syirik kepada Allah kerana cinta yang satu hendaklah ditujukan kepada Allah sahaja, bukan satu kepada Allah dan satu kepada makhluk.

Adapun penyandaran konsep penunggalan cinta yang difahami oleh *Sebarkan Cinta-Mu* kata Ibn al-Qayyim *rahimahullah*, maka ia tidak benar. Jemputlah menyemak kata-kata sebenar Ibn al-Qayyim dalam bab seterusnya *insya-Allah*.

Menyemak Kata-Kata Sebenarnya Ibn Al-Qayyim Tentang Penunggalan Cinta

Ketika mengemukakan konsep penunggalan cinta sesama manusia, *Sebarkan Cinta-Mu* beberapa kali menyandarkannya kepada Ibn al-Qayyim *rahimahullah* dan kitabnya *Raudhah al-Muhibbin wa Nuzhat al-Musytaqin*.

Padahal jika dibaca kitab tersebut dari awal hingga akhir, akan didapati bahawa penunggalan cinta yang Ibn al-Qayyim maksudkan ialah menunggalan cinta kepada Allah *Subhanahu waTa'ala*, bukan kepada sesama makhluk umpama suami kepada isteri, isteri kepada suami.

Bahkan beliau memiliki sebuah bab khusus berkenaan penunggalan cinta. Berikut dikemukakan bab tersebut agar para pembaca dapat melihat dan mengkaji sendiri kata-kata Ibn al-Qayyim.¹⁴⁰

¹⁴⁰ *Raudhah al-Muhibbin*, ms. 288-293. Tulisan dalam kurungan dan pembahagian kepada beberapa bab kecil adalah daripada penulis sendiri bagi membantu kefahaman para pembaca.

الباب الحادي والعشرون في اقتضاء المحبة إفراد الحبيب بالحب وعدم
التشريك

**Bab ke 21: Cinta Menuntut Penunggalan Kekasih, Cinta Yang
Tidak Dipersekutukan**

هذا من موجبات المحبة الصاقة وأحكامها. فإن قوى الحب متى
انصرفت إلى جهة لم يبق فيها متسع لغيرها. ومن أمثال الناس: ليس في
القلب حبان ولا في السماء ريان. ومتى تقسمت قوى الحب بين عدة
محال ضعفت لا محالة. وتأمل قوله سبحانه وتعالى:

Bab ini menerangkan kelaziman cinta yang sejati dan hukum-hukumnya. Jika cinta telah menguat, maka akan tertumpulah hati orang yang bercinta itu pada sasaran tertentu (sehingga) di dalam (hati)nya tidak ada tempat bagi selainnya. Di antara kata pepatah yang masyhur di kalangan manusia (menyebut): "Di dalam hati tidak ada dua cinta sebagaimana di langit tidak ada dua tuhan." Apabila kekuatan cinta terbahagi ke pelbagai sasaran, pasti kekuatannya melemah. (Perhatikan) maksud firman Allah *Subhanahu waTa'ala* ini:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ اتَّقِ اللَّهَ وَلَا تُطِعِ الْكَافِرِينَ وَالْمُنَافِقِينَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
عَلِيمًا حَكِيمًا. وَاتَّبِعْ مَا يُوحَىٰ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ

خَبِيرًا. وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ وَكِيلًا.

Wahai Nabi, bertaqwalah kepada Allah dan janganlah kamu menuruti (keinginan) orang-orang kafir dan orang-orang munafik. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Dan ikutilah apa yang diwahyukan Tuhan kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan. Dan bertawakkallah kepada Allah, cukuplah Allah sebagai Pemelihara. [al-Ahzab 33:1-3]

أمره بتقواه المتضمنة لإفراده بامتنال أمره ونهيه محبة له وخشية ورجاء فإن التقوى لا تتم إلا بذلك. واتباع ما أوحى إليه المتضمن لتركه ما سوى ذلك واتباع المنزل خاصة. وبالتوكل عليه وهو يتضمن اعتماد القلب عليه وحده وثقته به وسكونه إليه دون غيره. ثم أتبع ذلك بقوله:

Perintah taqwa ini mengandung pengertian menunggalkan ketaatan kepada mengerjakan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya (sahaja) serta cinta, takut dan berharap kepada-Nya (sahaja). Ini kerana sesungguhnya taqwa tidaklah sempurna kecuali dengan cara demikian. Sedangkan perintah mengikuti wahyu yang diturunkan kepadanya mengandung pengertian meninggalkan semuanya dan hanya mengikuti wahyu yang diturunkan. Selanjutnya perintah bertawakkal

kepada Allah mengandung pengertian hati mesti bergantung kepada-Nya sahaja, percaya kepada-Nya, dan merasa tenang dengan-Nya, bukan dengan selain-Nya. Kemudian Allah menyusuli yang sedemikian dengan firman-Nya:

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِنْ قَلْبَيْنِ فِيْ جَوْفِهِ.

Allah sekali-kali tidak menjadikan bagi seseorang dua buah hati dalam rongganya. [al-Ahzab 33:04]

فَأَنْتَ تَجِدُ تَحْتَ هَذَا اللَّفْظِ أَنَّ الْقَلْبَ لَيْسَ لَهُ إِلَّا وَجْهَةٌ وَاحِدَةٌ إِذَا مَالَ بِهَا إِلَى جِهَةٍ لَمْ يَمَلْ إِلَى غَيْرِهَا. وَلَيْسَ لِلْعَبْدِ قَلْبَانِ يَطِيعُ اللَّهُ وَيَتَّبِعُ أَمْرَهُ وَيَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ بِأَحَدِهِمَا وَالْآخَرَ لَغَيْرِهِ. بَلْ لَيْسَ إِلَّا قَلْبٌ وَاحِدٌ. فَإِنْ لَمْ يَفْرُدْ بِالتَّوَكُّلِ وَالْحُبَّةِ وَالتَّقْوَى رَبَّهُ وَإِلَّا انْصَرَفَ ذَلِكَ إِلَى غَيْرِهِ.

Berdasarkan lafaz (ayat ini), anda pasti dapat memahami bahawa hati itu tidak ada baginya kecuali satu sasaran. Apabila ia cenderung kepada satu sasaran, maka ia tidak akan cenderung pada sasaran yang lain. Tidak mungkin bagi seorang hamba memiliki dua hati yang dengan salah satunya dia taat kepada Allah, mengikuti perintah-Nya dan bertawakkal kepada-Nya, sedang hatinya yang lain (melakukan hal yang seumpama) kepada selain-Nya. Bahkan pasti tidak, tentu (dia memiliki) satu hati sahaja. Oleh itu apabila

seseorang itu tidak menunggalkan Tuhannya dalam urusan tawakkal, cinta dan taqwa, tentu semua itu akan tertuju kepada selain-Nya.

(Seterusnya Ibn al-Qayyim melencong sedikit untuk mengupas lanjutan ayat keempat surah al-Ahzab tentang zihar, penciptaan Adam dan Hawa serta beberapa hal lain. Kemudian beliau menyambung kembali perbincangan utama):

Pandangan Yang Berlebih-Lebihan:¹⁴¹

والمقصود أن المحبة تستلزم توحيد المحبوب فيها. وقد بالغ أبو محمد بن حزم في إنكاره على من يزعم أنه يعشق أكثر من واحد. وقال في ذلك شعرا ونحن نذكر كلامه وشعره. قال بعد كلام طويل:

(Semua ini membawa) maksud bahawa cinta itu menuntut penunggalan kekasih yang dicintainya. Bahkan Abu Muhammad bin Hazm telah berlebih-lebihan dalam mengingkari ke atas orang yang mendakwa dirinya bersungguh-sungguh mencintai lebih dari seorang dan dia menyatakan hal ini dalam syair-syairnya. Kami akan menyebut kata-katanya dan syair-syairnya. Dalam sebahagian perkataannya yang panjang, beliau menyatakan bahawa:

¹⁴¹ Ibn al-Qayyim mengemukakan pandangan ini sebagai contoh satu pandangan yang salah. Pandangan ini milik Abu Muhammad bin Hazm dan bukannya Ibn al-Qayyim. Sayangnya pandangan inilah yang dikemukakan berulang-kali oleh *Sebarkan Cinta-Mu*, lalu disandarkan kepada Ibn al-Qayyim.

ومن هذا دخل الغلط على من يزعم أنه يحب اثنين ويعشق
شخصين متغيارين. وإنما هذا من جهة الشهوة التي ذكرنا آنفا. وهي
على المجاز تسمى محبة لا على التحقيق. وأما نفس المحب فما في الميل
به فضل يصرفه من أسباب دينه ودنياه فكيف بالاشتغال بحب ثان؟
وفي ذلك أقول:

Telah keliru orang yang mendakwa bahawa dirinya mencintai
dua orang serta bersungguh-sungguh mencintai dua individu yang
berbeza. Sesungguhnya ini tidak lain hanya timbul dari nafsu syahwat
yang telah kami sebutkan (dalam tulisan yang lain). Ia adalah kata-
kata kiasan yang dapat disebut sebagai cinta namun ia bukanlah cinta
yang hakiki.

Adapun diri yang (benar-benar) mencintai, maka tiada urusan
lain yang lebih utama yang dapat mengalih kecenderungan (cintanya),
baik faktor-faktor agama mahupun dunia. Maka bagaimana pula
hendak disibukkan dengan cinta yang mendua? (tentu tidak mungkin).
Dalam hal ini dapat diungkapkan syair:

كذب المدعي هوى اثنين حتما ... مثل ما في الأصول أكذب ما
ليس في القلب موضع لحبيين ... ولا أحدث الأمور اثنان

فكما العقل واحد ليس يدري ... خالقا غير واحد رحمان

فكذا القلب واحد ليس يقوى ... غير فرد مباعداً أو مدان

هو في شرعة المودة ذو شك ... بعيد من صحة الإيمان

وكذا الدين واحد مستقيم ... وكفور من عنده دينان

Dustalah kecintaan orang yang memiliki dua kekasih, Seperti kedustaan dasar-dasar "Mani"¹⁴²,

Tidaklah dalam hati itu tempat untuk dua kekasih, Sebagaimana tidak dapat dibuat dua urusan sekali gus,

Sebagaimana akal itu satu tidak mengenal, Pencipta selain seorang (yakni Allah) yang Pengasih,

Begitu pula hati yang satu tidaklah ia mampu, Melainkan (mencintai) seorang baik yang dekat mahupun yang jauh,

¹⁴² *Mani* merujuk kepada satu aliran yang diasaskan oleh Mani bin Fatik. Aliran ini yang disebut sebagai *Manikheisme* cuba memadukan antara agama Majusi dan Nasrani. Antara dasar-dasarnya ialah ia mengakui kenabian 'Isa tetapi menafikan kenabian Musa. Ia berpandangan alam ini terbuat dan tersusun daripada dua unsur, yakni cahaya dan kegelapan, dengan kedua-duanya bersifat azali. Ia juga tidak membolehkan pengikutnya makan daging.

Rujuk *Ighatsat al-Lafhan min Masha'id al-Syaithan* oleh Ibn al-Qayyim dengan catatan notakaki oleh pentahqiqnya Khalid Abdul Latif (edisi terjemahan oleh Hawin Murtadho dan Salafuddin Abu Sayyid atas judul *Ighatsatul Lafhan: Menyelamatkan Hati Dari Tipu Daya Syaitan*, al-Qawam, Surakarta, 2011), ms. 693.

(Hati yang mendua) dalam peraturan cinta diragukan, Lagi jauh dari keyakinan yang benar,

Demikian pula halnya dengan agama yang lurus hanya ada satu, Kafirlah orang yang memeluk dua agama sekali gus.

(Sekian kata-kata Abu Muhammad bin Hazm dan syairnya)

Perbezaan Pendapat Dan Pandangan Pertama:

وقد اختلف الناس في هذه المسألة. فقالت طائفة ليس للقلب إلا وجهة واحدة إذا توجه إليها لم يمكنه التوجه إلى غيرها. قالوا وكما أنه لا يجتمع فيه إرادتان معا فلا يكون فيه حبان. وكان الشيخ إبراهيم الرقي رحمه الله يميل إلى هذا.

(Sebenarnya) manusia telah berbeza pendapat dalam masalah ini. Segolongan dari mereka mengatakan bahawa tidaklah bagi hati itu melainkan arah yang satu. Apabila ia telah menuju kepadanya tidak mungkin ia menuju kepada selainnya. Mereka berkata, sebagaimana hati itu tidak berhimpun di dalamnya dua kehendak secara bersamaan, maka tidaklah juga wujud di dalamnya dua cinta (yang berlainan). Syaikh Ibrahim al-Ruqi *rahimahullah* cenderung kepada pendapat ini.

Pandangan Kedua:

وقالت طائفة بل يمكن أن يكون له وجهتان فأكثر باعتبارين
فيتوجه إلى أحدهما ولا يشغله عن توجهه إلى الآخر. قالوا والقلب حمال
فما حملته تحمل فإذا حملته الأثقال حملها وإن استعجزته عجز عن حمل
غير ما هو فيه. فالقلب واسع يجتمع فيه التوجه إلى الله سبحانه وإلى
أمره وإلى مصالح عباده ولا يشغله واحد من ذلك عن الآخر.

Golongan yang lain mengatakan bahawa boleh saja hati seseorang mempunyai dua arah yang dituju bahkan lebih dari itu berdasarkan pertimbangan bahawa orang yang tersebut saat mengarahkan hatinya pada salah satu dari tujuannya, tidaklah bererti dia melupakan tujuan yang lain.

Mereka berkata, hati itu menampung. Maka apa yang mampu ditampungnya akan ditampung. Apabila muatannya berat, ia akan menampungnya (sekadar mampu). Akan tetapi bila muatan itu berada di luar kemampuannya, jelas tidak akan mampu ditampungnya.

Maka hati itu luas, dapat berhimpun di dalamnya sasaran kepada Allah, kepada mengerjakan perintah-Nya dan kepada (hal-hal demi) kebaikan hamba-Nya (secara sekali gus). Tidaklah kesibukan kepada salah satu daripadanya menyebabkan ia lupa kepada yang lain.

فقد كان رسول الله قلبه متوجه في الصلاة إلى ربه وإلمراعاة
أحوال من يصلي خلفه وكان يسمع بكاء الصبي فيخفف الصلاة خشية
أن يشق على أمه. أفلا ترى قلبه الواسع الكريم كيف اتسع للأمرين؟ ولا
يظن أن هذا من خصائص النبوة. فهذا عمر بن الخطاب رضي الله عنه
كان يجهز جيشه وهو في الصلاة فيتسع قلبه للصلاة والجهاد في آن
واحد. وهذا بحسب سعة القلب وضيقه وقوته وضعفه.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ketika solat, perhatian
hatinya tertuju kepada tuhanNya. Namun pada waktu yang sama
baginda prihatin kepada keadaan orang yang solat di belakangnya.
Baginda pernah mendengar suara tangisan bayi di dalam solatnya, lalu
baginda mempercepatkan solatnya kerana bimbang memberatkan ibu
bayi tersebut. Tidakkah anda perhatikan betapa lapangnya hati
baginda yang mulia itu sehingga dapat memuatkan dua perkara dalam
satu pekerjaan sekali gus?

Janganlah pula anda menyangka perkara ini hanya khusus
kepada baginda sebagai seorang Nabi. Perhatikan Umar bin al-
Khathtab *radhiallahu 'anh*, beliau mempersiapkan tenteranya
padahal sedang dalam solatnya. Ternyata hatinya lapang untuk urusan
solat dan jihad dalam satu masa. Semua ini bergantung kepada lapang

atau sempit, kuat atau lemah hati.

قالوا وكمال العبودية أن يتسع قلب العبد لشهود معبوده ومراعاة آداب عبوديته فلا يشغله أحد الأمرين عن الآخر. وهذا موجود في الشاهد. فإن الرجل إذا عمل عملاً للسلطان مثلاً بين يديه وهو ناظر إليه يشاهده فإن قلبه يتسع لمراعاة عمله وإتقانه وشهود إقبال السلطان عليه ورؤيته له. بل هذا شأن كل محب يعمل لمحبوبه عملاً بين يديه أو يغيثه.

Mereka mengatakan, kesempurnaan ibadah seorang hamba ialah apabila hatinya lapang untuk merasai kehadiran sembahannya dan sekaligus memelihara etika ibadahnya. Kesibukannya dengan salah satu urusan tidaklah menyebabkan urusan lain dilupakan dan hal seperti ini memang terjadi dalam kenyataan.

Misalnya, apabila seorang itu membuat satu pekerjaan untuk sultan yang berada di hadapannya, sementara sultan itu melihat kepadanya dan menyaksinya. Maka hatinya lapang untuk melaksanakan pekerjaan itu dengan baik lagi sempurna serentak dengan memelihara etikanya terhadap sultan yang melihat dan menyaksikannya. Memang, demikianlah juga keadaan orang yang bercinta saat melakukan sesuatu pekerjaan untuk kekasihnya, baik di hadapannya mahupun di

belakangnya (tanpa kehadirannya).

قالوا وهذا رسول الله بكى يوم موت ابنه إبراهيم فكان بكاءه
رحمة له. فأتسع قلبه لرحمة الولد وللرضا بقضاء الله ولم يشغله أحدهما
عن الآخر. لكن الفضيل لم يتسع قلبه يوم موت ابنه لذلك فجعل
يضحك. فقليل له: أتضحك وقد مات ابنك؟ فقال: إن الله سبحانه
قضى بقضاء فأحببت أن أرضى بقضائه. ومعلوم أن بين هذه الحال
وحال رسول الله حينئذ تفاوت لا يعلمه إلا الله. ولكن لم يتسع قلبه لما
أتسع له قلب رسول الله.

Mereka mengatakan, perhatikan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menangis pada hari kematian puteranya Ibrahim, baginda menangis kerana sayang kepadanya. Namun hati baginda cukup luas untuk sayang kepada puteranya dan pada waktu yang sama reda menerima taqdir Allah. Tidaklah kesibukan kepada salah satu daripadanya menyebabkan baginda lupa kepada yang lain.

Akan tetapi (berbeza pula dengan) al-Fudhail (bin 'Iyadh, wafat 187H), hatinya tidak cukup lapang pada hari kematian puteranya sehingga peristiwa itu menyebabkan beliau ketawa. Apabila dikatakan kepadanya: "Mengapa engkau ketawa padahal anakmu baru saja meninggal dunia?" Dia menjawab: "Sesungguhnya Allah

mentaqdirkan sesuatu dan aku suka apabila merasakan reda dengan taqdirnya."

Dimaklumi bahawa terdapat perbezaan antara keadaan ini (al-Fudhail bin 'Iyadh) dan keadaan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* saat peristiwa itu berlaku. Tidak diketahui (apa yang berlaku secara terperinci) melainkan Allah. Namun apa yang jelas hatinya tidaklah selapang hati Rasulullah.

ونظير هذا اتساع قلب رسول الله لغناء الجويريتين اللتين كانتا تغنيان عند عائشة رضي الله عنها فلم يشغله ذلك عن ربه. ورأى فيه من مصلحة إرضاء النفوس الضعيفة بما يستخرج منها من محبة الله ورسوله ودينه. فإن النفوس متى نالت شيئاً من حظها طوعت ببذل ما عليها من الحق. ولم يتسع قلب عمر لذلك لما دخل فأنكره. وكم بين من ترد عليه الواردات فكل منها يثير همته ويحرك قلبه إله الله كما قال القائل:

يذكرنيك الخير والشر والذي ... أخاف وأرجو والذي أتوقع.

Selari dengan ini ialah kelapangan hati Rasulullah *shallallahu*

'alaihi wasallam terhadap nyanyian dua pelayan perempuan yang menyanyi di sisi Aisyah *radhiallahu 'anhuma*. Tidaklah nyanyian itu menyibukkan (Rasulullah sehingga lupa) daripada tuhanNya.

Baginda memandang nyanyian itu memiliki masalahat menenangkan diri orang-orang yang berjiwa lemah sehingga pada akhirnya nanti dapat mengeluarkan (menghasilkan) dari hati mereka rasa cinta kepada Allah, Rasul dan agama-Nya. Ini kerana jiwa manusia apabila mendapat sesuatu daripada kesenangan, ia akan mudah menuruti kebenaran yang diperintahkan kepadanya.

Akan tetapi hati Umar (bin al-Khaththab) tidak cukup lapang untuk menerima peristiwa nyanyian itu ketika masuk (ke rumah Aisyah), lalu beliau mengingkarinya.

Betapa ramai di kalangan orang yang mengingini untuk dirinya pelbagai masukan (yang disukainya lagi halal) lalu setiap darinya menaikkan semangat dan menggerakkan hatinya kepada Allah. Inilah sebagaimana yang dikatakan oleh seorang penyair:

*Aku tetap teringat kepada-Mu meskipun ku alami kebaikan,
keburukan dan segala yang,*

Ku takutkan, ku harapkan dan segala yang ku jangkakan

ومن يرد عليه من الواردات فيشغله عن الله ويقطعه عن سير قلبه إليه. فالقلب الواسع يسير بالخلق إلى الله ما أمكنه فلا يهرب منهم ولا يلحق بالقفار والجبال والخلوات. بل لو نزل به من نزل سار به إلى الله فإن لم يسر معه سار هو وتركه.

(Berbeza pula halnya) dengan orang yang mengingini untuk dirinya dari pelbagai masukan lalu dia menjadi sibuk daripada (mengingati) Allah dan hatinya terputus dari perjalanannya menuju kepada-Nya. Justeru orang yang berhati lapang menempuh perjalanan bersama orang lain menuju kepada Allah sekadar yang termampu tanpa dia melarikan diri daripada mereka. Tidak juga dengan mengasingkan diri di padang pasir, bukit-bukau dan tempat-tempat yang sepi (uzlah). Bahkan dia terus membawa sesiapaapun yang mahu diajaknya kepada Allah. Jika tidak ada yang mahu bersamanya, dia meneruskan perjalanan dengan meninggalkan mereka.

ولا ينكر هذا فالحبة الصحيحة تقتضيه. وخذ هذا في المغني إذا طرب فلو نزل به من نزل أطربهم كلهم. فإن لم يطربوا معه لم يدع طربه لغلظ أكبادهم وكثافة طبعهم. وكان شيخنا يميل إلى هذا القول وهو كما ترى قوته وحجته.

Tidaklah diingkari hakikat ini kerana cinta yang sebenar-benarnya memang memerlukan sikap yang demikian. Contohnya seorang penyanyi saat menyanyikan lagu, maka orang-orang ikut serta dalam nyanyiannya. Namun jika tidak ada orang yang mengikuti nyanyiannya bersamanya disebabkan hati mereka yang keras lagi tebal sehingga tidak tersentuh (dengan nyanyian itu), tidaklah penyanyi itu meninggalkan nyanyiannya.

Guru kami (Ibn Taimiyyah *rahimahullah*) cenderung kepada pendapat ini sebagaimana yang anda lihat sendiri kekuatan hujahnya.

Kesimpulan:

والتحقيق أن المحبوب لذاته لا يمكن أن يكون إلا واحدا
ومستحيل أن يوجد في القلب محبوبان لذاتهما. كما يستحيل أن يكون
في الخارج ذاتان قائمتان بأنفسهما كل ذات منهما مستغنية عن الأخرى
من جميع الوجوه. وكما يستحيل أن يكون للعالم ربان متكافئان
مستقلان. فليس الذي يحب لذاته إلا الإله الحق الغني بذاته عن كل ما
سواه وكل ما سواه فقير بذاته إليه.

Penelitian dalam masalah ini menunjukkan bahawa kecintaan itu hanyalah untuk satu zat, tidak mungkin ia boleh berlaku melainkan kepada yang satu. Mustahil wujud di dalam hati dua cinta untuk dua

zat (yang berbeza) sebagaimana mustahil di luar sana terdapat dua zat (tuhan) yang kedua-duanya berdiri dengan sendiri, setiap zat daripada kedua-duanya tidak memerlukan kepada yang lain dari semua aspek. Demikian juga, mustahil juga bagi alam ini ada dua tuhan yang setaraf lagi mandiri. Oleh itu tiadalah satu zat yang layak untuk dicintai melainkan tuhan yang hak (yakni Allah), yang Maha Kaya dengan sendirinya daripada segala sesuatu, tidak memerlukan apa-apa sementara setiap yang selain-Nya amat memerlukan kepada-Nya.

وأما ما يجب لأجله سبحانه فيتعدد. ولا تكون محبة العبد له شاغلة له عن محبة ربه ولا يشركه معه في الحب. فقد كان رسول الله يحب زوجاته وأحبهن إليه عائشة رضي الله عنها. وكان يحب أباهما ويحب عمر رضي الله عنهم. وكان يحب أصحابه وهم مراتب في حبه لهم. ومع هذا فحبه كله لله وقوى حبه جميعها منصرفة إليه سبحانه.

Adapun apa yang dicintai kerana Allah Subhanahu waTa'ala, maka ia boleh berbilang jumlahnya. Namun janganlah kecintaan seorang hamba kepadanya (yang berbilang jumlah itu) menyibukkan dia daripada kecintaan terhadap tuhan-Nya (Allah) dan janganlah menyekutukan bersama-Nya dalam urusan cinta tersebut.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri mencintai semua isterinya, namun yang paling dicintainya di antara mereka ialah A'ishah *radhiallahu 'anhuma*. Baginda juga mencintai ayahnya (Abu Bakar) dan mencintai 'Umar (bin al-Khaththab) *radhiallahu 'anhuma*. Malah baginda mencintai semua sahabatnya dan mereka berada pada tingkatan cinta yang berbeza-beza (di sisi Rasulullah). Semua ini adalah kerana kecintaannya kepada Allah dan kekuatan cintanya secara keseluruhan hanyalah didedikasikan kepada Allah *Subhanahu waTa'ala*.

Tiga Jenis Cinta:

فإن المحبة ثلاثة أقسام: محبة الله والمحبة له وفيه والمحبة معه. فالمحبة له وفيه من تمام محبته وموجباتها لا من قواطعها. فإن محبة الحبيب تقتضي محبة ما يحب ومحبة ما يعين على حبه ويوصل إلى رضاه وقربه. وكيف لا يحب المؤمن ما يستعين به على مرضاة ربه ويتوصل به إلى حبه وقربه؟

Sesungguhnya cinta itu ada tiga jenis:

- Pertama: Cinta kepada Allah.
- Kedua: Cinta kerana Allah.

- Ketiga: Cinta bersama Allah.

Cinta kerana Allah termasuk dalam kesempurnaan cinta kepada Allah dan sebab-sebabnya, bukan apa yang berdiri dengan sendirinya. Ini kerana kecintaan kepada kekasih menuntut kecintaan kepada apa yang dicintai oleh kekasih itu, mencintai apa yang dapat membantu kecintaannya dan menghantar kepada keredaan dan kedekatan kepada-Nya. Mana mungkin seorang mukmin tidak mencintai apa yang dapat membantunya dalam memperoleh keredaan tuhan-Nya dan menghantarnya kepada kecintaan dan kedekatan dengan-Nya?

وأما المحبة مع الله فهي المحبة الشريكية وهي كمحبة أهل الأنداد
لأنّادهم كما قال تعالى:

Adapun cinta bersama Allah, maka ia adalah cinta yang syirik. Ia seperti cinta orang-orang kafir kepada tuhan-tuhan mereka sebagaimana firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَتَّخِذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْدَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ
وَالَّذِينَ آمَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ.

Ada di antara manusia yang mengambil selain dari Allah sekutu-sekutu yang mereka mencintainya sebagaimana mereka

mencintai Allah; padahal orang-orang yang beriman itu bersungguh-sungguh mencintai Allah. [al-Baqarah 2:165]

وأصل الشرك الذي لا يغفره الله هو الشرك في هذه المحبة. فإن المشركين لم يزعموا أن آلهتهم وأوثانهم شاركت الرب سبحانه في خلق السموات والأرض. وإنما كان شركهم بها من جهة محبتها مع الله فوالوا عليها وعادوا عليها وتألّفوها. وقالوا: هذه آلهة صغار تقرّينا إلى الإله الأعظم.

Asas syirik yang tidak diampuni oleh Allah adalah syirik dalam mencintai bersama Allah. Ini kerana sesungguhnya orang-orang musyrikin tidaklah beranggapan bahawa tuhan-tuhan mereka dan berhala-berhala mereka ikut bersama dengan Allah *Subhanahu waTa'ala* dalam penciptaan langit dan bumi. Akan tetapi syirik yang mereka lakukan tidak lain ialah menjadikan mereka (tuhan-tuhan dan berhala-berhala) sasaran cinta bersama Allah. Lalu mereka meneruskannya sikap ini sehingga berpaling daripada Allah dan mengagungkan tuhan-tuhan serta berhala-berhala mereka. Mereka berkata: "Ini adalah tuhan-tuhan kecil yang mendekatkan kami kepada tuhan yang agung."

ففرق بين محبة الله أصلا والمحبة له تبعا والمحبة مع شركا. وعليك

بتحقيق هذا الموضع فإنه مفرق الطرق بين أهل التوحيد وأهل الشرك.

Oleh itu bezakanlah di antara cinta kepada Allah sebagai asas, cinta kerana Allah sebagai ikutan (dari cinta kepada Allah) dan cinta bersama Allah yang merupakan syirik. Hendaklah anda berhati-hati lagi teliti dalam bab ini kerana ia membezakan antara jalan ahli tauhid dan jalan ahli syirik.

Kisah Puteri al-Fudhail bin 'Iyadh

ويحكى أن الفضيل دخل على ابنته في مرضها فقالت له: يا أبت هل تحبني؟ قال: نعم. قالت: لا إله إلا الله. والله ما كنت أظن فيك هذا ولم أكن أظنك تحب مع الله أحدا. ولكن أفرد الله بالحببة واجعل لي منك الرحمة أي يكون حبك لي حب رحم جعلها الله في قلب الوالد لولده. لا محبة مع الله. فله حق من المحبة لا يشركه فيه غيره.

Dihikayatkan bahawa al-Fudhail (bin 'Iyadh) menziarahi puterinya yang sedang sakit, lalu puterinya bertanya kepadanya: "Wahai ayah, apakah anda mencintaiku?" al-Fudhail menjawab: "Ya." Puterinya membalas: "Tidak ada tuhan selain Allah. Demi Allah! Aku tidak menyangka anda bersikap seperti ini dan aku tidak menyangka

anda mencintai seseorang bersama Allah. Akan tetapi hendaklah anda menunggalkan Allah dalam kecintaan dan sekadar menjadikan bagiku cinta yang merupakan hasil kecintaan yang Allah jadikan dalam hati ibubapa kepada anaknya. Tidak ada cinta bersama Allah. Allah jualah yang berhak untuk dicintai, tanpa ada sekutu dengan selainnya dalam (kecintaan tersebut)."

وأظلم الظلم وضع تلك المحبة في غير موضعها والتشريك بين الله وغيره فيها. فليتدبر اللبيب هذا الباب فإنه من أنفع أبواب الكتاب إن شاء الله تعالى.

Kezaliman yang paling berat ialah meletakkan cinta bukan pada tempat yang semestinya dan mensyirikkan Allah dengan yang lain dalam urusan kecintaan. Maka hendaklah orang yang berakal merenungi bab ini kerana sesungguhnya ia adalah yang paling bermanfaat di antara bab-bab dalam kitab ini *insya-Allah*.

Menyemak Hadis Asma' Binti Yazid

Sebarkan Cinta-Mu dalam mukasurat 392-393 mengemukakan sebuah hadis seperti berikut:

Riwayat Sahih Muslim menceritakan kisah keberanian Asma' binti Yazid menyuarakan hak kaum wanita. Pada suatu hari Asma' binti Yazid al-Anshariyah datang menghadap Rasulullah. Ketika itu baginda sedang dikelilingi para sahabat.

Asma' langsung berkata, “Ayah dan ibuku menjadi tebusanmu, ya Rasulullah. Saya adalah utusan kaum wanita untuk menghadap kepadamu. Sesungguhnya Allah *azza wajalla* mengutuskanmu kepada kaum lelaki dan wanita. Engkau bukan semata-mata milik kaum lelaki. Tetapi, milik kita semua. Kerananya, kami mempercayai dan membenarkanmu.”

Asma' berkata lagi, “Kami kaum wanita terbatas dan terkurung, duduk di dalam rumah dan mengandungkan anak-anakmu. Sedangkan kaum lelaki dilebihkan atas kami dengan solat Jumaat dan jemaah, serta menjengok orang sakit, menghantarkan jenazah, melakukan ibadah haji berulang kali. Lebih utama daripada itu, adalah berjihad di jalan Allah.

Asma' menyambung bicara, “Apabila seseorang daripada

kalangan kaum lelaki pergi menunaikan ibadah haji atau umrah dan berjihad, maka kami kaum wanita yang memelihara hartanya. Kami pintal bajunya dan kami didik anak-anaknya. Maka apakah kami mendapatkan kebaikan dan pahala seperti mereka?”

Mendengar pertanyaan Asma’ yang berani dan bertubi-tubi, Rasulullah SAW berasa kagum dan gembira. Baginda lalu menoleh kepada para sahabat dan bertanya kepada mereka sebelum memberikan jawapan kepada Asma’, “Adakah kamu semua pernah mendengar pertanyaan seorang wanita yang lebih baik daripada pertanyaan wanita tadi berkenaan urusan agamanya?”

Para sahabat menjawab, “Ya Rasulullah, kami tidak menyangka ada wanita yang bertanya seperti itu.”

Kemudian Rasulullah menoleh kepada Asma’ dan menjawab pertanyaan yang mengesankan itu, “Ketahuilah wahai wanita, dan beritahukanlah kepada kaum wanita lain yang saat ini tidak hadir, bahawa perlakuan baik seorang wanita terhadap suami dan pencarian keredaan daripada suami serta kepatuhan kepada keinginan suami, pahalanya menyamai semua yang telah engkau sebutkan tadi.”

Beberapa catatan ke atas pengemukaan hadis Asma’

binti Yazid ini:

Catatan Pertama:

Hadis ini dikeluarkan oleh al-Baihaqi (458H) dalam *Syu'ab al-Iman*, hadis no: 8369. Ia juga dikemukakan oleh al-Munziri (656H) secara ringkas dalam *al-Targhib wa al-Tarhib*, no: 2890 dan beliau mengisyaratkan kelemahannya apabila memulakan hadis ini dengan "Diriwayatkan...". al-Albani (1420H) menerangkan kelemahan hadis ini dalam *Silsilah al-Ahadits al-Dha'ifah*, no: 6242.

Hadis ini tidak memiliki kelemahan yang berat dan ia termasuk dalam asas-asas agama. Oleh itu tidak mengapa jika ia dikemukakan sebagai memberi anjuran kepada isteri berbakti kepada suami.

Catatan Kedua:

Hadis ini tidak terdapat dalam *Shahih Muslim* sebagaimana yang didakwa oleh *Sebarkan Cinta-Mu*. Merupakan kesalahan yang berat dalam disiplin ilmu agama, khususnya disiplin ilmu hadis, untuk menyandarkan sebuah hadis yang *dha'if* kepada sumber yang sahih seperti *Shahih Muslim*.

Catatan Ketiga:

Jika dibanding terjemahan hadis yang dikemukakan oleh *Sebarkan Cinta-Mu* dan teks asal hadis dalam *Syu'ab al-*

Iman, terdapat beberapa tokoh tambah yang mensensasikan hadis terbabit. Meskipun tidak berlaku perubahan hukum dan kandungan asas hadis, adalah lebih baik jika tambahan-tambahan tersebut tidak dilakukan.

Catatan Keempat:

Satu aspek yang tidak disentuh oleh *Sebarkan Cinta-Mu* ialah peranan hadis terbabit dalam persoalan poligami. Perhatikan semula penghujung hadis, di mana diriwayatkan bahawa:

Kemudian Rasulullah menoleh kepada Asma' dan menjawab pertanyaan yang mengesankan itu, “Ketahuilah wahai wanita, dan beritahukanlah kepada kaum wanita lain yang saat ini tidak hadir, bahawa perlakuan baik seorang wanita terhadap suami dan pencarian keredaan daripada suami serta kepatuhan kepada keinginan suami, pahalanya menyamai semua yang telah engkau sebutkan tadi.”

Apabila seorang suami mengkhabarkan hajatnya untuk bernikah lagi, lalu isterinya tetap berlaku baik kepadanya, tetap berusaha mencari redanya serta patuh kepada keinginannya, maka isteri tersebut mendapat pahala yang menyamai semua amal soleh suami. Ini tentu lebih baik bagi dunia dan akhirat isteri.

Menyemak Hadis

Umm Hani' Binti Abu Thalib

Sebarkan Cinta-Mu dalam mukasurat 460-461
mengemukakan kisah berikut:

UMMU HANI' BINTI ABI THALIB MENOLAK PINANGAN NABI KERANA CEMBURU DAN SAYANG ANAK

Ummu Hani' ialah wanita Quraisy yang bijak memberi pendapat dan berakhlak mulia. Pada zaman jahiliah, Rasulullah pernah meminangnya, tetapi ayahnya telah menjanjikannya untuk Hubarah bin Abi Wahbin.

Pada awal perkembangan Islam, Ummu Hani' turut masuk Islam bersama kaum wanita yang lain. Rasulullah memisahkan Ummu Hani' dengan suaminya yang masih kafir, sesuai dengan hukum Islam yang berlaku meskipun dia sudah dikurniakan empat orang anak.

Selepas Ummu Hani' disahkan menjadi janda dengan empat orang anak, Rasulullah pun meminangnya buat kali yang kedua. Ummu Hani' menjawab atas pinangan itu, “Ya Rasulullah, sungguh dirimu lebih saya cintai daripada pendengaran dan

penglihatan saya. Namun, saya seorang wanita yang sangat kuat cemburu. Ya Rasulullah, saya tahu bahawa hak suami sangatlah besar dan harus dijunjung tinggi. Saya khuatir jika mengurus seorang suami, lalu saya terpaksa mengabaikan sebahagian hak anak-anak saya. Jika saya mengurus anak-anak, saya khuatir akan mengabaikan hak suami.”

Rasulullah menghormati pandangannya. Kemudian Rasulullah memberikan pandangan, “Sesungguhnya sebaik-baik wanita yang naik unta adalah wanita Quraisy. Mereka paling sayang kepada anak-anaknya pada waktu kecil, dan paling memerhatikan urusan suami.”

Apa yang menjadi perhatian kita ialah faktor penolakan Umm Hani’, iaitu cemburu. Cemburu yang dimaksudkan ialah cemburu untuk hidup di alam poligami bersama Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ini disebut oleh *Sebarkan Cinta-Mu* dalam mukasurat 742:

“Apa salahnya saya menolak. Perempuan diharuskan menolak poligami. Ummu Hani’ pernah menolak pinangan Nabi kerana tidak mahu hidup berpoligami.

Benarkah apa yang dikemukakan oleh *Sebarkan Cinta-Mu*? Ini kerana dalam hadis yang sahih, Ummu Hani’

radhiallahu 'anha menolak pinangan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bukan kerana cemburu untuk hidup di alam poligami, tetapi kerana dirinya yang sudah berumur lagi memiliki beberapa orang anak.

Perhatikan hadis berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَطَبَ أُمَّ هَانِيٍّ
بِنْتَ أَبِي ثَالِبٍ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي قَدْ كَثُرْتُ وَلِي عِيَالٌ. فَقَالَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: خَيْرُ نِسَاءٍ رَكْبَنَ ...

Daripada Abu Hurairah radhiallahu 'anh, bahawa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam meminang Umm Hani' binti Abi Thalib. Umm Hani' (menolaknya dengan) berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku sudah tua dan sudah memiliki keluarga." Maka Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Sebaik-baik wanita yang menunggang (unta)..."

Hadis ini merujuk kepada pinangan kedua Rasulullah kepada Umm Hani'. Ketika itu Umm Hani' sudah berkeluarga – yakni memiliki anak-anak – hasil daripada perkahwinannya yang pertama dengan Hubarah bin Abi Wahbin.

Kisah yang dikemukakan oleh *Sebarkan Cinta-Mu* terdapat dalam *al-Thabaqat al-Kubra* oleh Ibn Sa'ad (230H), akan tetapi tanpa lafaz "cemburu". Perhatikan:

عن عامر قال: خطب رسول الله صلى الله عليه وسلم أم هانئ فقالت: يا رسول الله لأنت أحب إلي من سمعي وبصري وحق الزوج عظيم فأحشى إن أقبلت على زوجي أن أضيع بعض شأني وولدي وإن أقبلت على ولدي أن أضيع حق الزوج.

فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إن خير نساء ركن الإبل نساء قریش أحناه على ولد في صغره وأرعاه على بعل في ذات يده.

Daripada 'Amr, dia berkata: Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam meminang Umm Hani', lalu dia berkata: "Ya Rasulullah, sungguh dirimu lebih saya cintai daripada pendengaran dan penglihatan saya. Akan tetapi hak seorang suami amatlah besar. Maka saya khawatir jika mengurus suami, saya terabaikan sebahagian urusan anak-anak saya. Jika saya mengurus anak-anak, saya terabaikan pula hak suami."

Maka Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya sebaik-baik wanita yang menunggang unta ialah wanita Quraisy. Mereka amat sayang kepada anak-anak yang kecil dan pada waktu yang sama prihatin dalam mengurus harta suami.¹⁴³

¹⁴³

Sahih: Dikeluarkan oleh Ibn Sa'ad dalam *al-Thabaqat al-Kubra*, jld.

Hadis Yang Sahih Dalam Bab Ini

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah melamar seorang wanita dan beliau pada awalnya keberatan untuk menerima lamaran baginda kerana urusan anak dan perasaan cemburu. Hadis ini adalah sahih dan ia seperti berikut:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ أَنَّهَا قَالَتْ، سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَا مِنْ مُسْلِمٍ تُصِيبُهُ مُصِيبَةٌ فَيَقُولُ مَا أَمَرَهُ اللَّهُ: ((إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاغِبُونَ. اللَّهُمَّ أَجْرِنِي فِي مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا)) إِلَّا أَخْلَفَ اللَّهُ لَهُ خَيْرًا مِنْهَا.

Daripada Umm Salamah radhiallahu 'anha bahawa dia berkata: Saya mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Tidaklah seorang muslim ditimpa musibah lalu dia membaca apa yang telah diperintahkan oleh Allah:

"Sesungguhnya kami milik Allah dan sesungguhnya kami akan kembali kepada-Nya (dan berdoa) Ya Allah, berilah kami pahala kerana mushibah ini dan gantikanlah bagiku dengan yang lebih baik

8, ms. 152 (*Bab menyebut tentang lamaran Nabi shallallahu 'alaihi wasallam kepada para wanita tetapi tidak dinikahnya dan wanita yang menawarkan dirinya kepada Rasulullah*). Disebut secara ringkas oleh Ibn Hajar al-'Asqalani dalam *al-Ishobah fi Tamyiz al-Shohabah*, biografi no: 12285 dan beliau berkata sanadnya sahih.

daripadanya”, melainkan Allah akan menggantikan baginya dengan yang lebih baik daripadanya.

قَالَتْ: فَلَمَّا مَاتَ أَبُو سَلَمَةَ قُلْتُ أَيُّ الْمُسْلِمِينَ خَيْرٌ مِنْ أَبِي سَلَمَةَ؟ أَوَّلُ بَيْتٍ هَاجَرَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. ثُمَّ إِنِّي قُلْتُهَا فَأَخْلَفَ اللَّهُ لِي رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Umm Salamah berkata: Tatkala Abu Salamah (suaminya) meninggal dunia, saya bertanya-tanya: "Muslim manakah yang lebih baik daripada Abu Salamah? Dia adalah orang yang awal hijrah kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam." Kemudian akupun mengucapkan doa tersebut. Maka Allah menggantikan bagiku Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam (sebagai suami).

قَالَتْ أَرْسَلَ إِلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَاطِبُ بْنُ أَبِي بَلْثَعَةَ يَخْطُبُنِي لَهُ فَقُلْتُ إِنَّ لِي بِنْتًا وَأَنَا غَيُورٌ فَقَالَ أَمَا ابْنُتُهَا فَندَعُو اللَّهَ أَنْ يُغْنِيَهَا عَنْهَا وَأَدْعُو اللَّهَ أَنْ يَذْهَبَ بِالْغَيْرَةِ

Umm Salamah melanjutkan: Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam mengutus Hathib bin Abu Balta'ah bagi meminangku untuk diri baginda. Maka saya menjawab: "Sesungguhnya saya memiliki seorang anak perempuan dan saya seorang yang cemburu."

Baginda menjawab: "Adapun anaknya, maka kita doakan agar Allah mencukupkan keperluannya. Dan aku doakan agar Allah menghilangkan rasa cemburunya."¹⁴⁴

Hadis sahih ini memberikan pengajaran penting bagi mereka yang akan atau sudah menceburi alam poligami, baik suami mahupun isteri-isteri. Khusus bagi seorang isteri, jika dibebani dengan perasaan cemburu yang kuat atau/dan bimbang pembesaran anak-anak di alam poligami, maka berdoalah kepada Allah. Usah merasakan Allah telah mengabaikan anda dalam pensyari'atan poligami. Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ
فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي.

Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): "Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku." [al-Baqarah 2:186]

Tunjuk ajar daripada sunnah Rasulullah *shallallahu*

¹⁴⁴ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 1525/918 (*Kitab al-Jana'iz*, Bab apa yang dikatakan ketika ditimpa musibah).

'alaihi wasallam ini adalah jauh lebih baik lagi mulia berbanding mengancam-ancam dengan perceraian, kemudian menyandarkannya secara dusta ke atas Fatimah binti Muhammad *radhiallahu 'anha* atau di atas slogan “hak wanita”.

Menyemak Hadis

Umar Dileteri Isterinya

Sebarkan Cinta-Mu dalam mukasurat 544-545
mengemukakan hadis berikut:

UMAR MENCONTOHI KESABARAN RASULULLAH TERHADAP LETERAN ISTERI

Seorang lelaki datang ke rumah Umar bagi mengadu perihal isterinya yang suka berleter. Tatkala sampai, dia mendengar Umar sedang dileteri isterinya. Umar tidak menjawab sepatah pun. Lelaki itu beredar sambil berkata,

“Kalau beginilah keadaan Umar, seorang *Amirul Mukminin* yang selalu keras dan tegas, maka bagaimana pula dengan aku?”

Selepas itu Umar keluar dari rumahnya lalu terlihat lelaki tadi beredar. Umar memanggilnya dan bertanya tujuan kedatangannya. Lelaki itu berkata,

“Wahai *Amirul Mikminin*, tujuan kedatanganku adalah hendak mengadu berkenaan perangai buruk isteriku yang suka berleter. Tadi aku baru saja mendengar isterimu juga begitu. Lalu aku berkata kepada diriku, kalau begini keadaan *Amirul Mukminin* dengan isterinya, maka bagaimana dengan aku?”

Umar pun berkata kepadanya,

“Wahai saudaraku! Sesungguhnya aku bersabar mendengar leterannya kerana dia mempunyai hak ke atasku. Sesungguhnya dia memasak makanan untukku, mengadun roti untukku, membasuh pakaianku dan menyusui anakku, padahal semua itu tidak diwajibkan ke atasnya. Dia juga menenangkan hatiku daripada melakukan perbuatan yang haram (zina). Sebab itulah aku bersabar dengan kerenahnya.

Lelaki itu menjawab,

“Wahai *Amirul Mukminin*, demikian jugalah isteriku.”

Umar berkata,

“Maka bersabarlah wahai saudaraku. Sesungguhnya kerenahnya tidak lama. Hanya seketika sahaja.”

Rasulullah SAW sendiri telah mengingatkan,

“Janganlah seseorang yang beriman (lelaki) membenci seorang (isterinya yang) beriman (perempuan), kerana walaupun ada satu perangnya yang lelaki itu tidak suka, tetapi (tentu) ada lain perangnya yang dia suka.” (Direkodkan oleh Muslim dan Ahmad)

Hadis yang dikemukakan oleh *Sebarkan Cinta-Mu* ini memerlukan beberapa catatan:

Catatan Pertama:

Hadis tersebut tidak direkodkan oleh Muslim dan Ahmad. Hanya perenggan akhir yang terdapat dalam *Shahih Muslim* dan *Musnad Imam Ahmad*, iaitu:

لَا يَفْرَكُ مُؤْمِنٌ مُؤْمِنَةً إِنْ كَرِهَ مِنْهَا خُلُقًا رَضِيَ مِنْهَا آخَرَ.

Janganlah seorang mukmin (suami) membenci seorang mukminat (isteri), jika dia membenci salah satu perangainya, nescaya dia akan redha dengan perangainya yang lain.¹⁴⁵

Catatan Kedua:

Hadis 'Umar bin al-Khaththab *radhiallahu 'anh* dileteri oleh isterinya adalah masyhur dalam buku-buku yang membicarakan hak wanita. Akan tetapi yang benar hadis tersebut tidak memiliki sanad. Perhatikan penjelasan berikut oleh Muhammad Abdul Kadir bin Sahak, semoga Allah merahmatinya dan memeliharanya:

¹⁴⁵ Sahih: Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 2672/1469 (*Kitab al-Ridha', Bab wasiat tentang wanita*).

Soalan:

Saya pernah mendengar satu kisah tentang ‘Umar bin al-Khattab RA juga dimarahi oleh isterinya.

Suatu hari seorang lelaki ingin mengadu kepada Sayyidina ‘Umar tentang akhlak buruk isterinya yang sering meninggikan suara memarahinya. Lalu lelaki tadi pergi ke rumah sayyidina ‘Umar RA untuk mengadu, sampai sahaja di hadapan pintu, beliau mendengar ‘Umar yang juga seorang khalifah ketika itu sedang dimarahi oleh isterinya.

Lalu lelaki itu berkata: *"Jika demikian yang berlaku kepada 'Umar yang merupakan Amirul mukminin, maka apa yang berlaku antara aku dan isteriku adalah perkara biasa."*

Saya ingin kepastian dari ustaz adakah cerita ini benar, sebahagian para isteri menjadikan kisah ini sebagai bukti seorang isteri boleh meninggikan suara terhadap suaminya. Sekian, terima kasih.

Jawapan:

Cerita ini disebut oleh beberapa ulama di dalam kitab mereka, antaranya:

1. Al-Syeikh Sulaiman bin Muhammad al-Bujairamiy

(الشيخ سليمان بن محمد البجيرمي) seorang faqih dalam mazhab al-Syafie di dalam kitab *Hasyiah al-Bujairami* 3/441-442.

2. Abu al-Laith al-Samarqandiy, seorang faqih mazhab Hanafi di dalam kitabnya *Tanbih al-Ghafilin*, halaman: 517.
3. Ibn Hajar al-Haitami di dalam *al-Zawajir* 2/80.

Ketika menyebut cerita ini, ketiga-tiga mereka tidak mendatangkan sebarang *sanad* bahkan mereka menyebutnya dalam bentuk *sighah tamridh*, iaitulah satu cerita yang dinukilkan dalam bentuk 'ada orang kata. Bentuk cerita yang seumpama ini menunjukkan kelemahan dan tidak benarnya cerita tersebut. Apatah lagi kelemahan dan tidak benarnya cerita ini dikuatkan dengan alasan-alasan berikut:

(Pertama) Bersalahan dengan cerita yang lebih masyhur tentang kehebatan Sayyidina 'Umar bin al-Khattab RA, sehingga Ibn 'Abbas RA pernah berkata:

مَكَثْتُ سَنَةً أُرِيدُ أَنْ أَسْأَلَ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ عَنْ آيَةٍ فَمَا
أَسْتَطِيعُ أَنْ أَسْأَلَهُ هَيَّيَّةً لَهُ.

Maafhumnya: "Daku pernah menetap selama setahun untuk bertanya kepada 'Umar bin al-Khattab tentang satu ayat (dari

al-Quran), namun daku tidak mampu bertanya beliau tentang ayat tersebut disebabkan aku berasa haibah (rasa takut disebabkan hormat) terhadap beliau.” (HR al-Bukhari dan Muslim)

(Kedua) Kata ‘Amr bin Maimun:

شَهِدْتُ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَوْمَ طُعِنَ فَمَا مَنَعَنِي أَنْ أَكُونَ فِي
الصَّفِّ الْأَوَّلِ إِلَّا هَيْبَتُهُ، وَكَانَ رَجُلًا مَهِيًّا.

Mafhumnya: “Daku bersama dengan ‘Umar RA pada hari beliau ditikam, tidaklah menghalang kami dari berada pada saf yang pertama melainkan disebabkan haibahku terhadapnya. Beliau adalah seorang yang digeruni kerana dihormati oleh orang ramai.” (Hilyah al-Auliya: 4/151)

(Ketiga) Disebabkan kehebatan ‘Umar bin al-Khattab RA ini, Sa'ad bin Abi Waqqas RA berkata:

اسْتَأْذَنَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - رَسُولَ اللَّهِ -
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - وَعِنْدَهُ نِسْوَةٌ مِنْ قُرَيْشٍ يُكَلِّمْنَهُ وَيَسْتَكْثِرْنَ،
عَالِيَةً أَصَوَاتُهُنَّ، فَلَمَّا اسْتَأْذَنَ عُمَرُ فُئِمْنَ فَبَادَرَنَ الْحِجَابَ،
فَدَخَلَ عُمَرُ وَرَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يَضْحَكُ، فَقَالَ:
أَضْحَكَ اللَّهُ سِنَّكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ!

فَقَالَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: عَجِبْتُ مِنْ هَؤُلَاءِ اللَّاتِي
كُنَّ عِنْدِي، فَلَمَّا سَمِعْنَ صَوْتَكَ ابْتَدَرْنَ الْحِجَابَ.

قَالَ عُمَرُ: يَا عَدُوَاتِ أَنْفُسِهِنَّ! أَتَهَبْنِي وَلَا تَهَبْنَ رَسُولَ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ فَقُلْنَ: نَعَمْ. أَنْتَ أَفْظُ وَأَعْلَى.

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِيهِ يَا ابْنَ
الْخُطَّابِ! وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ مَا لَقَيْكَ الشَّيْطَانُ سَالِكًا فَجًّا قَطُّ إِلَّا
سَلَكَ فَجًّا غَيْرَ فَجِّكَ.

Mafhumnya: “Umar bin al-Khattab RA pernah meminta izin berjumpa dengan Rasulullah SAW, ketika itu bersama dengan baginda beberapa wanita Quraisy sedang berbicara dan suara mereka menenggelamkan suara baginda SAW. Apabila ‘Umar meminta izin untuk masuk, kesemua para wanita tersebut mengubah keadaan dan kedudukan mereka. Setelah ‘Umar masuk dan melihat keadaan baginda tersenyum, beliau berkata: “Apa yang menyebabkan tuan tersenyum, wahai Rasulullah?”

Maka Nabi SAW bersabda: “Aku hairan dengan para wanita yang bersama denganku tadi, apabila mereka mendengar suaramu, mereka segera mengubah keadaan dan kedudukan mereka (kerana

takut dan haibah terhadapmu). ”

Kata ‘Umar kepada para wanita tersebut: “Apakah kamu semua berasa haibah terhadapku tetapi tidak kepada Rasulullah SAW?” Jawab para wanita tersebut: “Ya, kerana kamu lebih dahsyat dan lebih keras berbanding baginda.

Lalu Rasulullah SAW bersabda: “Jangan pedulikan mereka wahai Ibn al-Khattab, demi jiwaku yang berada dalam genggamannya, satu syaitan tidak bertemu dengan engkau yang sedang melalui suatu lembah melainkan dia akan melalui lembah yang lain.” (HR al-Bukhari dan Muslim)

Kesimpulan:

Riwayat-riwayat yang lebih sahih di atas bertentangan dengan riwayat kononnya 'Umar RA pernah dimarahi isterinya. Selain itu kisah tersebut juga tidak berasal dari kitab-kitab hadis yang dijadikan rujukan, kisah tersebut hanya diriwayatkan dalam bentuk periwayatan yang lemah. Justeru kisah ini tidak boleh dijadikan bukti bolehnya seorang isteri meninggikan suara terhadap suaminya.

Perlu dijelaskan juga di sini bahawa seorang isteri yang meninggikan suara terhadap suaminya termasuk dalam buruk adab dalam pergaulan. Al-Syeikh Muhammad bin Soleh al-'Uthaimin

berkata:

نقول لهذه الزوجة إن رفع صوتها على زوجها من سوء الأدب؛ وذلك لأن الزوج هو القوام عليها وهو الراعي لها فينبغي أن تحترمه وأن تخاطبه بالأدب؛ لأن ذلك أحرى أن يؤدم بينهما وأن تبقى الألفة بينهما.

كما أن الزوج أيضاً يعاشرها كذلك، فالعشرة متبادلة، قال الله تبارك وتعالى: (وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئاً وَيجعلَ اللهُ فيه خيراً كثيراً)

فنصيحتي لهذه الزوجة أن تتقي الله عز وجل في نفسها وزوجها، وأن لا ترفع صوتها عليه لا سيما إذا كان هو يخاطبها بهدوء وخفض الصوت.

Maksudnya: “Kami katakan kepada wanita yang meninggikan suara terhadap suaminya bahawa perbuatan tersebut termasuk dalam adab yang buruk. Hal ini kerana suami adalah pemimpin untuknya, maka sepatutnya seorang isteri menghormati suaminya dan berbicara dengan suami dengan beradab. Dengan ini ia lebih dapat mendatangkan kesatuan dan kelunakan hubungan antara mereka

berdua.

Sama halnya seorang suami juga mesti melakukan perkara yang sama, mesti diwujudkan hubungan yang sama, Allah Taala berfirman: “Dan berhubunglah dengan mereka (para isteri) dengan cara yang makruf, jika kamu (para suami) tidak menyukai mereka, barangkali kamu tidak sukakan sesuatu, sedangkan Allah jadikan pada perkara tersebut kebaikan yang banyak.”

Oleh yang demikian nasihat saya kepada wanita yang meninggikan suara terhadap suaminya agar dia bertakwa kepada Allah Azza wa Jalla terhadap dirinya dan suaminya, dan jangan dia meninggikan suara terhadap suami, terutamanya ketika berbicara dengan suami hendaklah dengan cara yang lembut dan merendahkan suara.” (Fatawa Nur 'ala al-Darb: 2/19)

Wallahu a'lam. ¹⁴⁶

¹⁴⁶ <http://bin-sahak.blogspot.com/2012/12/benarkah-kisah-umar-pernah-dimarahi.html>

Menyemak Hadis Persyaratan *Ta'liq*

Ketika mengupas tentang syarat *ta'liq* perkahwinan di mukasurat 662-663, *Sebarkan Cinta-Mu* menyatakan:

Dalil Sah

Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Orang Islam terikat dengan syarat-syarat mereka.” (Direkodkan oleh al-Hakim daripada Anas dan Aisyah).

Difahami daripada hadis di atas, bahawa syarat-syarat yang dikaitkan dengan berlakunya sesuatu perkara adalah diambil kira syarak, selagi ia tidak mengharamkan perkara halal ataupun menghalalkan perkara haram.

Kenyataan di atas memerlukan beberapa catatan:

Catatan Pertama:

Hadis yang dikemukakan oleh *Sebarkan Cinta-Mu*, ada sebahagian lafaz yang amat penting yang telah dipotong. Lafaz penuhnya adalah seperti berikut:

Daripada 'Amr bin 'Auf al-Muzani radhiallahu 'anh:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا وَالْمُسْلِمُونَ عَلَى

شُرُوطِهِمْ إِلَّا شَرْطًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا.

Bahawasanya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Perdamaian dibolehkan di antara kaum muslimin kecuali perdamaian yang mengharamkan apa yang halal atau menghalalkan apa yang haram.

Dan kaum muslimin berada di atas syarat-syarat (yang dipersetujui di antara mereka) kecuali syarat yang mengharamkan apa yang halal atau menghalalkan apa yang haram.¹⁴⁷

Inilah juga lafaz penuh yang dikeluarkan oleh al-Hakim dalam kitab *al-Mustadraknya*, hadis no: 7159 (*Kitab al-Ahkam, Bab Perdamaian dibolehkan di antara kaum muslimin kecuali perdamaian yang mengharamkan apa yang halal atau menghalalkan apa yang haram*). **Daripada 'Amr bin 'Auf radhiallahu 'anh:**

الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا وَإِنَّ الْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ إِلَّا شَرْطًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا

¹⁴⁷ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 1272 (*Kitab al-Ahkam 'an Rasulullah, Bab apa yang disebut daripada Rasulullah berkenaan perdamaian di antara manusia*). Berkata al-Tirmizi: Hadis ini hasan sahih. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi*, hadis no: 1352.

حَرَامًا.

Perdamaian dibolehkan di antara kaum muslimin kecuali perdamaian yang mengharamkan apa yang halal atau menghalalkan apa yang haram.

Dan sesungguhnya kaum muslimin berada di atas syarat-syarat (yang dipersetujui di antara mereka) kecuali syarat yang mengharamkan apa yang halal atau menghalalkan apa yang diharamkan.

Aspek penting dalam lafaz penuh hadis ini ialah persyaratan yang dibuat di antara umat Islam – dalam kes ini antara suami dan isteri – tidak boleh bersifat mengharamkan apa yang halal atau menghalalkan apa yang haram.

Sebarkan Cinta-Mu ketika menjelaskan hadis terbabit ada menyatakan bahawa syarat *ta'liq* dibolehkan selagi ia tidak mengharamkan perkara halal ataupun menghalalkan perkara haram. Akan tetapi adalah jauh lebih mulia jika hadis terbabit tidak dipotong agar dapat memberikan kefahaman yang betul kepada para pembaca.

Catatan Kedua:

Di sini timbul persoalan, jika seorang isteri dalam perjanjian *ta'liq*nya mensyaratkan suaminya agar tidak bernikah lagi, apakah ia termasuk dalam kategori

mengharamkan yang halal? *Sebarkan Cinta-Mu* dalam mukasurat 664 menyatakan:

Ia tidak termasuk mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram kerana ia hanya perkara harus. Contoh mengharamkan yang halal adalah, mensyaratkan supaya suami tidak menyetubuhinya. Ia bukan harus bahkan wajib menjadi hak suami yang perlu ditaati isteri.

Kenyataan *Sebarkan Cinta-Mu* perlu disemak semula kerana apa yang dihalalkan oleh Allah *Subhanahu waTa'ala*, hukumnya perlaksanaannya boleh jadi harus, sunat atau wajib. Bahkan boleh jadi makruh seperti bawang, durian dan petai, ia halal dimakan namun makruh jika selepas makan terus ke masjid untuk solat berjemaah disebabkan baunya yang mengganggu jemaah lain.

Halal adalah keizinan melakukan sesuatu perkara manakala harus, sunat, wajib dan makruh adalah kadar tuntutan melakukan perkara halal tersebut. Justeru amatlah keliru apabila *Sebarkan Cinta-Mu* mengeluarkan sesuatu yang harus daripada kategori halal.

Merujuk kepada poligami, para ilmuan berbeza pendapat sama ada hukum asalnya adalah harus atau sunat. Bahkan yang lebih kuat adalah sunat kerana *qarinah-qarinah* yang digunakan bagi mengatakan hukumnya harus adalah

lemah seperti yang telah diterangkan dalam bab **Katakan: Poligami Itu Sunnah Dan Sunat.**

Pun begitu, jika yang dicenderunggi adalah pendapat yang mengatakan hukum asal poligami adalah harus, keharusan tersebut tetap duduk dalam kategori perkara yang halal di sisi Allah *Subhanahu waTa'ala*. Oleh itu tidaklah patut seorang isteri yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat membuat perjanjian *ta'liq* melarang suaminya bernikah lagi kerana ***kaum muslimin berada di atas syarat-syarat (yang dipersetujui di antara mereka) kecuali syarat yang mengharamkan apa yang halal atau menghalalkan apa yang haram.***

Menyemak Kata-Kata Sebenar Wahbah Al-Zuhaili

Sebarkan Cinta-Mu dalam mukasurat 664 bertanya:

Bolehkah Mensyaratkan Suami Tidak Berpoligami?

Ya, boleh!

Menurut Wahbah Zuhaili dalam bukunya yang masyhur, *Al-Fiqh wa Adillatuhu*, atau *Fiqh Perbandingan Islam*, mensyaratkan supaya suami tidak berpoligami sah dimasukkan ke dalam syarat *ta'liq*.

Ia tidak termasuk mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram kerana ia hanya perkara harus. Contoh mengharamkan yang halal adalah, mensyaratkan supaya suami tidak menyetubuhinya. Ia bukan harus bahkan wajib menjadi hak suami yang perlu ditaati isteri.

Marilah kita semak kata-kata sebenar Wahbah al-Zuhaili, semoga Allah memeliharanya. Setelah menerangkan secara terperinci pendapat setiap mazhab dan dalil-dalil mereka, beliau membuat kesimpulan:

والخلاصة: أن الفقهاء اتفقوا على صحة الشروط التي تلائم

مقتضى العقد، وعلى بطلان الشروط التي تنافي المقصود من الزواج أو تخالف أحكام الشريعة. واتفق الحنفية والمالكية والحنابلة على صحة الشروط التي يكون فيها تحقيق وصف مرغوب فيه، أو خلو المرأة من عيب لا يثبت الخيار في فسخ الزواج.

Ringkasnya, bahawa para ahli fiqh bersepakat atas sahnya syarat-syarat (*ta'liq*) yang selari dengan tujuan akad (nikah). Dan (mereka bersepakat) atas batalnya syarat-syarat (*ta'liq*) yang menafikan tujuan pernikahan atau yang menyelisihi hukum-hukum syari'at.

(Para ahli fiqh) al-Hanafiyyah, al-Malikiyyah dan al-Hanabilah juga bersepakat atas sahnya syarat-syarat yang dapat menghasilkan sifat yang disukai padanya, atau pihak perempuan yang bebas daripada 'aib tidak disabitkan pilihan dalam membatalkan akad nikah.

واختلفوا في الشروط التي لا تكون من مقتضى العقد، ولكنها لا تنافي حكماً من أحكام الزواج وفيها منفعة لأحد العاقدین، كاشتراط ألا يتزوج عليها أو ألا يسافر بها، أو ألا يخرجها من دارها أو بلدها ونحوها:

فالحنابلة يقولون: إنها شروط صحيحة يلزم الوفاء بها.

والحنفية يقولون: إنها شروط ملغاة، والعقد صحيح.

والمالكية يقولون: إنها شروط مكروهة لا يلزم الوفاء بها، بل يستحب فقط.

والشافعية يقولون: إنها شروط باطلة، ويصح الزواج بدونها.

ورأي الحنابلة هو الراجح لدي، للأدلة السابقة التي ذكروها، لذا أخذ به القانون السوري.

Mereka (para ahli fiqh) berbeza pendapat tentang syarat-syarat yang tidak mendukung tujuan akad (nikah) meskipun ia tidak menafikan apa-apa hukum daripada hukum-hukum pernikahan dan di dalamnya terdapat manfaat kepada salah satu pihak pengantin seperti syarat untuk tidak memadukannya atau tidak bermusafir dengannya, atau tidak mengeluarkannya daripada daerahnya atau wilayahnya, dan sebagainya. Maka:

- Para ahli fiqh al-Hanabilah berkata, sesungguhnya ia adalah syarat-syarat yang sah dan wajib memenuhinya.
- Para ahli fiqh al-Hanafiyyah berkata, sesungguhnya ia adalah syarat-syarat yang tertolak, namun akad (nikahnya) adalah sah.

- Para ahli fiqh al-Malikiyyah berkata, sesungguhnya ia adalah syarat-syarat yang dibenci. Ia tidak wajib dipenuhi, namun disukai jika dapat dipenuhi.
- Para ahli fiqh al-Syafi'eyyah berkata, sesungguhnya ia adalah syarat-syarat yang batil dan akad nikah sah tanpanya.

Saya (Wahbah al-Zuhaili) berpandangan, pendapat para ahli fiqh al-Hanabilah adalah yang paling kuat berdasarkan dalil-dalil yang telah disebutkan sebelum ini. Inilah pendapat yang diambil oleh kanun undang-undang Syria.¹⁴⁸

Berdasarkan nukilan di atas, ketahuilah bahawa para ahli fiqh di kalangan empat mazhab berbeza pendapat tentang syarat *ta'liq* oleh isteri untuk melarang suaminya berpoligami. Satu mazhab berpendapat ia sah sementara tiga mazhab lain berpendapat sebaliknya. Sekalipun ulama' yang kita hormati – Wahbah al-Zuhaili – cenderung menguatkan pendapat yang mengatakan ia sah, metodologi kita dalam menilai perbezaan pendapat ialah menguatkan apa yang paling tepat atau mendekati al-Qur'an dan al-Sunnah. Metodologi ini disebut sendiri oleh Allah *Subhanahu waTa'ala*:

¹⁴⁸ *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Dar al-Fikr, Damsyik; al-Maktabah al-Syamilah v3.3), jld. 9, ms. 52. Tulisan dalam kurungan adalah daripada penulis sendiri bagi membantu kefahaman para pembaca.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ
فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا.

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang memegang urusan kamu) dari kalangan kamu.

Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul-Nya (hadis) jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat.

Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya. [al-Nisa' 4:59]

Justeru di antara empat pendapat di atas, yang lebih mendekati al-Qur'an dan al-Sunnah ialah pendapat jumhur yang dipegangi oleh Mazhab al-Hanafiyyah, al-Malikiyyah dan al-Syafi'eyyah. Penjelasannya seperti yang telah diberikan dalam bab **Hadis Persyaratan Ta'liq**

Di sini ingin dicatat rasa kesal terhadap *Sebarkan Cinta-Mu* yang tidak jujur dalam mengemukakan perbezaan pendapat yang sebenarnya wujud dalam persoalan ini. Tidak

mengapa jika *Sebarkan Cinta-Mu* mencenderungi pendapat Mazhab al-Hanabilah dan pentarjihan Wahbah al-Zuhaili. Akan tetapi adalah lebih baik dan adil untuk diterangkan kepada para pembaca bahawa:

- Terdapat perbezaan pendapat di kalangan empat mazhab fiqh tentang syarat *ta'liq* oleh isteri untuk melarang suaminya berpoligami.
- Bahawa tiga daripada empat mazhab fiqh tersebut tidak setuju kepada syarat *ta'liq* oleh isteri untuk melarang suaminya berpoligami.
- Bahawa tiga daripada empat mazhab fiqh tersebut mewakili pendapat jumhur.

Para pembaca yang mengkaji keseluruhan novel *Sebarkan Cinta-Mu* akan menemui ia kerap kali mendakwa mendukung pendapat jumhur ulama' dalam sesuatu persoalan hukum. Benar atau tidak dakwaan itu masih terbuka untuk semakan dan kajian. Namun apa yang jelas terbukti dalam bab ini, apabila pendapat jumhur itu menyelisihi pendapat yang dicenderunginya, pendapat jumhur itu didiamkan.

Adapun kenyataan di perenggan akhir yang disandarkan kepada Wahbah al-Zuhaili dan kitabnya *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*: Ia tidak termasuk mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram kerana ia hanya perkara harus. Contoh mengharamkan yang halal adalah, mensyaratkan supaya suami tidak menyetubuhinya. Ia bukan harus bahkan wajib menjadi hak suami yang perlu ditaati isteri; maka saya tidak menemuinya dalam kitab tersebut.

Menyemak Kisah Fatimah Dilamar Abu Bakar Dan Umar

Dalam mukasurat 742, *Sebarkan Cinta-Mu* menyatakan:

Malah, Rasulullah sendiri pernah menolak pinangan Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar terhadap Fatimah az-Zahra kerana tidak mahu puterinya dimadukan.

Diulangi dalam mukasurat 778:

“Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar juga paling meneladani akhlak Nabi tetapi peminangannya terhadap Fatimah ditolak Nabi. Semua ini ada kaitan dengan cuba mengelakkan poligami.

Kisah ini memang masyhur di kalangan masyarakat, namun tidak diketahui sumber dan darjatnya. Sebaliknya apa yang sahih ialah seperti berikut, daripada Buraidah *radhiallahu 'anh*:

خَطَبَ أَبُو بَكْرٍ وَعُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا فَاطِمَةَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّهَا صَغِيرَةٌ فَخَطَبَهَا عَلِيٌّ فَزَوَّجَهَا مِنْهُ.

Abu Bakar dan Umar radhiallahu 'anhuma meminang Fatimah, maka Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Sesungguhnya dia masih kecil."

Lalu Ali meminangnya, maka baginda menikahkannya dengan Ali.¹⁴⁹

¹⁴⁹ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Nasa'e dalam *Sunamya*, hadis no: 3169 (*Kitab al-Nikah, Bab menikahkan seorang wanita dengan calon pengantin yang sebaya umurnya*). Sanadnya dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Nasa'e*, hadis no: 3221. Kemungkinan besar peminangan Abu Bakar berlaku sebelum Rasulullah menikahi Aisyah, peminangan Umar berlaku sebelum Rasulullah menikahi Hafshah.

Ustaz Syukur Bertanya Tentang Poligami¹⁵⁰

"Assalamu'alaikum ustaz, petang ini naik taksi nampaknya?" Harris bertanya. Kelazimannya mengambil penumpang di depan pintu utama KOSDAT hampir setiap petang membolehkan dia mengenal penumpang yang biasa atau sekali sekala. Selain itu, cara pemakaian Ustaz Syukur membolehkan Harris mengenal bahawa penumpang barunya ini ialah salah seorang tenaga pengajar di KOSDAT. Harris mengintai melalui cermin tengah teksinya, dapat dilihat tag nama di baju penumpangnya itu: Syukur Amin.

"Wa'alaikumussalam. Ya" jawab Ustaz Syukur ringkas.

"Ke mana petang ini ustaz?"

"Pusat Servis Toyota"

"Ooo, hari ini hantar kereta servis ya ustaz?"

¹⁵⁰ Pengenalan: Ustaz Syukur ialah salah satu watak dalam *Sebarkan Cinta-Mu*. Beliau ialah seorang tenaga pengajar di KOSDAT, suka berjenaka tentang poligami dan kerap membangkitkan topik poligami secara provokatif dalam kelas-kelas pengajiannya sehingga tidak disukai oleh para pelajarannya. Bahkan ada pelajar yang membalas hujah seperti Sarra dan Abdullah Mujahid.

Harris pula ialah watak yang saya reka dalam buku ini, seorang pemandu taksi yang suka mengkaji. Beliau sebelum ini pernah muncul dalam bab Yodong, Harris Dan Ibrahim Berbicara Tentang Poligami

Dalam dialog ini, saya mengekalkan watak provokatif Ustaz Syukur tentang poligami.

Ustaz Syukur mengangguk saja. "Banyak soal pula pemandu ni" bisik hatinya.

"Mesti hari yang panjang dan meleihkan di KOSDAT hari ini ya?" Harris bertanya lagi setelah beberapa ketika, cuba memulakan persembangan. Dari cermin tengahnya, dia melihat air muka Ustaz Syukur seperti agak marah.

"Pelajar-pelajar sekarang ini, berani benar melawan hukum Allah! Menolak hukum al-Qur'an!" Ustaz Syukur meluahkan apa yang panas di dadanya.

"Mereka menolak hukum apa ustaz?"

"Poligami. Baru masuk KOSDAT sudah pandai menolak poligami."

"Err...dalam silibus KOSDAT ada pengajian poligami ke ustaz?"

"Tidak ada. Akan tetapi lazimnya sebelum memulakan kelas, saya akan bagi tazkirah ringkas, lebih kurang 5 minit. Apabila saya sentuh tentang poligami, ada pula beberapa pelajar yang berani membantahnya."

"Pelajar lelaki ke perempuan?"

"Yang bijak melawan seorang pelajar perempuan. Tetapi hari ini ada seorang pelajar lelaki pula turut sama" jawab Ustaz Syukur merujuk kepada Sarra dan Abdullah

Mujahid.

"Hm...pada pandangan saya Ustaz, subjek poligami adalah sesuatu yang asing pada masa kini. Jika disentuh sekadar 5 minit, pasti akan menimbulkan fitnah. Fitnah kepada subjek poligami, penyampai dan pendengar."

"Saya tak tanya pun pandangan kamu" jawab Ustaz Syukur tegas sambil menjeling dari kerusi belakang ke cermin tengah teksi, melihat anak mata Harris.

Harris terus membalas tanpa terkesan dengan jawapan Ustaz Syukur: "Dalam *Shahih al-Bukhari*, Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh* berpesan:

حَدَّثُوا النَّاسَ بِمَا يَعْرِفُونَ أَتُحِبُّونَ أَنْ يُكَذَّبَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ.

Berbicaralah dengan manusia sesuai dengan kadar pemahaman mereka. Apakah kalian suka jika Allah dan Rasul-Nya didustakan?¹⁵¹

Dalam *Shahih Muslim* pula, 'Abd Allah ibn Mas'ud *radhiallahu 'anh* berpesan:

مَا أَنْتَ مُحَدِّثًا قَوْمًا حَدِيثًا لَا تَبْلُغُهُ عُقُولُهُمْ إِلَّا كَانَ لِبَعْضِهِمْ

¹⁵¹ Dikemukakan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 124/127 (*Kitab al-'Ilm*, Bab orang yang mengkhususkan ilmu bagi sebahagian kaum di atas kaum yang lain kerana benci mereka tidak akan memahaminya).

فتنة.

Tidaklah anda berbicara dengan satu kaum, suatu perbicaraan yang tidak dijangkau oleh akal mereka melainkan ia akan menjadi fitnah kepada sebahagian mereka.¹⁵²

Ustaz Syukur terdiam. Dia akui, dia mengetahui dua pesanan tersebut. Entah kenapa, dia terlupa untuk mempraktikkannya apabila menyentuh subjek poligami.

"Pelajar perempuan itu berhujah..." Ustaz Syukur bertanya, cuba hendak menguji kadar ilmu pemandu teksinya petang itu "...dalam *Fathul Bari* karangan Ibnu Hajar al-Asqalani ada tiga tafsiran kenapa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* melarang Ali memadukan Fatimah. **Pertama**, kerana faktor calon yang dipilih oleh Ali merupakan puteri Abu Jahal yang terlalu banyak menyakiti hati umat Islam. **Kedua**, kerana semua menantu Rasulullah sudah berjanji tidak akan menduakan puteri baginda kerana itu menyakitkan puteri baginda. **Ketiga**, kerana meraikan dan menghormati hak Fatimah." [SCM 751-752]

Ustaz Syukur menjeling ke cermin tengah, menanti jawapan Harris. Hujah tersebut asalnya diperhujahkan oleh

¹⁵²

Dikemukakan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, bahagian *Muqaddimah*.

Sarra kepada Ustazah Qatrun¹⁵³, lalu Ustazah Qatrun menyampaikannya kepada Ustaz Syukur.

"Ustaz nak cepat ke? Jom kita singgah di warung minum kopi sambil sembang-sembang lanjut bab ini?"

"Sembang bab poligami? Ooo tentu boleh!" sambut Ustaz Syukur. Dia memang bersemangat dalam subjek ini.

Harris memberhentikan teksinya di sebuah warung yang bersebelahan dengan Pusat Servis Toyota. Mereka berdua duduk semeja memesan kopi O dan pisang goreng.

"Ehh, belum berkenalan pula. Nama saya Harris."

"Tak mengapa, saya dah nampak nama Harris di kad lesen pemandu teksi dalam teksi tadi. Saya pula Syukur. Ustaz Syukur."

Harris mengangguk-angguk, pura-pura baru tahu. Dia mahu menghubungkan persahabatan, bukan mengeruhkannya. Setelah menghirup kopinya, Harris memulakan penjelasannya:

Lima Tafsiran Dalam *Fath al-Bari*

"Dalam *Fath al-Bari*, Ibn Hajar al-'Asqalani mengemukakan beberapa tafsiran, lebih daripada tiga sebenarnya. **Tafsiran pertama**, Ali mengambil hukum yang umum

¹⁵³ Ustazah Qatrun ialah seorang watak dalam novel *Sebarkan Cinta-Mu*, salah seorang tenaga pengajar KOSDAT dan merupakan isteri kedua.

(bahawa boleh bernikah lagi dengan siapa jua), maka tatkala hal itu diingkari oleh Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, Ali memutuskan pinangannya itu.¹⁵⁴

Tafsiran kedua, wujud kemungkinan bahawa Abu al-'Ash bin al-Rabi' dan Ali bin Abi Thalib telah mensyaratkan ke atas diri mereka bahawa mereka tidak akan memadukan puteri-puteri Rasulullah. Namun Ibn Hajar al-'Asqalani menyatakan bahawa tidak ada bukti kukuh akan persyaratan ini. Bezakan bahawa persyaratan ini, jika ada, hanya merujuk kepada Abu al-'Ash bin al-Rabi' dan Ali bin Abi Thalib. Bukan semua menantu Nabi sebagaimana yang didakwa.¹⁵⁵

Tafsiran ketiga, Ibn Hajar al-'Asqalani menyatakan bahawa peristiwa ini berlaku sesudah Pembukaan Kota Mekah. Pada ketika itu tidak ada lagi yang tertinggal daripada puteri-puteri Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* kecuali Fatimah. Beliau mengalami musibah yang (berturut-turut) dengan kewafatan ibunya dan saudara-saudara perempuannya. Maka memasukkan suasana cemburu ke atas

¹⁵⁴ *Fath al-Bari*, syarah kepada hadis no: 3450/3729 (*Kitab al-Manaqib, Bab kerabat Nabi shallallahu 'alaihi wasallam melalui pernikahan, di antara mereka: Abu al-'Ash bin al-Rabi'*). Teks Arabnya seperti berikut:

وكان علي قد اخذ بعموم الجواز فلما انكر النبي صلى الله عليه وسلم أعرض علي عن الخطبة.

¹⁵⁵ Kata-kata sebenar Ibn Hajar al-'Asqalani telah dikemukakan dalam bab Benarkah Rasulullah Melarang Semua Puterinya Dimadukan?

(kehidupan)nya hanya akan menambah kesedihannya.”¹⁵⁶

“Owh, tafsiran ketiga ini sebenarnya adalah belas kasihan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada Fatimah *radhiallahu 'anha*. Bukan kerana meraikan dan menghormati hak Fatimah” Ustaz Syukur terus memotong.

“Hm...saya juga lihat sebagai belas kasihan atau keprihatinan Rasulullah kepada puterinya, Fatimah. Namun mereka yang fanatik memperjuangkan hak wanita akan menafsirkan hal ini sebagai meraikan serta menghormati hak Fatimah.”

“**Tafsiran keempat...**” Harris meneruskan “...Ibn Hajar al-‘Asqalani menukil kata-kata Ibn al-Tin bahawa pandangan yang paling sahih yang dapat diambil daripada kisah ini ialah bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* mengharamkan Ali daripada menghimpun di antara puterinya dan puteri Abu Jahal disebabkan hal itu menyakitinya dan menyakiti baginda adalah haram berdasarkan kesepakatan (umat Islam).”

¹⁵⁶ *Fath al-Bari*, syarah kepada hadis no: 3450/3729 (*Kitab al-Manaqib, Bab kerabat Nabi shallallahu 'alaihi wasallam melalui pernikahan, di antara mereka: Abu al-'Ash bin al-Rabi*). Teks Arabnya seperti berikut:

وكانت هذه الواقعة بعد فتح مكة ولم يكن حينئذ تأخر من بنات النبي صلى الله عليه وسلم غيرها. وكانت اصيبت بعد أمها بأخوتها. فكان إدخال الغيرة عليها مما يزيد حزنها.

"Maksudnya?"

"Apa yang saya faham, disebabkan banyaknya kesalahan dan kezaliman Abu Jahal kepada Islam dan umatnya, baginda merasa sakit apabila Ali hendak memadukan puterinya dengan puteri Abu Jahal."

"Owh, begitu. Setuju."

Harris melanjutkan: "Ibn Hajar al-'Asqalani menambah bahawa adapun maksud sabda baginda *Aku tidak mengharamkan yang halal*, yakni ia halal baginya (Ali) sekiranya dia tidak beristerikan Fatimah. Adapun menghimpunkan di antara mereka berdua (Fatimah dan puteri Abu Jahal) yang akan melibatkan kesakitan kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* disebabkan kesakitan Fatimah, maka ia tidak dibolehkan.

Para ulama' yang lain mendakwa konteks hadis menunjukkan yang sedemikian adalah harus untuk Ali, akan tetapi ditegah oleh Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* demi menjaga perasaan Fatimah dan Ali menerima tegahan tersebut sebagai ketaatannya kepada perintah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ini hampir sama dengan **tafsiran ketiga** yang telah saya sebutkan tadi."

"Ya betul, belas kasihan kepada Fatimah binti Rasulullah" Ustaz Syukur tidak mahu mengalah.

"Setelah semua itu, Ibn Hajar al-'Asqalani mengemukakan **tafsiran kelima** yang merupakan pandangannya sendiri bahawa apa yang nampak bagiku, bahawa tidak jauh untuk dikatakan bahawa ini termasuk dalam kekhususan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* untuk tidak memadukan puteri-puterinya. Mungkin juga yang demikian khusus bagi Fatimah 'alaihassalam.¹⁵⁷

"Di antara lima tafsiran ini, Harris memilih tafsiran yang mana sebagai yang paling kuat?"

"Saya memilih tafsiran – atau lebih tepat – penjelasan

¹⁵⁷ *Fath al-Bari*, syarah kepada hadis no: 4829/5230. (*Kitab al-Nikah, Bab pembelaan seorang lelaki terhadap puterinya dalam hal kecemburuan dan keadilan*). Teks Arabnya seperti berikut:

قال بن التين أصح ما تحمل عليه هذه القصة أن النبي صلى الله عليه وسلم حرم على علي أن يجمع بين ابنته وبين ابنة أبي جهل لأنه علل بأن ذلك يؤذيه وأذيته حرام بالاتفاق.

ومعنى قوله ((لا أحرم حلالاً)) أي هي له حلال لو لم تكن عنده فاطمة وأما الجمع بينهما الذي يستلزم تأذي النبي صلى الله عليه وسلم لتأذي فاطمة به فلا. وزعم غيره أن السياق يشعر بأن ذلك مباح لعلي لكنه منعه النبي صلى الله عليه وسلم رعاية لحاظر فاطمة وقبل هو ذلك امتثالاً لأمر النبي صلى الله عليه وسلم. والذي يظهر لي أنه لا يبعد أن يعد في خصائص النبي صلى الله عليه وسلم أن لا يتزوج على بناته ويحتمل أن يكون ذلك خاصاً بفاطمة عليها السلام.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa ini hukum Allah, bahawa puteri Rasul Allah tidak boleh dimadukan dengan puteri musuh Allah. Baginda bersabda:

وَإِنِّي لَسْتُ أُحَرِّمُ حَلَالًا وَلَا أُحِلُّ حَرَامًا وَلَكِنَّ وَاللَّهِ لَا يَجْتَمِعُ
بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبِنْتُ عَدُوِّ اللَّهِ مَكَانًا وَاحِدًا
أَبَدًا.

Dan sesungguhnya aku bukan mengharamkan sesuatu yang halal dan tidak pula menghalalkan sesuatu yang haram. Akan tetapi Demi Allah, tidak akan berkumpul puteri Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dengan puteri musuh Allah di satu tempat selamanya.¹⁵⁸

Poligami Dan Iman

"Hm...pelajar-pelajar masa kini bukannya bersifat "Kami dengar dan kami taat" kepada al-Qur'an dan hadis. Ada saja hujah mereka yang lain. Contohnya mereka membandingkan, kenapa Ali tidak boleh menikahi puteri Abu Jahal sementara Rasulullah boleh menikahi puteri Abu Sufyan. Padahal kedua-dua Abu Jahal dan Abu Sufyan ketika itu adalah musuh Allah"

¹⁵⁸ Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 4484/2449 (*Kitab Fadha'il al-Shahabah, Bab keutamaan Fatimah binti Nabi*). Lafaz yang lebih lengkap telah dikemukakan dalam bab Menyemak Kata-Kata Sebenar Imam Al-Nawawi

Ustaz Syukur mengeluh. Beliau teringat kepada Ustazah Qatrun yang menyampaikan hujah Sarra:

Bagi saya, tafsiran pertama ada benarnya tetapi kurang tepat. Dalam Islam, anak tidak menanggung dosa ayahnya, betul? Rasulullah SAW membuktikan sendiri apabila baginda mengahwini Ummu Habibah, Ramlah binti Abu Sufyan ketika Abu Sufyan masih menjadi musuh Allah yang sangat licik dan kejam. Malah, melukai lebih banyak hati umat Islam ketika itu.” [SCM 752]

“Apabila mereka mempertikaikan hukum atau keputusan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, itu tanda iman mereka yang masih lemah. Bukankah Allah *Subhanahu waTa'ala* telah berfirman:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِي مَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maka tidaklah! Demi Tuhanmu! Tidaklah (sempurna) iman mereka sehinggalah mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan dan

mereka menerima keputusan itu dengan penuh kesejahteraan. [al-Nisa' 4:65]

"Setuju sangat. Esok *insya-Allah* saya akan patahkan hujah-hujah pelajar tersebut dan jika mereka membantah atau melawan hujah, memanglah mereka itu tidak beriman" Ustaz Syukur berazam dengan nada yang geram.

"Bukan begitu ustaz. Sepatutnya ustaz berterima kasih kepada mereka, khasnya dua pelajar yang ustaz sebutkan tadi."

"Kenapa pula saya nak berterima kasih?"

"Sebab Allah *Subhanahu waTa'ala* telah memberikan tambahan ilmu kepada ustaz melalui dua pelajar tersebut. Dengan penghujahan mereka, kita dapat berbincang. Melalui perbincangan kita, ustaz dapat mengetahui lima tafsiran Ibn Hajar al-'Asqalani *rahimahullah*. Bukankah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

لَا يَشْكُرُ اللَّهُ مَنْ لَا يَشْكُرُ النَّاسَ.

Tidak berterima kasih kepada Allah sesiapa yang tidak berterima kasih kepada manusia.¹⁵⁹ Oleh itu

¹⁵⁹ Sahih: Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunan*nya, hadis no: 4177 (*Kitab al-Adab, Bab berterima kasih kepada kebaikan*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 4811.

berterima kasihlah kepada mereka dan betulkanlah pandangan mereka dalam hal ini.”

“Masakan mereka hendak mendengar pembetulan daripada saya?”

“Jika ustaz menggunakan cara yang hikmah, pasti mereka akan mendengarnya. Jika ustaz cucuk dan sakat mereka....tu yang jadi susah. Sebagai seorang pengajar, pasti ustaz lebih arif dalam teknik-teknik penyampaian ilmu. Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam hal ini adalah sebagaimana firman Allah:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ.

Maka dengan sebab rahmat daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.

Oleh itu maafkanlah mereka, pohonkanlah ampun bagi mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam (sesuatu) urusan itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah

kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya. [Ali Imran 3:159]

Ustaz Syukur tunduk menghirup kopinya. Di sudut hatinya, terasa benar apa yang dinasihatkan oleh Harris dan terasa salah apa yang dia lakukan selama ini. Dia selalu menekankan sunnah poligami tetapi lupa sunnah bersikap lemah-lembut kepada para pelajarnya.

"Selain itu, kita *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* menyatakan bahawa iman itu bertambah dan berkurang, boleh tinggi dalam satu perkara dan rendah dalam perkara lain."

"Betul!"

"Oleh itu apabila ada pelajar yang bertanya atau berhujah, ia bukanlah tanda mereka tidak beriman. Kita jangan terlalu cepat menghukum seorang muslim sebagai tidak beriman."

"Hm...betul!"

"Bahkan mungkin tiada kaitan dengan iman kerana iman seseorang itu berkaitan rapat dengan kadar ilmunya. Boleh jadi seseorang itu bertanya, berhujah dan membantah tentang poligami kerana ilmunya yang cetek, keliru atau telah dicemari dengan pandangan-pandangan lain."

"Hm...betul!"

"Jadi saya cadangkan esok ustaz mulakan cara yang baru seandainya hendak berbicara lagi tentang poligami."

"Baiklah...*insya-Allah*" jawab Ustaz Syukur. Dalam hatinya seperti hendak bertanya apakah cara baru yang boleh dicadangkan oleh Harris kepadanya. Akan tetapi terasa berat kerana dia seorang ustaz berkelulusan tinggi dalam jurusan agama sementara Harris hanyalah pemandu teksi.

Poligami Dan Durian

"Harris, kamu percaya atau tidak, pelajar-pelajar ni membandingkan hukum poligami dengan hukum makan buah durian!"

"Huh, macam mana pula tu ustaz?"

Seorang pelajar berhujah, orang yang memaksa poligami kepada seseorang yang tidak menyukainya samalah seperti orang yang memaksa semua orang sukakan durian. Dari segi hukum, durian itu makanan halal lagi baik dan diharuskan Islam bagi memakannya. Cuma baunya kuat menyebabkan ia jatuh makruh.

Tidak semua orang suka makan durian. Bolehkah kita berkata kepada seseorang yang tidak sukakan durian sebagai menolak makanan halal? Menolak al-Qur'an? Menolak apa yang Allah kata boleh? Wajibkah dia memproses dirinya menerima

suatu perkara harus yang memang tidak disukai? Dia tidak berhak mempunyai rasa suka ataupun tidak suka? Siapa kita mahu mewajibkan suatu perkara yang harus kepada orang lain? Tidakkah Islam meraikan hak individu dalam perkara harus? [SCM 788-789]”

“Menarik pelajar-pelajar ustaz ini. Jika dibimbing dengan betul, pasti mereka kelak akan berjasa besar membela Islam daripada musuh-musuhnya. Jika tidak, akan menjadi sekutu dengan musuh-musuh Islam.”

“Macam nak membela Islam jika mereka berhujah dengan buah durian?”

“Ustaz ingat kisah Rasulullah makan madu?”

“Err...ingat-ingat lupa.”

“Ia adalah hadis sahih berikut daripada Aisyah *radhiallahu 'anha*:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَمْكُثُ عِنْدَ زَيْنَبِ بِنْتِ جَحْشٍ وَيَشْرَبُ عِنْدَهَا عَسَلًا فَتَوَاصَيْتُ أَنَا وَحَفْصَةُ أَنَّ أَتَيْنَا دَخَلَ عَلَيْهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلْتَقُلْ: إِنِّي أَجِدُ مِنْكَ رِيحَ مَغَافِيرَ أَكَلْتَ مَغَافِيرَ؟

فَدَخَلَ عَلَىٰ إِحْدَاهُمَا فَقَالَتْ لَهُ ذَلِكَ فَقَالَ: لَا بَلْ شَرِبْتُ عَسَلًا
عِنْدَ زَيْنَبِ بِنْتِ جَحْشٍ وَلَنْ أَعُودَ لَهُ.
فَنَزَلَتْ ((يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكَ إِلَىٰ أَنْ تَتُوبَا إِلَى اللَّهِ...)) لِعَائِشَةَ وَحَفْصَةَ.

Bahawa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam pernah singgah di rumah Zainab binti Jahsy dan beliau minum madu di situ. Lalu aku dan Hafshah saling berpesan, bahawa siapa saja di antara kita yang ditemui oleh Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, hendaklah dia berkata: "Sesungguhnya aku mendapati pada dirimu bau Maghafir (sejenis getah). Apakah anda makan maghafir?"

Lalu baginda pun masuk menemui salah seorang daripada keduanya dan dia (Aisyah atau Hafshah) mengucapkan perkataan itu kepada baginda. Maka baginda bersabda: "Tidak, akan tetapi aku hanya minum madu di tempat Zainab binti Jahsy dan aku tidak akan mengulanginya lagi."

Maka turunlah ayat: "Wahai Nabi, kenapa kamu mengharamkan sesuatu yang telah dihalalkan oleh Allah..." hingga firman-Nya: "Jika kalian berdua

bertaubat.." yakni kepada Aisyah dan Hafshah.¹⁶⁰

Dalam hadis di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* minum madu di rumah isterinya Zainab binti Jahsy, lalu disindir oleh Aisyah dan Hafshah *radhiallahu 'anhum*, konon madu tersebut berbau seperti getah. Bagi menjaga hati isteri-isterinya, Rasulullah berjanji untuk tidak lagi minum madu di rumah Zainab.

Madu adalah halal dan hukum meminumnya adalah harus. Namun apabila Rasulullah berjanji untuk tidak meminumnya lagi, Allah menurunkan ayat:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكَ تَبْتَغِي مَرْضَاةَ أَزْوَاجِكَ
وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ.

Wahai Nabi! Mengapa engkau mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah bagimu, (kerana) engkau hendak mencari keredhaan isteri-isterimu? (Dalam pada itu, Allah ampunkan kesilapanmu itu) dan Allah sememangnya Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. [al-Tahrim 66:01]

Hadis dan ayat pertama surah al-Tahrim ini menjadi

¹⁶⁰ Sahih: Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4862/5267 (*Kitab al-Thalaq, Bab jangan mengharamkan apa yang dihalalkan Allah bagi kamu*).

dalil bahawa sesuatu yang halal boleh jadi harus hukumnya. Seorang muslim pada asalnya tidak boleh berjanji atau berazam untuk tidak mahu mengambil apa yang harus hukumnya, kerana ia termasuk dalam perbuatan mengharamkan apa yang halal.”

“Alhamdulillah, baik sekali hujah ini” balas Ustaz Syukur kegembiraan. “Maksudnya, sesuatu yang halal itu, hukumnya boleh jadi harus, sunat dan wajib?”

“Ya, betul. Berbeza jika seorang muslim itu hanya mendiamkan sesuatu yang harus atau menolaknya untuk sementara waktu, ia tidak termasuk mengharamkan apa yang halal. Dalilnya ialah pilihan Rasulullah yang tidak makan *dhab* kerana tidak berselera dengannya, ia tidak termasuk mengharamkan apa yang halal. Hadisnya seperti berikut, daripada Khalid bin al-Walid *radhiallahu 'anh*:

أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِضَبٍّ مَشْوِيٍّ فَأَهْوَى إِلَيْهِ لِيَأْكُلَ
فَقِيلَ لَهُ: إِنَّهُ ضَبٌّ. فَأَمْسَكَ يَدَهُ فَقَالَ خَالِدٌ: أَحْرَامٌ هُوَ؟ قَالَ: لَا وَلَكِنَّهُ
لَا يَكُونُ بِأَرْضِ قَوْمِي فَأَجِدُنِي أَعَافُهُ. فَأَكَلَ خَالِدٌ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْظُرُ.

Dihidangkan kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dhab yang dipanggang. Maka baginda

menghulurkan tangan kepadanya untuk dimakan, lalu dikatakan kepada baginda: "Sesungguhnya ia adalah dhab." Lalu baginda menarik tangannya, maka berkata Khalid: "Apakah ia haram?"

Rasulullah menjawab: "Tidak, akan tetapi ia tidak terdapat di tempat kaumku dan aku mendapati diriku tidak berselera terhadapnya."

Maka Khalid makan (dhab itu) sementara Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam memerhatikannya.¹⁶¹

"Ya, alhamdulillah!"

"Merujuk kepada poligami, para ilmuan berbeza pendapat sama ada hukum asalnya adalah harus atau sunat. Bahkan yang lebih kuat ia adalah sunat kerana *qarinah-qarinah* yang digunakan bagi mengatakan hukumnya harus adalah lemah.¹⁶² Pun begitu, jika yang dicenderungi adalah pendapat yang mengatakan hukum asal poligami adalah harus, keharusan tersebut tetap duduk dalam kategori perkara yang halal di sisi Allah *Subhanahu waTa'ala*.

Oleh itu baik durian mahupun poligami, seorang muslim

¹⁶¹ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahih*nya, hadis no: 4981/5400 (*Kitab al-Ath'imah, Bab daging panggang dan firman Allah...*).

¹⁶² Ini sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab Katakan: Poligami Itu Sunnah Dan Sunat.

tidak akan berjanji atau berazam untuk meninggalkannya. Berbeza jika seorang muslim itu mendiampkannya atau sekadar berkata 'buat masa ini aku menangguhkannya', maka itu tidak mengapa."

"Ya, betul! Esok siaplah mereka tu...err...esok nanti saya jelaskan kepada para pelajar itu secara berhikmah" Ustaz Syukur membetulkan dirinya.

"*Insyallah*" tambah Harris sambil tersenyum. "Akan tetapi ada tambahannya ustaz" Harris tersenyum lagi.

"Apa dia?"

"Juga tidak mengapa jika seseorang itu berjanji atau berazam menolak sesuatu yang halal jika dia tidak memiliki ilmu yang cukup mengenainya, keliru, belum bersedia atau benar-benar tidak mampu untuk melaksanakannya. Ini adalah antara keluasan dan rahmat Islam."

"Hm... ada dalilnya?"

"Ya, daripada Abu Sa'id al-Khudri *radhiallahu 'anh*:

أَتَى رَجُلٌ بِابْنَتِهِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنَّ ابْنَتِي هَذِهِ أَبَتْ أَنْ تَتَزَوَّجَ. فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَطِيعِي أَبَاكَ.

فَقَالَتْ: وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ لَا أَنْزَوِّجُ حَتَّى تُخْبِرَنِي مَا حَقُّ الزَّوْجِ عَلَى زَوْجَتِهِ؟

قَالَ: حَقُّ الزَّوْجِ عَلَى زَوْجَتِهِ لَوْ كَانَتْ بِهِ قُرْحَةٌ فَلَحَسَتْهَا أَوْ انْتَشَرَ مِنْخَرَاهُ صَدِيدًا أَوْ دَمًا ثُمَّ ابْتَلَعَتْهُ مَا أَذَتْ حَقَّهُ.

قَالَتْ: وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ لَا أَنْزَوِّجُ أَبَدًا. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَنْكِحُوهُنَّ إِلَّا بِإِذْنِهِ.

Ada seorang lelaki datang bersama anak perempuannya kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam lalu berkata: "Sesungguhnya anak perempuan aku ini tidak mahu bernikah." Maka Rasulullah bersabda kepadanya: "Patuhilah ayah kamu."

Anak perempuan itu berkata: "Demi Allah yang telah mengutusmu dengan hak, aku tidak akan bernikah sehinggalah kamu menerangkan kepada aku apakah hak suami ke atas isterinya?"

Rasulullah menjawab: "Hak suami ke atas isterinya ialah kalau seandainya pada suami terdapat luka lalu isteri menjilatnya, atau rongga hidung suami terdapat nanah atau darah lalu isteri menelannya, maka isteri tersebut masih belum menunaikan hak suami

(secukupnya)."

Anak perempuan itu berkata: "Demi Allah yang telah mengutusmu dengan hak, aku tidak akan bernikah selama-lamanya." Maka Nabi bersabda (kepada ayahnya): "Jangan kalian menikahkan mereka (anak-anak perempuan) kecuali dengan izin mereka."¹⁶³

Dalam hadis ini, seorang anak perempuan berjanji atau berazam untuk tidak bernikah selama-lamanya. Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak mempersalahkaninya kerana beliau belum bersedia menjadi isteri yang dapat memenuhi hak-hak suami."

"Jadi tidak mengapa jika seseorang itu berjanji atau berazam untuk tidak mahu hidup di alam poligami?"

"Ya, kita berbaik sangka dia mungkin tidak tahu, keliru, belum bersedia atau benar-benar tidak mampu untuk melaksanakannya. Tugas kita sebagai pendakwah ialah menyampaikan ilmu, bukan terus menghukum. Moga dalam masa terdekat dia akan mengubah pendiriannya agar selari dengan syari'at Allah *Subhanahu waTa'ala*. Sesiapa yang

¹⁶³ Sahih: Dikemukakan oleh al-Munziri dalam *al-Tarhib wa al-Tarhib*. Beliau berkata: Riwayat al-Bazzar dengan sanad yang *jayyid*, para perawinya *thiqah* lagi masyhur, dan oleh Ibn Hibban dalam *Shahihnya*. al-Albani menilainya hasan sahih dalam *Shahih al-Tarhib wa al-Tarhib*, hadis no: 1943 (*Kitab al-Nikah, Bab anjuran kepada suami untuk memenuhi hak isteri...*).

berusaha untuk berada di jalan Allah, pasti Allah akan membantunya.

Akan tetapi perhatikan, anak perempuan dalam hadis di atas berjanji tidak akan bernikah tanpa putar belit dalil atau berhujah secara helah. Terdapat perbezaan di antara orang yang secara jujur berkata 'Saya tidak mampu hidup di alam poligami' dengan orang yang cuba menyembunyikan kelemahan emosinya melalui putar belit dalil dan berhujah secara helah. Yang pertama adalah boleh bahkan terpuji, yang kedua adalah dilarang bahkan tercela."

Poligami Dan Hukum Berburu

"Nak tanya lagi ni..." Ustaz Syukur mula Selasa dan yakin berbincang dengan Harris. Jika sebelum ini dia bertanya untuk menguji, kini dia bertanya untuk mengetahui. "...para pelajar saya juga berhujah dengan membandingkan antara hukum poligami dan hukum berburu."

"Macam mana tu ustaz?"

"Tentang poligami, Allah berfirman:

فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ.

Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat. [al-Nisa' 4:03]

Tentang berburu bagi jemaah haji, Allah berfirman:

وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوا.

Dan apabila kamu telah bertahallul (selesai dari pantang larang dalam ihram) maka berburulah. [al-Maidah 5:02]

Mereka berhujah, jika ayat poligami difahami sebagai perintah, maka ayat berburu juga difahami sebagai perintah. Apakah dengan itu, hukum berburu bagi jemaah haji menjadi wajib? Padahal sama-sama kita ketahui ia tidak wajib. Mana ada jemaah haji kita atau negara lain yang selepas bercukur dan bebas dari pantang larang ihram, keluar berburu di Kota Mekah?

Yang benar, berburu hukumnya harus. Maka demikianlah juga poligami, hukumnya harus meskipun ayatnya bernada perintah” jelas Ustaz Syukur panjang lebar. Nampaknya beliau benar-benar terkesan dengan hujah pelajarnya Abdullah Mujahid:

“Baiklah, kita ambil pula ayat al-Qur’an yang sama hukumnya dengan ayat poligami daripada sudut keharusan iaitu, ‘Jika kamu bertahallul (daripada haji), maka berburulah.’ Ayat itu dalam nada perintah seperti ayat poligami. Hukum berburu juga harus seperti hukum poligami. Maka, wajibkah kita memaksa

semua jemaah haji keluar berburu selepas *tahallul*? Ada yang tidak tahu berburu, uzur, tidak mampu, tidak suka dan bermacam-macam keadaan lagi. Apakah mereka ini sedang menentang hukum Allah? Padahal, Islam tidak memaksakannya kepada sesiapa. Islam cuma memberikan pilihan,” [SCM 789-790]

Ketika Abdullah Mujahid mengemukakan hujah di atas, Ustaz Syukur terdiam. Dia bertindak segera meneruskan pengajian. Pelajar-pelajar yang lain matang menilai. Mereka tidak melihat kepada kelulusan ustaz yang tinggi dalam bidang agama tetapi lebih menyakini hujah yang lebih sahih berdasarkan sumber-sumber induk meskipun daripada budak hingusan. [SCM 790]

“Owh, begitu ya? Siapa yang berhujah sedemikian?”

“Pelajar akulah...siapa lagi?”

“Owh, patutlah. Mereka mungkin belum belajar dengan mendalam subjek usul fiqh. Orang yang mengaji khusus dalam bidang fiqh dan usul fiqh tidak akan berhujah sedemikian.”

“Err...jadi bagaimana penjelasan yang sebenar?”

“Tentang hukum berburu selepas *tahallul* atau selepas ihram, ia merujuk kepada perintah sesudah larangan. Ustaz boleh semak dalam kitab-kitab usul fiqh, dalam topik *al-Amr*,

dalam sub-topik *al-Amr* sesudah larangan. Bahkan yang lebih menarik, apabila para ulama' usul fiqh membicarakan kaedah perintah sesudah larangan, hampir semuanya menggunakan kes berburu selepas *tahallul* sebagai contoh perbincangan."

"Ya ke? Teruskan" Ustaz Syukur penuh minat.

"Ayat perintah ***Dan apabila kamu telah bertahallul (selesai dari pantang larang dalam ihram) maka berburulah*** yang ustaz bacakan tadi, ia datang sesudah larangan. Perhatikan ayat pertama surah al-Maidah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوفُوا بِالْعُقُودِ أُحِلَّتْ لَكُمْ بَهِيمَةُ الْأَنْعَامِ إِلَّا مَا يُتْلَى عَلَيْكُمْ غَيْرَ مُحْلِي الصَّيْدِ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ.

Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula bererti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa yang Dia kehendaki. [al-Maidah 5:01]

Di dalamnya terkandung larangan berburu: ***(Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula***

bererti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram.

Maka sesudah larangan tersebut, datanglah ayat perintah berburu: **Dan apabila kamu telah bertahallul (selesai dari pantang larang dalam ihram) maka berburulah."**

"Ya, teruskan..."

"Apabila ada perintah sesudah larangan, para ahli usul memiliki tiga pandangan:

- **Pertama**, ia bererti wajib. Ertinya, wajib berburu selepas *tahallul*.
- **Kedua**, ia bererti keharusan.¹⁶⁴ Ertinya, dibolehkan dan diizinkan berburu bagi sesiapa yang menginginya sesudah sebelum itu dilarang ketika dalam ihram.
- **Ketiga**, ia dikembalikan kepada hukum asal perkara tersebut, seperti harus, wajib atau selainnya.¹⁶⁵ Bagi

¹⁶⁴ Kaedah ini disebut oleh para ahli usul fiqh sebagai:

الأمر بعد الحظر قرينة على صرفه عن الوجوب إلى الإباحة.

Maksudnya: "*al-Amr* sesudah larangan merupakan *qarinah* yang memalingkan erti wajib kepada keharusan."

¹⁶⁵ Kaedah ini disebut oleh para ahli usul fiqh sebagai:

إنها تكون لرفع الحظر والتحريم ورجوع المأمور به إلى الحكم الذي كان له قبل ذلك من إباحة أو وجوب أو غيرهما.

berburu misalnya, hukum asalnya adalah harus. Maka diharuskan berburu bagi sesiapa yang menginginya sesudah sebelum itu dilarang ketika dalam ihram.”

“*Subhanallah!* Kaya sungguh ilmu-ilmu Islam. Jadi di antara tiga pendapat ini, yang manakah paling kuat?”

“Saya mencenderungi pendapat ketiga, tetapi menghormati juga pandangan pertama dan kedua. Dalam ilmu usul fiqh, jika ada beza pandangan, susah juga nak kata yang mana yang lebih kuat. Namun apa yang pasti, jika pelajar ustaz kata hukum berburu selepas *tahallul* adalah harus, dia sebenarnya mengambil pendapat kedua atau ketiga” jelas Harris.

“Jika dikatakan berburu wajib selepas *tahallul*, ia juga tidak salah sebab mengikuti pandangan pertama ya?”

“Ya, betul. Lebih penting, amatlah tidak tepat membanding hukum berburu selepas ihram dengan hukum poligami.”

“Sebab tidak ada ayat melarang poligami sebelum ayat memerintahkan poligami!” Ustaz Syukur keriangkan.

Maksudnya: “Sesungguhnya *shighat al-Amr* sesudah larangan merupakan *qarinah* untuk menghilangkan larangan itu sendiri dan perintah itu kembali kepada hukum asal sebelumnya iaitu harus atau wajib atau selain kedua itu.

Poligami Dan *Shighat al-Amr*

“Ustaz, saya berlakon jadi pelajar ustaz boleh?”

“Menarik...hm...boleh. Bagus juga kalau-kalau lepas ini saya kena soal lagi dengan mereka, boleh bersiap sedia awal-awal.”

“Ustaz kata ayat poligami memerintahkan poligami. Jadi apakah hukum poligami itu wajib?”

“Ehh! Tidak. Hukum asal poligami adalah sunat.”

“Tapi ustaz sendiri kata ayat poligami bersifat perintah?”

“Ya tak ya juga. OK, saya mengalah. Apa penjelasannya?”

“Begini yang saya faham. Ayat poligami memang memiliki *shighat al-Amr* yang bermaksud lafaz perintah. Firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ.

Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat. [al-Nisa' 4:03] merupakan lafaz perintah.

Jumhur para ahli usul berpendapat lafaz perintah membawa pengertian wajib melainkan ada *qarinah* atau

petunjuk yang menunjuk ke arah pengertian yang lain seperti sunat, harus, peringatan, ancaman dan lain-lain.

Akan tetapi ada juga ahli usul yang berpendapat, lafaz perintah hanya membawa pengertian tuntutan untuk berbuat sesuatu sementara hukum tuntutan tersebut bergantung kepada *qarinah-qarinah* lain.”

“Ya, betul. Saya pernah membaca bahawa lafaz perintah boleh membawa banyak pengertian.”

“Ya. Ibn al-Subki pernah menyatakan dalam *Matn Jami’ al-Jawami’* bahawa lafaz perintah boleh membawa 26 macam pengertian seperti wajib, anjuran, kebolehan, ancaman, pengajaran, pemberian contoh, izin, sopan-santun, peringatan, kebaikan, memuliakan, hinaan, merendahkan, kekuasaan, kelemahan, paksaan dan macam-macam lagi.”

“Susah juga jika sehingga 26 macam pengertian.”

“Jangan bimbang. Muhammad al-Khudari Beik menjelaskan bahawa pengertian-pengertian tersebut terdapat banyak kesamaan sehingga dapat dirumuskan kepada 5 sahaja, iaitu:

1. Tuntutan yang menunjukkan erti wajib.
2. Tuntutan yang menunjukkan erti anjuran.
3. Tuntutan yang menunjukkan erti kebolehan atau

keizinan.

4. Tuntutan yang semata-mata tuntutan.
5. Tuntutan yang menunjukkan erti selain empat di atas, bergantung kepada *qarinahnya*."

"Baiklah, kembali kepada ayat poligami. Ia adalah lafaz perintah. Maka bagaimana kita memahaminya?" Ustaz Syukur seperti segera ingin tahu.

"Jika diikuti pendapat jumhur bahawa lafaz perintah membawa pengertian wajib melainkan ada *qarinah*, maka *qarinahnya* adalah sikap Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang tidak memerintahkan para sahabatnya untuk berpoligami atau mengancam mereka yang enggan berpoligami.

Rasulullah adalah penjelas al-Qur'an sebagaimana firman Allah *Subhanahu waTa'ala*:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ.

Dan kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menjelaskannya kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya. [al-Nahl 16:44]

Maka seandainya ayat poligami membawa maksud wajib, pasti baginda akan memerintahkan para sahabatnya

untuk berpoligami atau mengancam mereka yang enggan berpoligami.”

“Jika Rasulullah tidak perintah atau ancam, apakah dengan itu hukum poligami menjadi harus?” tanya Ustaz Syukur.

“Baginda tidak perintah atau ancam, tetapi baginda mengamalkannya. Apabila baginda mengamalkan sesuatu sebagai jalan hidupnya, maka ia adalah satu anjuran atau sunat untuk kita juga turut mengamalkannya berdasarkan firman Allah:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ
وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا.

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) Hari Akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak. [al-Ahzab 33:21]”

“Akan tetapi baginda juga mengamalkan monogami bersama Khadijah *radhiallahu 'anha*.”

“Ya, betul. Sebab itu kita katakan, kedua-dua monogami dan poligami adalah sunnah Rasulullah dan hukum kedua-duanya adalah sunat. Golongan pro-poligami hanya

menekankan sunnah poligami sementara golongan pro-monogami hanya menekankan sunnah monogami. Padahal yang benar kedua-duanya adalah sunnah Rasulullah dan sunat hukumnya selagi mana seseorang itu memenuhi syarat-syaratnya.”

“Ehh...nak tambah kopi lagi?”

“Boleh. Kopi O juga.”

“Baiklah, bagaimana pula dengan kaedah yang disebut oleh sebahagian ahli usul bahawa lafaz perintah hanya membawa pengertian tuntutan untuk berbuat sesuatu sementara hukum tuntutan tersebut bergantung kepada *qarinah-qarinah* lain?” tanya Ustaz Syukur selepas mengisyaratkan kepada pemilik warung untuk menambah dua lagi cawan kopi O.

“Eh...kejap, saya nak cuba...” tiba-tiba Ustaz Syukur memotong sebelum sempat Harris menjawab. “...*qarinahnya* adalah sama, iaitu sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sunnah baginda yang mempraktikkan poligami menunjukkan ia adalah tuntutan yang membawa maksud anjuran atau hukum sunat. Ia tidak wajib kerana baginda tidak pernah memerintahkan para sahabatnya untuk berpoligami atau mengancam mereka yang enggan berpoligami.”

“Ya, tepat sekali. Kadangkala dalam ilmu usul fiqh,

kaedah mungkin berbeza tetapi hasilnya tetap sama.”

“Harris, ingat tak mana-mana ulama yang berhujah sedemikian?” Ustaz Syukur bertanya. Sebagai seorang yang melalui sistem pendidikan Islam sejak dari kecil, keyakinan adalah lebih kepada kata-kata ulama’ berbanding ayat-ayat al-Qur’an dan hadis-hadis Rasulullah. Ini kerana sejak dari kecil, dia lebih didedahkan kepada kata-kata ulama’. Ustaz Syukur tidak keseorangan dalam bersikap seperti ini, ramai juga ustaz dan ustazah yang memiliki sikap yang sama. Namun, ramai juga yang memiliki atau telah beralih kepada sikap yang betul, yakni mendahulukan al-Qur’an dan hadis di atas kata-kata ulama’.

“Apa yang saya ingat saat ini ialah penjelasan Syaikh Wahbah al-Zuhaili, semoga Allah memeliharanya. Dalam kitabnya yang masyhur *al-Fiqh al-Islami*, beliau membantah pendapat para ulama’ Mazhab al-Zahiri yang memahami ayat ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan...*** [al-Nisa’ 4:03] sebagai perintah wajib. Beliau berkata:

Dan sebagai bantahan ke atas mereka (Mazhab al-Zahiri), bahawasanya wajib yang dimaksudkan dalam nas-nas tersebut menunjuk kepada hukum sunat dan anjuran berdalilkan firman Allah ***Dua, tiga atau empat*** [al-Nisa’ 4:03] dan firman-Nya ***atau hamba-***

hamba perempuan yang kamu miliki [al-Nisa' 4:03]. Juga disebabkan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang tidak mensyaratkan perkahwinan ke atas setiap individu (pada zaman baginda).¹⁶⁶

Poligami Dan Hukumnya Di Sisi Para Ulama' Terdahulu¹⁶⁷

"Oh, *alhamdulillah!*" Ustaz Syukur berpuas hati. "Hm...alang-alang kita berbicara tentang para ulama' dan pendapat mereka berkenaan hukum poligami, ada atau tidak ulama' yang berpendapat hukum poligami adalah sunat?"

"Wah! Ustaz bicara poligami dengan para pelajar sehingga ke tahap ini ke?"

"Err...tidak. Pertanyaan ini sebenarnya merujuk kepada perbincangan saya dalam sebuah forum di internet. Saya berhujah bahawa hukum poligami adalah sunat atau

¹⁶⁶ *al-Fiqh al-Islami*, jld. 9, ms. 29. Teks arabnya seperti berikut:
ورد عليهم بأن هذا الوجوب مصروف إلى النذب والاستحباب بدليل قوله:
(«مثنى وثلاث ورباع» [النساء: 4/3] وقوله: («أو ما ملكت أيمانكم» [النساء: 4/3] ولأن
النبي صلى الله عليه وسلم لم يحتم الزواج على كل واحد.

¹⁶⁷ Dialog ini sebagai catatan ke atas *Sebarkan Cinta-Mu* yang hanya mengemukakan satu pandangan berkenaan hukum poligami, iaitu harus. *Sebarkan Cinta-Mu* juga hanya mengemukakan pandangan beberapa ulama' masa kini pilihannya dan mendiamkan pandangan seluruh ulama' terdahulu serta mendiamkan pandangan ulama' masa kini yang mengatakan hukum poligami adalah sunat atau dianjurkan.

dianjurkan. Lalu ada seorang ahli forum yang membantah. Katanya, hukum seperti itu tidak disebut dalam mana-mana empat mazhab Islam. Bahkan tidak dalam mazhab yang lapan. Saya dilabel sebagai terlalu mengikuti akal!"

"Oo, begitu ya? Alangkah baiknya jika ahli forum itu bertanya daripada terus membuat kenyataan yang menafikan. Bertanya mengisyaratkan sikap rendah diri. Penafian mengisyaratkan tinggi diri. Ilmu-ilmu Islam amat luas dan kaya, apakah dia telah menguasainya semuanya sehingga dapat menafikan kewujudan sesuatu perkara secara yakin?"

Ustaz Syukur mengangguk-angguk sambil menundukkan kepala. Dia mengutip serpihan-serpihan gorengan pisang di piring. Rangup dan sedap.

"Jadi apa hukum poligami yang dicenderungi oleh ahli forum tersebut?"

"Dia berkata hukum poligami ialah harus. Dia mengemukakan nama beberapa ulama' yang mengatakan hukumnya harus dan mendakwa inilah pandangan jumhur."

"Ulama' masa kini atau masa lalu?"

"Ulama' masa kini. Kenapa, ada beza ke?"

"Menghairankan...ahli forum itu mengkritik ustaz kerana beranggapan hukum sunat tidak disebut dalam mana-mana

empat mazhab Islam. Namun dia sendiri tidak mengemukakan hukum poligami menurut empat mazhab Islam tersebut.”

“Jadi apa jawabannya?”

“Begini ustaz. Kita mulakan sejak zaman awal, yakni zaman para sahabat *radhiallahu 'anhum*. Siapakah sahabat yang Rasulullah doakan agar menjadi alim tentang al-Qur'an?”

“Abdullah ibn 'Abbas *radhiallahu 'anh*” jawab Ustaz Syukur, merujuk kepada keterangan Ibn 'Abbas sendiri:

ضَمَّنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ: اللَّهُمَّ عَلِّمُهُ
الْكِتَابَ.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam memelukku dan berdoa: "Ya Allah! Ajarkanlah dia al-Kitab (yakni al-Qur'an)." ¹⁶⁸

“Ya, beliaulah ahli ilmu di kalangan para sahabat, ikutan para imam pelbagai mazhab dan rujukan para ulama' dahulu, kini dan akan datang.”

“Setuju. Tiada yang mengingari hakikat ini melainkan *Syi'ah* dan mereka yang jahil.”

“Dalam sebuah hadis yang dikeluarkan oleh al-Bukhari,

¹⁶⁸ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 73/75 (*Kitab al-'Ilm, Bab sabda Nabi: "Ya Allah! Ajarkanlah dia al-Kitab"*).

Sa'id bin Jubair berkata:

قَالَ لِي ابْنُ عَبَّاسٍ: هَلْ تَزَوَّجْتَ؟ قُلْتُ: لَا. قَالَ: فَتَزَوَّجْ فَإِنَّ خَيْرَ هَذِهِ الْأُمَّةِ أَكْثَرُهَا نِسَاءً.

Ibn 'Abbas pernah bertanya kepadaku: "Apakah kamu sudah berkahwin?" Aku menjawab: "Tidak." Dia kemudian berkata: "Berkahwinlah kerana sesungguhnya (ciri) kebaikan umat ini adalah (suami) yang paling banyak isterinya."¹⁶⁹

"Oh, *alhamdulillah*! Ini sesuatu yang baru bagi saya."

"Seterusnya, memandangkan yang lebih hampir ke hati saya ialah para imam hadis, mari kita merujuk kepada penjelasan daripada imam kepada para imam dalam bidang hadis, yakni Imam al-Bukhari *rahimahullah*."

"Para imam hadis ada membicarakan hukum ke?"

"Tentu ada. Para imam hadis bukanlah sekadar *copy and paste*, yakni mendengar hadis lalu mencatat dalam kitab mereka. Para imam turut memahami fiqh atau hukum yang dibawa oleh sesuatu hadis. Hukum tersebut mereka catat sebagai tajuk hadis atau dijelaskan sesudah hadis terbabit."

¹⁶⁹ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4681/5069 (*Kitab al-Nikah, Bab isteri yang banyak*).

"Wah! Memang luas ilmu-ilmu Islam ini" Ustaz Syukur sekali lagi mengakuinya.

"Ketika menyusun *Kitab al-Nikah*, Imam al-Bukhari mengemukakan sebuah bab yang beliau sebut sebagai:

بَابُ التَّرْغِيبِ فِي النِّكَاحِ لِقَوْلِهِ تَعَالَى ((فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ
النِّسَاءِ)) الْآيَةِ.

Bab anjuran kepada pernikahan berdasarkan firman Allah Ta'ala: ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (ayat al-Qur'an).***"

"Eh, bukankah ayat yang dikemukakan itu ialah ayat poligami?"

"Ya, betul. Para imam kita yang terdahulu, ketika membicarakan hukum nikah tidak membezakan antara monogami dan poligami. Mereka melihat semuanya sebagai satu pakej, yakni bernikah. Bernikahlah, sesiapa yang mampu berlaku adil nikahlah sehingga empat isteri. Sesiapa yang bimbang tidak mampu berlaku adil, cukupkanlah diri dengan seorang sahaja atau kepada jumlah yang dia yakini dapat berlaku adil, asalkan tidak melebihi empat.

Oleh kerana itulah tadi saya bertanya kepada ustaz, ulama' masa kini atau masa lalu? Ulama' masa lalu tidak

membezakan hukum nikah antara monogami dan poligami. Hanya sebahagian ulama' masa kini yang membezakannya."

"Jadi, Imam al-Bukhari juga memahami ayat ketiga surah al-Nisa' sebagai satu anjuran?"

"Ya, betul."

"Anjuran untuk bernikah, baik monogami dan poligami?"

"Ya, betul. Namun sebagaimana keseluruhan ayat, poligami hanya apabila yakin dapat berlaku adil."

"Hm...bukan nak berburuk sangka, tetapi mungkinkah seorang imam hadis kurang arif dalam bab hukum berbanding seorang imam fiqh?"

"Sebenarnya kita yang kurang arif. Seorang imam hadis menguasai banyak bidang selain hadis, seperti aqidah, fiqh dan kesesatan aliran-aliran lain umpama *Khawarij*, *Murji'ah*, *Syi'ah* dan *Qadariyah*. Ini kerana mereka meriwayatkan hadis dalam semua bidang dan memahami maksud serta hukum hadis-hadis tersebut. Sebab itu saya katakan tadi, yang lebih hampir ke hati saya ialah para imam hadis.

Tak mengapa, untuk memuaskan hati ustaz, saya berikan pandangan seorang imam fiqh yang masyhur, yakni Imam Ibn Rusyd *rahimahullah*."

"Oh, bagus sekali. Ya, beliau seorang imam pada kurun ke enam yang masyhur lagi hebat.¹⁷⁰ Kitabnya *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtashid* membicarakan perbezaan pendapat di kalangan para imam mujtahid dan menjelaskan sebab-sebab berlakunya perbezaan tersebut."

"Ya, saya selalu merujuk kitab tersebut. Meskipun beliau seorang imam dalam Mazhab Maliki, tetapi beliau menguasai mazhab-mazhab yang lain dan mampu menghalusi sebab-sebab perbezaan pendapat di antara mereka."

"Apa kata beliau?"

"Baiklah, jika begitu apa hukum poligami yang disentuh oleh Imam Ibn Rusyd?"

"Beliau berkata, adapun hukum pernikahan, maka sekumpulan (ahli fiqh) berkata: Ia menunjuk ke arah sunat dan mereka inilah yang jumhur. Berkata Ahl al-Zahir (Mazhab al-Zahiri): Ia wajib. Berkata ulama'-ulama' mutakhir dari Mazhab Maliki: Ia adalah wajib bagi sebahagian manusia, sunat bagi sebahagian manusia dan harus bagi sebahagian manusia (yang lain). Yang demikian bergantung kepada kadar keseimbangan seseorang itu daripada (terjatuh dalam) kemaksiatan.

¹⁷⁰ Beliau meninggal dunia pada tahun 595H. Nama penuhnya Abu al-Walid Muhammad ibn Ahmad ibn Rusyd.

Punca perbezaan disebabkan oleh *shighat al-amr* dalam firman Allah Ta'ala: ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan*** dan dalam sabda Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam: ***Hendaklah kalian menikah, kerana sesungguhnya aku (ingin) memperbanyakkan umatku dengan kalian***¹⁷¹ dan apa yang menyerupai sedemikian daripada hadis-hadis yang ada tentangnya, apakah ia membawa hukum wajib atau sunat atau harus.

Adapun mereka yang berkata ia adalah wajib bagi sebahagian manusia, sunat bagi sebahagian manusia dan harus bagi sebahagian manusia (yang lain), maka ia merujuk kepada (faktor) kemaslahatan. Ini merupakan sejenis qiyas yang menyamai *al-Mursal*, ia tidak

¹⁷¹ Hadis yang dimaksudkan secara lengkap adalah seperti berikut:

النِّكَاحُ مِنْ سُنَّتِي فَمَنْ لَمْ يَعْمَلْ بِسُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي وَتَزَوَّجُوا فَإِنِّي مُكَاثِّرٌ بِكُمْ الْأُمَمَ
وَمَنْ كَانَ ذَا طَوْلٍ فَلْيَنْكِحْ وَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَعَلَيْهِ بِالصَّيَّامِ فَإِنَّ الصَّوْمَ لَهُ وَجَاءٌ.

Pernikahan adalah sunnahku, sesiapa yang tidak mengamalkan sunnahku bererti bukan dari golonganku. Hendaklah kalian menikah, kerana sesungguhnya aku (ingin) memperbanyakkan umatku dengan kalian. Siapa memiliki kemampuan maka hendaklah bernikah dan siapa yang belum mampu maka hendaklah berpuasa kerana puasa itu merupakan benteng baginya (daripada perbuatan maksiat).

Hasan: Dikeluarkan oleh Ibn Majah dalam *Sunannya*, hadis no: 1836 (*Kitab al-Nikah, Bab keutamaan bernikah*). Berkata al-Busiri dalam *Mishbah al-Zujajah fi Zawa'id Ibn Majah*, Isnadnya dha'if akan tetapi baginya penguat-penguat yang sahih. al-Albani menilainya sahih dalam *Shahih Sunan Ibn Majah*, no: 1873.

memiliki asal usul yang tepat untuk dijadikan sandaran dan telah diingkari oleh ramai ulama'. Namun apa yang zahir (jelas) daripada Mazhab Maliki adalah (mereka) berpegang kepada pendapat ini.¹⁷²

"Oh! Jumhur ulama' berkata pernikahan adalah sunat dan mereka juga berdalilkan ayat poligami?"

"Ya. Jika kita mengkaji kitab-kitab fiqh terdahulu baik dalam Mazhab al-Syafi'e, Maliki, Hambali dan Hanafi, mereka membicarakan hukum asal pernikahan berdasarkan ayat ketiga surah al-Nisa'.

¹⁷² *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtashid*, jld. 2, ms. 2 (*Kitab al-Nikah, Bab pertama berkenaan muqaddimah nikah*). Teks arabnya seperti berikut:

فأما حكم النكاح فقال قوم: هو مندوب إليه وهم الجمهور. وقال أهل الظاهر: هو واجب. وقال المتأخرة من المالكية: هو في حق بعض الناس واجب وفي حق بعضهم مندوب إليه وفي حق بعضهم مباح وذلك بحسب ما يخاف على نفسه من العنت. وسبب اختلافهم: هل تحمل صيغة الأمر به في قوله تعالى: ((فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ)) وفي قوله عليه الصلاة والسلام: ((تَنَاقَحُوا فَإِنِّي مَكَاثِرُ بِكُمْ الْأُمَمِ)) وما أشبه ذلك من الأخبار الواردة في ذلك على الوجوب أم على الندب أم على الإباحة. فأما من قال إنه في حق بعض الناس واجب وفي حق بعضهم مندوب إليه وفي حق بعضهم مباح: فهو التفات إلى المصلحة وهذا النوع من القياس هو الذي يسمى المرسل وهو الذي ليس له أصل معين يستند إليه وقد أنكره كثير من العلماء والظاهر من مذهب مالك القول به.

Seperti mana yang saya kata tadi, dalam membicara hukum asal pernikahan, mereka tidak membezakan antara monogami atau poligami. Mereka melihat semuanya sebagai satu pakej, yakni bernikah. Bernikahlah, sesiapa yang mampu berlaku adil nikahlah sehingga empat isteri. Sesiapa yang bimbang tidak mampu berlaku adil, cukupkanlah diri dengan seorang sahaja atau kepada jumlah yang dia yakini dapat berlaku adil, asalkan tidak melebihi empat.

Para ulama' keempat-empat mazhab tersebut dalam kitab-kitab mereka ada membicarakan bab poligami seperti hukum suami yang memiliki lebih dari empat isteri, apakah maksud adil, cara pembahagian hari dan malam, hukum seorang isteri menghadihkan hari gilirannya, tatacara bermusafir dan banyak lagi. Namun apabila mereka menyentuh bab berkaitan poligami ini, mereka tidak lagi membicarakan hukumnya sebab ia telah mereka sebut pada awalnya ketika membicarakan hukum asal pernikahan."

"Dan inilah pendapat jumhur, yakni sunat?"

"Ya, demikian sebagaimana yang disebut oleh Imam Ibn Rusyd. Di samping jumhur yang berkata sunat, ada segelintir yang berkata wajib dan ada segelintir yang berkata harus."

"Memandangkan kita di Malaysia bermazhab al-Syafi'e,

apa kata mazhab al-Syafi'e dalam persoalan ini?" tanya Ustaz Syukur, inginkan pengkhususan.

"Apakah kitab fiqh yang paling masyhur dalam Mazhab al-Syafi'e yang boleh kita jadikan rujukan dalam persoalan ini?"

"Tentu saja *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Ia kitab yang paling muktabar dalam Mazhab al-Syafi'e dan di samping itu, ia juga mengumpul serta menerangkan pandangan mazhab-mazhab yang lain."

Ya, saya setuju. Baiklah, pandangan yang masyhur dalam Mazhab al-Syafi'e, hukum asal pernikahan adalah *jaiz*, yakni boleh. Ini difahami sebagai harus. Hukum ini tidak dibezakan antara monogami atau poligami.

Dalam kitab *al-Majmu'* disebut bahawa adapun hukumnya, maka sesungguhnya pernikahan itu adalah disyari'atkan berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagaimana yang telah kami kemukakan nas-nas dari kedua-duanya. Namun para ahli fiqh berbeza pendapat (tentang hukumnya) apakah wajib atau harus. Maka bagi mazhab kami (Mazhab al-Syafi'e) hukumnya harus dan ia merupakan pandangan yang masyhur dalam Mazhab Ahmad bin Hanbal - semoga Allah meredainya - kecuali jika seseorang itu bimbang dirinya terjerat dalam sesuatu yang dilarang disebabkan meninggalkan (pernikahan), maka hendaklah dia melakukan apa yang dapat menyucikan dirinya

(yakni bernikah).

Dihikayatkan daripada Dawud (al-Zahiri) bahawasanya (hukum asal nikah) adalah wajib (sekurang-kurangnya) sekali dalam seumur hidupnya berdasarkan ayat dan khabar (hadis yang sama).

Dalil kami adalah bahawasanya Allah *Subhanahu waTa'ala*, apabila memerintahkan pernikahan, mengikatnya atas faktor berkenan, berdasarkan firman-Nya: ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan*** [al-Nisa' 4:03]. (Seandainya) ia wajib nescaya tidak akan dibataskan atas faktor berkenan. Allah juga berfirman: ***Dua, tiga atau empat*** [al-Nisa' 4:03]. Yang demikian (menunjukkan bahawa ia) tidak wajib dan hal ini adalah sesuatu yang disepakati.¹⁷³

¹⁷³ *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, jld. 16, ms. 129 (*Kitab al-Nikah*). Teks arabnya seperti berikut:

(أما الأحكام) فإن النكاح مشروع بالكتاب والسنة كما أوردنا من نصوصهما وقد اختلف الفقهاء في كونه واجبا أو جائزا فمذهبنا جوازه، وهو المشهور من مذهب أحمد بن حنبل رضى الله عنه إلا أن يخاف أحد على نفسه الوقوع في محذور بتركه فيلزمه إعفاف نفسه. وحكى عن داود أنه واجب في العمر مرة واحدة للآية والخبر. دليلنا أن الله تعالى حين أمر به علقه على الاستطابة بقوله ((فانكحوا ما طاب لكم من النساء)) والواجب لا يقف على الاستطابة، وقال ((مثنى وثلاث ورباع)) ولا يجب ذلك بحال بالاتفاق.

Perkataan “*jaiz*” bermaksud boleh dan ia adalah dalam aspek halal atau haram. Namun dalam aspek tuntutan hukum, ia membawa maksud harus.

"Owh! Dalam Mazhab al-Syafi'e, hukum asal pernikahan adalah harus ya?"

"Ya, betul."

"Dan mereka juga berhujah berdasarkan ayat poligami?"

"Ya, betul. Ini sebagaimana kata Imam Ibn Rusyd yang kita nukil sebentar tadi bahawa para ulama' berbeza pendapat apakah hukum nikah wajib, sunat atau harus meskipun mereka semua merujuk kepada ayat ketiga surah al-Nisa'."

"Memang kaya ilmu-ilmu Islam ini. Miskinlah sesiapa yang berbicara fiqh tetapi tidak menguasai perbezaan pendapat dan sebab-sebabnya."

"Namun ada perinciannya seterusnya."

"Apa perincian itu?"

Dalam kitab yang sama, beberapa mukasurat selepas itu, disebut pula bahawa pernikahan di sisi kami hukumnya dianjurkan, bukan wajib. Inilah juga pandangan Abu Hanifah, Malik dan Ahmad mengikut pandangan yang masyhur dalam mazhabnya, dan inilah juga pandangan kebanyakan ahli ilmu. Namun Daud bin Ali al-Zahiri berkata, ia (pernikahan) wajib ke atas lelaki dan wanita (sekurang-kurangnya) sekali dalam seumur hidup.

Dalil kami adalah sebagaimana yang telah kami sebut, iaitu firman Allah *Subhanahu waTa'ala*: ***Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan*** [al-Nisa' 4:03] lalu ia diikat dengan faktor berkenan. Seandainya ia wajib nescaya tidak akan diikat dengan faktor berkenan.¹⁷⁴

"Ehh! Kenapa pada awalnya dikatakan hukum asal nikah adalah harus, namun kemudian dianjurkan?"

"Hm...pada kefahaman saya, secara halus seolah-olah pengarangnya lebih cenderung kepada hukum dianjurkan berbanding hukum harus, selari dengan pandangan jumhur. Namun dalam bab ini ada perinciannya. Iaitu, manusia terbahagi kepada empat keadaan dalam persoalan nikah. Keadaan pertama, (seseorang itu) cenderung kepadanya, yakni mendambakannya dan sudah melakukan persiapan untuknya iaitu mahar dan nafkah isteri serta apa-apa keperluan lain ke arahnya, maka dianjurkan kepadanya

¹⁷⁴ *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, jld. 16, ms. 131 (*Kitab al-Nikah*). Teks arabnya seperti berikut:

النكاح مستحب غير واجب عندنا، وبه قال أبو حنيفة ومالك وأحمد في المشهور من مذهبه وأكثر أهل العلم. وقال داود بن علي الظاهري: هو واجب على الرجل والمرأة مرة في العمر.

دليلنا كما قلنا قوله تعالى ((فانكحوا ما طاب لكم من النساء)) فعلقه بالاستطابة وما كان واجبا لا يتعلق بالاستطابة.

untuk berkahwin berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah ibn Mas'ud: *Wahai kaum pemuda...*¹⁷⁵

Keadaan kedua, orang yang dirinya cenderung kepada pernikahan namun tidak mampu menyediakan mahar dan nafkah isteri, maka yang dianjurkan baginya ialah tidak berkahwin. Malah hendaklah dia menjaga dirinya dengan berpuasa kerana sesungguhnya puasa itu bagi dirinya adalah sebuah perisai. Dan janganlah dia memberatkan dirinya (bagi menyediakan) mahar dan nafkah (kerana ingin bernikah) untuk tanggungannya (isteri).

Keadaan ketiga, orang yang dirinya tidak cenderung ke arah pernikahan, sebaliknya ingin mengasingkan diri kepada beribadah kepada Allah *Subhanahu waTa'ala*, maka dianjurkan baginya untuk tidak berkahwin kerana menjadi kewajipan kepadanya untuk memberikan hak-hak isteri yang menjadi tanggungannya sementara

¹⁷⁵

Hadis ini adalah seperti berikut:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ.

Wahai kaum pemuda, sesiapa yang mampu di kalangan kalian untuk berkahwin, maka berkahwinlah. Dan sesiapa yang tidak mampu maka hendaklah dia berpuasa kerana sesungguhnya (puasa itu) menjadi perisai baginya. [Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam Shahihnya, hadis no: 4677/5065 (Kitab al-Nikah, Bab sabda Nabi Sesiapa yang mampu di kalangan kalian untuk berkahwin...)]

dia pula tidak berhajat untuk memberikan komitmen kepadanya (isteri).

Keadaan keempat, orang yang dirinya tidak cenderung padahal mampu untuk memberikan mahar dan nafkah isteri, dan tidak pula ingin beribadah, apakah dianjurkan baginya untuk berkahwin? Dalam keadaan ini ada dua pendapat yang diriwayatkan oleh al-'Imrani dalam (kitabnya) *al-Furu'*:

Pertama, tidak dianjurkan baginya untuk berkahwin kerana tidak perlu baginya memberat-beratkan dirinya menjaga apa yang dia tidak berhajat kepadanya. Kedua, dianjurkan baginya berdasarkan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*: ***Sesiapa yang mencintai fitrahku maka hendaklah mengikuti sunnahku dan di antara sunnahku ialah bernikah.***^{176/177}

¹⁷⁶ **Dha'if:** Dikeluarkan oleh Abu Ya'la dalam *Musnadnya*, hadis no: 2748 daripada 'Ubaid bin Sa'ad. Berkata al-Haitsami dalam *Majma al-Fawa'id*, hadis no: 7305: Para perawinya adalah thiqah. Seandainya 'Ubaid bin Sa'ad adalah seorang sahabat, namun (hadis ini) tetap mursal.

¹⁷⁷ *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, jld. 16, ms. 131-132 (*Kitab al-Nikah*). Teks arabnya seperti berikut:

فالناس في النكاح على أربعة أضرب: ضرب تتوق نفسه إليه، أي اشتاقت ويجد أهبتة وهو المهر والنفقة وما يحتاج إليه، فيستحب له أن يتزوج لما رواه عبد الله بن مسعود حديث ((يا معشر الشباب...)).

"Alhamdulillah, terima kasih..." ucap Ustaz Syukur berpuas hati. "Ini adalah sesuatu yang baru bagi saya, yakni para ulama' terdahulu tidak membezakan hukum pernikahan antara monogami atau poligami."

"Ya, demikianlah mengikut kajian saya."

"Dan mereka semua membicarakan hukum pernikahan berdasarkan ayat poligami, yakni ayat ketiga surah al-Nisa'. Hm...hadis Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam: **Wahai kaum pemuda, sesiapa yang mampu di kalangan kalian untuk berkahwin, maka berkahwinlah. Dan sesiapa yang tidak mampu maka hendaklah dia berpuasa kerana sesungguhnya (puasa itu) menjadi perisai baginya,**

والضرب الثاني: من تتوق نفسه إلى الجماع ولا يقدر على المهر والنفقة فالمستحب له أن لا يتزوج، بل يتعاهد نفسه بالصوم فإنه له وقاية. ولا يشغل ذمته بالمهر والنفقة.

والضرب الثالث: من لا تتوق نفسه إلى الجماع ويريد التخلي إلى عبادة الله تعالى فيستحب له أن لا يتزوج، لأنه يلزم ذمته حقوقاً هو مستغن عن التزامها.

والضرب الرابع، من لا تتوق نفسه وهو قادر على المهر والنفقة ولا يريد العبادة فهل يستحب له أن يتزوج؟ فيه قولان حكاهما العمراني في الفروع، أحدهما: لا يستحب له أن يتزوج لأنه يشغل ذمته بما لا حاجة به إليه. والثاني: يستحب له لقوله صلى الله عليه وسلم ((من أحب فطرني فليستن بسنتي، ومن سنتي النكاح)).

Seterusnya dikemukakan pandangan beberapa ulama' lain tentang hukum nikah. Ia tidak saya kemukakan di sini kerana memadai dengan penjelasan Ibn Rusyd yang telah merangkumi semuanya.

apakah boleh diguna pakai dalam konteks poligami?”

“Hadis ini asalnya ditujukan kepada orang bujang yang masih muda, di bawah umur 30 tahun. Namun pendapat peribadi saya, pengajaran hadis boleh juga ditujukan kepada orang yang hendak berpoligami. Ini kerana di kalangan orang yang sudah berkahwin dan sudah berumur lebih 30 tahun, ada saja yang ingin bernikah lagi namun bimbang tidak dapat berlaku adil. Maka dia termasuk dalam kategori orang yang tidak mampu dan hendaklah dia menahan keinginan untuk bernikah lagi dengan cara berpuasa” jelas Harris.

“Akan tetapi bagi yang cenderung kepada bernikah lagi, yakni mendambakannya dan sudah melakukan persiapan untuknya iaitu mahar dan nafkah isteri-isteri serta apa-apa keperluan lain ke arahnya seperti kemampuan berlaku adil, maka mengikut Mazhab al-Syafi’e dianjurkan kepadanya untuk berkahwin?” tanya Ustaz Syukur penuh semangat.

Harris tersenyum saja sambil memandang tepat ke muka Ustaz Syukur. Angguk tidak, menggeleng pun tidak.

“Bagaimana jika ada orang lain yang menemui pandangan ulama’ terdahulu yang membezakan antara hukum monogami dan poligami?”

“Jika ditemui yang sedemikian, kita mengalu-alukannya sebagai tambahan ilmu. Boleh saja andai ditemui ulama’

terdahulu yang mengatakan hukum monogami adalah sunat dan hukum poligami adalah harus. Apapun, yang penting bagi kita bukan apa ulama' kata tetapi apa Allah dan Rasul-Nya kata."

Poligami Dan Hukumnya Di Sisi Para Ulama' Masa Kini

"Baiklah, yang demikian adalah pandangan ulama' terdahulu. Bagaimana pula pandangan ulama masa kini?"

"Ya, sebahagian ulama' masa kini membezakan hukum perkahwinan di antara monogami dan poligami. Contohnya Syaikh Sayyid Sabiq – semoga Allah memeliharanya – dalam kitabnya *Fiqh al-Sunnah* menyatakan hukum pernikahan terbahagi kepada wajib, sunat, haram, makruh dan harus. Namun apabila membicarakan poligami, beliau menyatakan Allah mengharuskan poligami dan membataskannya kepada empat serta mewajibkan sikap adil di antara mereka.¹⁷⁸ Dalam bab yang lain beliau menyebut bahawa di antara rahmat dan keutamaan Allah ke atas manusia adalah diharuskan baginya berpoligami, dan membataskannya kepada empat isteri.¹⁷⁹

"Hm...jadi macam mana ni?" tanya Ustaz Syukur seolah-

¹⁷⁸ *Fiqh al-Sunnah*, jld. 2, ms. 110 (*Kitab al-Zawaj, Bab wajib berlaku adil di antara isteri-isteri*). Teks arabnya seperti berikut:

أباح الله تعدد الزوجات وقصره على أربع، وأوجب العدل بينهما...

¹⁷⁹ *Fiqh al-Sunnah*, jld. 2, ms. 114 (*Kitab al-Zawaj, Bab hikmah poligami*). Teks arabnya seperti berikut:

من رحمة الله بالإنسان وفضله عليه أن أباح له تعدد الزوجات، وقصره على أربع.

olah mula risau.

"Tak mengapa, itu satu pandangan. Jika dikaji lanjut, akan ditemui pandangan lain. Misalnya Syaikh Abu Malik Kamal bin al-Sayyid Salim Sabiq – semoga Allah memeliharanya – dalam kitabnya *Shahih Fiqh al-Sunnah...*"

"Apa? *Shahih Fiqh al-Sunnah*?" tanya Ustaz Syukur terus memotong kata-kata Harris.

"Ya, *Shahih Fiqh al-Sunnah*. Kitab ini menggunakan metodologi perbahasan umpama kitab *Fiqh al-Sunnah* karya Sayyid Sabiq. Namun dilakukan beberapa pembaikan seperti dalil-dalil dan rujukan yang dipastikan sahih. Sesiapa yang biasa mengkaji *Fiqh al-Sunnah* sangat ditekankan mengkaji pula *Shahih Fiqh al-Sunnah*."

"Oo, saya akan dapatkan kitab tersebut. Baiklah, apa katanya?"

"Beliau berkata, bahawa telah dikemukakan sejumlah dalil yang memberi motivasi ke atas perkahwinan bagi memperbanyakkan zuriat. Abdullah ibn 'Abbas (juga) telah berkata kepada Sa'id bin Jubair: "***Berkahwinlah kerana sesungguhnya (ciri) kebaikan umat ini adalah (suami) yang paling banyak isterinya.***" Maka dalil ini dan dalil-dalil yang lain menunjukkan bahawa dianjurkan berpoligami

dengan syarat-syarat dan aturan-aturan seperti berikut¹⁸⁰...lalu beliau menerangkan syarat-syaratnya.¹⁸¹

"Baiklah. Err...saya dengar dalam kitab *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Syafi'e* disebut secara jelas bahawa hukum asal poligami adalah harus. Bagaimana pula dengan kenyataan ini?"¹⁸²

"Owh, tiada masalah. Bahkan tiada apa-apa untuk dihairankan. Sesiapa yang menguasai Mazhab al-Syafi'e akan mengetahui bahawa di sisi mazhab ini, hukum asal pernikahan adalah harus, baik monogami mahupun poligami. Ini sebagaimana yang telah kita bincang sebenar tadi, dengan menukil dari kitab *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*."

"Ya tak ya juga..." balas Ustaz Syukur. "...Baiklah, Harris sebelum ini menekankan hanya sebahagian ulama' masa kini yang membezakan hukum nikah antara monogami dan

¹⁸⁰ *Shahih Fiqh al-Sunnah*, jld. 3, ms. 216 (*Kitab al-Zawaj, Bab poligami*). Teks arabnya seperti berikut:

وقد تقدم جملة أدلة على الحث على الزواج من أجل إكثار النسل. وقل ابن عباس لسعيد بن جبير: فَتَزَوَّجْ فَإِنَّ خَيْرَ هَذِهِ الْأُمَّةِ أَكْثَرُهَا نِسَاءً. فهذه الأدلة وغيرها تدل على استحباب التعدد بشروط وضوابط تأتي:

¹⁸¹ Syarat-syarat poligami boleh dirujuk dalam buku saya *202 Pelajaran Berkenaan Poligami*.

¹⁸² *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Syafi'e* oleh Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan Ali al-Sharbaji; jld. 4, ms. 60 (*Kitab al-Nikah, Bab hukum poligami dan hikmah pensyari'atannya*).

poligami. Siapa pula ulama' masa kini yang tidak membezakan hukum pernikahan antara monogami dan poligami?"

"Yang masyhur, Syaikh Wahbah al-Zuhaili. Beliau tidak membezakan hukum nikah antara monogami dan poligami. Beliau membicarakannya secara umum, bahawa hukum nikah terbahagi kepada fardhu – yakni wajib, haram, makruh dan dianjurkan atau sunat. Antara bukti beliau tidak membezakan antara monogami dan poligami ialah apabila membicarakan hukum nikah yang haram, salah satu contoh yang beliau berikan ialah orang yang tidak mampu berbuat adil di antara isteri-isterinya."¹⁸³

Pun begitu, ketika membicarakan hikmah poligami, beliau menyatakan bahawa sesungguhnya sistem monogami adalah lebih utama, merupakan kelaziman (umat Islam) dan merupakan (hukum) asal syara'. Adapun poligami, maka ia jarang terjadi dan menyelisihi (hukum) asal (syara'). Tidaklah ia dipraktikkan melainkan ada hajat yang penting. Syari'at Islam tidak mewajibkannya ke atas seseorang, bahkan tidak menganjurkannya. Sesungguhnya ia tidak lain adalah keharusan syari'at berdasarkan sebab-sebab yang umum dan khusus."¹⁸⁴

¹⁸³ *al-Fiqh al-Islami*, jld. 9, ms. 25 dan seterusnya.

¹⁸⁴ *al-Fiqh al-Islami*, jld. 9, ms. 161. Teks arabnya seperti berikut:

“Ehh! Bukankah sebelum ini ketika Syaikh Wahbah al-Zuhaili membantah pandangan Mazhab al-Zahiri, beliau sendiri mengatakan hukum nikah adalah sunat dan dianjurkan berdalilkan ayat poligami? Kenapa pula sekarang beliau berkata ia harus dan tidak dianjurkan?” tanya Ustaz Syukur kehairanan.

Harris terdiam sebentar. “Saya tak berani nak komen. Akan tetapi apa yang penting, apabila hendak mengkaji pendapat ulama’, kita kena kaji secara menyeluruh. Kemudian kita ambil pandangan ulama’ tersebut yang menepati atau menghampiri al-Qur’an dan al-Sunnah.”

“Ya, betul. Hm...sekadar nak puaskan lagi hati saya, adakah ulama’ masa kini yang secara terang-terangan mengatakan hukum asal poligami adalah sunat atau dianjurkan?”

“Tentu ada. Seorang yang saya ingat saat ini ialah tokoh yang dihormati oleh semua pihak, yakni Syaikh Abdul Aziz bin Baz *rahimahullah*” jawab Harris sambil menghirup kopi Onya, seolah-olah ingin menguji kesabaran Ustaz Syukur.

إن نظام وحدة الزوجة هو الأفضل وهو الغالب وهو الأصل شرعاً، وأما تعدد الزوجات فهو أمر نادر استثنائي وخلاف الأصل، لا يلجأ إليه إلا عند الحاجة الملحة، ولم توجهه الشريعة على أحد، بل ولم ترغب فيه، وإنما أباحتها الشريعة لأسباب عامة وخاصة.

"Ya, Mufti Besar Saudi. Siapa yang tidak kenal beliau...jadi apa katanya?" tanya Ustaz Syukur, memang tidak sabar.

"Beliau bukan sahaja membicarakan hukum asal poligami, tetapi hukum asal perkahwinan itu sendiri. Beliau telah ditanya, apakah hukum asal dalam perkahwinan itu poligami atau monogami? Beliau menjawab:

Hukum asal perkahwinan itu adalah poligami bagi lelaki yang mampu dan tidak ada kebimbangan akan terjerumus dalam perbuatan zhalim. Yang demikian itu dibolehkan kerana mengandung banyak maslahat di dalam memelihara kehormatan, kehormatan wanita-wanita yang dinikahi itu sendiri dan berbuat ihsan kepada mereka, memperbanyakkan keturunan yang dengannya umat Islam akan menjadi banyak dan makin banyak pula orang yang menyembah Allah *Subhanahu waTa'ala* semata-mata. Dalil poligami ini adalah firman Allah:

وَأِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ
النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ
أَيْمَانُكُمْ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا.

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap

perempuan-perempuan yatim, maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat.

Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman. [al-Nisa' 4:03]

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga mengahwini lebih dari satu isteri, dan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ
وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا.

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaa) Allah dan (balasan baik) Hari Akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak. [al-Ahzab 33:21]

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* juga bersabda setelah ada beberapa orang sahabat yang mengatakan: "Aku akan selalu shalat malam dan tidak akan tidur." Yang satu lagi berkata: "Aku akan

terus berpuasa dan tidak akan berbuka." Yang satu lagi berkata: "Aku tidak akan mengahwini wanita." Tatkala ucapan itu sampai kepada Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, baginda langsung berkhotbah di hadapan para sahabatnya, seraya memuji Allah, kemudian bersabda:

أَنْتُمْ الَّذِينَ قُلْتُمْ كَذًا وَكَذًا؟ أَمَا وَاللَّهِ إِنِّي لَأَخْشَاكُمْ لِلَّهِ وَأَتَقَاكُمْ لَهُ لَكِنِّي أَصُومُ وَأُفْطِرُ وَأُصَلِّي وَأُزِفُّ وَأَتَزَوَّجُ النِّسَاءَ فَمَنْ رَغِبَ عَنْ سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي.

Kaliankah yang mengatakan begini dan begitu? Ketahuilah! Demi Allah, sesungguhnya aku orang yang paling takut di antara kalian kepada Allah dan paling bertakwa kepada-Nya di antara kalian. Akan tetapi aku berpuasa dan berbuka, bersolat (malam) dan tidur, serta aku menikahi wanita. Maka sesiapa yang berpaling dari sunnahku maka dia tidak termasuk dari aku.¹⁸⁵

Ini adalah ungkapan luar biasa daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang mencakupi satu isteri dan lebih.¹⁸⁶

¹⁸⁵ Sahih: Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 4675/5063 (*Kitab al-Nikah, Bab anjuran kepada pernikahan berdasarkan firman Allah Ta'ala: Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan*).

¹⁸⁶ *Majalah al-Balagh*, edisi 1015, 19/3/1410 H. Diterjemah oleh Muhammad Iqbal A. Gazali dan saya kemukakan di atas dengan beberapa suntingan bahasa. Sila rujuk:
http://www.islamhouse.com/285559/id/id/fatwa/Hukum_Poligami

Dalam satu soalan yang lain, beliau ditanya: Apakah (hukum) berpoligami itu sunnah di dalam Islam atau harus?¹⁸⁷ Beliau menjawab:

Berpoligami itu sunnah bagi yang mampu, berdasarkan firman-Nya:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا.

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim, maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat.

Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman. [al-Nisa' 4:03]

¹⁸⁷ Apabila keseluruhan ayat membandingkan antara sunnah atau harus, maka sunnah yang dimaksudkan ialah dari aspek fiqh, iaitu hukum sunat. Ia bermaksud sesuatu perbuatan yang sekiranya dibuat mendapat pahala, sekiranya ditinggalkan tidak berdosa, atau pendek kata ia digalakkan.

Dan amalan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* itu sendiri, di mana baginda mengahwini sembilan orang wanita dan dengan mereka Allah *Subhanahu waTa'ala* memberikan manfaat yang besar bagi umat ini. Yang demikian itu (sembilan isteri) adalah khusus bagi baginda, sedang selain baginda dibolehkan berpoligami tidak lebih dari empat isteri.

Berpoligami itu mengandung banyak maslahat yang sangat besar bagi kaum laki-laki, kaum wanita dan umat Islam secara keseluruhan. Sebab, dengan berpoligami dapat dicapai oleh semua pihak tunduknya pandangan, terpeliharanya kehormatan, keturunan yang banyak, lelaki dapat berbuat banyak untuk kemaslahatan dan kebaikan para isteri dan melindungi mereka daripada berbagai faktor penyebab keburukan dan penyimpangan.

Akan tetapi orang yang tidak mampu berpoligami dan takut kalau tidak dapat berlaku adil, maka hendaklah cukup berkahwin dengan satu isteri saja, kerana Allah *Subhanahu waTa'ala* berfirman: ***Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja.***

Semoga Allah *Subhanahu waTa'ala* memberi taufik kepada segenap kaum muslimin menuju sesuatu yang menjadi kemaslahatan

dan keselamatan bagi mereka di dunia dan akhirat.¹⁸⁸

"*Allahu Akbar!*" Ustaz Syukur bertakbir gembira lagi puas. Beliau segera menghabiskan kopinya.

"Ehh! Bertenang ustaz. Ingat azam tadi untuk bertahap-tahap dan berhikmah dalam subjek poligami ini?"

"Ya ya, betul."

Bertanyalah Kepada Ahli Zikr

"Sebelum berpisah, saya nak tanyalah. Harris belajar agama di mana? Apa kelulusan kamu?" tanya Ustaz Syukur.

"Tidak belajar mana-mana ustaz. Sekadar membaca buku bermanhaj sunnah dan mengikuti kuliah-kuliah bermanhaj sunnah."

"Hujah-hujah kamu, macam seorang ustaz. Bahkan lebih lagi."

"*Masya-Allah. La quwwata illa bilLah.* Yang penting bukan belajar di mana atau apa kelulusan, tetapi hati yang sentiasa ingat kepada Allah *Subhanahu waTa'ala* apabila berinteraksi dengan ilmu-ilmu syari'at-Nya."

¹⁸⁸ *Majalah al-Balagh*, edisi 1015, 19/3/1410 H. Diterjemah oleh Muhammad Iqbal A. Gazali dan saya kemukakan di atas dengan beberapa suntingan bahasa. Sila rujuk:
http://www.islamhouse.com/285559/id/id/fatwa/Hukum_Poligami

"Ada beza ke?"

"Cuba ustaz perhatikan firman Allah yang masyhur ini:

فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ.

Maka bertanyalah kepada Ahl al-Zikr jika kamu tidak mengetahui. [al-Anbiya' 21:07]

Allah tidak menyuruh kita bertanya kepada orang berilmu seperti ustaz atau ustazah yang belajar di pusat pengajian sekian-sekian, dengan kelulusan sekian-sekian. Sebaliknya Allah suruh kita bertanya kepada Ahli Zikir."

"Apa keistimewaan gelaran Ahli Zikir?"

"Orang yang memiliki ilmu, tidak semestinya mengingati Allah ketika berinteraksi dengan ilmu tersebut. Hasilnya, ada yang tidak jujur atau memutar-belitkan fakta.

Ahli Zikir ialah orang berilmu yang mengingati Allah ketika berinteraksi dengannya. Dia sentiasa bertaqwa kepada Allah dan sedar bahawa semua yang dikatakan atau ditulis akan disoal oleh Allah pada Hari Pembalasan kelak. Ahli Zikir berusaha untuk sentiasa jujur dan benar sekadar yang termampu.

Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, ada orang berilmu seperti pendeta-pendeta dan rahib-rahib yang mengetahui tentang rasul-rasul sebelum Muhammad dan

mengetahui tentang pengutusan baginda sebagai rasul terakhir. Namun mereka menyembunyikannya atau memutarbelitkan fakta. Hanya segelintir yang jujur dan membenarkan rasul-rasul terdahulu serta Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*. Yang segelintir inilah Ahli Zikir. Perhatikan keseluruhan firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُّوحِي إِلَيْهِمْ فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ.

Kami tiada mengutus rasul rasul sebelum kamu (Muhammad), melainkan beberapa orang-laki-laki yang Kami beri wahyu kepada mereka. Maka bertanyalah kepada Ahli al-Zikr jika kamu tidak mengetahui. [al-Anbiya' 21:07]"

"Moga kita semua sentiasa mengingati Allah apabila berinteraksi dengan ilmu-ilmu agama-Nya ini" sahut Ustaz Syukur menandakan persetujuannya.

"Moga kita semua menjadi Ahli Zikir yang dipercayai umat" Harris menambah.

Setelah bersalaman dan membaca *tasbih kaffarah*, Harris berjalan ke arah teksinya sementara Ustaz Syukur berjalan ke arah Pusat Servis Toyota.

Terima Kasih...

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang dengan izin dan rahmat-Nya, dapat saya menyiapkan buku ini. Tanpa izin dan rahmat-Nya, nescaya buku ini tidak akan dapat disiapkan. Moga buku ini mencapai objektif menyebarkan kebenaran-Nya, yakni menyebarkan ayat-ayat-Nya dengan tafsirannya yang benar, menyebarkan hadis-hadis Rasul-Nya dengan *takhrij* serta maksud yang benar, dan menyebarkan ilmu para ulama' yang menjadi pewaris Rasul-Nya secara benar.

Pun begitu, disedari bahawa Allah tidak memberikan sifat sempurna kepada saya. Justeru tentu sahaja ada kesilapan atau maklumat yang tidak tepat. Maka dialu-alukan pembetulan serta saranan daripada para pembaca sekalian. Saya boleh dihubungi melalui emel hafizfirdaus@hotmail.com

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

لَا يَشْكُرُ اللَّهَ مَنْ لَا يَشْكُرُ النَّاسَ.

Tidak berterima kasih kepada Allah sesiapa yang tidak berterima kasih kepada manusia.¹⁸⁹

Maka dengan itu saya mengucapkan ribuan terima kasih

¹⁸⁹ Sahih: Dikeluarkan oleh Abu Daud dalam *Sunan*nya, hadis no: 4177 (*Kitab al-Adab, Bab berterima kasih kepada kebaikan*) dan beliau mendiamkannya. Ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 4811.

kepada yang dicintai kerana Allah, ahli-ahli keluarga saya. Melalui sokongan, pemahaman dan kesabaran mereka, dapat saya siapkan buku ini dalam tempoh enam bulan. *Alhamdulillah*, mereka memang merupakan insan-insan luar biasa.

Terima kasih juga kepada sahabat-sahabat mulia yang sudi membaca pruf buku saya ini. Segala pembetulan dan cadangan pembaikan amat saya hargai.

Tidak ketinggalan, diucapkan terima kasih kepada yang dikasihi kerana Allah, Ustazah Fatimah Syarha. Semoga Allah memeliharanya, menambah ilmunya dan merahmatinya bersama ahli keluarganya. Ini kerana melalui novel *Sebarkan Cinta-Mu*, saya dapat menelaah semula kitab-kitab tafsir, mengkaji lebih mendalam hadis-hadis Rasulullah, menyemak kembali kitab-kitab sirah, berkenalan dengan pendapat serta perbezaan para ulama' dan menceburi bidang usul fiqh.

29 Julai 2013